



PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS

Pada

PADA 27, 28, 29 DAN 30 MAC 2017

bersamaan

28 - 29 JAMADIL AKHIR DAN 1 - 2 REJAB 1438

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS

PADA 27, 28, 29 DAN 30 MAC 2017

bersamaan

28 - 29 JAMADIL AKHIR DAN 1 - 2 REJAB 1438

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
ISNIN, 27 MAC 2017		
1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu.	5
SELASA, 28 MAC 2017		
1.	Nama Ahli-ahli.	18
2.	Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.	22
3.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	27
4.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	28
	(ii) Soalan-soalan Lisan	30
5.	Cadangan Usul Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri.	63

6.	Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Diraja.	65

RABU, 29 MAC 2017

1.	Nama Ahli-ahli.	143
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	147
3.	Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Diraja. (Sambungan Ucapan Perbahasan & Penggulungan)	184

KHAMIS, 30 MAC 2017

1.	Nama Ahli-ahli.	268
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	275
3.	Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Diraja. (Sambungan Ucapan Penggulungan)	305
4.	Rang Undang-Undang:	
	i) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017	
	[Usul Melanjut Tempoh Masa Persidangan]	408

6.	Tungguhan	438
7.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	439

PERSIDANGAN
PADA HARI ISNIN, 27 MAC 2017

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.

WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.

WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Haji Rosli bin Othman, AMN.

WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.

WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.

WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.
WAKIL AJIL

Yang Berhormat **Dato'** Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

PUKUL 10.20 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat **Dato' Yang Dipertua**, Yang Amat Berhormat **Dato' Seri** Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah sama-sama kita membaca Ummul Kitab, Al-Fatihah.[Al-Fatihah]

Perkara pertama dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang **Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan**.

DOA

Dibaca oleh **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan**.

YANG BERTITAH DATO' YANG DIPERTUA DEWAN
KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMOHON
PERKENAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN
DAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH
TERENGGANU UNTUK BERANGKAT KE MAJLIS DEWAN
UNDANGAN NEGERI.

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TERENGGANU

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wabihi Nasta'in.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat Beta dan Sultanah hadir dan seterusnya bertitah, di Majlis Perasmian

Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Terengganu yang Ketiga Belas, pada pagi yang mulia ini.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Solallahu 'Alaihi Wasallam dan sekalian ahli keluarga, para sahabat serta seluruh umat Baginda.

Alhamdulillah, di atas segala nikmat keamanan, nikmat kemakmuran dan nikmat keselamatan, **yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada Negeri Beta, Negeri Terengganu Darul Iman** dan seluruh rakyat jelata yang Beta kasihi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tanamkanlah azam, perkukuhkanlah iltizam, sentiasalah bergerak ke hadapan, sederap dan selangkah, berpadu tenaga bagi memastikan pembangunan Negeri Terengganu Darul Iman, sentiasa mencapai kemajuan dan rakyatnya sentiasa menikmati keamanan dan kemakmuran.

Sekiranya rakyat mengeratkan perpaduan dan memperkukuhkan solidariti, Negeri Terengganu Darul Iman akan mencatatkan lebih banyak cerita kejayaan dalam **pelbagai bidang, insya'Allah**.

Beta menyambut baik keputusan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Memanda **Beta, Dato' Seri Ahmad Razif bin Abdul Rahman yang memberi fokus kepada tiga agenda utama**. Pertamanya, memenuhi keperluan perumahan rakyat, kedua membantu meringankan beban rakyat ekoran peningkatan kos sara hidup dan ketiga, terus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Alhamdulillah, di sebalik suasana ekonomi global yang tidak menentu lagi mencabar ini, kedudukan ekonomi Negeri Terengganu masih berdaya tahan dengan pertumbuhan positif pada tahun 2015 dan 2016.

Pada tahun 2015, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tetap mencatat pertumbuhan iaitu sebanyak tiga perpuhuan tiga peratus (3.3%) di sebalik pertumbuhan ekonomi Negara sebanyak lima peratus (5%).

Ekonomi Negeri juga tetap mencatat pertumbuhan positif, walaupun sedikit menurun dalam tahun 2016, iaitu pada kadar tiga perpuhuan satu peratus (3.1%) di sebalik pertumbuhan ekonomi negara yang turut menurun kepada empat perpuhuan dua peratus (4.2%). Penurunan ini adalah dipengaruhi oleh suasana

ekonomi dunia yang suram lagi kurang memberangsangkan. Kadar inflasi juga kekal rendah dan terkawal pada kadar dua persepuluh satu peratus (2.1%) pada tahun 2016.

Dengan latar belakang ekonomi dunia yang sangat mencabar, dan kejatuhan merudum harga minyak di pasaran antarabangsa, Beta yakin langkah Pengawasan Bajet pada tahun 2016, adalah sangat tepat.

Justeru, syabas Beta ucapkan kepada seluruh jentera pentadbiran negeri yang telah berusaha keras memastikan kedudukan kewangan negeri sentiasa terkawal dan perbelanjaan dilakukan secara yang berhemah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan ke hadapan, Beta menyambut baik usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memperkembangkan lagi sektor pelancongan sebagai alternatif jangka panjang kepada sektor minyak dan gas. Ianya adalah strategi yang tepat.

Kedatangan pelancong ke Negeri Terengganu telah menyaksikan peningkatan yang positif, hasil inisiatif semua pihak secara yang berterusan, terutama dalam usaha galakan dan promosi pelancongan.

Terdapat beberapa projek utama yang diberi keutamaan di dalam Perancangan Pembangunan Pelancongan di Negeri Terengganu. Antaranya adalah pengukuhan produk pelancongan dan warisan, menaiktaraf pulau-pulau peranginan dan merencana pembangunan Taman-Taman Negeri.

Beta dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri akan mewujudkan Taman Negeri dengan dikuatkuasakan di bawah Enakmen Taman Negeri Terengganu 1986. Tanah Bencah Setiu atau Setiu Wetland pula, akan menjadi kawasan yang pertama diwartakan sebagai Taman Negeri.

Mengambikira besarnya potensi sumbangan Taman Negeri kepada sektor pelancongan, Beta difahamkan Kerajaan Negeri akan mewujudkan satu Bahagian Khas yang dinamakan sebagai Bahagian Taman-Taman Terengganu yang akan merancang dan mengurus sebarang keperluan Taman Negeri tersebut. Beta juga difahamkan, TREVICOSTA turut diperkasa bagi memelihara hutan, tasik, sungai, persisiran pantai dan pulau-pulau di Negeri Terengganu.

Kerajaan Negeri turut meneruskan perancangan memajukan Tasik Kenyir sebagai Zon Bebas Cukai. Ringgit Malaysia Lima Puluh Satu Juta (RM51 juta) telah diperuntukkan pada tahun 2017, khusus untuk pembangunan projek-projek sedia ada dan pembangunan pelancongan baharu di Tasik Kenyir. Beta percaya usaha-usaha ini dapat menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat Beta, khasnya untuk para penduduk setempat.

Penganjuran Tahun Melawat Terengganu 2017 yang dijenamakan semula sebagai Visit Beautiful Terengganu 2017, mensasarkan kedatangan seramai lima perpuluhan lima juta (5.5 juta) orang pelancong. Beta ingin menyeru semua pihak menayakan Visit Beautiful Terengganu 2017 dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelancong yang datang, di samping memelihara aspek kebersihan dan keselamatan pusat-pusat tarikan pelancong.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Beta melihat usaha-usaha untuk melakukan transformasi, terutama dalam bidang ekonomi, telah mula menampakkan hasil. Menurut Malaysian Industrial Development Authority (MIDA), jumlah pelaburan di Negeri Terengganu telah menunjukkan peningkatan sebanyak enam puluh empat peratus (64%). Jumlah pelaburan dalam tahun 2015 ialah Ringgit Malaysia Satu Perpuluhan Empat Billion (RM1.4 Billion) dan angka ini telah meningkat kepada Ringgit Malaysia Dua Perpuluhan Satu Billion (RM2.1 Billion) pada tahun 2016.

Sebagai satu contoh, pengeluar tunggal produk *L-Methionine* dunia iaitu CJ Bio Malaysia Sdn Bhd akan membangunkan Fasa Kedua kilang mereka di Kertih Biopolymer Park (KBP). Projek ini melibatkan tambahan pelaburan baharu berjumlah Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Lima Puluh Juta (RM750 juta).

Sebanyak Ringgit Malaysia Satu Perpuluhan Tujuh Billion (RM1.7 Billion) lagi pelaburan swasta dijangka akan diterima pada tahun 2017 untuk projek-projek yang telah dikenalpasti melalui Makmal Transformasi Ekonomi Negeri Terengganu atau MEN-T. Peningkatan jumlah pelaburan ini adalah sangat positif dan melambangkan keyakinan pelabur untuk menanam modal di dalam Negeri Terengganu Darul Iman.

Sebagai satu usaha untuk mendapatkan sumber mineral yang baharu, Kerajaan Negeri telah bersetuju membangunkan satu kawasan yang dikenali sebagai

Lembah Silika Terengganu. Lembah Silika ini adalah satu kawasan pembangunan bersepadu untuk aktiviti pemprosesan produk-produk yang berasaskan silika dan *quartz*. Pelaburan di dalam kawasan ini dijangka melebihi Ringgit Malaysia Lima Bilion (RM5 billion).

Beta juga berasa amat sukacita dengan cadangan pembinaan Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) yang akan mula dibina tidak lama lagi. Projek ini bakal menyaksikan satu transformasi pembangunan yang besar di Negeri Terengganu, dengan kesan limpahan ekonomi yang positif bagi jangka panjang.

Projek ini bukanlah sesuatu yang baharu difikirkan. Ianya telah dirancang dengan sangat teliti. Kajian Daya Kemungkinan telah dilakukan oleh pihak ECERDC daripada tahun 2010 hingga 2015 lagi. Projek ini akan dikendalikan oleh Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) iaitu anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan. Pembinaan landasan keretapi ini melibatkan jajaran sepanjang Enam Ratus Kilometer (600km). Ianya bermula dari Gombak, Selangor melalui Negeri-negeri Pahang dan Terengganu sehingga ke Wakaf Bharu, Kelantan, manakala jarak jajaran untuk Negeri Terengganu adalah sepanjang dua ratus tiga puluh empat kilometer (234 km).

Beta yakin rakyat akan mendapat manfaat dan kesan langsung daripada projek infrastruktur yang sangat strategik ini. Stesen-stesen yang dirancang untuk dibina di Negeri Terengganu meliputi Cukai, Kemasik, Dungun, Pengkalan Berangan, Kuala Telemong, Kuala Terengganu, Penarik dan Kampung Raja. Beta percaya, projek yang dijangka dimulakan pada bulan Julai 2017, akan siap sepenuhnya mengikut jadual pada tahun 2024.

Beta dimaklumkan, satu lagi projek infrastruktur dilaksanakan untuk rakyat iaitu pembinaan jalan baharu Kampung Keruak, Besut ke Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang, Kuala Berang. Projek ini kelak akan menjadi pemangkin pembangunan kawasan Tasik Kenyir serta menjadi penghubung terbaharu di antara negeri-negeri Pantai Timur dengan Utara Semenanjung.

Pembinaan jambatan angkat '*drawbridge*' juga menjadi satu tarikan baharu pelancongan dan mewarnai lanskap Bandaraya Kuala Terengganu yang sedia indah. Ianya jambatan angkat yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara. Jambatan yang berukuran dua ratus tujuh puluh meter (270m) dengan kos

pembinaan Ringgit Malaysia Dua Ratus Empat Puluh Sembilan Juta (RM249 juta), dijangka siap sepenuhnya pada September 2017. Projek di bawah seliaan Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur (ECERDC) ini adalah dibiayai di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Pembinaan Empangan Tasik Kenyir terus memberikan manfaat besar kepada Kerajaan serta rakyat. Beta dimaklumkan, penjanaan tenaga boleh diperbaharui terus dibekalkan melebihi keperluan negeri sebanyak empat ratus (400) Mega Watt. Hari ini, Beta berasa amat bangga, dengan terbinanya Empangan Kenyir 2 iaitu Empangan Tembat. Ini kerana penjanaan hidroelektrik di Negeri Terengganu bertambah sebanyak dua ratus enam puluh lima (265) Mega Watt menjadikan penjanaan tenaga boleh baharu di negeri ini berjumlah enam ratus enam puluh lima (665) Mega Watt dengan mengekalkan kehijauan hutan simpan kita.

Malahan pada akhir 2016, Kerajaan Negeri turut meluluskan secara dasar pelaksanaan projek penjanaan elektrik angin luar pantai yang berkapasiti 1,000 Mega Watt yang dijangkakan akan menjadi satu projek mega baharu di Negeri Terengganu. Ini akan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat dan potensi pelaburan kepada negeri. Beta berharap usaha Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar ini mendapat perhatian dan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan untuk bersama sama memelihara dan memulihara **alam semulajadi ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala.**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perumahan adalah satu keperluan asas kepada rakyat. Beta sukacita kerana Kerajaan Negeri telah menjadikan agenda perumahan ini sebagai salah satu agenda teras, dengan tumpuan ke arah memastikan keperluan perumahan di kalangan seramai mungkin rakyat dapat dipenuhi.

Beta inginkan yang terbaik untuk rakyat terutamanya dalam memberi keselesaan kepada bakal pemilik rumah. Justeru Beta amat gembira dengan keprihatinan Kerajaan Negeri yang telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengisi agenda perumahan rakyat.

Sukacita Beta ingin maklumkan salah satu inisiatif Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 melalui *Rolling Plan* Ke-2. Projek di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

ini melibatkan pembinaan lima ratus (500) unit rumah dengan kos keseluruhan sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Puluh Tiga Perpuluhan Empat Juta (RM83.4 juta). Projek ini dapat menampung keperluan perumahan untuk lima ratus (500) keluarga yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah B40.

Beta turut difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program **"Terengganuku"** iaitu satu program perumahan untuk menggalakkan belia yang sudah berumahtangga di bawah umur 40 tahun, dan kakitangan awam Negeri, **membeli rumah pertama mereka. Di bawah program "Terengganuku" ini, Kerajaan Negeri memberi subsidi sebanyak Ringgit Malaysia Empat Puluh Ribu (RM40,000) bagi setiap unit Pangsapuri Ladang Tok Pelam dan Pangsapuri Bandar Baharu Kertih.**

Beta ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah meluluskan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta (RM13 juta) bagi pembinaan dua ratus (200) unit rumah bagi Program Penempatan Semula Nelayan (PSN). Beta berharap projek ini yang akan dilaksanakan di Pulau Sekepeng, di Daerah Kemaman, Benting Lintang, di Daerah Besut dan Seberang Penarik, di Daerah Setiu dapat meningkatkan tahap sosio-ekonomi golongan nelayan.

Usaha mengisi keperluan perumahan rakyat adalah usaha yang sangat tepat lagi murni. Beta berharap, lebih banyak lagi projek perumahan dapat dilaksanakan supaya lebih ramai rakyat dapat memiliki rumah yang mereka idamkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bidang perniagaan dan keusahawanan adalah sumber rezeki yang besar. Ianya juga dapat meningkatkan pendapatan rakyat, sekali gus membantu mengurangkan beban ekoran peningkatan kos sara hidup.

Sebagai satu indikator berkembangnya bidang keusahawanan di Negeri Terengganu, bilangan pendaftaran baharu perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada tahun 2016 adalah positif iaitu melebihi tujuh belas ribu (17,000) pendaftaran.

Sepanjang tahun 2016, agensi keusahawanan di bawah Majlis Sekretariat Pembangunan Usahawan (MSPUT) telah mengadakan lima ratus empat (504)

kursus dan latihan keusahawanan yang melibatkan sejumlah tiga puluh enam ribu (36,000) usahawan dan bakal usahawan.

Beta turut berbesar hati dengan penglibatan aktif syarikat multinasional seperti Petronas dan Exxon Mobil, yang telah melaksanakan pelbagai program yang merangkumi sektor pendidikan, keusahawanan dan pelancongan bersama Kerajaan Negeri. Beta berharap, kerjasama seperti ini akan diteruskan dan diperluaskan lagi dengan penglibatan daripada pelbagai agensi dan jabatan.

Dalam aspek usaha membasmi kemiskinan, Beta berasa amat sukacita dengan penurunan jumlah isirumah miskin. Menurut data yang diperolehi, jumlah isirumah miskin di Terengganu mencecah angka sepuluh ribu lima ratus (10,500) keluarga pada bulan Januari 2016. Bilangan ini turun dengan mendadak sekitar empat ribu lima ratus (4,500) kes pada bulan Februari 2017 iaitu penurunan sebanyak lima puluh enam peratus (56%). Ini menunjukkan pelbagai program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan pelbagai agensi berkaitan telah berjaya, sehingga mengeluarkan golongan ini daripada takrifan miskin.

Ahli–Ahli Yang Berhormat sekalian, dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, Kerajaan Negeri Beta, menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu akan membangunkan kemudahan kesihatan yang moden lagi terkini.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-11, dua buah hospital baharu sedang dibina bagi menggantikan hospital sedia ada yang tidak lagi dapat menampung pertambahan bilangan pesakit yang semakin meningkat. Hospital Dungun yang baharu dengan kapasiti seratus (100) buah katil dan kos sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Juta (RM200 juta) mula dibina di Persimpangan Che Lijah pada Julai 2014 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Februari 2019.

Hospital Kemaman yang baharu di Kijal pula, dengan kapasiti tiga ratus (300) buah katil, dijangka akan mula dibina pada September 2017 dan dijangka siap pada September 2020. Sebuah lagi Hospital Pengajar di UniSZA, Gong Badak sedang dibina berkapasiti empat ratus (400) buah katil.

Selain daripada itu, pembinaan beberapa buah klinik kesihatan baharu serta usaha menaiktaraf kemudahan hospital turut dilaksanakan bagi memberi perkhidmatan yang terbaik dan selesa demi kesejahteraan rakyat.

Beta bersyukur kerana Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan tahap kesihatan rakyat Beta, melalui perancangan dan penyediaan kemudahan kesihatan yang diiktiraf antara yang terbaik di dunia.

Beta juga ingin menyeru seluruh rakyat untuk menjaga tahap kesihatan masing-masing. Beta difahamkan rakyat Negeri Terengganu turut mengalami peningkatan penyakit tidak berjangkit seperti *diabetes* atau kencing manis, darah tinggi dan obesiti yang amat berkait rapat dengan gaya hidup masyarakat.

Berdasarkan kajian, bilangan kes bagi penyakit-penyakit ini semakin meningkat dari tahun ke tahun. Gaya hidup tidak aktif, tidak menjalankan aktiviti fizikal, amalan pemakanan yang tidak sihat merupakan punca utama kepada peningkatan penyakit-penyakit tidak berjangkit ini.

Sehubungan dengan itu, Beta menyeru segenap lapisan masyarakat agar dapat menjadikan gaya hidup sihat sebagai satu budaya dengan meningkatkan aktiviti fizikal dan mengamalkan tabiat pemakanan yang baik. Kerajaan Negeri juga bakal menaiktaraf kawasan-kawasan rekreasi dan riadah agar lebih menarik dan mesra pengguna.

Alhamdulillah, Beta turut berasa amat gembira dengan penubuhan Sekretariat Tabung Darul Iman pada tahun lalu. Tabung ini sedikit sebanyak telah memberi ruang dan kemudahan bagi rakyat yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan bantuan seperti bantuan perubatan, bantuan sara diri tahunan, bantuan susu dan lampin pakai buang serta bantuan bagi rakyat yang ditimpa bencana seperti kebakaran.

Sepanjang tahun 2016, tabung ini yang dijana melalui sumbangan oleh Kerajaan Negeri dan juga orang ramai, telah memberi manfaat kepada hampir lima ribu (5,000) orang dengan jumlah agihan Ringgit Malaysia Lapan Juta (RM8 juta). Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih Beta ucapkan kepada para penjawat awam, para penderma serta Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang telah turut serta menyumbang kepada Tabung Darul Iman.

Harapan Beta agar program-program sebegini akan dapat diteruskan bagi memastikan bantuan dan keperluan golongan yang memerlukan ini sentiasa

terpelihara. Justeru, Beta dengan ini menyeru semua yang berkemampuan agar turut sama menyumbang kepada Tabung Darul Iman ini.

Dalam hal ini, Beta turut menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri untuk **mengadakan Program Tabarru', iaitu satu program untuk membantu golongan miskin** mendapatkan secara percuma, barangan yang diderma oleh orang ramai. Beta berharap program ini dapat dikembangkan bagi membantu golongan yang susah, di samping memberi peluang kepada rakyat untuk bersedekah. Sememangnya masyarakat Malaysia secara amnya dan masyarakat Terengganu khususnya, suka menderma dan bersedekah. **Semoga Allah Subhanahu Wata'ala** memberikan ganjaran yang sebaik-baiknya kepada mereka yang membantu meringankan beban orang lain, dan mereka yang sentiasa bersedekah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, selaras dengan fenomena dunia tanpa sempadan, Beta turut sukacita dengan usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan jalur lebar di serata negeri. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan Ringgit Malaysia Tiga Puluh Sembilan Juta (RM39 juta) bagi melaksanakan projek Naiktaraf Terengganu *Wireless Area Network* (T@WAN) di Tiga Puluh Dua (32) Jabatan atau Agensi Kerajaan, dan penyediaan enam ratus (600) *hotspot* Terengganu Wi-Fi di seluruh Negeri Terengganu.

Pelaksanaan projek ini dilaksanakan secara berperingkat dan sehingga kini rangkaian T@WAN di sebelas (11) jabatan Kerajaan telah dinaiktaraf dan tiga ratus tiga puluh enam (336) *hotspot* Terengganu Wi-Fi sekitar Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Hulu Terengganu, Marang dan Setiu telah beroperasi sepenuhnya bermula Ogos 2015.

Projek ini memberi manfaat kepada rakyat kerana ianya dibina di kawasan tumpuan awam dan yang menjadi tumpuan golongan muda serta kawasan-kawasan rekreasi, kawasan masjid dan kawasan pelancongan.

Satu lagi kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Beta kepada rakyat jelata ialah pusat khidmat sehenti atau Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Kuala Terengganu yang mula beroperasi pada 26 Jun 2016. Pusat ini mengandungi lebih tiga puluh (30) agensi Negeri dan Persekutuan yang menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada rakyat di bawah satu bumbung. Antara agensi yang terlibat ialah Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan

Imigresen, Klinik 1Malaysia dan banyak lagi. Pusat ini dapat membantu menyelesaikan urusan rakyat dengan cepat dan selesa.

Justeru tidak hairanlah sambutan daripada kalangan rakyat amat menggalakkan. Inilah impak positif yang dijana hasil kolaborasi pelbagai pihak dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat melalui Strategi Lautan Biru Nasional atau NBOS.

Ahli–Ahli Yang Berhormat sekalian, Beta ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan kejayaan cemerlang dalam bidang pendidikan terutamanya para pelajar, para ibubapa, para guru, pihak Kerajaan Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu melalui Program Pendidikan Anjung Ilmu.

Beta difahamkan Negeri Terengganu sekali lagi telah mengatasi pencapaian kebangsaan dalam Gred Purata Negeri bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun 2016.

Lebih membanggakan seorang pelajar dari SMK Bukit Payong Besut, tersenarai antara pelajar terbaik STPM di peringkat negara dengan mendapat semua A dalam subjek Pengajian Am, Bahasa Melayu, Sejarah dan Geografi. Syabas Beta ucapkan. Dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pula, menunjukkan lonjakan yang cukup hebat iaitu peningkatan sebanyak lima puluh enam peratus (56%) calon mendapat semua A meletakkan Negeri Terengganu berada di tempat pertama kebangsaan untuk dua tahun berturut-turut.

Beta berharap usaha-usaha yang berterusan dibuat bagi memastikan peningkatan dalam pencapaian akademik murid-murid Negeri Terengganu selaras dengan Prinsip Memperkasa Pendidikan di bawah agenda Transformasi Terengganu Baharu atau TTB.

Cerita–cerita kejayaan dalam bidang sukan juga sangat memberi inspirasi. Di samping kejayaan ramai atlet Negeri Terengganu dalam acara–acara berbasikal, silat, ragbi, hoki dan judo misalnya, Beta juga sangat sukacita kerana acara *Endurance* untuk temasya Sukan SEA 2017 akan diadakan di TIEP, Lembah Bidong,

Terengganu. Ini merupakan satu penghormatan kepada Negeri Terengganu dan Beta berharap kita akan menjadi tuan rumah yang terbaik.

Ahli–Ahli Yang Berhormat sekalian, di sebalik semua cerita kejayaan dalam pelbagai bidang, aspek keselamatan rakyat di Negeri Beta haruslah sentiasa diberi perhatian. Beta ingin menyeru segenap lapisan masyarakat agar sentiasa prihatin terhadap keselamatan ahli keluarga, jiran tetangga serta persekitaran. Isu keselamatan adalah tanggungjawab bersama dan bukannya tanggungjawab pasukan keselamatan semata–mata.

Apatah lagi sempena Visit Beautiful Terengganu 2017 ini, semua pihak mestilah berganding bahu dalam memastikan para pelancong yang berkunjung ke Negeri Terengganu sentiasa berasa selamat dan aman.

Dalam usaha membanteras gejala rasuah, langkah Kerajaan melalui tujuh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan melancarkan Buku Kod Etika Pihak Berkuasa Tempatan Terengganu, adalah langkah yang terpuji.

Selain daripada menzahirkan komitmen penjawat awam dalam membanteras gejala rasuah, ikrar ini juga bertujuan mengukuhkan tahap tadbir urus yang baik dan berintegriti. Lebih membanggakan, PBT di Negeri Terengganu merupakan PBT pertama di Malaysia yang melaksanakan ikrar IBR. Tahniah Beta ucapkan.

Beta turut sukacita dengan cerita kejayaan dalam bidang pentadbiran. Pejabat Daerah dan Tanah Kemaman telah memenangi Anugerah Inovasi Pentadbiran Daerah dan Tanah (AIPDT) Peringkat Kebangsaan dalam Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM). Pencapaian inovasi ini juga turut dikongsi bersama dengan Majlis Perbandaran Kemaman yang mendapat tempat ketiga di dalam Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT).

Pencapaian-pencapaian yang membanggakan ini adalah pengiktirafan terbesar dalam bidang inovasi yang pernah diperolehi oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri Beta. Syabas dan tahniah Beta ucapkan.

Ahli–Ahli Yang Berhormat sekalian, semua cerita kejayaan yang dinyatakan memberi kita inspirasi untuk mencipta lebih banyak cerita kejayaan di masa

hadapan. Ianya juga memberi gambaran berlakunya transformasi sepertimana yang direncanakan melalui gagasan Transformasi Terengganu Baharu atau TTB.

Beta berharap Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Memanda Beta, Dato' Seri Ahmad Razif bin Abdul Rahman bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, serta dengan kerjasama padu daripada jentera pentadbiran awam, akan mendapat petunjuk dan bimbingan Ilahi dalam menyempurnakan tanggung jawab, secara adil lagi saksama, jujur lagi ikhlas, amanah lagi berintegriti.

Beta juga ingin menyeru agar kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan, agensi-agensi dan badan berkanun dapat dieratkan lagi, bagi memastikan kesejahteraan rakyat Negeri Beta sentiasa terpelihara.

Dengan lafaz yang mulia '**Bismillahir Rahmanir Rahim**', **Beta dengan sukacitanya** merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas. Selamat Bersidang.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA DAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA SULTANAH TERENGGANU DIIRINGI
OLEH YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN
BERANGKAT KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA MASUK
SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi memberi peluang dan ruang kepada semua Ahli Yang Berhormat meneliti Titah Diraja untuk membuat perbahasan hari esok dan lusa seterusnya maka saya dengan ini menangguhkan Persidangan Dewan sehingga ke esok hari, Selasa, 28 Mac 2017 pukul 9.30 pagi.

Sebelum bersurai, marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr. **Wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.10 PAGI.

PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 28 MAC 2017

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.

WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.

WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Haji Rosli bin Othman, AMN.

WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.

WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.

WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.
WAKIL AJIL

Yang Berhormat **Dato'** Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pagi yang mulia ini marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab, Al-Fatihah.

Amin, amin, amin, Ya Rabbal 'alamin.

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

UCAPAN YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahrabbi 'alamin. Wassalatu wassalamu 'ala Sayyidina Muhammadin wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Rabbish rahli sadri wayassirli amri wahlul uqdatam millisani yafqahu qauli. Innahu min sulaiman wainnahu bismillahir rahmanir Rahim ala ta'lu alayya wa'tuni muslimin.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam 1Malaysia, Salam TTB dan salam Negaraku Malaysia.

Alhamdulillah saya mengajak semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan petunjuk-Nya, kasih sayang-Nya, kerana dengan kekuasaan-Nya, kekuatan serta limpah kurnia-Nya maka dapatlah kita sekali lagi di hari yang mulia ini bertemu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Mesyuarat Yang Pertama Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga belas yang diadakan insyaAllah selama empat hari yakni bermula pada hari semalam yakni 27 Mac Isnin, hari ini insyaAllah 28 Mac dan insyaAllah sehingga 30 Mac yakni Khamis ini.

Berbanyak terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini kerana telah sekian lama menunjukkan muafakat yang hebat lagi berdarjat serta memainkan peranan membantu saya dalam memastikan semua urusan perjalanan Dewan Undangan Negeri dilaksanakan dengan keadaan baik, molek, muluk dan mawaddah warahmah.

Saya cukup yakin kesatuan matlamat untuk menyuburkan bumi Allah ini ke arah Terengganu bumi bertuah bagi mencapai baldatun thayyibatun wa rabbun ghafur. Yakinlah, peganglah dan simpullah dengan kalimah Allah, kalimah syahadat yang kita sama-sama sebut, kita ratib setiap hari terutamanya dalam solat kita agar kita sama-sama dapat memacu Terengganu menjadi negeri yang lebih molek dan baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semalam 27 Mac 2017, kita telahpun selesai majlis Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas yang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu dan pada hari ini 28 Mac 2017 sebaik sahaja selesai ucapan saya ini adalah Pembentangan Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan. Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya ialah Soalan-soalan Bertulis dan Soalan-soalan Lisan. Pihak Dewan kali ini telah menerima sebanyak 119 soalan-soalan secara keseluruhannya di mana 50 adalah Soalan-soalan Bertulis dan 69 adalah Soalan secara Lisan. Seperti biasa sesi untuk Soalan-Soalan Lisan akan diperuntukkan masa selama kurang lebih satu jam dan insyaAllah tiga soalan tambahan akan dibenarkan bagi setiap satu Soalan Lisan yang dikemukakan. Semua soalan yang hendak dikemukakan mestilah mengikuti Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan dalam Fasal 26.

Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya ialah Usul Menjunjung Kasih. Setelah usul ini dibentangkan dan mendapat sokongan maka saya akan memberikan peluang insyaAllah kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk berucap selama 15 minit setiap seorang. Dan kepada penyokong usul akan diberikan masa 20 minit. Had masa ini hendaklah mematuhi Fasal 46(17). InsyaAllah kita mempunyai masa selama 2 hari untuk membahas Usul Menjunjung Kasih ini.

Saya cukup yakin semua Ahli Yang Berhormat sekalian sudah cukup bersedia untuk berbahas setelah saya berikan ruang dan peluang semalam meneliti Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Sebagaimana biasa marilah kita sama-

sama muafakat untuk menentukan giliran masing-masing dan saya minta supaya kita sama-sama berucap atau memenuhi kualiti tinggi dan beradab dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dalam Fasal 46.

Marilah kita semua berpakat dan bersungguh-sungguh melaksanakan amanah kita sebagai Yang Berhormat yakni untuk berkhidmat bagi rakyat. Jadi nasihat saya kepada semua Ahli Yang Berhormat pastikan Tertib Peraturan Dewan Undangan Negeri Terengganu dipatuhi dan semasa ucapan perbincangan ungkaplah perkara yang molek-molek sahaja dan marilah kita jaga tatasusila agar Allah sentiasa merahmati kita dan memberkati kita semua.

Marilah kita mengelakkan amalan yang boleh menimbulkan kemarahan sesama kita. Marilah kita mengelakkan perasaan marah jika diprovokasi, banyakkann **bersabar. InnAllaha Ma'as Sabireen. Hayatilah hadis dari Sa'ad bin Mu'adz, dari bapanya bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda: "Barangsiapa yang menahan kemarahan padahal ia mampu untuk melepaskannya maka pada hari Kiamat Allah akan memanggilnya di antara manusia, hingga Allah menyuruhnya untuk memilih bidadari sesuka hatinya."** Hadis riwayat Abu Daud.

Jadikanlah Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai panduan kita untuk berbahas di dalam Dewan yang mulia ini, dalam mengamalkan ad-din nu nasihat marilah kita sama-sama mengelakkan diri kita daripada segala yang boleh menyakitkan hati rakan-rakan taulan kita dan marilah kita pastikan sumbangan kita yang terbaik untuk rakyat yang telah memilih kita sehingga kita dapat berada di dalam Dewan yang mulia ini. Tanpa rakyat siapalah kita.

Maka tunaikanlah amanah kepada rakyat yang telah memilih kita sebaik mungkin. Marilah kita terus lakukan kebaikan demi kebaikan. Marilah kita menjadi insan yang baik, insan yang sentiasa mempunyai budi pekerti yang elok. Nawas bin Saman berkata: **"Saya bertanya kepada Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam, apa itu kebaikan dan apa itu dosa?" Baginda Salallahu Alaihi Wassalam menjawab: "Kebaikan adalah budi pekerti yang elok, manakala dosa adalah apa-apa yang menjadikan hati saudara bimbang dan saudara tidak suka hal ini diketahui oleh orang ramai."** Hadis riwayat Muslim.

Marilah kita mengelakkan dari melakukan terus-terusan dosa kerana kebencian Allah amat besar seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Ahzab,

ayat yang ke-57: **"Sesungguhnya orang-orang yang melakukan perkara yang tidak diredhai oleh Allah dan Rasul-Nya, Allah melaknat mereka di dunia dan di akhirat. Dan menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghina.**

Dan sesungguhnya **Sayyidina Umar pernah berpesan: "Kembalilah kepada kebenaran, lebih baik daripada berterusan dalam kebatilan.** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Tertib Pekerjaan Dewan yang seterusnya sebelum Tangguhan adalah Pembentangan Rang Undang-Undang yakni Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

Sebagaimana juga Usul Menjunjung Kasih, Rang Undang-Undang juga memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membuat ucapan perbahasan sebaik sahaja setelah bacaan kali kedua dibuat sebagaimana dalam Fasal 60(1).

Marilah sekali lagi kita wujudkan suasana aman, tenteram berpaksikan kepada ukhuwah Islamiah ini. Sebagaimana sabda junjungan kita Nabi Muhammad **Salallahu Alaihi Wassalam: "Sesiapa yang mencegah lidahnya nescaya Allah akan menutup aib-aibnya, sesiapa yang dapat mengendalikan amarahnya nescaya Allah akan memelihara dari azabnya, sesiapa yang memohon keuzuran kepada Allah maka Allah akan menerima permohonannya."** Riwayat Ibnu Mas'ud.

Dan seperti biasa, Persidangan pada hari ini disaksikan oleh Pemerhati-pemerhati yang datang daripada segenap lapisan. Saya mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Pemerhati-pemerhati daripada ATRA seramai 30 orang, dari MTD Sura - 5 orang, daripada Kelab 1Malaysia Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin - 64 Orang, daripada KEMAS - 18 orang, daripada Pejabat ADUN Bandar, Pejabat Pembangunan Kuala Nerus, wakil Biro Tatanegara, dari Kota Putra, daripada Serikandi, Wakil Pemuda dan Puteri UMNO, Gagasan Pendidikan Negeri Terengganu (GPMS) dan orang-orang persendirian yang tidak ingin saya senaraikan di sini.

Saya mengucapkan sekali lagi selamat datang dan selamat menjadi Pemerhati. Saya amat yakin semua Ahli Yang Berhormat yang sudah sekian lama berjaya yang menjadikan contoh dan suri teladan yang baik selama berada di dalam Dewan yang mulia ini dan pastinya kali ini ianya akan diteruskan lagi kerana kita Ahli Yang Berhormat sekalian perlu menjadi yang terbaik antara yang terbaik dalam menunjukkan adab dan akhlak yang dituntut dalam agama kita.

Marilah kita terus laksanakan ahsanul amalan kerana kita semua perlukan rahmat **daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Semua Ahli Dewan, Ketua Jabatan dan** Pemerhati diminta untuk mematuhi Fasal 121 berkaitan dengan kelakuan dan tatasusila semasa berada di dalam Dewan. Sebarang rakaman tidak rasmi juga tidak dibenarkan di dalam Dewan yang Mulia ini, malah Dewan cukup melarang penyiaran laporan atau pernyataan yang tidak mematuhi Fasal 119 yang mana laporan dan kenyataan tersebut boleh menimbulkan kekeliruan jika diviralkan.

Semua warga Dewan diminta mematuhi peraturan-peraturan berpakaian sepertimana dalam Fasal 121(a). Sila letakkan telefon dalam mod senyap supaya tidak mengganggu Sidang Dewan pada kali ini. Akhir kata, selamat bersidang mudah-mudahan persidangan kita pada kali ini lebih aman, lebih tenang, lebih tenteram, lebih cemerlang, lebih gemilang, lebih terbilang. Semoga Allah **Subhanahu Wata'ala sentiasa memberikan kita hidayah-Nya, petunjuk-Nya dan** menerima amalan yang kita lakukan, sekian. Wabillahi taufiq walhidayah. **Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-Laporan ialah: -

1. Penyata Kewangan Tahun 2015 Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

(D.U.N. Bil.1/2017)

2. Penyata Kewangan Tahun 2015 Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.

(D.U.N. Bil.2/2017)

3. Laporan Tahunan Tahun 2015 Yayasan Terengganu.

(D.U.N. Bil.3/2017)

4. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu (Siri 2).

(D.U.N. Bil.4/2017)

5. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.5/2017)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS [LAMPIRAN]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli yang Berhormat sekalian ialah Soalan-soalan daripada: -

1. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat
(Wakil Paka)
2. **Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang**
(Wakil Rhu Rendang)
3. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)
4. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
5. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggal)
6. Y.B. Azan bin Ismail
(Wakil Bandar)
7. Y.B. Haji Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)
8. **Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar**
(Wakil Ladang)
9. Y.B. Ariffin bin Deraman
(Wakil Alur Limbat)
10. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat
(Wakil Cukai)

11. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Teluk Pasu)
12. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
13. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
14. Y.B. Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)
15. Y.B. Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli yang telah memberikan notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan:

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat
(Wakil Paka)
3. Y.B. Haji Mohd Mahdi bin Musa
(Wakil Kota Putera)
4. **Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang**
(Wakil Rhu Rendang)
5. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman
(Wakil Batu Rakit)
6. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)
7. Y.B. Haji Mohd Iskandar bin Jaafar
(Wakil Jabi)
8. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
9. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
10. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggal)
11. Y.B. Azan bin Ismail
(Wakil Bandar)

12. Y.B. Haji Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)
13. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat
(Wakil Cukai)
14. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
15. Y.B. Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)
16. Y.B. Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)

Sekarang saya mempersilakan ADUN Air Putih untuk mengemukakan soalan, silakan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir rahmanir rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama:

Apakah status terkini penghantaran Amphicoach yang telah dipesan oleh Kerajaan sejak tahun 2015?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.** Salam sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam 1TTB, Salam Negaraku Malaysia. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan juga wakil-wakil jabatan, rakan-rakan media dan para-para pemerhati.

Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Air Putih ialah berkait dengan status terkini penghantaran *Amphicoach* yang telah dipesan oleh Kerajaan sejak tahun 2015. Untuk makluman Yang Berhormat Wakil Air Putih dan sidang hadirin sekalian, *Amphicoach* masih lagi berada di Malta dan sesi ujian terakhir selepas permasalahan dari segi teknikal iaitu sistem hidraulik. Dan insyaAllah *Amphicoach* ini kita jangka akan tiba di Malaysia dalam bulan Jun 2017.

Dan saya nak betulkan semula *statement* dengan izin bahawa kerana ada katanya **kita ada dua buah, tapi sebenarnya adalah sebuah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila soalan tambahan yang pertama, kita bagi Air Putih dulu. Sila Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah ada orang kata hilang dan sebagainya, tak hilang.** Cuma saya nak tanya apa isu utama sebenarnya yang lewat sedemikian? Sebab kita bimbang jugalah. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Air Putih. Dia punca kelewatan penghantaran *Amphicoach* ini, pertama sekali ialah aspek pengujian dan pensijilan oleh pihak ketiga di Malta tidak boleh dilaksanakan kerana faktor cuaca iaitu musim sejuk. Jadi, apabila *Amphicoach* dah siap, kemudian apabila nak menjalani ujian jadi faktor cuaca yang menjadi satu gangguan.

Yang kedua, pengujian dan pensijilan oleh pihak ketiga di Malta sukar dijadualkan dan boleh ditunda pada saat akhir mengikut perubahan cuaca buruk yang menyebabkan ketinggian ombak melebihi tahap dibenarkan. Jadi maksudnya kerana ujian ini kita laksanakan di kawasan air, kawasan sungai, jadi apabila timbul permasalahan dari segi cuaca, yang ini menyebabkan tergendala beberapa kali ujian yang kita nak laksanakan.

Kerana yang utama sekarang ini adalah kita nak pastikan bahawa sebelum tiba di negara kita ataupun di negeri kita. Kita nak pastikan bahawa tidak ada apa-apa permasalahan yang boleh mengakibatkan akan menimbulkan masalah kemudian. Jadi kerana itulah, maka pihak Kerajaan Negeri nak pastikan bahawa sebelum kita menerima *Amphicoach* ini, kita nak pastikan bahawa semuanya adalah dalam keadaan yang baik dan dalam keadaan yang tidak akan menimbulkan masalah kemudian.

Dan satu lagi, masalah yang kita hadapi ialah kerana tempahan untuk kapal pengangkutan bagi menghantar kenderaan *Amphicoach* ini kerana *Amphicoach* ini dia agak berbeza dengan pengangkutan yang menggunakan kontena. Jadi kerana

itu, maka perkara ini juga menimbulkan sedikit masalah, Alhamdulillah kita dah dapat selesai dan insyaAllah kalau tidak ada apa-apa aral mungkin dalam bulan seperti yang saya sebut sebelum ini iaitu dalam bulan Jun, kita akan terima *Amphicoach* ini.

Dan satu lagi yang menjadi punca kenapa kita minta ditangguhkan penghantaran ialah apabila pihak yang ketiga membuat pemeriksaan didapati sistem hidraulik iaitu dari sudut teknikal kita hadapi ada yang kita rasa tidak puas hati jadi kerana itu kita minta supaya sistem hidraulik ini diperbaiki dan diselesaikan kerana kita nak pastikan bahawa semuanya dalam keadaan yang terbaik. Itu saja untuk **pengetahuan Dato' Yang Dipertua**. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita bagi Air Putih lepas tu kita bagi Pembangkang. Air Putih sila Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua boleh tak Kerajaan jelaskan sekali lagi, apakah kepentingan ataupun tujuan yang sebetul-betulnya *Amphicoach* ni kita beli. Apakah kepentingannya, kenapa kita beli *Amphicoach* ni? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Air Putih. Seperti yang saya selalu sebut sebelum ini bahawa sekarang ini dengan keadaan global, dengan keadaan dunia pada hari ini maka sebagai negeri yang sedang menuju kepada negeri yang maju maka kita perlu berfikir di luar kotak biasa, kita kena mencabar kelaziman.

Jadi kerana itulah maka Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk melaksanakan penggalakkan dari segi aspek pelancongan selain daripada kita nak menyelesaikan perkara-perkara yang lain.

Memang pada asalnya, Kerajaan Negeri mengambil keputusan ini berasas kepada isu banjir yang selalu berlaku di Terengganu dan pada masa yang sama, kita melihat bahawa ada potensi kenderaan ini untuk digunakan sebagai satu tarikan utama pelancongan.

Jadi, kerana itulah maka kerana kita melihat dengan situasi ekonomi sekarang yang kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada petroleum, jadi kerana itu

kita sedang beralih kepada satu bidang baru yang kita nampak potensinya sangat tinggi iaitu bidang pelancongan.

Jadi apabila kita nak memberi satu tarikan dan galakkan kepada pelancongan, maka kita perlu membawa sesuatu produk atau satu perkara yang berbeza dengan tempat yg lain. Jadi kita melihat bahawa *Amphicoach* ini adalah satu kenderaan yang ataupun satu *vehicle* dengan izin, yang boleh digunakan sebagai *multipurpose* dengan izin supaya kita boleh laksanakan dengan pelbagai aktiviti-aktiviti dan lebih-lebih lagi keadaan di Negeri Terengganu sendiri, terutama Kuala Terengganu dan daerah-daerah yang lain yang kita mempunyai banyak kawasan-kawasan yang diliputi dengan air. Maka kita nampak bahawa potensi aktiviti air sangat besar kepada Negeri Terengganu dalam memajukan Negeri Terengganu menjadikan satu lagi hub-pelancongan yang terbaik di negara dan juga di dunia. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Bagi Batu Burok.

YANG EBRHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): **Terima kasih Dato' Yang Dipertua, pembelian *Amphicoach* ini dengan izin telah dimulakan pada tahun 2014 lagi, untuk makluman kita semua. Dan pihak Kerajaan telahpun membuat beberapa kenyataan bahawa ianya akan tiba pada 2015 dan ini dah 2017 hampir 2 tahun kelewatan yang berlaku.**

Persoalan yang saya ingin tanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah tentang hidraulik. Hidraulik ini untuk makluman Dewan, saya telah merujuk kepada pakar-pakar *marine engineering*. Mereka menyatakan tidak mengambil masa kalau diberikan keizinan, saya boleh bagi *free service* kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk menghantar 2 orang *engineer* untuk membaiki hidraulik ini secara *free service to the government* kerana ini adalah hak Kerajaan Negeri Terengganu dan juga milik Negeri Terengganu.

Apa yang berlaku, *Amphicoach* ini bukan kita bina kapal 100 meter ataupun 150 metres dengan izin, tetapi hanya satu *Amphicoach* yang boleh diselesaikan dalam waktu yang singkat. Jadi dengan izin, yang pertamanya saya memohon supaya Kerajaan memberi izin kepada saya untuk menguruskan *engineer* kita untuk pergi ke sana untuk membaiki hidraulik ini. Mereka memberi masa *within two weeks*

dengan izin, mereka boleh membaiki *Amphicoach* ini dan *deliver to the state government* **tanpa**

YANG BERHORMAT DATO YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok panjang dah.

YANG EBRHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ...kos dari Kerajaan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Batu Burok. Jadi Wakil Batu Burok telah menawarkan satu tawaran yang baiklah, maka Kerajaan negeri menyambut tawaran ini dan tak ada masalah. Nanti kita akan aturkan dengan JKR untuk menguruskan dari segi perkara ini.

Kalau kita lihat hari ini, memang dari segi Kerajaan Negeri, apa yang berlaku ini bukan dari apa ni, bukan boleh disalahkan kepada Kerajaan Negeri dan saya yakin kalau pihak pengeluar pun, kalau boleh ia menerima tempahan hari ni esok dia nak hantar kerana ini melibatkan perniagaan.

Tetapi kalau dia *delay* dengan izin ataupun tertangguh ini akan memberikan satu implikasi kepada peniaga itu sendiri tetapi untuk pengetahuan sidang hadirin sekalian dengan tangguhan yang berlaku ini tidak langsung melibatkan apa-apa tambahan kos. Makna kos ini masih lagi menggunakan kos yang dipersetujui dahulu. Jadi tidak menimbulkan apa-apa tambahan, jadi kerana itu tidak memberi apa-apa kerugian kepada Kerajaan Negeri dan elok benarlah kerana peringkat awal pembelian *Amphicoach* ini asasnya adalah untuk membantu menangani permasalahan banjir.

Alhamdulillah, nampaknya kebelakangan ini banjir sudah tidak merupakan satu perkara yang kita nampak amat kritikal di Terengganu. Maka keperluan *Amphicoach* untuk menyelesaikan isu banjir ini tidak sangat terdesak dan saya nampak elok benar dengan tahun ini sebagai Tahun Melawat Terengganu atau dengan izin, Visit Beautiful Terengganu 2017. Dengan kehadiran *Amphicoach* ini sudah tentu akan memberi satu lagi impak yang tinggi kepada pelancongan Negeri Terengganu.

Jadi saya haraplah supaya tidak ada pihak yang memutar belit dan juga yang menggunakan isu ini sebagai mempolitik atau politik kerana yang paling mustahak ialah kita nak melihat apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan impaknya akan diperolehi kepada rakyat kerana kita sedia maklum dan kita sedia sedar bahawa pelancongan ini dia adalah berkonsep kepada dengan izin *multiply*. Jadi RM1 yang Kerajaan Negeri belanja insyaAllah rakyat akan dapat lebih daripada RM5. Inilah perjuangan Kerajaan bagi memastikan kita akan meningkatkan ekonomi dan juga meningkatkan pendapatan rakyat kita melalui bidang yang sedang kita pergiatkan. **Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): **Dato' Yang Dipertua** tak sabar dah nak tunggu *Amphicoach* sampai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa insyaAllah dan bagi persetujuan pada Batu Burok, kerjasama. Terima kasih, satu benda yang baik. Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Air Putih, **Yang Amat Berhormat Dato' Seri** yang terlibat dalam Soalan Lisan sebentar tadi. Seterusnya saya mempersilakan ADUN Kota Putera untuk mengemukakan soalan, silakan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir rahmanir rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan pertama -**

Apakah bentuk bantuan dan berapa jumlahnya dalam membantu penternak ikan kerapu di pesisir pantai Negeri Terengganu sepanjang Tahun 2016?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan.** Soalan Y.B. Kota Putera adalah berkait dengan apakah bentuk bantuan dan berapakah jumlahnya dalam membantu penternak ikan kerapu di pesisir pantai Negeri Terengganu sepanjang Tahun 2016?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bentuk bantuan untuk tahun 2016 yang disediakan kepada penternak-penternak kerapu di Negeri Terengganu iaitu dalam bentuk membekalkan induk kerapu, membekalkan peralatan-peralatan seperti tangki, sistem air laut yang masuk ke dalam tangki dan juga peralatan-peralatan lainlah yang mana berjumlahnya RM290,324. **Terima kasih Yang terhormat Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERTERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, soalan tambahan yang pertama sila Kota Putera, silakan.

YANG BERTERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Dipertua, saya nak merangkul bahawa penternak ikan kerapu yang mengusahakan ikan kerapu di pesisir pantai, yang melibatkan ramai di kalangan penduduk yang berpendapatan sederhana terutamanya dalam kawasan Kota Puteralah.

Dan untuk makluman kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pernah berkunjung ke pusat-pusat penternakan individu dan mereka beritahu yang mereka mendapatkan anak kerapu melalui Pulau Bali dari Indonesia dan dibeli khas dan dihantar melalui *transport* dengan izin, ke kawasan masing-masing dan pengusahaan ikan kerapu ni juga mengambil masa dua bulan saja, ambil anak jual dalam 5 inci.

Maka ini menunjukkan bahawa perusahaan ini *viber* dengan izin dan saya nak tanya lagi kepada pihak Kerajaan, ada tak data yang menunjukkan bahawa berapa ramai jumlah bilangan penternak tersebut, dan juga berapa pengeluaran ikan kerapu ni seluruh Negeri Terengganu? **Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERTERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera, sila Jertih.

YANG BERTERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kebanyakan benih-benih kerapu ni sekarang ini masih lagi perlu diperolehi daripada luar Negara seperti Bali ataupun Surabaya daripada Negara Indonesia.

Walau bagaimanapun, nampaknya pengusaha-pengusaha kerapu berkembang begitu pesat terutamanya di Daerah Besut dan juga di Daerah Setiu iaitu kawasan-kawasan pesisir-pesisir pantai Besut dan Setiu yang mana mengikut laporan yang

kita terima iaitu kita ada dua kategori sebenarnya, maafkan saya, ada tiga kategori.

Kategori pertama, pengeluar benih itu sendiri iaitu anak yang kurang daripada ataupun sekitar 1 inci kita ada satu pengeluar di Negeri Terengganu. Yang keduanya, penternak untuk pembesaran iaitu seramai 58 orang. Okey, dan bilangan pengasuh **ikan kerapu seramai 31 orang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jertih. Sila soalan tambahan kedua, Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima **kasih Dato' Yang Dipertua.** Di samping itu juga saya ada mendapat rungutan daripada pengusaha-pengusaha ikan kerapu kerana mereka telah mengusahakan ternakan ikan kerapu di pesisir pantai ni dalam keadaan rintahan haram kerana permohonan T.O.L. dari mereka tidak diluluskan di peringkat JKTD kerana tidak mendapat sokongan dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kerana Jabatan Pengairan dan Saliran mengatakan bahawa itu adalah rezab pantai.

Maka dia orang ni, dah buat usahakan dan terima kasihlah kepada Kerajaan membekalkan tangki dan sebagainya. Maka apakah langkah Kerajaan nak selesai masalah mereka yang semestinya kurang infra dan tidak ada kelulusan T.O.L. kepada mereka. Dalam mesyuarat JKTD tidak boleh lulus sekiranya JPS tidak **menyokong. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera, sila Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua proses untuk menjadi pengusaha kerapu yang melibatkan pesisir pantai ni. Mengikut S.O.P. yang disediakan oleh Kerajaan, yang pertamanya bila kita nak menternak kita kena memohon dengan Pejabat Tanah dan Pejabat Tanah perlu mendapat laporan daripada JPS yang mana JPS dari segi teknikalnya mengambil kira dari segi kesesuaian projek disebut dengan mengambil kira hakisan ataupun gangguan dari segi perubahan pantai dan sebagainya.

Dan seterusnya, Pejabat Tanah juga perlu mendapat sokongan ataupun laporan daripada Pejabat Perikanan dan biasanya kalau tidak ada masalah daripada kedua-dua agensi tersebut, Pihak Pejabat Tanah akan memberi kebenaran secara Lesen Menduduki Sementara kepada pengusaha-pengusaha. **Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jertih, soalan tambahan ketiga sekiranya ada. Sila Paka.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang **Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak dapat penjelasan dari pihak Exco, pihak Kerajaan** tentang Syarikat TADC. Saya rasa 2010 telah melancarkan projek untuk menjadikan Terengganu sebagai pengeluar benih kerapu di Malaysia ni.

Jadi sekarang ni dah 7 tahun dah, banyak mana dah pelaburan yang dikeluarkan di situ. Sampai sekarang nampak ambil benih daripada Bali, daripada Surabaya lagi. Dah Terengganu tak keluar lagi ke benih kita 7 tahun, lambat benar *tubik* benih ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka, sila Jertih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Okey, berkait dengan TADC ni kita ada 3 *hatchery* sebenarnya di seluruh Negeri Terengganu, yang mana satunya kita telah serah kembali kepada Perikanan, dua lagi kita telah bekerjasama dengan syarikat swasta yang mana untuk mengeluarkan benih kerapu ni yang mana kita akui masih belum berjaya.

Tetapi kita telah berjaya mengeluarkan benih-benih lain selain daripada kerapu iaitu siakap dan sebagainya. Walau bagaimanapun, untuk Negeri Terengganu kita telah ada pembekal untuk mengeluarkan benih. Saya ingat untuk keperluan pengasuh dalam 30%, cuma 70% lagi tak cukup lagi, terpaksa yang kita sama ada kita import daripada Indonesia ataupun melalui dia panggil *temerang* melalui kutipan kerapu dengan orang kampung di pesisir-pesisir pantai iaitu dipanggil **kerapu hijau. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jertih, terima kasih....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua.....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup dah ya. Terima kasih Paka, terima kasih banyak. Terima kasih kepada Kota Putera, kepada Jertih yang menjawab, kepada Paka yang bertanya, terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan DUN Rhu Rendang untuk mengemukakan soalan, silakan.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamua'laikum Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menampung defisit Bajet 2017 sebanyak 10%?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rhu Rendang, sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam 1TTB, Salam Negaraku Malaysia. Dato' Yang Dipertua soalan yang dikemukakan oleh Wakil Rhu Rendang adalah berkait dengan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menampung defisit Bajet 2017 sebanyak 10%.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ini ada terbahagi kepada dua. Yang pertama, berasas kepada Bajet 2017 yang berjumlah RM1.867 bilion dan jangkakan hasil sebanyak RM1.697 bilion yang telah menjadikan difisit sebanyak 10%, maka langkah Kerajaan yang pertama ialah memberi penekanan bahawa perlunya diteruskan langkah kawalan ke atas perbelanjaan setiap jabatan berasas kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2017, Anggaran Perbelanjaan 2017 yang telah memberi penekanan bahawa perlunya langkah kawalan ini kita buat.

Dan selain daripada itu, Pegawai Pengawal bagi setiap jabatan hanya dibenarkan membelanjakan peruntukan sebanyak 1/3 daripada jumlah bajet yang diluluskan untuk setengah tahun pertama 2017 sebagaimana yang dipersetujui oleh

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Pelaburan Negeri Bil. 1/2016 serta Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu. Perbelanjaan 1/3 daripada jumlah bajet ini termasuk Perbelanjaan Mengurus Dan Pembangunan. Inilah formula ataupun langkah yang telah kita lakukan pada tahun 2016.

Jadi alhamdulillah dengan apa yang kita laksanakan pada tahun 2016 banyak penjimatan yang telah kita dapat laksanakan. Selain daripada itu, kita juga Kerajaan Negeri mengambil langkah meningkatkan hasil negeri. Kita sedang mengambil langkah bagi meningkatkan hasil negeri di samping berharap agar terimaan hasil daripada Kerajaan Persekutuan bertambah sekiranya berlaku kenaikan harga pasaran minyak dunia.

Jadi antara tindakan yang telah Kerajaan laksanakan ialah pertama sekali, memperkasakan kutipan hasil dan tunggakan hasil Kerajaan Negeri dengan memastikan Jabatan atau Agensi Pengutip Hasil membuat penguatkuasaan secara agresif dan menggesa agensi membuat bayaran balik pinjaman secara konsisten. Kedua, Kerajaan Negeri melalui keputusan Majlis Kewangan Negeri bersetuju mencadangkan peningkatan hasil Negeri iaitu mengenakan bayaran royalti, premium dan ses bagi pengeluaran kayu getah dan palma.

Kedua, cadangan menukar syarat premis perniagaan di kawasan rehat dari RnR daripada kemudahan awam kepada perniagaan dan komersial. Usulnya ialah mengenakan bayaran caj permit penggunaan tanah bagi lebuhraya yang melalui kawasan hutan simpan.

Cadangan mengenakan caj khusus bagi penginapan di hotel seperti *fee* warisan yang dikenakan di hotel-hotel di Melaka dan Pulau Pinang. Dan kerana itu juga kita bercadang juga sedang dalam perancangan untuk kita melaksanakan caj khusus yang dikenali sebagai dengan izin, *bag tags* bagi penginapan di hotel di Negeri Terengganu sesuai dengan apa yang kita laksanakan sekarang ini iaitu menjadikan sektor pelancongan sebagai satu sektor baru dalam meningkatkan ekonomi Negeri Terengganu.

Kajian sedang dijalankan bagi mengenal pasti kaedah yang bersesuaian sebelum dikuatkuasa kepada hotel-hotel di Negeri Terengganu. Dan selain daripada itu kita juga cadangan menetapkan had budi bicara bagi kadar pengurangan bayaran premium yang dikenakan oleh jabatan-jabatan. **Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Soalan tambahan pertama saya nak bagi Bukit Payong dululah, lepas tu yang lain-lainlah ... insyaAllah. Sila Bukit Payong mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua soalan tambahan saya, dalam keadaan bajet defisit pada tahun 2017 ini kita melihat jawapan daripada pihak Kerajaan tentang hutang Kerajaan Negeri sebanyak RM918 juta lebih, pokok RM893 juta lebih, faedah RM25 juta.

Maka dalam keadaan belanja defisit macam ini, apakah Kerajaan fikir ataupun ada usaha-usaha Kerajaan untuk membayar hutang yang begitu besar nilainya dan apakah anggaran Kerajaan dalam membayar hutang ini pada tahun ini dalam keadaan bajet defisit 2017? Apakah dia usaha-usaha Kerajaan dalam membayar hutang yang begitu tinggi ini? Apakah hutang ini akan terus meningkat jika tidak dibayar pada kali ini? Dan apakah keadaan Kerajaan dalam menyelesaikan permasalahan ini?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Payong kemukakan soalan. Sila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua. Berkaitan dengan apa yang disuarakan oleh Wakil Bukit Payong. Jadi untuk makluman Dato' Yang Dipertua dan sidang hadirin sekalian, kita nak jelaskan dulu bentuk hutang, kita bimbang juga di pihak Kerajaan Negeri bila disebut hutang ni, jadi seolah-olah macam Kerajaan Negeri dia ambil duit nak berjoli, nak buat apa dan sebagainya.

Jadi yang sebenarnya, hutang-hutang yang ada sekarang ini asasnya adalah hutang-hutang lama yang mana hutang ini kebanyakan dari segi *up-grade* dengan izin ataupun menambah baik tentang perkhidmatan air. Yang inilah sebenarnya banyak kita terima kerana kita sedia maklum dari segi infrastruktur memang banyak telah kita gunakan asasnya daripada pinjaman-pinjaman yang lama.

Jadi semua negeri terlibat bukan hanya Negeri Terengganu sahaja, malah negeri-negeri lain pun lebih daripada apa yang telah didapati oleh Negeri Terengganu

Darul Iman. Jadi tiada masalah untuk pengetahuan Yang Berhormat Bukit Payong bahawa Kerajaan Negeri kita menyelesaikan bayaran ini mengikut jadual. Kita bayar walaupun ada sesetengah tu kadang-kadang kita tak bayar penuhlah. Kita bayar. Tetapi setiap tahun kita tetap bayar mengikut jadual yang ditetapkan.

Jadi dari segi bayaran hutang ini tidak ada masalah dan kita sekarang ini sedang berunding dengan pihak Kerajaan Pusat kerana ada perbelanjaan LPT2 yang RM1.85 juta itu untuk dikembalikan semula kepada Kerajaan. Jadi perkara ini sedang kita runding dan insyaAllah sudah ada komitmen daripada Kerajaan Pusat untuk membuat bayaran, cuma kita sedang berbincang kaedah dan cara sebagaimana yang kita terima RM210 juta setahun sekarang. RM220 juta sebenarnya. RM220 juta yang kita terima pembayaran balik daripada perbelanjaan yang telah dibuat menggunakan duit Kerajaan Negeri. Jadi begitu juga dengan duit yang ada sekarang ini RM1.85 juta ini kita sedang berunding dan alhamdulillah Kerajaan Pusat tidak ada masalah dan telah bersetuju memberi komitmen cuma kaedah dan caranya yang kita sedang perincikan.

Dan untuk makluman juga bahawa antara perkara dan tindakan yang telah kita laksanakan dengan keadaan sekarang ini, kita juga telah menggunakan konsep melalui *sponsor* dengan izin, ataupun melalui sumbangan-sumbangan daripada pihak-pihak yang lain. Kerana itulah maka Kerajaan Negeri melaksanakan beberapa tabung antaranya ialah Tabung Pembangunan Sukan kerana sebelum ini kita berjaya mengumpulkan lebih daripada RM27 juta daripada sumbangan-sumbangan daripada korporat, sumbangan-sumbangan daripada perseorangan dan sebagainya untuk mengisi tabung.

Ini adalah salah satu langkah dan cara bagaimana kita nak menangani dari segi kekurangan pendapatan yang kita perolehi. Jadi dengan tidak secara langsung dari segi pembangunan sukan kita tidak banyak menyalur atau menggunakan duit daripada Kerajaan Negeri dan satu lagi yang kita laksanakan sekarang ini ialah melalui Tabung Darul Iman.

Tabung Darul Iman ini adalah salah satu cara bagaimana kita membantu rakyat Negeri Terengganu tetapi tidak membebankan Kerajaan. Jadi melalui Tabung Darul Iman kita juga melaksanakan cara yang sama di mana kita telah membuka peluang-peluang dan ruang-ruang kepada sesiapa sahaja yang nak menderma dan juga untuk memberikan sokongan kepada tabung bagi membantu rakyat kita yang

ditimpa musibah termasuk juga yang perlu menerima rawatan yang ada dalam keadaan yang daif dan sebagainya.

Jadi kerana itu, saya nak mempelawalah di sini saya nak ambil peluang kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah Kerajaan telah membuat potongan gaji setiap bulan untuk masuk tabung ini. Jadi kalau boleh disambut di sebelah sana untuk sama-sama juga kita buat potongan gaji untuk kita dapat membantu mengisi Tabung Darul Iman ini. Kerana sekarang ini kita telah membuat kempen untuk potongan gaji kepada kakitangan Kerajaan atau sesiapa saja untuk membuat derma.

Kalaulah kita dapat RM1 seorang bagi setiap rakyat Terengganu bermakna kita akan dapat RM1.1 juta sebulan dan perbelanjaan Tabung Darul Iman kita sudah mencapai RM1 juta sebulan dan kerana itulah kalau kita lihat dengan keadaan sekarang ini sesiapa saja yang sakit, yang perlu bantuan, alhamdulillah nampaknya kita tak dengar sangat permasalahan-permasalahan kepada orang-orang yang sakit, orang yang dapat musibah di Terengganu ini kerana saya melihat bahawa Tabung Darul Iman begitu agresif sekali untuk membantu mereka ini.

Jadi pada kesempatan ini, saya nak mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua kakitangan Tabung Darul Iman dan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang atas membantu Kerajaan memastikan kebajikan rakyat terjaga. **Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Sila, Y.B. Bandar dulu ya. Sila Bandar buka soalan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan asal kita ialah langkah-langkah yang nak diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi defisit belanjawan sebanyak 10%. Dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberitahu antara langkah-langkah tu seperti kita terpaksa melihat kemungkinan kita untuk menambah hasil. Ini benar, ini perkara yang sangat mustahak.

Tuan Yang Dipertua, kita tahu di Terengganu masalah besar kita ialah rakyat Terengganu rendah dari segi *purchasing power* dengan izin. Ini masalah kita *this is a real problem* dengan izin. *Purchasing power*, kuasa beli rakyat Terengganu

rendah. Ini berjangkit orang kata kepada secara keseluruhan pertumbuhannya. Saya sokong, bukan saya tak sokong, saya sokong. Hasrat kata nak capai 4.4% kepada 8%, besar pertumbuhan KDNK Negeri Terengganu.

Tapi realistik ke tidak? Pertambahan 100%. Tetapi *gini* kita berterus teranglah **Dato' Yang Dipertua, berterus terang. Kita ada peluang untuk tambah hasil Negeri Terengganu secara serta-merta.** Kita tahu Telaga Minyak Bertam telah mengeluarkan pengeluaran pertama seawal tahun lepas, kenapa isu pemilikan Telaga Minyak Bertam ni kita biarkan kita tangguh, tak ada penyelesaian sampai hari ini.

Dewan tahun lepas mengatakan Telaga Minyak Bertam belum lagi sahah diberi kepada siapa. Masih lagi dalam rundingan, pihak perundangan kata nak *appeal*, merayu dan sebagainya, pengeluaran telah dibuat. Ini hasil serta-merta yang boleh diraih oleh Kerajaan Negeri Terengganu kalau kita boleh selesaikan isu Telaga Minyak Bertam serta-**merta Dato' Yang Dipertua.**

Sama juga dengan isu hak royalti Negeri Terengganu kalau kita sama-sama dalam Dewan ini perjuangkan secara betul, secara *constructive* saya yakin hasil yang *revenue* insyaAllah yang dapat diterima oleh Kerajaan Negeri sudah tentu akan bertambah secara serta-merta. Selesaikan isu perdebatan, perebutan, khilaf berkenaan dengan pemberian royalti untuk Negeri Terengganu.

Tetapi Dewan kita sendiripun Tuan Yang Dipertua, tidak mengambil langkah sebagaimana ada beberapa Kerajaan Negeri yang lain mendahului kita, tekan dan benar-benar berjuang untuk mengambil **semula hak**

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Soalan ke perbahasan dah ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ...Saya faham Air Putih merasa sensitif kerana dia yang telah membuat kenyataan yang menyatakan **kita.....**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan yang Dipertua bukan soal sensitif, soalnya jangan gunakan peluang untuk bertanya soalan untuk ceramah. Sambung sikit lagilah dalam sesi berbahas *kekgi* bolehlah ceramah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini bukan sesi soal jawab okey, ini bukan sesi perbahasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik sebelum tu saya nak tanya Wakil Bandar sebab selalu disebut Bertam, saya nak tahu berapa banyak yang sepatutnya kita patut perolehi pada tahun lepas hasil daripada Telaga Bertam 5% tu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): InsyaAllah saya akan dapat maklumat yang tepat sekiranya Pembangkang jadi Kerajaan. Buat masa ni kita tidak mahu spekulasi kerana kita tidak berhak untuk mendapatkan maklumat tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar teruskan kepada soalanlah. Panjang dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, tetapi anggaran ada sebagaimana di dalam siaran media dan sebagainya ada anggaran. Bermakna isunya ialah sekiranya kita berpakat, Negeri Terengganu berpakat untuk memperjuangkan perolehan tambahan hasil daripada minyak ini, sudah tentu isu soalan asal langkah-langkah untuk menampung defisit ni boleh kita selesaikan. **Jadi, saya minta**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):saya minta Kerajaan Negeri

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi cakap Bandar, kecap Bandar. Panjang dah, soalan tambahan ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, saya cuma minta perkara ni diselesaikan dan ada jawapan dia, kenapa kita lengah-lengahkan perkara ni. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua dan terima kasih kepada Wakil DUN Bandar. Jadi mengikut maklumat yang Kerajaan Negeri perolehlah, hasil yang diperolehi melalui Telaga Bertam ini antara RM9 juta hingga RM10 juta dengan 5% setahun. Dan untuk pengetahuan Dato' Yang Dipertua dan sidang hadirin, sepatutnya tahun ini penerimaan yang pertama tahun ini kita sepatutnya menerima dengan 5%, RM500 juta tetapi apa yang dibayar kepada kita oleh Kementerian Kewangan adalah RM550 juta.

Jadi inilah sebenarnya antara perkara dan kaedah yang kita gunakan kerana **dengan perundingan, dengan cara yang... sebab Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri** tiada masalah, ayah dengan anak. Kadang-kadang apa yang kita lihat dan apa yang kita terima lebih besar daripada apa yang kita lihat.

Walaupun kita kehilangan sekarang ini, kita sedang *kot* mana-manapun Kerajaan Negeri akan terus memperjuangkan dan ini melalui perundingan, kita masih berunding kerana isunya sekarang ini ialah isu persempadanan belum lagi selesai kerana pihak JUPEM belum lagi dapat mengklasifikasikan sempadan di antara Terengganu dan juga antara Pahang.

Ini sedang diteliti oleh pihak JUPEM dan kita sedang menunggu keputusan-keputusan yang sebegini barulah kita boleh bawa perkara ini kepada pihak yang sebenarnya. Tetapi dalam masa yang sama, kita nak beritahu dalam keadaan yang sekarang ini walaupun kita tak terima RM9 juta atau RM10 juta setahun, tetapi untuk pengetahuan dengan tidak secara langsung, Kementerian Kewangan telah menambah peruntukan yang sepatutnya kita dapat.

Kalau sepatutnya kita dapat RM500 juta, tapi baru-baru ni telah diberi sebanyak RM550 juta. Jadi ini adalah kerana apa? Kerana anak minta dengan ayah. Sebab apa sebab ayah dengan anak ni, dia darahnya darah yang sama. Kalau darah tak sama rasa tak berapa nak beri. Jadi kerana itulah kena pastikan bahawa hubungan anak dan ayah ini akan terus baik, terus mesra supaya ayah akan terus membantu anak. **Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua minta

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):minta penjelasan dia berapa RM5 juta hingga RM10 juta?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: RM9 juta hingga RM10 juta.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab ...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Hasil daripada yang kita dimaklumkanlah. Saya difahamkan oleh pihak Petronas bahawa hasil yang kita dapat daripada Telaga Bertam yang dikeluarkan Kerajaan Negeri kalau kita perolehi kita akan dapat RM9 juta hingga RM10 juta dengan pengeluaran yang ada sekarang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab PM umum tu RM100 juta, makna tak betul tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, Tepoh. Sila soalan tambahan ketiga ya, Tepoh ya.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. **Berkenaan dengan bajet, saya berhasrat untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak Kerajaan dengan dasar yang diperkenalkan potongan perbelanjaan tidak melebihi 1/3 dalam tempoh 6 bulan untuk Perbelanjaan Mengurus dan juga Perbelanjaan Pembangunan.**

Pada saya Perbelanjaan Mengurus okey, tapi kita agak hairan bagaimana kita nak menyekat 1/3 perbelanjaan untuk pembangunan? Kerana sudah pasti akan berlaku peningkatan kos, berlaku selepas daripada itu. Apakah pihak Kerajaan sudah merangka untuk menanggung peningkatan kos kesan daripada kita menyekat 1/3 hanya perbelanjaan yang dibenarkan.

Lanjutan daripada itu, saya menyokong saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk kita potong gaji bagi Tabung Darul Iman tapi dengan syarat kita juga syorkan pada pihak Kerajaan bagi kepada kita peruntukan wakil rakyat untuk kita uruskan kepentingan rakyat secara kaedah yang bersama sepertimana Wakil Rakyat BN menguruskan kepentingan rakyat.

Dan yang ketiga, ni bukan soalan tambahan. Isu yang berbangkit berkenaan dengan LPT2 yang dikatakan RM1.85 bilion yang kita tuntutan daripada Kerajaan Pusat. Apa yang saya semak pada 19 Januari 2016, menurut kenyataan Menteri **Kerja Raya, saya baca teksnya: "Beliau turut mengesahkan tentang kesediaan Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan menaiktaraf dua jalan dan tiga jambatan di negeri ini menerusi bajet pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur 2 seperti dipohon Terengganu"**.

Saya bimbang tuntutan seperti ini akan berlaku tapi balik kepada projek-projek federal melalui jalan raya, jalan persekutuan dan seumpama tapi bukan masuk kepada kepentingan Kerajaan Negeri. Ini yang telah dilaporkan di dalam media berkenaan dengan penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, Tepoh *direct* kepada soalan ya. Bukan penerangan. *Direct* kepada soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tu soalanlah tu, adakah dia akan balik kepada Kerajaan Negeri? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah habis dah? Itu saja ya. Terima kasih Tepoh. Sila Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Tepoh. Jadi kalau sabit nak potong gaji kemudian nak minta tu namanya tak ikhlas. Sebab Tabung Darul Iman ini asasnya kepada keikhlasan. Kalau nak bagi RM5, RM5 jelah. Terpulang kepada masing-masing. **Jadi**

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Ikhlas, dia masing-masing ada tabung dia Dato' Menteri Besar. **Jadi tak boleh bertulis dalam Dewan.**

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:Tabung Darul Iman ni, kita beri kepada siapa saja. Kadang-kadang kita sendiripun tak sangka kalau Allah **Subhanahu Wata'ala memberikan ujian kepada kita, tiba-tiba** ada ahli keluarga kita yang kena kanser. Saya selalu, kita Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri setiap minggu bermesyuarat ada saja kes yang kadang-kadang apabila kanser perlukan rawatan sampai RM70,000 - RM80,000. Kalau kakitangan Kerajaan walaupun suami isteri bekerja, saya rasa bila dapat macam ini terduduk kita kerana kita yakin dan percaya sukar orang kita nak mempunyai simpanan duit yang sebegitu.

Maka bagi Pihak Kerajaan tiada masalah. Kita akan terus bantu dan memang kelulusan kita bagi. Hatta RM70,000 sampai yang RM200,000; Kita ada yang perlu rawatan RM200,000 tak ada masalah kita luluskan kerana yang penting adalah kita membantu ketika rakyat kita dalam keadaan yang kesusahan.

Dan berkait dengan apa yang disebut tadi, yang berkait dengan perbelanjaan pembangunan tiada masalah kerana pembangunan kita teruskan. Sebab pembangunan ini, dia kadang pembayaran itu tidak buat dalam keadaan yang serta-merta berbanding dengan mengurus.

Kalau kita rancang projek itu dilaksanakan dan mungkin kita akan *delay* sikit dari segi *take off* dengan izin, kerana apabila kita tengok keadaan kewangan kita membenarkan baru kita akan jalankan. Tapi perancangan kita tak buat, ataupun kalau kita laksanakan projek ini ataupun bangunan, mungkin pembayaran itu atau pembangunan ini akan dapat siap dua tahun ataupun tiga tahun yang akan datang. Maka pembayaran itu, akan dibuat secara berperingkat-peringkat.

Yang mustahak sekarang ini, kita tidak boleh menolak kerana pembangunan ini amat penting untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan pembangunan negeri walau apa sekalipun yang kita hadapi. Cuma yang paling mustahak dan paling penting ialah dari segi perancangan yang terbaik yang perlu dilaksanakan dan alhamdulillah lebih-lebih lagi kita mempunyai kakitangan, mempunyai jentera yang begitu komited, yang begitu baik. Jadi di sini Kerajaan Negeri nak merakamkan ucapan setinggi ucapan terima kasih kepada kakitangan Kerajaan kita yang kita tengok begitu komited membantu Kerajaan walaupun dalam keadaan yang sebegini.

Dan dalam soal berkait dengan LPT tadi, tak ada masalah sebenarnya kerana kita setakat ini tak ada yang melibatkan kepada perbelanjaan Pusat maka akan menggunakan peruntukan Pusat. Jangan bimbang kerana kita sebenarnya sudah menerima lebih daripada RM1.85 bilion ini melalui pemulangan sebanyak RM118 juta yang telah dipulangkan kepada Kerajaan Negeri dan duit ini telah kita gunakan untuk menaiktaraf daripada dua lorong kepada empat lorong jalan di kawasan Kijal, Cukai, Kemaman untuk menyambung daripada jalan empat lorong yang kita laksanakan di kawasan Marang dan Dungun.

Dan insyaAllah kita sekarang bercadang untuk memastikan untuk empat lorong ini kita akan teruskan dan kita berhasrat supaya lepas pada ini, pembangunan ini akan terus kita lakukan sampai ke Besut melalui jalan pesisir pantai. Ini adalah merupakan rancangan Kerajaan di samping Kerajaan Negeri Terengganu memang berhasrat dan kita telah membuat permohonan kepada Kerajaan Pusat untuk **menyambung LPT2 untuk menjadikan LPT3. Jadi kita doakanlah semoga**

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Penjelasan Dato' Seri MB.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: hasrat Kerajaan ini akan dapat kita realisasikan demi kepentingan untuk rakyat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Penjelasan. Jalan Awana Kijal itu adalah Jalan Persekutuan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, peraturan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Jadi kita guna duit Negeri untuk Persekutuan.

YANG **BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, Tepoh. Tepoh saya tak benar dah.**

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya minta untuk penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak bagi dah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya nak bagitahu ..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat cukup dah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya nak beritahu sekarang ini lebihan yang saya beritahu tadi termasuk dan ini termasuk tuntutan yang kita sedang buat. Maksudnya yang kita gunakan itu adalah lebihan daripada LPT2, maka tuntutan RM1.85 itu termasuk dalam perbelanjaan itu.

Jadi, tak timbul masalah bahawa duit itu adalah duit Kerajaan Negeri menggunakan. Cuma kita pinjamkan dulu dan termasuk dalam RM1.85 insyaAllah yang telah diberi komitmen oleh Kerajaan Pusat untuk mengembalikan duit itu **cuma kaedah dan caranya sedang kita perhalusi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Maksudnya **RM1.85** belum

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh dah dah cukup. Panjang dah. Saya nak beri satu lagi peluang. Soalan lain ya. Terima Tepoh. Terima kasih banyak kepada Tepoh, kepada Bukit Payong, kepada Bandar yang mengemukakan soalan, kepada Yang Amat Berhormat yang menjawab soalan.

Sekarang saya mempersilakan Batu Rakit untuk mengemukakan soalan sebelum kita berehat. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir rahmanir rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana takdok pilihan doh.** Soalan saya soalan No. 1 -

Apakah persediaan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam mendokong aspirasi TN50?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar,** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian. Soalan daripada Yang Berhormat Batu Rakit berkait dengan persediaan Kerajaan Negeri dalam mendokong Aspirasi TN50.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu Rakit, Kerajaan Negeri Terengganu telah melaksanakan dan juga telah mengadakan beberapa program sebagai pendokong kepada Aspirasi TN50 ini. Dan Kerajaan Negeri telah mengatur beberapa program bersama dengan NGO-NGO dan juga pertubuhan-pertubuhan di Negeri Terengganu ini. **Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, soalan tambahan pertama. Batu Rakit, silakan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan saya, saya nak tahu apakah perkara yang ditekankan dalam TN50 ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang **Berhormat Dato' Yang Dipertua,** perkara-perkara yang ditekan dalam Transformasi Nasional 2050 ini adalah satu perbincangan ataupun dialog di kalangan rakyat di peringkat akar umbi untuk kita memikirkan bagaimana negara kita pada tahun 2050 akan datang.

Dan juga penekanan yang diberi oleh pihak Kementerian dan juga oleh Kerajaan adalah berkisar terutamanya berkait dengan ekonomi iaitu pemacu negara kita, kita berhasrat akan menjadi pemacu kepada ekonomi dan juga mendahului Industri Digital Dunia pada masa akan datang. Selain daripada itu juga, pendidikan silibus anjal yang berorientasikan inovasi dan juga industri.

Yang ketiga, alam sekitar iaitu bebas daripada karbon dan juga menjana tenaga yang boleh diperbaharui dan juga dipertingkatkan lagi. Kehidupan bandar iaitu berhasrat menjadi Bandar Pintar, sistem perhubungan keselamatan teknologi yang tinggi. Yang Kelima, kehidupan luar Bandar, Desa yang berorientasikan industri dan juga berprasarana baik kepada infrastruktur dan juga menyediakan penduduk yang lebih komprehensif kepada masyarakat luar bandar. Yang keenam, ialah

berorientasikan jati diri iaitu beridentiti nasional kepada rakyat Negara kita ini.
Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Rakit ada soalan lagi?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ada se lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lepas ni kita bagi Paka. Silakan Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan yang kedua saya. Jadi untuk selari dengan apa yang teras tadi yang ditekankan tadi, apakah aktiviti yang dicadangkan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang ini teras yang saya baca tadi adalah enam teras utama yang digariskan oleh Pihak Kerajaan untuk kita bincangkan. Dan peringkat sekarang ini, aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan untuk menjayakan teras tersebut yang kita mengadakan siri berdialog bersama dengan masyarakat.

Dan juga dialog ini, sekarang ini diberi mandat kepada Kementerian di bawah Kementerian Belia Dan Sukan untuk melaksanakan program ini bersama dengan anak-anak muda yang akan mewarnai kehidupan pada masa akan datang di seluruh negara ini.

Yang kedua, mewujudkan kumpulan anak muda yang terpilih bagi membincang masa depan mereka dan juga masa depan negara.

Yang ketiga, menyelaraskan sistem pengumpulan data untuk merangka Transformasi Nasional 2050.

Yang keempat, melalui mytn50.com iaitu rangkuman pernyataan aspirasi rakyat yang melalui *online* dan sebagainya.

Yang kelima, belia juga sebagai pemangkin negara pada tahun 2050. Dan juga Kerajaan menyasarkan lebih daripada 1.5 juta belia di seluruh negara terlibat **dalam wacana dan juga dialog yang akan dilaksanakan ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Telemong. Sila Paka, soalan tambahan yang terakhir.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang **Berhormat Dato' Yang Dipertua, senarai yang disebut oleh Yang Berhormat Wakil Kerajaan** tadi panjang tu, saya tengok *serupeye* je dengan Wawasan 2020. Jadi sebab apa kita tak guna istiah Wawasan 2020 sama ada dia gagal ke. Yang kita buat TN50 ni 2050. Saya rasa saya dengan Yang Berhormat ni ada ke *dok* lagi *dok* tahu 2050 ni.

Jadi 2020 ni *pah kuaner doh*. Sama ada dia gagal ke, berasa geli dah nak sebut sebab Tun Mahathir tak bersama dengan UMNO lagi dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):(Sambil ketawa).... Berat sungguhlah. Yang Berhormat Dato' Yang ...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nak dengar suara Telemong dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Sabor lu.*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bahasa Telemong nak dengar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Dok gini*, kita kena faham bahawa Transformasi 2050 ini adalah untuk generasi akan datang. Bukan soal 2020 tu tidak berjaya, kita kesinambungan kita, kesinambungan untuk Dasar Kerajaan. Dasar Kerajaan ni biasalah sejak pada tahun 1970 kita ada Dasar

Ekonomi Baru (DEB), sehingga tahun 1990. 1991 sehingga tahun 2020 kita ada Dasar Wawasan 2020.

Dan, kita tak habis lagi 2020 ni. Baru tahun 2017 baru, tak habis lagi. Jadi kita nak sambung *hok* 2020 ni kita menyediakan platform kepada anak-anak muda, generasi-generasi muda kita. Kita ni tak penting dah. Sebab tu Kerajaan ni dia menyediakan untuk generasi akan datang, untuk generasi tahap kita ni tak apa *mapuh keras* sini pun.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa ini satu platform yang baik kesinambungan kepada Wawasan 2020. Jadi kita menyediakan Transformasi Negara 2050 untuk *next generation* dengan izin Dato' Yang Dipertua. Itu bahasa Telemong tu.(Sambil Ketawa).... **Jadi untuk masa depan Dato' Yang Dipertua.** Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Telemong, terima kasih kepada Batu Rakit dan Paka yang mengemukakan soalan ya. Alhamdulillah, wasyukuri lillah. Kita telah tamat untuk sesi soalan lisan. Maka saya berhasrat untuk **menangguhkan sementara....**

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, saya pohon....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dewan Yang Mulia ini

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' yang Dipertua, saya pohon satu *rulling* di bawah Peraturan 31(2) di mana dengan izin Dato' Yang Dipertua saya telahpun menghantar satu notis dengan 14 hari notis...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok, peraturan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak panggil lagipun.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk dulu. Sebab saya tengok Air Putih depan saya terus tadi. Tapi saya dengar suara saya tak panggil lagi. Jadi saya nak panggil Air Putih, sebab saya nampak Air Putih, apa yang ternampak dahulunya oleh saya. Minta maaf Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Mohon *rulling*. *Rulling* tentang ...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **Dato' Yang Dipertua,....**

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):surat yang telah saya terima

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): ...saya minta Peraturan Sidang Dewan ini

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ...Mengenai Enakmen Syariah Hudud dan Qisas Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih):ditangguhkan buat sementara waktu untuk membincangkan tentang perkara

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Jadi *rulling* ini Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): yang saya rasa penting dan mustahak untuk kita bincangkan.....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ...berkaitan dengan Enakmen yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih):dan saya minta Dewan ditangguhkan dulu di bawah

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):Apabila sesuatu Enakmen telah

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Doh wane* ramai yang cakap Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Bagaimana kita nak melaksanakannya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Hor* yang bercakap kelam kabut *dok* faham Peraturan Dewan ke *guane*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Speaker ada sini ni. Nanti kejap Batu Burok. Peraturan. Speaker dah ada. Saya dah bagi ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ikut Peraturanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta duduk semua dulu. Kita lihat Perkara 30. Saya hanya buka kepada Perkara 30. Yang *rulling* saya telah hantar kepada Y.B. Batu Burok. Tak perlu kita pertikaikan, tak boleh dah. Saya nak minta Air Putih ..

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya hanya pohon dari segi sebab saya menerima jawapan balas daripada Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah buat *rulling* tolak.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tentang *rulling* yang telah ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah buat *rulling*, saya tolak.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, ya, saya mahu pohon penjelasan apabila sesuatu Enakmen yang telah diluluskan dan diwartakan.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa Batu Burok sudah jelas.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): dan berkuatkuasa Enakmen Hudud dan Qisas. Dalam jawapan Yang Dipertua, tidak ada sesuatu jawapan yang diberikan, hanya menolak dan tidak memberikan sebarang alasan ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): kenapa suatu enakmen yang telah diwartakan. Enakmen Hudud dan Qisas.....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya nak minta Dewan ini ditangguhkan dahulu Dato' Yang Dipertua....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ...ini penting Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih):sebab saya nak bawa isu di bawah Fasal 30

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ...kerana telah menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat dalam negara kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sebab itulah saya tidak mahu Dato' Yang Dipertua, sesuatu...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua. Nanti kita tidak ada masa untuk bincangkan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): yang berkaitan dengan Syariat Allah Subhanahu Wata'ala ini dipermainkan

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Ni *guane* ni *dok* berhenti cakap ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ni soal Batu Burok...

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):diperkotak katikkan....dan Dewan inilah tempat ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok duduk, Batu Burok duduk, saya ... Minta maaf Batu Burok, minta duduk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ...Dewan inilah tempat untuk kita berbincang, bukan di padang bola, bukan di

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dewan tidak pernah menolak usul...

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ...media sosial.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Untuk memartabatkan agama.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Untuk kita memperkasakan syariat yang telah kita luluskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dah 15 tahun dah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): *Doh guane* hal. Peraturan Dewan ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok saya tidak mahu menggunakan Peraturan yang lebih. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): **Tak apa, tak apa sebab ini penting. Sebab...**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tahu ...

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): **Ini merupakan sesuatu**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tapi Batu Burok kita dah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): **....yang telah kita bantangkan dalam Dewan ini 15 tahun yang lepas. 15 tahun yang lepas kita bincang dalam Dewan ini, diwartakan dan telah diwartakan dengan tarikhnya pada... Disebut dengan jelas telahpun diwartakan pada 25 September 2002 dan telah dicatatkan berkuatkuasa mulai...**

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): *Rulling, rulling ke guane ni.Nak cakap sokmo ni?*

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): **.....2003 melalui dokumen TRPU2003....**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. apa, Pemerhati lihat. Saya

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Jadi saya pohon suatu penjelasan dan *rulling* yang jelas dalam Dewan ini. Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:nak tegaskan pada Batu Burok bahawa saya telah buat *rulling* dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Jelas bahawa nak bahas kembali tidak boleh, kalau nak buat pindaan kepada RUU tersebut, mungkin kita boleh pertimbangkan. Bahas kembali bila sudah.....

Kita telah bincang, telah bahas dalam Dewan lama dah, tahun 2001. Kita telah bahas, diluluskan dalam Dewan. Apa lagi kita nak bahas lagi, dah lama dah. Lepas itu telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan **telah diwartakan. Apa lagi? Sebab...**

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Pelaksanaan dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf, minta maaf, Bandar, Bandar. Minta maaf Bandar itu soal pelaksanaan, lain. Bukan perlu kita bincang dalam Dewan. Minta maaf, Dewan meluluskan undang-undang. Sebab itu dipanggil Dewan Undangan Negeri Terengganu. Bukan salah Dewan tidak melaksanakan.

Kalau saya kata perkataan yang menyinggung minta maaf, Dewan tidak pernah menolak, sudah diluluskan, tahun 2003 telah diwartakan. Jangan main-main **dengan hukum Allah Subhanahu Wata'ala**, jangan dipolitikkan. Minta maaf sebab Dewan ni bukan melaksana, kena faham. Kena ada *separation of power*. Kalau Dewan nak laksanakan, Speaker nak laksanakan. Bukan, bukan caranya begitu. Saya mohon maaf.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, saya tak benar lagi dah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sudah tahu bahawa... Nanti kejap Air Putih. Saya nak jelaskan...

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Kemas, kemas Dato' Yang Dipertua Dewan, kemas.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, soalnya saya tak nak bahas kembali. Apa maksud bahas kembali? Nak laksana, minta maaf. Jadi terima kasih banyak Batu Burok dan harap faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya bimbang ada orang nak jadi juara yang tempatnya tak kena.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Kuala Berang, terima kasih Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat Yang Berhormat kena jelaskan supaya orang, ramai Pemerhati tidak keliru dan tidak ada sebenarnya. Jangan jadi juara tempat yang salah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, terima kasih Kuala Berang. Sebab tu saya kata bahas, dah lulus, dah dapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, telah diwartakan 2003, pelaksanaan bukan di sini dilaksana, ya. Bukan di sini diputuskan pelaksanaan. Sila Air Putih.

Cadangan Di Bawah Fasal 30

Perkara-Perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Terima kasih Yang Dipertua Dewan, saya pohon Dewan ini ditangguhkan di bawah Fasal 30 untuk kita bincangkan perkara-perkara tertentu yang mustahak bagi orang ramai. Jadi saya nak serah saya punya ni, yang tajuknya Ancaman Korea Utara Terhadap Malaysia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bentara.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Ancaman Korea Utara Terhadap Negara Tercinta Malaysia.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tukar, tukar.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): International. Bagi Air Putih je *hok* tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nampak International sikit ya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, kita bahas sekali *hok* ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat nak jadi Yang Dipertua tunggu dululah. Yang Dipertua masih ada ni. Sabar ya.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Sedap *doh* bunyi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sedap *doh* bunyi *deh*. Terima kasih Manir.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Alur Limbat *takmboh* tanding *doh*?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya ada menerima Cadangan Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu, saya perlu masa untuk baca. Panjang ya. Dan insyaAllah saya akan buat keputusan selepas ini kerana ini ada hal kena mengena dengan negara dan negara luar ya, terima kasih.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pada pukul 11.00 pagi. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI.

PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Sebelum kita berhenti rehat sebentar tadi, saya ada menerima satu Cadangan/Usul Di Bawah Fasal 30 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Saya dapati setelah saya baca, saya bertafakur fiddin secara *detailnya*, memang ya ucapan ini ada perkara-perkara tertentu kerana ini juga melibatkan kepentingan orang ramai. Tapi pada fikiran saya, pengamatan saya, bahawa tidak perlu disegerakan kerana saya cukup percaya Kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan yang sudah mencukupi secara berhikmah bagi menyelesaikan masalah ancaman ini.

Jadi kita perlu yakin kepada Kerajaan Malaysia yang selama ini cukup secara hikmahnya menjaga hubungan di antara luar negara dalam kaedah menyelesaikan permasalahan yang dihadapi sekarang ini. Maka dengan itu saya menolak Usul Di Bawah Perkara 30 ini. Terima kasih.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan: -

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan bersetuju merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu kerana menyampaikan titah Diraja mengenai Dasar-Dasar Kerajaan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas dan bersetuju merafak sembah Ikrar Taat Setia Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat pada Pentadbiran Negeri supaya Dasar-

Dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan Negeri dan rakyat keseluruhannya.”

Saya mohon mencadang Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mahu menyokong usul itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi atas sokongan. Maka usul ini saya dapati telah mendapat sokongan, sekarang saya ingin buka pada perbahasan sekiranya ada. Sila Jabi sebagai penyokong usul. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam** sejahtera, selamat pagi, Salam Transformasi Terengganu Baharu, Salam Negaraku Malaysia. Alhamdulillah, semma Alhamdulillah. Alhamdulillahirabbil 'alamin wabihi nastain. Wassalatu wassalamu'ala rasulillah wa'ala alihi waman walah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, barisan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan seterusnya sidang Pemerhati Dewan yang mulia pada pagi ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Dewan Yang Mulia kerana memberi peluang kepada saya mewakili pihak Kerajaan, mewakili rakan-rakan daripada Barisan Penyokong Kerajaan bagi memulakan perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin sempena Istiadat Pembukaan yang berlangsung semalam.

Dato' Yang Dipertua dan Sidang Dewan yang dimulakan sekalian, saya nak terus kepada butir-butir ataupun perkara yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Istiadat Pembukaan semalam iaitu menyentuh berkenaan dengan kedudukan semasa ekonomi Negara Malaysia amnya dan Negeri Terengganu khususnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ternyata sungguh mengambil berat berkenaan dengan kedudukan kewangan dan ekonomi semasa dan jelas melalui Titah Ucapan

yang telah diberikan, Baginda melahirkan rasa berpuas hati dengan pencapaian Kerajaan Negeri Terengganu di dalam ekonomi walaupun sedikit sebanyak mencatatkan penurunan akibat daripada kelesuan ataupun kelembapan ekonomi seluruh dunia.

Menyentuh berkenaan dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar yang pada tahun lepas mencatatkan pertumbuhan yang sedikit menurun sebanyak 3.1%. Dan berbanding pada tahun 2015, 3.3%. Sebenarnya bukan kita di Negeri Terengganu sahaja. Kalau dilihat statistik perbandingan yang sempat saya kutip, Negeri Selangor contohnya pada tahun 2015 mencatatkan 5.7%, 2014 - 6.7% dan 2013 - 5.8%. Pulau Pinang mencatatkan 5.5% daripada 8.0%. Dan negeri jiran kita lebih kurang sama juga dengan negeri kita, mencatatkan 3.5% daripada 5.0%.

Manakala negeri-negeri yang lebih maju juga tidak mencatatkan pertumbuhan yang baik ataupun memberangsangkan. Johor contohnya, mencatatkan 5.6% daripada 6.5%. Sarawak 3.7% sahaja daripada 4.3%. Jadi senario ini sebenarnya menunjukkan bahawa kita Negeri Terengganu khususnya dan Negara Malaysia amnya berada pada landasan yang bukan jauh yang tidak lari daripada apa yang sepatutnya kita dapati ataupun kita capai berbanding apa yang disebut-sebut di luar sana Malaysia yang Terengganu adalah sebahagian daripadanya sebagai sebuah negara dengan izin *fail state* ataupun negara yang gagal.

Kerana unjuran pertumbuhan ekonomi Negeri ni tidak dapat dicapai sepenuhnya berdasarkan apa yang telah kita semua maklum kelembapan ekonomi dunia, kejatuhan harga minyak dan sebagainya. Ini jelas dan tidak perlu lagi untuk kita pertikaikan kerana dengan apa yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada hari semalam menjelaskan bahawasanya Kerajaan Barisan Nasional Terengganu sedang, telah dan akan terus melaksanakan program-program yang memberi impak ekonomi kepada rakyat khususnya dan terus menyumbang kepada negeri ini. Amin.

Dato' Yang Dipertua, saya nak menyentuh sedikit berkenaan dengan kesungguhan Kerajaan di dalam bidang pelancongan. Sementelah pada tahun ini kita telah melancarkan Tahun Melawat Terengganu pada 2017 yang kita jenamakan sebagai "Visit Beautiful Terengganu 2017".

Kalau kita mengimbas kembali ketibaan pelancong sebenarnya ke Negeri Terengganu, dalam tempoh 10 tahun yang lepas telah menunjukkan peningkatan berkali-kali ganda, lebih daripada 300%. Sebagai contoh melalui data yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu pada tahun 2005 lebih daripada 10 tahun yang lepas, ketibaan pelancong hanya 1.8 juta sahaja ke Negeri Terengganu. 10 tahun selepas itu, iaitu tahun 2015 - 4.7 juta pelancong telah tiba ke Negeri Terengganu. Bermakna peningkatan 300% lebih daripada apa, dalam tempoh 10 tahun sahaja.

Justeru, sasaran Kerajaan untuk mencatatkan ketibaan pelancong kedua-dua domestik dan juga antarabangsa ke Negeri Terengganu sebanyak 5.5 juta orang pada tahun ini tahun 2017, insyaAllah akan dapat dicapai memandangkan ataupun jika dilihat kepada program-program promosi pelancongan yang sedang giat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Manakala dari segi pulangan sektor ini pula kepada pertumbuhan ekonomi negeri, saya mengutip data sepanjang 4 tahun yang lepas, tahun 2012 - RM3.3 bilion pulangannya yang secara tidak langsung, 2013 - RM4.6 bilion, 2014 - RM4.72 bilion dan 2015 - RM4.64 bilion.

Jadi, peningkatan itu dilihat bahawasanya betullah apa yang diusahakan oleh Kerajaan memberikan penekanan kepada sektor pelancongan ini adalah satu perkara yang sangat-sangat perlu untuk mendapat sokongan dan kerjasama sama ada dari segi orang politik, sama ada rakyat mahupun pihak pelaksana iaitu Pegawai-pegawai Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita berasa sangat teruja dengan pengumuman Kerajaan untuk melaksanakan ECRL ini ataupun dengan izin East Cost Rail Link. Bila terbiasa sangat sebut ECRL ni, kadang-kadang susah sikit nak sebut dalam Bahasa Melayu. Macam Telemong tadi dia nampak macam dah terbiasa dengan Bahasa Inggeris dah. Bahas pun dalam Bahasa Inggeris dah *lening* nampak. Landasan Keretapi Pantai Timur ini, Sidang Dewan yang dimulihkan sekalian dulu satu masa dulu ialah satu angan-angan.

Apabila kita pergi ke Kelantan contohnya dan tengok landasan keretapi, pergi ke Johor, pergi ke Negeri Sembilan, ke Kuala Lumpur dan sebagainya kita akan rasa

pada masa itu alangkah baiknya jika di Terengganu pun ada landasan keretapi dan boleh tengok keretapi di Negeri Terengganu.

Satu masa dulu itulah satu angan-angan sahaja ataupun harapan kita, tiba-tiba pada hari ni kita dihidangkan ataupun diberitahu, dimaklumkan oleh Kerajaan bahawasanya pihak Kerajaan akan melaksanakan ECRL ini seolah-olah satu mimpi yang jadi nyata.

Di sinilah sebenarnya bagaimana usaha Kerajaan untuk membangunkan Pantai Timur ini khususnya kita di Negeri Terengganu setelah kita ada jajaran lebuh raya kemudian hak nak mari pula ni keretapi, kapal terbang pun ada dah, pelabuhan-pelabuhan kita pun cukup hebat maka inilah sebenarnya satu perkara yang perlu rakyat sedar bahawasanya Kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh membantu memaju dan seterusnya meningkatkan taraf ekonomi.

Sepanjang 600 km itu daripada Tumpat-Gombak ataupun Gombak ke Tumpat 234 kilometernya ialah lalu dalam tanah Negeri Terengganu. Dua hari lepas saya sempat melihat pameran yang diadakan di Pejabat Daerah Besut di ruang legar tersebut dah siap dah dengan semua senarai nama-nama pemilik tanah yang mungkin terlibat dengan jajaran landasan ini dan juga stesen-stesen perhentian sebagaimana yang disebut dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada hari semalam ada lapan tempat perhentian.

Dulu kita tidak pernah jangkakan ini akan menjadi satu realiti dan kebanggaan kita di Negeri Terengganu. Dulu kita duduk rasa macam alangkah hebatnya negeri orang kerana ada dan kita tak ada. Kalau ada dulupun, kita baca sejarah sahaja landasan keretapi, yang angkut hasil bumi di Bukit Besi sahaja. Kepalanya ada lagi tak tahu *lening*. Mungkin Yang Berhormat Bukit Besi boleh jawab sikit *agi*.

Tetapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya suka nak menyebut bahawasanya setiap projek pembangunan yang dilaksanakan itu, dia akan ada perkara-perkara ataupun kesan sampingannya yang akan memberikan sedikit impak negatif kepada rakyat khususnya. Saya mengambil contoh apabila kita buka Lebuh Raya Pantai Timur ini, LPT2 kita ini, kalau dulu kita menggunakan jalan biasa, tempat perhentian kita ialah mungkin di sekitar perjalanan daripada Kemaman sampai ke Ajil.

Dan kita dapati banyaklah kedai-kedai, restoran dan perusahaan-perusahaan kecil yang diusahakan ataupun dibuat oleh orang-orang kampung kita, rakyat kita tetapi pada hari ini sudah agak suram. Sudah agak suram di mana kalau di Bukit Besi tu mungkin kedai-kedainya difahamkan banyak tutup. Saya pernah singgah untuk minum di satu kedai yang dulunya bertaraf kedai makan besar tetapi hari ni dia dah saiz perusahaannya ataupun perniagaannya dah makin mengecil.

Kalau katakan dulu yang kalau mereka menyediakan makan tengah hari, makan pagi dan makan petang mungkin kalau sepuluh ekor ayam satu hari pun mungkin tak cukup. Sekarang nak habiskan dua ekor ayam pun mungkin tak dapat. Kerana apa, kerana penggunaan jalan raya itu sudah semakin menurun dari segi kekerapan trafiknya menyebabkan kesan sampingan kepada kelembapan ekonomi di kawasan-kawasan yang terlibat.

Jadi kita mohon kepada pihak Kerajaan melalui pembinaan ECRL ini, supaya mengambil kira perkara-perkara tersebut. Ada lapan stesen yang akan dibina **di Negeri Terengganu, saya sebenarnya Dato' Yang Dipertua ada soalan berkenaan** dengan ECRL ini tapi mungkin tidak berkesempatan dijawab oleh pihak Kerajaan dan saya nak sebutnya ialah di samping lapan tempat stesen yang kita jangkakan akan menjadi sebagai *economic booster* ini dengan izin sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi kawasan setempat akan ada di tempat-tempat kawasan lain yang mungkin akan ketinggalan dari segi bidang ekonominya ataupun tidak dapat berkembang kerana orang dah tak lalu kawasan tersebut.

Setakat ini kita belum pasti lagi di mana kawasan-kawasannya tetapi terima kasihlah kerana DUN Jabi juga akan ada landasan keretapi, alhamdulillah. Boleh tengok keretapi di DUN Jabi. Saya tengok ada dua kawasan iaitu di kawasan Kerandang dan Pekan Jabi sendiri, insyaAllah akan dapat laluan keretapi. Dan ini akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan sampingan yang memberi kemudahan dan juga kepentingan kepada rakyat.

Dato' Yang Dipertua, dengan adanya kemudahan pengangkutan awam yang cekap ini sudah semestinyalah ekonomi kita akan jadi maju. Walau bagaimanapun, saya suka juga untuk nak memberi ingatan kepada pihak Kerajaan, di dalam kita nak menempuh arus kemajuan yang berbentuk *commercial* ini dengan izin perlu juga seiring dengan kemudahan-kemudahan awam yang kita rancang untuk sediakan bagi kepentingan rakyat.

Dua tahun lepas Pihak Kerajaan Negeri telah melancarkan MPR lebih daripada dua tahun lepas Majlis Perundingan Rakyat dan di dalam Majlis Perundingan Rakyat ini, kita diajak berbincang beramai-ramai daripada setinggi-tinggi jawatan sehingga ke sekecil-kecil jawatan di peringkat kampung, duduk berkumpul dan juga memberikan cetusan-cetusan idea yang sebahagian besarnya sudah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri di bawah **pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar** yang ada sekarang ini. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan.

Walau bagaimanapun, ada lagi Dato' **Yang Dipertua** terutamanya kemudahan-kemudahan awam yang melibatkan komuniti setempat. Saya nak sebut lagi walaupun berulang kali di dalam Dewan yang mulia ini di tempat saya khususnya masih ada lagi tujuh buah kumpulan komuniti iaitu tujuh buah kampung yang tidak mempunyai kemudahan balai raya yang pada hari ini masih lagi melaksanakan ataupun berhimpun terpaksa di rumah Ketua ataupun Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Ketua Kampung ataupun di bangunan-bangunan yang kita tidak dapat miliki sepenuhnya seperti di bangunan yang mungkin dipinjamkan oleh pihak lain kepada kita.

Jadi ini sebenarnya saya nak menyeru kepada pihak pentadbiran Kerajaan terutamanya Unit Perancang Ekonomi Negeri dan juga pihak Kewangan supaya boleh lihat perkara ini secara *detail* kerana apa yang saya difahamkan mungkin sesetengah pembinaan kemudahan-kemudahan awam ini melibatkan pengambilan balik tanah yang mungkin akan melibatkan implikasi kewangan pada jumlah-jumlah yang tertentu.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan ini sangat penting. Pihak Pengarah Tanah dan Galian (PTG) mungkin boleh bekerjasama rapat dengan UPEN dan boleh mendapat pandangan dan rujukan daripada pihak kita di akar umbi ini bagaimana pentingnya sesuatu itu untuk didahulukan di dalam rancangan pembinaan. Nak menjelang 2020 lagi ni, saya nak bagitahu Pakalah sebenarnya saya tak geli nak sebut 2020 ni tak ada hal. Tak ada masalah geli nak sebut 2020 ni. 2020 dua tahun lagi. Menjelang nak menjadi sebuah negeri yang maju 2020, saya rasa tidaklah menjadi satu perkara yang agak *cynical* dengan izin jika kita sebagai sebuah negeri yang diperintah oleh Kerajaan yang kuat mendapat sokongan daripada rakyat tetapi tak dapat menyediakan kemudahan awam peringkat asas kepada rakyat.

Kita dah bercakap berkenaan dengan ECRL, kita dah bercakap berkenaan dengan mencapai KDNK dan juga purata pendapatan isi rumah sehingga RM8,000 sebulan tetapi pada masa yang sama kita masih lagi belum mampu menyelesaikan keperluan kemudahan awam yang menjadi impian sebenarnya masyarakat di kampung.

Mungkin ECRL dan perkara-perkara, program-program projek mega ini tidak sepenuhnya dapat dinikmati oleh kebanyakan segelintir masyarakat di peringkat akar umbi tapi dengan adanya kemudahan infrastruktur yang mungkin 50 ke 100 orang boleh mendapat manfaat secara terus daripada apa hasil yang dibuat oleh Kerajaan. Jadi hari ini saya nak menekankan kepada pihak Kerajaan supaya memberi lebih perhatianlah kepada permohonan-permohonan yang telah kita senaraikan di dalam Majlis Perundingan Rakyat yang senarainya itu ada dengan pihak Pentadbir kita di daerah masing-masing.

Kerana Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan ada yang cakap-cakapnya kata projek ini pembinaan ini bukanlah keutamaan. Bagaimana kita nak kata ini bukan keutamaan, jika inilah sebenarnya kehendak akar umbi. Ini yang dibisikkan oleh rakyat kepada Wakil Rakyat sebagai mewakili mereka di Dewan yang mulia ini.

Dato' Yang Dipertua, saya nak menyentuh juga sedikit sebanyak berkenaan dengan apa yang telah disebut oleh, yang dijawab oleh pihak Kerajaan daripada Telemong tadi melalui soalan yang ditanya oleh Batu Rakit iaitu Transformasi Nasional Tahun 2050.

Dia analoginya mudah saja, kalau kita ada anak dan bawa anak kita, rancang anak kita untuk menyediakan pelajaran. Pertamanya mungkin kita menghantar ke sekolah rendah sampai enam tahun habis, kemudian kita merancang di mana untuk kita nak hantar dia di sekolah menengah, kemudian di mana lagi kita nak hantar dia untuk merancang dia masuk ke peringkat *tutorial education* dengan izin ataupun peringkat ijazah ataupun diploma.

Pada sampai tahap itu, mereka akan merancang dengan sendirinya ke mana lagi mereka akan pergi selepas itu dan inilah sebenarnya yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk Transformasi Nasional 2050 ini ialah tolong fikir kepada anak-anak yang sekarang ni umur dia 5 ke 10 tahun yang mana pada tahun 2050 nanti

mungkin sebahagiannya akan berdiri di sini sebagai Wakil Rakyat ataupun Ketua-ketua Jabatan.

Pada masa itu mereka akan berumur 40 ke atas. Ini sebenarnya saya nak bagitahu kepada Wakil Paka tadi. Harap biar tengoklah rakaman kejap lagi lepas ni. Sebagaimana yang kita capai dalam tempoh tahun 90-an hingga insyaAllah dalam dua tahun lagi, 20 tahun lagi melalui Wawasan 2020, maka begitulah apa yang diharapkan untuk dicapai pada tahun 2050. Cuma bezanya ialah pendekatan. Kalau tahun 2020, Wawasan 2020 ialah daripada Kerajaan menetapkan sasaran pencapaian untuk difaham dan diikuti oleh rakyat selama tempoh tersebut dan rakyat bekerja ke arah itu. Apa yang dibuat untuk Transformasi Nasional 2050 ini **ialah apa yang cuba di**

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
 Penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dua minit, Tepoh. Sampai batuk ni. Apa yang nak dicapai oleh Rakyat Malaysia ini pada tahun 2050 nanti berdasarkan aspirasi mereka, ini bezanya. Kalau dulu daripada atas ke bawah, yang sekarang ini Kerajaan akan mengambil masa selama dua tahun, 2017, 2018 dan diakhirnya nanti pada tahun 2019 akan disediakan satu *blue print* dengan izin, satu buku di mana semua aspirasi rakyat akan dibukukan untuk dibentangkan menjadi panduan apa nanti yang kehendak rakyat pada tahun 2050. **Ini bezanya. Betul Dato' Exco Belia kita?**

Ya betul. Kalau tak betul, tolong betul. Itu yang kita nak capai sebab itu sekarang ini sibuk dengan *road show* ataupun dalam Bahasa Melayu kita je nak sebut pun payah bukan jelajah ni ada yang *hok* baru satu lagi ni, Jeyawara apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jerayawara.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Jerayawara.
 Apa maksudnya Dato' Yang Dipertua?(Dewan ketawa).....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dengan izin ya, *road show*.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dengan izin *road show* ...(Sambil ketawa)... **Hok tu'le jugok eh.** Jelajumlah jugalah untuk menerangkan. Dan di Terengganu pun sudah diadakan di Dungun di peringkat negeri dan dihadiri sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama dengan Menteri Belia dan Sukan dan kita mendapat respon yang cukup baik daripada orang-orang muda yang ada pada hari ini yang menyatakan apa yang mereka nak jadi pada tahun 2050 nanti.

Sebab itu saya beri analogi di peringkat awal tadi, macam kita nak menyekolahkan anak juga di mana selepas SPM, ke mana selepas diploma, ke mana selepas ijazah dan seterusnya ke mana. Dirancang berdasarkan apa yang dikehendaki oleh rakyat. Itu bezanya tidak ada soal kita nak meninggalkan legasi Tun Dr. Mahathir melalui Wawasan 2020 kerana Wawasan 2020 cuma tinggal 3 tahun saja lagi.

InsyaAllah kalau kita panjang umur, kita akan dapat rasa dan sebahagian besarnya sudah kita capai untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Dan selepas 2020, **what's next** dengan izin, apa lagi selepas itu? Apa lagi selepas itulah yang telah dirancangan di dalam Transformasi Nasional Tahun 2050 ini dan saya percaya selain daripada peringkat Negeri, Jeyarawara ini, *road show* ini akan diteruskan pula sehingga ke peringkat yang paling bawah.

Dato' Yang Dipertua, sila Tepoh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Tepoh, sila Tepoh. Terima kasih Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih **Dato' Yang Dipertua, Terima kasih Jabi. Balik kepada Wawasan 2020 Dato' Yang Dipertua.** Apa sebenarnya matlamat 2020? Dia ada dua perkara yang disebut dalam matlamat 2020. Untuk tiga tahun ke depan ini, adakah dua matlamat tersebut telah dicapai ataupun kerana tak boleh nak capai pergi kepada Transformasi Nasional 2050? Pohon penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh, sila Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya dah sebut awal tadi. Bukan soalnya 2050 nak menggantikan 2020.

Soalnya ialah apa seterusnya dan kesinambungan, macam kita menanam juga ataupun mudah beginilah macam kita nak *jember* hari raya, lusa dah nak raya, hari ini kena buat ketupat dah. Baju raya sebelum raya lagi potong. *Dokkanlah* hari raya tu baru nak buat ketupat, tak boleh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Nanti kejap Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Minta saya **habiskan dulu Yang Berhormat Tepoh. Dato' Yang Dipertu, saya habiskan dulu** sebab masa saya pun terhad.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Adalah **untuk rakyat ...**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: **Tepoh, duduk Tepoh. Peraturan** berbahas.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tak, sebab tidak menjawab, pergi ke lain jadi saya bukan nak belajar tentang tanaman, saya nak tanya apa matlamat. Minta tolong jelaskan apa matlamat dia.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): **Dato' Yang Dipertua**, saya berdiri tugas di sini bukan nak menjawab, yang menjawabnya ialah pihak Kerajaan. Saya mengambil peluang untuk membahar Titah Ucapan, saya ingat kena faham *hok tu*. **Boleh saya terus Dato' Yang Dipertua...**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: **Terus, terus, terus.**

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Jeyarawara.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): **Dato' Yang Dipertua** mohon penjelasan Tepoh tadi tu, bukan nak suruh awak jawab.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah saya dah jelas dah daripada awal. Ni nak jelas ni kena jawablah. Dan saya dah jawab **daripada awal, ini kesinambungan tak timbul soal untuk kita.....**

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tadi kata tak boleh jawab, *doh guane* boleh jawab *puloknya*. Ke jadi Exco dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi):(Ketawa).... Terima kasih Tepoh.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tepoh boleh tanya kekgi, lepas bahas kekgi.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Okey.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua akhirnya, saya pun nak beri peluang juga kepada kawan lain juga. Dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada hari semalam, di hujung Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Baginda melahirkan satu harapan di mana untuk mencapai dasar-dasar Kerajaan ini untuk memastikan segala perancangan yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini, *The Government of the Day* ini dengan izin, mesti kerjasama dengan semua pihak dan kerjasama ini mesti ataupun tak dapat diadakan jika tidak ada perpaduan. Sebab itu mustahak pada hari ini, kita rasa bersyukur jugalah kerana cubaan-cubaan, cabaran-cabaran yang dihidangkan kepada kita hari ini membolehkan kita mengenal sebenarnya siapa kawan di masa susah, siapa lawan di masa senang. Itu yang nak sebut. Saya nak menyebut dengan jelas pada hari ini.

Dato' Yang Dipertua, kalau sebut kita di Negeri Terengganu ini, marilah parti mana-mana pun, rakyat akan ingat dua parti sahaja UMNO-PAS, PAS-UMNO. Dia lari *gi* ke lain sekejap dia *konar* masuk balik sama ada masuk UMNO semula ataupun masuk PAS semula. Marilah parti mana pun sehari dua ni, *hok* oren *hok* amanah. Amanahpun nampak tak berapa amanah mana. *Hok* bunga raya, kemudian dua tiga parti lagi yang mari secara bermusim. Yang mari bukan kerana kepentingan untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat tetapi dua parti ini tetap kekal di dalam hati rakyat Negeri Terengganu khususnya orang Melayu Islam kerana mereka tahu dah, hodoh-hodoh UMNO pun *kot* mana-manapun tolong rakyat, *dok?* Hodoh-hodoh PAS pun *kot* mana-manapun tetap mempertahankan Islam macam UMNO *jugok*.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, terima kasih.(Dewan ketawa).....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Maka dengan sebab itu, apa yang berlaku pada hari ini.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):
Assalamu'alaikum, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi):
Wa'alaikumsalam, Wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Rantau Abang minta saya perabis dulu, nak *landing* dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebab minta nak tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang, Rantau Abang tak benar, tak benar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Minta tarik balik, hodoh PAS tu. PAS tak hodoh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak, itu metafora Cikgu tu Rantau Abang, metafora.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Minta tarik balik tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, Jabi elakkan menggunakan parti ya, peraturan Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Jangan tuduh sembarangan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Paka masuk dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, okey Rantau Abang sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Paka baru masuk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Jabi teruskan. *Landing* cepat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya nak bagitahu, ginilah analoginya mudah jer **Dato' Yang Dipertua**, saya tengoklah PAS ini kalau ibarat orang perempuanlah, saya minta maafah pada orang perempuan. Kalau dia itu orang perempuan yang orang kata *singlelah* laku sangat dia ni. Lambat abis edah ada orang masuk minta selalu. Sebagai contohnya dok, laku dok laku PAS ni...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Anak dara *mende* ada edah tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dok, bukan hok tadi anak dara. Ini hok single.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Dok tau* hukum fekah ni *guane* cakap *bolok* bab fekah ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Rangkum sekali, rangkum sekali.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tu janda ada edah *nok royak* beri.(Dewan ketawa).....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tahun 90-an, 95 *dok* dia kahwin dengan 46 tapi *dokdang* lama tapi berpisah *doh* jodoh tak panjang walaupun mungkin *dang* boleh anak, mungkinlah di Kelantan. Tahun '99 dia mula dah masa tu 3 orang masuk minta dia DAP, PKR, PRN *dok*, kemudian

jodoh *dokdang* panjang. Kemudian 2004 baru ni juga, ada juga dia berpakat dengan orang lain dan sekarang ni nak *jember* pilihan raya ni pula nampak duduk seoranglah pula.

Jadi kita nak sebutnya, sebab tu saya nak sebut kata tadi, hodoh-hodoh UMNO pun ini parti yang membantu rakyat. Ini parti yang kadang-kadang bantu juga kepada pengikut-pengikut PAS. Jadi apa salahnya kalau untuk nak mewujudkan kerjasama dan perpaduan, turutlah kita. Jangan duduk seorang gitu sebab turut hok lain tu nikah lama dah tiga kali cerai dah dengan orang lain.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): UMNO berkenan ke PAS ke guane. UMNO berkenan ke PAS *pulak*?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bukan soal kenan, kita ni *hok* baik kita kenan *sokmo-sokmo*, **cuma kita nak sebutnya ialah**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Jabi minta hantar sirehlah ke PAS ni, kita terima.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Minta hantar sireh?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): *Ambe* tunggulah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): InsyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bekas Perdana Menteri UMNO pun lawan UMNO.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya nak sebut. Terima kasih kepada Wakaf Mempelam kerana sebut bekas Perdana Menteri UMNO, terima kasih. Ni saya nak sebut, jangan sebut dia saja sebut saing dia seorang lagi *hok nama Lim Kit Siang tu. Sebut eh, kerana.....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sikit lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan ya, menyebut nama, parti politik secara khusus...

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya nak sebut **Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul, tapi sebut nama.....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Nak **menganjurkan kepada perpaduan. Saya nak beri contoh Dato' Yang Dipertua**, kalau tuan-tuan masih ingat Al-Marhum Ustaz Fadzil Mohd Noor pernah sebut, ya pernah sebut bahawasanya dia pernah doakan ibaratnya doakanlah supaya mudah-mudahan Tun Dr. Mahathir ni dipanjangkan umur untuk melihat kerosakan yang dibuat semasa pemerintahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, Jabi. Nama dilarang ya. Peraturan tetap peraturan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Minta maaf **Dato' Yang Dipertua. Bekas Perdana Menteri tersebut, dok.** Hari ini kita tengoklah oleh kerana sikap mereka berdua ini *hok* daripada bermusuh dulu boleh baik kerana *peseng, peel* dia sama ni. *Peseng, peel* dia sama. *Hok* seorang tu nak melantik anak beranak dia menjadi legasi nak memerintah. *Hok* seorang tu pun **serupa juga walau pernah dibenci satu sama lain.....**

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Minta penjelasan sikit *peseng, peel* ni *guaner* ya.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Peellah.* Perangailah. *Dok*, boleh nampaklah perangai dia hari ini. Jadi alhamdulillah Tuhan beri kita umur panjang kita boleh tengok. Serupa *peseng* walaupun dulu dia *balloh* tapi untuk kepentingan diri dia. Jadi dulu yang PAS yang pernah berkahwin dengan mereka ini yang sekarang ini sudah bercerai cuma *dok* tahu lagi gugur talak berapa. Kalau di Pulau Pinang lapan bahagian *doh* yang memutuskan untuk tidak bersama-sama.

Harapnya di Negeri Terengganu lapan bahagian PAS di Negeri Terengganupun memutuskan juga hubungan kepada musuh-musuh Melayu Islam ini. Marilah **bersama dengan kita. Rantau Abang.....**

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi):saya pun nak duduk *doh* ini, insyaAllah Jabi mohon menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih sebab terlalu panjangkan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya bagi Bandar dululah, sila Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, ahli-ahli Pentadbir Kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Dewan, Pemerhati dan juga warga maya yang sedang memerhati di dalam Sidang Dewan secara online.**

Saya mengambil peluang untuk membuat Ucapan Perbahasan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu semalam yang telah mencemar Duli untuk merasmikan Persidangan Penggal baru kita yang kelima untuk Dewan yang ketiga belas ini.

Tuanku Sultan menumpukan kepada tiga perkara utama yang sudah tentu juga dipersetujui oleh Kerajaan Negeri ini adalah tiga agenda yang paling mustahak kerana kita sedang menghadapi masalah yang berkait dengan tiga perkara ini. Ada perkara lain tapi tumpuan untuk pembukaan Dewan ini ditumpukan kepada tiga perkara.

Itu yang pertama tentang isu perumahan rakyat Negeri Terengganu. Isu yang kedua adalah kaedah untuk membantu meringankan kos bebanan hidup rakyat yang berlaku sedang rancak sekarang akibat kenaikan harga barang dan juga kejatuhan nilai Ringgit Malaysia.

Dan yang ketiga adalah tumpuan berkenaan dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan pada rakyat Negeri Terengganu kerana kita ketahui masalah utama seperti yang kita sebut pada pagi tadi adalah masalah kuasa beli rakyat Negeri Terengganu secara menyeluruh yang tidak berkembang. Saya mulakan **tentang perkara ketiga terlebih dahulu Dato' Yang Dipertua. Masalah *purchasing power*** dengan izin, rakyat Terengganu yang tidak berkembang.

Pertama disebabkan oleh perangkap pendapatan kita di Negeri Terengganu tidak berkembang untuk tempoh 10 tahun yang lalu. Jabatan Statistik dan juga EPU telah mengemukakan beberapa data yang agak signifikan untuk kita jadikan rujukan bahawa di Negeri Pantai Timur tentang kenaikan kuasa beli yang mendatar, Terengganu lebih ke bawah berbanding dengan Kelantan dan juga Pahang. Maka kita terperangkap dalam negeri kita seolah-olah terperangkap dalam dua pembangunan di Pantai Timur iaitu Pahang yang disatelitkan di Kuantan dan juga Kota Bharu yang berpusat untuk Negeri Kelantan. Maka kita di Terengganu seperti terperangkap dalam dua pembangunan yang pesat ini.

Kita tahu ramai rakyat Negeri Terengganu di sebelah selatan menumpukan kepada Kuantan untuk tujuan keperluan perbelanjaan dan sebagainya, hatta penggunaan kapasiti penyimpanan wang dan semangatnya mereka lebih menumpukan kepada menggunakan khidmat di Negeri Pahang iaitu di Kuantan.

Di sebelah utara juga, kita mempunyai masalah tentang sebahagian besar daripada Rakyat Negeri Terengganu yang berada di sebelah utara lebih menumpukan kepada perkhidmatan untuk digunapakai di Kota Bharu di Kelantan.

Maka inilah yang menjadikan sebab musabab kenapa Negeri Terengganu dilihat terperangkap di kedudukan dua-dua pertumbuhan yang pesat. Ini bukan salah Kerajaan, kita tak ada tujuan untuk menuding jari kesalahan tetapi ini adalah fakta yang perlu kita terima dari segi kedudukan geografinya, kedudukannya begitu. Maka sifat kompetitif yang perlu kita ambil ialah untuk mencari jalan supaya kita tidak berada dalam perangkap yang sama.

Dato' Yang Dipertua, kita tahu dan kita sedar Tuanku Sultan menyebut tentang agenda utama ialah perumahan rakyat Negeri Terengganu. Saya mengulangi untuk kali keenam kalau tak silap saya menyebut tentang agenda perumahan

rakyat di salah satu negeri telah menjadi agenda utama baik di peringkat Pusat Persekutuan dan juga negeri-negeri lain.

Maka, bersegeralah Dasar Perumahan Negara telah dibuat seawal tahun 2011 dan telah dibentangkan, diluluskan dalam Parlimen. Melalui dasar ini diminta supaya negeri-negeri kerana perumahan ini bersangkutan dengan masalah tanah yang dikuasai, ditadbir oleh Kerajaan-kerajaan Negeri maka bersegeralah untuk mencari jalan mengumpul statistik berapa peratuskah pemilikan rumah di satu-satu negeri. Sebagai contoh di Negeri Terengganu berapa peratuskah rakyat Terengganu kita ni memiliki rumah? Berapa peratus yang tidak ada rumah? Berapa peratus yang terpaksa menyewa rumah? Berapa peratus duduk dalam tanah Kerajaan secara haram dan sebagainya?

Ini adalah statistik yang asas yang sesebuah Kerajaan Negeri mesti ada kumpul untuk tujuan merangka. Ketiadaan statistik ini menyebabkan kita tidak boleh fokus dengan erti kata lain kita tersasar dalam melaksanakan agenda perumahan rakyat. Memberi peluang kepada rakyat kita memiliki rumah.

Saya sekali lagi terpaksa berterus terang, kita sebagai Pembangkang setakat ini kita tidak punya statistik dan kita tidak ada akses untuk mendapatkan statistik. Jadi saya minta kita ambil peluang perbincangan Titah Diraja ini, supaya Kerajaan umumkan Jabatan Statistik ada wakil dalam Dewan, keluarkan statistik. Di Negeri Terengganu, berapa peratuskah rakyat Negeri Terengganu memiliki rumah dan matlamat kita untuk mencapai berapa peratuskah rakyat Negeri Terengganu akan memiliki rumah dalam masa lima tahun akan datang. Lebih berfaedah pada saya berbincang berbanding berbincang pasal parti politik seperti yang Jabi sebut baru sekejap tadi. Ini adalah Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seawal muka surat pertama menyebut tentang agenda perumahan rakyat.

Dan saya juga nak sebut Dato' Yang Dipertua, kerana terfikir dan teringat pada tahun lepas sesi pertama tahun lepas, atau kedua tahun lepas, Kerajaan Negeri memberitahu dalam Dewan bahawa antara projek-projek perumahan yang banyak dan sedang rancak dirangka termasuklah PRIMA, Perumahan Rakyat 1Malaysia yang kita dalam Dewan ni telah meluluskan sehingga tanah rezab Melayupun kita benarkan PRIMA untuk guna untuk membina rumah.

Tetapi setakat hari ini PRIMA belum aktif di Negeri Terengganu dan hari ini Dato' Yang Dipertua saya mohon izin ulang semula benar atau tidak bahawa RM700 juta wang Negeri Terengganu yang sepatutnya dibinakan rumah PRIMA untuk rakyat Terengganu pekerja Negeri Terengganu dipinjamkan kepada Projek PRIMA di negeri lain dan janji Exco yang menjawab wang RM700 juta ini akan dikutip balik. Setakat ini berapa daripada RM700 juta wang Negeri Terengganu yang diguna untuk PRIMA bina rumah di negeri lain telah berjaya dikutip?

Ini juga termasuk daripada jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pagi tadi mengatakan kita perlu berusaha untuk ikhtiar hasil Negeri Terengganu supaya banyak termasuk segera menyekat daripada wang Negeri Terengganu digunakan di tempat lain.

Saya rasa antara tumpuan yang prioritinya, usahakan supaya sudahlah cukuplah wang Negeri Terengganu dibelanjakan di negeri-negeri lain. Ini adalah tidak wajar sama sekali Dato' Yang Dipertua. Jadi saya mohon berapakah beritahu berapakah wang itu boleh dikembalikan? Termasuklah tiga kali disebut tadi, wang Negeri Terengganu yang dibelanjakan untuk pembinaan LPT2, RM1.85 bilion tadi telah beransur-ansur dikutip. Tak apalah, terima kasih kerana Menteri Besar sebut tadi telah berjaya dikutip **sebanyak....**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya nak mencelah sedikit boleh Yang Berhormat Bandar? Saya nak tahu perumahan PRIMA ke perumahan SPNB? Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam pindaan Enakmen Tanah Rezab Melayu sahaja kita telah ada tiga kali menyebut semuanya berkenaan dengan ikhtiar untuk membina rumah PRIMA, SPNB dan baru ni berkenaan dengan Syarikat Perumahan Awam Negara yang baru kita bincang pada sesi yang lepas. **Ini semua....**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang saya nak tanya duit yang telah digunakan oleh Pusat untuk membina rumah-rumah di luar daripada Terengganu. Rumah PRIMA ke rumah SPNB?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau mengikut daripada jawapan Exco, RM700 ribu digunakan untuk membina rumah PRIMA.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita tidak ada penggunaan duit Kerajaan Negeri digunakan untuk pembinaan rumah PRIMA. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Oleh itu, kita betulkan *hansard*lah sebab *hansard* mencatat dalam kes kita membincangkan tentang jawapan pagi berkenaan dengan Projek PRIMA. Tak apa yang itu kita buka forum untuk kita berbahaskan tentang satu atau dua, isunya ialah pembinaan rumah di Negeri Terengganu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bukan, soalnya kita kena betul-betul fakta sebab rumah PRIMA konsepnya lain dengan rumah SPNB. Jadi sebab itu saya nak dapat penjelasan penggunaan duit tadi kalau rumah PRIMA memang kita tidak ada langsung penggunaan duit Kerajaan Negeri. Itu saya nak dapat penjelasan rumah PRIMA atau rumah SPNB?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi RM700 juta itu duit apa Yang Berhormat Menteri Besar?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya jelaskanlah tapi kena dapatkan penjelasanlah sebab kata dapat daripada maklumat tu. Saya nak dapat penjelasan tadi yang kata penggunaan RM700 juta.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya bersetuju, Dewan boleh merujuk kepada *hansard* semasa perbahasan pagi dan soalan pagi dijawab oleh Exco berkenaan perkara tu. Saya ada *hansard* ya. Jadi saya pulangkan kepada

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Pagi bila ni Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tahun lepas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tahun lepas tu banyak sidang kita, bila? Tarikh.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita ada tiga sidang jer setahun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, Yang Berhormat kena beritahu Dewan tarikh bila, kita boleh semak. Tak adil, itu tak adil Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita Keadilan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat kena akui kesilapan antara PRIMA dan SPNB, dia agensi berbeza, syarikat berbeza, penubuhan berbeza. Yang Berhormat kena **akui...**

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jangan tak akui kesalahan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Cuma beginilah saya rasa kita semua patut kena ambil mauduk Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu berkenaan dengan isu Perumahan Rakyat Negeri Terengganu. Soal agensi apa itu telah menjadi akademik. Sekarang kita rujuk kepada *hansard*.

Sekarang ni kita jangan merasa *defensive* kerana isu perumahan kita tidak **tumpukan ...**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tidak Yang Berhormat, celah Yang Berhormat. Kita minta, ni Dewan Undangan Negeri kita sebut yang mulia, kita sebut *hansard*, kita sebut yang betul-betul. Kita bukan soal, kita akui Yang Berhormat okey ya, yang betul-betul. Jangan alihkan isu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa macam ni. Kejap Bandar...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sekali lagi, sekali lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap Bandar. Kejap Yang Berhormat ya. Cuba Y.B. Bandar buka buku di mana kenyataan tadi, saya nak. Sebab tidak adil bagi saya untuk saya nak semak pada masa sekarang.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya berhajat nak habiskan perbahasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, saya nak tahu sebab....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *Hansard, hansard* saya akan *refer* kepada Dato' Yang Dipertua. Boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab Dewan diberitahu

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): **Minta izin Dato' Yang Dipertua, saya pun keliru ni, dan saya ingat yang ataspun lagi keliru ni, rakyat yang mendengar ni.**

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Rakyat keliru beratlah Kerajaan bagi keliru.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Baik bagi penjelasanlah supaya kita dengar ni khayal, dengar sedap je cakap, *dok*. Biar berfaktalah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jangan khayal, tak baik.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Jadi saya takut, bimbang kita rakyat di luar sana tu, jadi keadaan ini yang mengelirukan rakyat kebanyakan. Kalau dalam Dewan sendiri boleh mengelirukan, di luar tak tahu macam mana.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, Yang Berhormat Exco boleh....

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Biar jelas, biar ada bukti. Fakta tu bila, bila. Ni kita duk soal ni. Sila kalau boleh biar jawablah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, saya beritahu ini kita boleh rujuk kepada *hansard* kerana perbincangan berkenaan dengan isu perumahan terutamanya PR1MA kita bincang dalam Dewan dan salah seorang daripada Exco telah menjawab pada pagi itu berkenaan isu dan RM700 juta wang Negeri Terengganu disebut oleh Exco. Kita semak *hansard*.

Dan saya nak beritahu dalam Dewan sekiranya Dato' Yang Dipertua, kalau mempertikaikan fakta itu, seorang Ahli Dewan boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sekiranya berbohong di dalam Dewan. Dalam kes ini.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Dipertua, Bandar saya minta.....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dalam kes ini, dalam kes ini...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya minta celah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sekejap, sekejap.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ini satu lagi kekeliruan.....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sekejap.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): yang Bandar bangkit Dato' Yang Dipertua, betul.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tahu Yang BERTHORMAT adalah Exco tetapi....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tidak, saya nak betulkan keadaan ini dulu. Yang Berhormat.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ...nilainya ialah. Saya nak habiskan ayat yang ringkas aje. Sebab saya tak tulis apa percakapan saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Lepas ni bagi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak habiskan jer. Lepas tu saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Exco. Saya kata kita ada peraturan. Kita boleh rujuk mana-mana Ahli Dewan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sekiranya berlaku pemberitahuan atau kekeliruan apatah lagi penipuan. Tetapi kita kena ingat pihak yang dimaksudkan adalah pihak Kerajaan yang diberi tanggungjawab bukan pembangkang. Kita tidak punyai akses kepada maklumat yang *credible* yang dikatakan oleh Pihak Kerajaan maklumat yang sah untuk digunapakai. Kita hanya bergantung kepada *hansard* Dewan iaitu ucapan yang kita buat di dalam Dewan dirakam secara *verbatim*.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): ADUN Bandar kalau boleh biar beritahu ADUN, Yang Berhormat mana yang bercakap, Exco mana dan tarikh bila tu kalau boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ni Bandar, sebab Bandar sebut tadi *hansard*, *hansard* ini ialah minit mesyuarat kita. Yang Berhormat sebut lagi tadi hukuman, penipuan, *so* kita nak pergi kepada situ. Yang Berhormat kena sebut *hansard* tarikhnya bila, Exco mana kita akan *check* semak dalam *hansard* sebab ini dilanjutkan kepada penipuan. Kita takut Bandar sendiri yang keliru, yang membangkitkan perkara ini dan Bandar mesti dihukum.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya bersedia kerana saya **yang membangkitkan perkara itu....**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Baik, sila berikan tarikh dan apa nama *hansard* yang boleh kita rujuk. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sudah tentu saya bersedia kerana saya yang membawa isu tersebut. Tetapi saya ulang lagi sekali, **sekiranya....**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak perlu main lagi dah, kita dah minta jelas tadi. Usah kelirukan orang ramai.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak ada siapa-siapa yang bermain di sini Yang Berhormat Exco.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat seolah-olah bercakap nak menegakkan benang basah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bandar, Y.B. Kuala Berang saya rasa mudah aje. Sebab dalam Dewan Yang Mulia ini...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Haa*, jangan tegakkan benang basah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Kuala Berang, kejam Bandar ya. Mudah aje, *hansard* tu muka surat berapa, kita tengok semua ada, kan? Jadi boleh dikatakan, mudah aje. Jadi *clear....*

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, semua orang ada sekarang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tahu, muka surat berapa, muka surat berapa, di mana.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *and then* kita sama-sama baca.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini yang *direfer* kita baru beri 21, 22, 23, 24 November. Saya sebut ini yang lebih awal daripada itu. **Memang....**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tarikhnya bila? Saya boleh dapatkan *hansard* daripada pejabat saya. Bila?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya pun ada. Beri tarikh dia.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, saya rasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kechap, saya nak tahu sebab *clear the air*, ni Dewan saya, jadi saya tak nak bertegang leher perkara walaupun nampak *simple*, mudah tapi besar sebenarnya, ya. Saya nak tahu bila, tarikh bila saya akan minta pejabat saya hantar pada saya untuk *pendetailan*.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya buat cadanganlah **Dato' Yang Dipertua, isu ini kita bawa ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.** Sekiranya saya kod perkara yang salah, saya bersedia untuk dikenakan tindakan, okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya minta satu persatu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi isu berkenaan ini...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar, satu persatu mudah aje nak tahu berkenaan tarikh bila, bila sebut.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya akan beritahu, saya akan beritahu kerana saya sekarang sedang berbahas.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi Bandar teruskan. Saya minta teruskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya sedang berbahas tentang Titah Ucapan Diraja sekarang, ya. Berkenaan isu perumahan, jadi saya kata jangan merasa *defensive* **sebab apa yang saya nak tadi Kerajaan....**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak *defensive*. Ini ayat tak betul lagi. Bukan *defensive*, Yang Berhormat silap. Mengaku kesilapan, tidak ada PR1MA kepada SPNB, *yes*. Yang Berhormat jangan keras kepala.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): SPNB.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat jangan bawa orang lain ke arah yang macam Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih, okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih, saya nak ulang lagi sekali, saya berharap pihak Kerajaan terutama Yang Berhormat Exco tolong jangan merasa *defensive* **apabila kita bangkitkan isu yang....**

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak betul, Yang Dipertua saya minta celah. Tak betul, kalau *defensive* seolah-olah macam pihak Kerajaan yang bersalah. Sebab tu sekarang kita nak bukti. Jadi kalau kita dengar sini seolah-olah macam Bandar yang betul, kita salah. Sekarang **bagi kami, bagi saya.....**

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya bagitahu, Yang Berhormat Exco, Yang Berhormat Exco masa sesi penggulungan nanti.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya melihat Bandar yang salah ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Masa sesi penggulungan...

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya melihat Bandar telah membuat kenyataan yang salah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Exco.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Masa sesi penggulungan giliran Yang Berhormat, Yang Berhormat jawablah.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya kena mencelah, saya minta mencelah. Dan saya minta kalau boleh biar jelaskan masa ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya janji Yang Berhormat semasa Yang Berhormat menggulung nanti saya akan bawa fakta dan Yang Berhormat mesti menjawab.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua benda-benda macam perkara ni kena ambil ketegasan supaya kenyataan-kenyataan macam ni janganlah, sebab boleh mengelirukan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B, Y.B. Bandar duduk kejam, Y.B. Pengkalan Berangan duduk. Saya telah buat *rulling* tadi, saya nak data *detail*. Jadi saya tahu apa yang saya nak buat. Setuju?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Setuju, saya bersetuju.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tapi saya minta supaya segala maklumat *pendetailan*, tuduhan saya tidak benarkan dalam Dewan saya. Hanya yang berfakta sahaja.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau kesalahan kita mengaku dan tarik balik kalau perkara itu....untuk diambil tindakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya berharap Yang Berhormat Bandar mesti dihukum dengan jelas juga.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): ...sekiranya perkara ni di..... Saya ingat begitu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh, saya bersetuju. Dato' Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Teruskan, teruskan yang lain ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya teruskan, saya minta statistik berkenaan dengan pemilikan Rumah Rakyat Terengganu di Negeri Terengganu. Kalau tak boleh Kerajaan memberikan, keluarkan statistik ini, saya akan berusaha mengeluarkan dalam masa tiga bulan insyaAllah dan saya akan beri kepada Dato' Yang Dipertua kerana maklumat ini ada di Jabatan Statistik, Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan dan agensi-agensi yang berkaitan. Ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Berapa bulan?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tiga bulan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tiga bulan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tiga bulan insyaAllah. Saya akan bagi kepada Yang Dipertua kerana saya tidak ada pegawai-pegawai seperti Kerajaan yang ada akses kepada Jabatan Kerajaan, Kementerian dan sebagainya.

Saya akan buat sendiri kalau Kerajaan tak boleh keluarkan statistik berkenaan dengan pemilikan Rumah Rakyat Terengganu di Negeri Terengganu. Saya janji **Dato' Yang Dipertua. Tiga bulan, insyaAllah.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar, ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sekarang kita nak tahu daripada Kerajaan yang mentadbir Negeri Terengganu berapa ramai rakyat Terengganu yang baru berkeluarga, golongan muda yang nak cuba memiliki rumah pertama, bukan rumah nombor dua, bukan nombor tiga, nombor empat, lima, bukan.

Kita tahu di Negeri Terengganu ada orang yang memiliki rumah sampai 60 biji termasuk tanah. Ini statistik, ini rekod. 60 biji rumah termasuk tanah pemilikan tanah dan sebagainya termasuk gerai di Negeri Terengganu. Macam mana kita boleh *consolidate* perkara ini. Macam mana kita boleh membiarkan perkara ni berlaku **Dato' Yang Dipertua sehinggakan ada rakyat Negeri Terengganu menyewa** rumah sampai generasi ketiga. Peluang memiliki rumah rakyat, rumah termiskin, rumah PPRT tidak berjaya. Berapa peratus lagi yang belum berjaya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Minta laluan Yang Berhormat Bandar. Pertama sekali saya nak dapat kepastian yang 60 rumah ni rumah jenis apa? Kalau dia berhak, dia layak untuk dapat 60 rumah dengan pembelian sendiri, tak salah. Kalau kata 60 buah rumah tu rumah kos rendah, rumah PPRT itu kita kena maklum kepada kita. Jadi kena beri maklumat kepada kita sebab saya rasa tak salah kalau ada orang memiliki rumah yang banyak, asal rumah itu didapati hasil daripada usaha dia. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih kerana bersetuju. Maka saya tidak mengata benda tu salah, saya mengatakan keadaan di Terengganu ada orang yang mempunyai pemilikan rumah yang banyak kerana mereka ni berpeluang, bernasib baik tetapi sebagai Kerajaan Negeri Terengganu, sebagai pemerintah kita kena fikir juga berapa peratus yang langsung tak ada rumah. Itu saja isunya, *simple*. Maka kita keluarkan statistik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingat...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak beralih topik lainlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi pening semua dah, Bandar ni....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak beralih topik lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi dia tekan seolah-olah nak bandingkan antara orang yang berada dengan orang yang miskin. Kemudian, jadi....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Exco, Yang **Berhormat Exco...**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat cakap yang molek-moleklah, ni nak pilihan raya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Exco, Yang **Berhormat Exco...**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ni *live* ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Exco...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dan rakyat Bandar tengok, mampu *dok* Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Exco...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Cakap di Dewan ni, kalau macam ni saya ingat orang Bandar tengok boleh balik awal ni.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Exco, Yang **Berhormat Exco...**

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua Dewan. Cukuplah Bandar. Yang Dipertua, apa ni.....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Exco, bagilah *Backbenches*, bagilah *Backbenches* **faham, janganlah Exco...**

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya nak yang 60 orang tadi, saya nak tanyalah. Dia dapat anugerah tanah Kerajaan ke tanah dia beli sendiri? Yang kata ada 60 tu?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Baik, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey yang kedua, tak payahlah *style* cakap luar *nok wi* dalam Dewan sama jer. Dah di **luar tak apalah tidak ada peraturan, rakyat bolehlah dengar...**

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): ...dalam Dewan ni kita ada peraturan, biar fakta tu jelaslah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Yang Berhormat Exco, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Exco. Kalau saya, saya merasa malu kerana sebagai Kerajaan kita tidak ada statistik dan tidak ada maklumat, apa guna kita jadi Kerajaan? Sebagai Kerajaan kita perlu ada akses, maklumat semua di hujung jari sekarang. Kita boleh dapat. Kenapa Yang Berhormat Exco tanya saya. Kita Pembangkang dan saya janji insyaAllah kalau ditakdirkan Allah kita jadi Kerajaan kita akan keluar statistik ini segera.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya ingat macam ni dalam Sidang Dewan depan, jadikan soalan biar kami boleh buat persediaan awal dari segi statistik tu.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ada Yang Berhormat. Soalan saya ada berkenaan benda tu, ada. InsyaAllah ada. Okey, saya nak beralih kepada topik lain Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Rugi saya, masa. Saya nak beralih ke topik lain.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak rugi. Allah mendengar insyaAllah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Topik yang kedua yang disebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan adalah Kerajaan Negeri Terengganu mesti berusaha meringankan beban kehidupan rakyat akibat kenaikan dalam kos hidup. Ini disebut perkara kedua. Tiga agenda yang Kebawah Duli sebut secara terang-terang. Saya tak mahu pergi ke lain, bahas ini saja sebab ini pembukaan Dewan. Membahas Usul Titah Ucapan Diraja. Maka yang kedua ialah berkenaan dengan membantu meringankan beban.

Dato' Yang Dipertua, beban ini berlaku bukan juga kerana kesalahan Menteri Besar, Exco-Exco Kerajaan, bukan. Kerana apa yang berlaku sekarang ialah nilai ringgit kita jatuh merudum. Daripada dua tahun lepas kita dah bercakap dan pemerhati ekonomi mengatakan **Dato' Yang Dipertua dengan izin, *the worst has yet not come***, belum lagi yang teruk, yang terburuk belum lagi. Dijangka tahun depan.

Sebab itu pagi tadi, Yang Berhormat Marang tanya dan diperbahaskan oleh ramai kawan-kawan Ahli Yang Berhormat Dewan. Kaedah macam mana? Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberitahu kaedahnya pemotongan belanjawan dan sebagainya. Ini adalah kena mengena dengan kaedah kita membantu meringankan beban rakyat, **Dato' Yang Dipertua.**

Statistik berkenaan dengan tabungan rakyat Terengganu kita pun tak pernah keluarkan. Tabungan rakyat Terengganu menabung *patternnya* bagaimana? Kita banyak bank di Negeri Terengganu, sekurang-kurangnya ada 10 jenis bank. Boleh ke tidak Exco atau Kerajaan Negeri Terengganu berpakat minta dengan Bank

Negara sekurang-kurangnya kita ada di Negeri Terengganu pusat, Bank Pusat. Kita ada di sini cawangannya. Dapatkan maklumat *pattern* tabungan rakyat Negeri Terengganu macam mana. Ada tak menabung? Berapa *ratio* dia? Pendapatannya RM900 atau RM1,500 sebulan? Berapa peratus kita gunakan untuk belanja, menabung? Ada tak orang Terengganu, rakyat Terengganu menabung. Berapa persen? Ini adalah pada pandangan saya sebagai ADUN Bandar, inilah termasuk dalam titah, Titah Diraja.

Kita kena tahu fakta ini dulu untuk kita laksanakan pelan menyusun, membasmi atau membantu. Tanpa statistik, tanpa maklumat macam mana kita nak buat. Dan saya rasa tidak salah saya sebagai ADUN minta Dewan kita bagi maklumat ini kepada Ahli Dewan dan juga agensi-agensi yang ada dalam Dewan ini. Ini tidak salah. Cuma kalau kita tak buat dan kita tidak ada, kita merasa *defensive*.

Saya melihat beberapa Dewan Undangan Negeri termasuk juga di Kelantan dan Pahang, statistik ini ialah perkara yang memang sentiasa dipersiapkan kerana hari ini **Dato' Yang Dipertua pelaksanaan sesuatu program Kerajaan mesti disokong** dengan statistik. Kerana seperti yang Air Putih sebut, kita kena ada nilai *return of investment*. Betul Air Putih dengan izin.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bila tu, bila saya sebut tu? *Dok* ingat dah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau saya ingat, Air Putih tak ingat, tak apalah saya tolong peringatkan. Maknanya setiap sen yang kita belanja, kita kena tengok ada faedah dan manfaat atau tidak?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **Sepuluh tahun dah Dato' Yang Dipertua cakap pasal ekonomi tak ingat** belaka dah. Kena *kabor hok* manalah tu. Kita ambil anggap moleklah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak apa Air Putih nak ambil benda tu sebagai positif tak apa. Saya tak ada masalah. Cuma saya nak beritahu itulah juga kaedah dia. Kita nak belanja kita kena tengok setakat mana benda tu mendatangkan hasil kepada faedah kepada rakyat Terengganu.

Saya faham itu adalah intipati yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu titahkan. Perlu ada di samping program yang dibuat untuk membantu rakyat Terengganu terutama apabila nak menjelang Pilihan Raya Umum Keempat Belas nak bantu, bantulah. Sekarang Kerajaan memerintah sepatutnya buat lebih lagi daripada itu kerana ini adalah masanya. Tetapi kita sebagai Pembangkang, saya melihat dalam Dewan ini tidak ada maklumat, statistik tidak ada. Bagaimana kita nak pastikan benda tu terarah dan kita tahu Jabi juga membangkitkan soal Dasar Ekonomi Baru yang telah gagal.

Untuk makluman Jabi, Dasar Ekonomi Baru terberhenti kerana sasaran 30%....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Luluhan **Dato'** Yang Dipertua, saya ingat kena tarik balik. Saya *dok* sebut gitu.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jabi, saya nak habiskan **ayat.....**

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya tak sebut Dasar Ekonomi Baru gagal.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak sebut, saya sebut.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): **Dato' Yang Dipertua, saya ingat ini Dato' Yang Dipertua pun kena bagi *rulling* juga ni.** Sebab dia membuat tuduhan dalam Dewan ni kepada perkara yang saya tidak sebut.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar tarik baliklah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey. Saya tarik balik Jabi kata Dasar Ekonomi gagal.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya tak kata.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Memang tak kata. Saya tarik balik dah. Duduklah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Okey, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Bandar, terima kasih Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Okey, saya nak....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kata yang benar ya, kata yang benar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, saya nak beritahu Jabi **Dasar Ekonomi Baru bermatlamatkan 30% penguasaan ekuiti...**

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bukan bagitahu Jabi, bagitahu kepada Dewan yang mulia.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dewan yang mulia terutama Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih.(Dewan ketawa).....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penguasaan matlamat Dasar Ekonomi Baru pencapaian ekuiti Bumiputera 30%. 30 tahun matlamat dia Jabi, Yang BERTHORMAT Jabi sehingga Dasar Ekonomi Baru tamat tahun 1990. Menangis semua orang sebab apa? Dasar Ekonomi Baru cuma matlamatnya tercapai sekitar 16.371%.

Saya boleh ingat *detail* perkara ni. 16.371% sahaja, matlamatnya 30% penguasaan Bumiputera. Menangis semua orang, perlu ada dasar baru. Buatlah Dasar Pembangunan Negara (DPN), buatlah kata apa-apa dasar sekalipun sekarang Jabi, Jabi tolong peringatkan kita tadi berkenaan dengan Transformasi Nasional 2050. Tadi dah bising dah kita bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sikit jer. Maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan menyebut tentang perlunya segeranya untuk membantu meringankan beban rakyat Negeri Terengganu yang mana kita semua tahu dalam keadaan seluruh negara, keadaannya begitu, kedudukannya begitu.

Sebab itu pagi tadi Dato' Yang Dipertua, saya tekankan kepentingan kita cuba sedaya upaya supaya Kerajaan Negeri Terengganu *The Government of the Day* dengan izin, berusaha untuk mendapatkan semula *revenue* ataupun hasil ataupun hasilan yang kita tidak berjaya ambil buat balik kerana itu adalah hak Negeri Terengganu termasuklah ikhtiar untuk menggerakkan semula memperolehi hasil royalti daripada sumber minyak dan gas Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, itu saya pulangkan kepada Kerajaanlah nak buat macam mana tapi itu adalah keperluannya. Tiga hari lepas Dato' Yang Dipertua, saya melihat *online* perbahasan di peringkat Parlimen. Menteri Sumber Asli membentangkan dan menjawab berkenaan dengan keperluan kita menengok, menyukat, mengira jumlah tanah *accurage* tanah yang dimiliki oleh sesuatu negeri kerana tanah adalah dalam bidang kuasa Negeri.

Dia menyebut tentang adanya satu perkembangan baharu di mana sistem satelit dengan sistem sedia ada yang guna pakai ni ada *discrepancies* dengan izin, ada perbezaan yang nyata. Jadi Kerajaan Negeri Terengganu antara negeri yang luas tanahnya, di Semenanjung Tanah Melayu saya rasa patut juga Kerajaan memberitahu menyambut kaedah ini kerana dikatakan perlu ada persediaan membentangkan enakmen-enakmen baharu berlaku perubahan kerana pengukuran tanah, *plotting* tanah sekarang telah memasuki frasa baharu. Kerana tanah hak milik negeri perlu ada.

Kita tak nak isu Bertam pengukuran Telaga Minyak dikatakan tidak betul. Sekejap milik Pahang, sekejap nak tuntutan semula untuk milik Terengganu yang disebut pagi tadi akibat masalah *bearing* pengukuran. Ini memerlukan satu persiapan yang rapi. Sebab itu saya kebetulan saya melihat perbahasan di peringkat Parlimen akan ada pembentangan yang baru dan Negeri Terengganu Kerajaan Negeri perlu mengadakan enakmen-enakmen yang baharu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar panjang lagi ke. Lama dah setengah jam.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Satu, sikit jer. Walaupun disebut perkara ni oleh Perdana Menteri yang mewakili Barisan Nasional dan UMNO, saya sebenarnya tak berhajat langsung nak sebut tentang benda yang baik, tentang promosi yang baik berkenaan dengan sesiapa. Tetapi yang baik tu kita sebut jugaklah.

Ada disebut berkenaan dengan DFTZ, *Digital Free Trade Zone* disebut dan dikata ini adalah sumber baharu pendapatan negara. Dijangka 61% *new income* dengan izin, datang daripada sumber ini, jadi DFTZ ini, *Digital Free Trade Zone* baharu ni akan diumumkan dan saya rasa juga kerana Negeri Terengganu dah *venture* banyak berkenaan dengan benda ni ada e-book dan sebagainya kita telah ke depan, rasanya kita perlu juga untuk melihat bidang baharu yang juga memerlukan banyak berkenaan dengan perundangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar saya bagi 2 minit lagi. Panjang dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Dengan perundangan untuk mengeksklusifkan data maklumat terutama tentang pelancongan, tentang industri, tentang IKS, pelaburan dan sebagainya untuk Negeri Terengganu kita kawal ataupun kita *consolidatekan* melalui penggunaan ataupun utiliti DFTZ ini. Saya minta pihak Kerajaan jawab. Yang ini patutnya pihak Kerajaan telah mendapat maklumat ini dan telah ada perancangan kerana ini adalah bidang baharu yang pasti untuk mendapatkan keuntungan ataupun hasil.

Dato' Yang Dipertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak menyebut atau tidak menitahkan secara *direct* perkara ini tetapi ada kena mengena dengan industri pembangunan pelancongan Negeri Terengganu, satu jer. Satu minit saja. Saya tidak boleh membisu dalam Dewan ini, kerana saya telah berjanji untuk membangkitkan perkara ini.

Negeri Terengganu negeri yang cantik, orang semua nak datang atas dasar pelancongan dan juga perkara yang elok tentang Negeri Terengganu. Pelancaran Tahun Melawat Terengganu; Beautiful Terengganu sebagainya kita juga sokong,

Pesta Pantai juga kita sokong. Tetapi kita nak lihat juga apakah perkara baik yang boleh dibangkitkan di bawah daripada pelaksanaan perkara-perkara ini. Kalau kata.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar dah panjang sangat dah, cukup dah..

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup dah, panjang sangat dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sekali *last*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup dah panjang dah. Saya... banyak, banyak dah. Terima kasih banyaklah, boleh....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua.

Saya mohon izin Dato' Yang Dipertua, segala perkara yang saya tak sebut ni dibenarkan untuk membangkit di dalam penggulungan dan sekali lagi saya mengulangi *hansard* yang saya sebutkan tadi kita ambil dan kita buat siasatan. Ya, saya mengulangi sekiranya saya menyebut tentang fakta yang salah, saya bersedia untuk dihadapkan ke Jawatankuasa Kebebasan dan Hak untuk Dewan Negeri Terengganu demi menjaga kredibiliti Dewan yang mulia ini di Negeri Terengganu. Terima kasih banyak, saya menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Saya rasa masa hampir pukul 1.00 ni, saya berhasrat untuk tangguh sementara. Jadi perbincangan kita sambung petang inilah insyaAllah. Petang inilah, insyaAllah. Petang ni Y.B. Kota Putera ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Petang ni, petang...

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Minta 5 minit, 10 minit sedia dari tadi lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Petang ni insyaAllah, kita bagi petang nilah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Takut lari *point* petang ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa insyaAllah, tambah *point* lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera):(Ketawa).... Okey, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih kepada semua Ahli Yang Bert hormat yang terlibat dalam perbincangan. Yang Amat Bert hormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Bert hormat yang saya hormati sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pada pukul 2.30 petang. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dan sebelum itu saya menjemput semua untuk makan tengah hari tajaan Yang Amat Bert hormat Dato' Seri Menteri Besar. Yang Bert hormat semua di Damai Lounge dan semua pemerhati, Ketua Jabatan seperti biasa di U2. Sila nikmati selera dan sembahyang Zuhur insyaAllah. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.50 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum** warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat** sekalian. Sebelum saya menjemput mempersilakan Ahli Yang Berhormat yang ingin terlibat dalam perbahasan pada petang yang mulia ini, ingin saya ingatkan sekali lagi Peraturan Perbahasan Fasal 46 perlu kita teliti sebab sudah lama kita berada dalam Dewan ini.

Pastikan masa kita patuhi, 15 minit ya. Ini merangkumi kepada semua Yang Berhormat yang masih belum berbahas lagi, sila. Saya persilakan sekiranya ada. Sila Kota Putera. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum** warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil'alamin. **Wabihi nastain allahummaj'alna minassyakirin, allahummaj'alna minas sobirin, robbanaftah bainana, wa baina qouminal bil haqqi, wa anta khoirul fatihin, rabbana atina min ladunka rahmah wa hayyi'lana min amrina rasyada.**

Terima kasih Yang Berhormat Dato', Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan dan semua para Pemerhati. Pertama saya ingin ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang **Berhormat Dato' Speaker** kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan saya merafak sembah, menjunjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas Perasmian Pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengambil, menyentuh dua tiga aspek berkaitan dengan Titah Tuanku yang bersangkutan dengan kepentingan rakyat. Pertama ingin saya lontarkan di sini iaitu berkaitan dengan kebajikan kepada rakyat. **Untuk makluman kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila bercakap tentang kebajikan kepada rakyat dan sekejap tadi sebelum rehat Yang Berhormat Bandar menyuarakan perlu ada bantuan khusus kepada rakyat.**

Dan saya bagi pihak Yang Berhormat ingin lontarkan bahawa sebenarnya Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Barisan Nasional terlalu banyak memperuntukkan

bantuan-bantuan kepada rakyat. Salah satu contoh berkaitan dengan Tabung Darul Iman. Di sini saya ada nak nyatakan bahawa, berkaitan dengan Tabung Darul Iman ada empat berfokus iaitu berkaitan musibah yang mengambil kira bajet sebanyak RM305,000; Bantuan Perubatan RM826,000; Bantuan Sara Diri Tahunan RM1.5 juta; Bantuan Susu Dan Lampin Pakai Buang RM530,000 yang mengambil kira lebih daripada RM3 juta yang tiga bulan terakhir pada tahun 2016 iaitu Oktober, November dan juga Disember.

Dan ia ialah merangkumi kepada 2,689 penerima bantuan seluruh negeri yang mengambil kira juga Oktober, November dan Disember 2016. Dan ini juga merangkumi bahawa bantuan-bantuan ni sampai kepada rakyat tanpa mengira fahaman politik. Tak kira orang tu menyokong parti apa, tetapi Kerajaan *alert* dengan izin untuk memberi bantuan kepada rakyat demi kepentingan rakyat.

Maknanya apa yang diutarakan oleh Bandar tadi membawa kepada fokus begini juga. Dan di samping itu juga, saya ingin suarakan juga di sini berkaitan dengan bantuan perubatan dan sebagainya. Bukan itu saja malah Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebelum ini RM1 juta setiap tahun kepada setiap Yang Berhormat Kerajaan untuk bantuan pembinaan rumah PPRT dan juga bantuan baiki rumah yang juga mengambil kira contoh di Kota Putera.

Tahun lepas Kota Putera sendiri telah membina 20 buah rumah PPRT untuk Kota Putera sahaja selain daripada baiki rumah dan di samping itu juga Besut bernasib baik kerana Y.B. Parlimen Besut juga memperuntukkan bantuan di bawah *federal* juga untuk pembikinan ataupun pembinaan rumah untuk komuniti untuk rakyat susah sebanyak 25 buah setiap DUN. Maka di Besut terutamanya Kota Putera, kita mendapat 45 buah Rumah Mampu Milik, Rumah Komuniti dan juga Rumah PPRT diberi kepada golongan yang susah.

Ini setahun, jadi makna setakat ni dah hampir 100 buah rumah yang diberi kepada orang susah yang merangkumi setiap DUN lebih kurang. Dan tahun ni alhamdulillah, terima kasih banyak-**banyak kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar** di bawah kepimpinan kerana tahun ni setiap Y.B. telah diberi peruntukan tambahan daripada RM1 juta kepada RM2 juta pun untuk pembinaan Rumah PPRT dan juga pembaikan rumah kepada orang susah.

Ini juga merupakan bahawa, menampakkan bahawa Kerajaan yang ada pada hari ini adalah menitikberatkan tentang kebajikan. Yang kita tengok bahawa sebelah pihak lagi mewartakan sekiranya diberikan mandat nak menubuhkan Kerajaan Kebajikan. Sebenarnya *hok* tu baru nak buat, Kerajaan yang ada pada hari ini telah laksanakan maka maknanya *hok* nak buat dengan melaksanakan tentulah lebih baik kepada pihak yang telah buat.

Makna tidak timbul tentang perlu ada kebajikan ataupun bantuan kepada orang susah. Yang ini sebahagian saya melihat kepada bawah Tabung Darul Iman dan juga bawah Rumah. Tidak termasuk lagi terlalu banyak bantuan Kerajaan cuma saya memohon kepada Pihak Kerajaan, bantuan tu alhamdulillah sebab contohnya Bantuan Penyakit Kronik, biasanya kalau kita mohon biasanya akan dapat RM500 hingga RM2,000 *one off* setahun sekali. Rakyat boleh memohon kalau dapat dah tahun 2016, 2017 boleh mohon lagi cuma saya nak sarankan kepada pihak Kerajaan minta supaya *value added*, penambahbaikan dengan izin, supaya minta permohonan tersebut biarlah selesai dalam tempoh kurang enam bulan pihak Kerajaan sebab saya mendapat rungutan daripada pemohon, bukanlah banyak tapi ada sebahagian dia kata mohon awal tahun 2016 tapi 2017 masih lagi belum menerima keputusan lulus ataupun tidak.

Maka saya minta kepada pihak Kerajaan supaya Piagam Pelanggan janganlah lebih daripada permohonan tersebut, jangan lebih daripada enam bulan. Dan saya melihat juga bantuan tersebut, tanpa mengira fahaman politik, tanpa mengira kaum. Kawasan saya orang Bangsa Cina boleh, Bangsa Siam boleh waima semua sekali boleh maka tidak ada sebab. Inilah terima kasih kepada Kerajaan yang ada pada hari ini.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan sukan. Kita sebenarnya, saya mengambil peluang ni untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Azizul Hasni Awang dan juga Siti Rahmah Nasir yang dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Negeri untuk sesi 2015 dan juga 2016. Dan untuk makluman, dalam bidang sukan yang kita tahu bahawa atlet-atlet kita bukan hanya bertaraf nasional malah atlet-atlet kita juga bertaraf dunia.

Kerana apa saya katakan begitu? Kerana Siti Rahmah Nasir telah menjuarai Pencak Silat Dunia di Bali Peringkat Dunia. Dan *Lawn Ball* saudara Fairus Jabbar mendapat pingat gangsa, *three -first* pun acara peringkat dunia. Dan tak kurang juga kepada

saudara adik Azizi Shamsuddin mendapat pingat gangsa dalam Kejohanan Muay Thai di Bangkok pun peringkat dunia.

Maknanya kita nak beritahu bahawa atlet yang kita ada pada hari ini bukan lagi hanya bertaraf nasional malah bertaraf internasional. Dan ini kalau kita tengok dari segi hasil yang kita tuai pada hari ini bukan boleh tanam dalam masa yang singkat. Tentulah kita tanam dalam masa yang agak lama maka hari ini kita boleh tuai. Ini juga menunjukkan bahawa komitmen Kerajaan kepada sukan dan juga atlet begitu padu.

Saya untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya seringkali juga mewakili Yang Berhormat Exco Belia Dan Sukan sebab saya Timbalan Belia Dan Sukan mewakili Exco ke mesyuarat peringkat nasional di Kuala Lumpur ataupun Putrajaya. Dalam mesyuarat tersebut saya melihat apabila sebut sahaja pencapaian negeri-negeri dalam bidang sukan peringkat nasional maka saya terasa bangga dan teruja apabila sebut negeri-negeri yang mengungguli acara sukan, masing-masing melihat kepada Negeri Terengganu.

Jadi, ni hak Terengganu tengok sayalah sebab saya mewakili Y.B. Exco. Malah Menteri Belia Dan Sukan sendiri mengatakan bahawa diambil kira juga apa yang dimohon oleh Kerajaan Negeri Terengganu dalam bidang sukan tertentu. Contohnya dalam bidang SUKMA. SUKMA dia ada acara sampingan ataupun acara tambahan. Mengambil kira juga acara tambahan tersebut apa yang dimohon oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk ditambahkan dalam acara-acara bidang SUKMA. Maknanya di situ kita melihat bahawa kuasa sukan yang ada pada hari ini yang kita telah tanam sekian lama hari ini tertuai, alhamdulillah.

Dan saya ambil juga peluang dalam Dewan ni untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengarah Majlis Sukan Negeri bersama kakitangan kerana begitu komited dalam memperjuangkan nasib dan juga untuk pencapaian atlet-atlet kita. Cuma saya cadangkan satu kepada pihak Kerajaan, apabila kita mendapatkan hasil dan kita tahu adik-adik kita, anak-anak kita bukan perkara yang mudah untuk mencapai kemenangan peringkat dunia ataupun peringkat Kebangsaan.

Maka saya cadangkan kepada pihak Kerajaan supaya atlet-atlet kita yang telah mencapai kejayaan peringkat Nasional, peringkat Asia, peringkat Asean dan

peringkat Dunia, Internasional supaya diberi insentif yang sepadan. Sebab kita tengok terlalu sukar untuk mencapai ke tahap itu.

Dan saya cuba cadangkan supaya setiap atlet kita yang memberi kemenangan peringkat Kebangsaan kita boleh supaya cadangkan untuk anugerah sebidang tanah untuk dibina rumah sebab sebelum pada ni kita tahu permohonan tanah diminta atau dimohon oleh Pok Mat, Pok Leh, Pok Soh saja. Maka *why not* minta maaf dengan izin, *why not* kita beri kepada atlet-atlet kita yang telah membuahkan hasil beri sebidang tanah sebagai inisiatif kepada atlet-atlet kita bergantung kepada kesesuaian mereka berada di mana?

Contohnya andaikata atlet tersebut dari Daerah Besut, maka kenal pasti tapak sebidang tanah untuk dijadikan tapak rumah beri di Besut. Begitu juga di Kuala Nerus, di Kemaman dan sebagainya. Maka saya mohon pihak Kerajaan supaya menitikberatkan insentif kepada atlet-atlet, sebab atlet ni dia tak lama, dia tak lama. Dia kalau main pun dalam sampai satu tahap dia akan *drop* maknanya waktu itu orang sudah melupakan beliau. Maka waktu dia naik inilah kita cuba beri insentif kepada mereka.

Dan saya juga suka memetik berkaitan dengan pendidikan. Baru-baru ni, kita di Negeri Terengganu satu lagi berita yang agak gembira apabila ada seorang pelajar STPM, calon STPM Negeri Terengganu yang telah muncul sebagai pelajar terbaik peringkat Kebangsaan iaitu pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Payong. Tahniah juga kepada Pengarah Pendidikan Negeri bersama guru-guru.

Dan untuk makluman kepada Yang Dipertua dan sidang, apabila pelajar-pelajar ini telah mendapat keputusan cemerlang, kita hanya melihat kepada pelajar ini saja. Contohnya kita bagi insentif kepada pelajar-pelajar ini sama ada berapa-berapa ribu ataupun kita beri biasiswa untuk melanjutkan pelajaran. Kadang-kadang kita terlupa, kita terlupa bahawa pelajar ini berjaya di atas juga didikan guru-guru dan Pengetua-Pengetua di sekolah.

Dan saya sendiri mendapat rungutan bukanlah rungutan mereka sungut saja-saja, *takdok* ke Y.B. bantuan juga kepada guru-guru yang telah melahirkan pelajar-pelajar cemerlang ni. Sekurang-kurangnya mereka bukan nak kepada *figure* tetapi mereka nak kepada *appreciation*, penghargaan. Contohnya kalau pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Payong muncul sebagai pelajar terbaik

di Kebangsaan maka boleh nobatkan juga sebagai Pengetua Sekolah Menengah Bukit Payong ataupun Guru Penyelaras Tingkatan 6 boleh juga diberi insentif kepada mereka. Sekurang-kurang boleh memberi galakkan juga kepada mereka. Kalau tak nak bagi kepada Pengarah pun tak apalah bagi kepada Pengetua tak apa dah. Pengarah *takmboh doh*.

Untuk makluman kepada tuan puan dan juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkaitan juga saya nak memetik juga berkaitan dengan perumahan terutamanya saya nak mengucapkan terima kasihlah kepada Pengerusi, *Chairman* Syarikat Perumahan Negeri kerana sebelum ini saya sering timbulkan masalah perumahan di Kota Putera. Setiap kali Dewan, saya timbulkan masalah perumahan di Kota Putera kerana Kota Putera ni dah lebih daripada 10 tahun tidak ada pembinaan Rumah Mampu Milik yang baru.

Maka alhamdulillah di bawah Konsortium Perumahan Negeri telah melaksanakan pembinaan Rumah Mampu Milik dan juga rumah-rumah yang berkaitan di Kota Putera. Terima kasih kepada Pengerusi Konsortium Perumahan Negeri. Dan berkaitan dengan perumahan, kita di Negeri Terengganu agak berbeza dengan negeri-negeri lain sebab melibatkan dasar sahaja swasta nak bina perumahan, kita dasar kita nak bina perumahan, wajib bina 30% adalah Rumah Mampu Milik. Bermakna andai kata perumahan tu nak bina 500 unit, automatiknya adalah 150 unit mesti dibina Rumah Mampu Milik. Sebenarnya kita nak fokus kepada Rumah Mampu Milik.

Rumah Mampu Milik ni untuk makluman **kepada Dato' Yang Dipertua dan juga Sidang Dewan,** sebelum ini kita diberi maklum perumahan telah dilaksanakan ataupun dibina di Negeri Terengganu tetapi bagaimana tidak ada pelaksanaan untuk agihan rumah sehingga dibiarkan sehingga terpaksa mengambil bajet lain untuk baik pulih dan sebagainya.

Maka itu, kita tengok masalah yang lepas. Alhamdulillah setakat hari ini masalah tersebut dapat dilaksanakan. Cuma saya nak cadangkan kepada pihak Kerajaan, contoh yang berlaku yang telah dilaksanakan di Kota Putera nak bina saja perumahan yang melibatkan Rumah Mampu Milik maka sebaiknya siap saja rumah tersebut kita terus boleh *deliver* atau beri kepada pemilik-pemilik rumah tersebut.

Maknanya nak beritahu bahawa buat saja rumah kita buka *online*, kita *interview* dan orang tertentu dapat dah rumah. Siap saja rumah, kontraktor buat serahan rumah, maka *deliver* selalu kepada orang. Bermakna kita tidak akan ada masalah dari segi kerosakan dan sebagainya. Maka saya minta pihak Kerajaan supaya untuk ke depan. *Hok* lepas tu lepas lah. *Hok* ke depan kita nak supaya dibuat *interview* awal *decide* awal-awal siapa yang dapat dan sebagainya.

Dan untuk makluman di samping juga kita buat dasar berkaitan dengan pendapatan RM3,000 ke bawah baru boleh mahu mohon Rumah Mampu Milik. **Cuma hari ini saya melihatlah Dato' Yang Dipertua dan** Sidang Dewan, saya melihat jumlah RM3,000 sekarang kalau di KL di bawah paras kemiskinan. Kita RM1,000 lah luar Bandar. Maka RM3,000 saya melihat apabila saja pemohon tu kerja 2 orang, suami bekerja isteri bekerja biasa sekarang gaji RM1,000 lebih campur dua tu bermakna sudah lebih daripada RM3,000 isi rumah maka tidak membolehkan mereka untuk memohon Rumah Mampu Milik sedangkan mereka tidak mampu untuk beli Rumah Semi-D, Banglo dan sebagainya.

Maka saya mohon kepada pihak Kerajaan supaya nilai balik bergantung kepada hari ni sebab hari ni *pump station* pun gaji RM1,000 lebih tak macam dulu *pump station* gaji RM600, RM1,000 lebih. Kadang-kadang kalau kerja *pump station* dua-dua sekelamin pun campur dua tu dah RM3,000 lebih dah tidak mampu untuk mohon Rumah Mampu Milik. Maka mereka nak mohon macam mana, takkanlah mereka kena duduk rumah sewa sepanjang zaman. Maknanya Rumah PPRT langsung mereka tidak layak. Maka saya minta supaya pihak Kerajaan buat analisa dan kaji balik dari segi isi rumah.

Dan lagi satu berkaitan dengan masjid. Saya rasa setiap kali Sidang DUN saya **timbulkan isu pembinaan masjid. Untuk makluman kepada Dato' Yang Dipertua** dan juga Sidang Dewan, saya di Kota Putera saya dah beritahu sebelum pada ni pun saya di Kota Putera saya ada empat buah lagi, empat kampung lagi masjid yang perlu dibina. Dua adalah keperluan terdesak, tetapi sepanjang saya jadi Yang Berhormat ni nak habis penggal dah ni, setakat ni tak satu pun yang dapat di Kota Putera. Makna saya tidak boleh mengatasi satu pun masalah pembinaan masjid. Dan ada sebuah masjid tu sehinggakan lantai dia nyambung, saya pergi sembahyang pun kebetulan kena atas lantai, sujud tu kena atas nyambung lantai, kebetulan. Jadi makna kalau begini kita tengok bahawa terlalu daif ada satu dua kampung tu. Saya rasa ini perlu juga pembinaan masjid.

Boleh tak, saya sarankan pihak Kerajaan supaya buatlah bajet yang berkaitan dengan pembinaan masjid setiap DUN paling-paling kurangnya dua tahun sekali ataupun satu penggal tu adalah satu DUN pembinaan masjid baru supaya kita boleh mengatasi. Sebab masjid ni mudah jer masjid ni apabila tukar yang lama kepada yang baru, sampai ketika habis dah tutup cerita masjid. Semua dah ada masjid. Maka selesai masalah. Orang panggil kerja sudah bukan kerja tak sudah. Kalau buat jalan ni mungkin kerja tak sudah. Buat tahun ni, tiga tahun lagi nak buat lagi. Masjid ni buat tahun ni, 20 tahun akan datang selesai kerja. Itu saya minta kepada pihak Kerajaan.

Dan akhir sekali, untuk makluman Dato' Yang Dipertua saya nak habiskan perbahasan saya dengan satu cerita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang ke pendek cerita ni? Lama dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Pendek jer. Bolehlah. Saya nak satu cerita, cerita ni tak terlibat dengan yang mati ataupun yang hidup. Cerita lama, cerita ni tajuk cerita adalah seorang pemancing bersama Ikan Flowerhorn. Tajuk cerita. Ceritanya begini.

Ada seorang pemuda dia memang suka memancing ikan. Namanya Mahadi. Bukan Y.B. Kota Putera kebetulan nama sama, Bukan Y.B. Kota Putera. Jadi Mahadi ni dia suka memancing ikan. Maka pada suatu hari, dia pergilah naik motosikal nak pergi mengail di Sungai Lok Lik. Maka dia pun pergilah lepas Asar lepas sembahyang Asar dia pun naik motosikal dia pergi ke Sungai Lok Lik dengan tujuan nak ngail ikan. **Maka.....**

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kampung apa?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Kampung yang tidak boleh diwartakan Y.B. Jabi iaitu Sungai Lok Lik ni. Maka petang itu lepas dia sampai dia pun ngailah. Apabila hampir satu jam dia ngail, maka mata kail dia tu pun *settoklah* barang dalam air. Dia berandaian bahawa mungkin ikanlah ni. Tapi masa dia tarik tu, tarik-tarik cuk, tarik-tarik cuk tu, dia berasa besar. Dia kata ikan ke, labi ke, kura ni? Sebab gagah dia kata.

Maka dia pun tarik tarik tarik, ambil masa lebih kurang 15 minit baru sampai darat. Bila sampai darat dia nampak satu benda satu binatanglah, satu binatang tu agak besar tapi dia tak tahu *gape* sebenarnya binatang tu. Maka dia pun ambil dengan suka hatinya letak atas motosikal. Dia pun niat nak balik tanya ustaz kampung dia. Kampung dia dengan tempat ngail tu lebih kurang setengah jam masa.

Maka dia letak atas motosikal dengan perasaan *happynya* sambil-sambil nyanyi. Hari ni dia kata boleh ikan besar barangkali. Maka dia pun pergi ke kampung dia nak tanya ustaz, ustaz tu baru nak turun nak pergi sembahyang maghrib, maka dia pun tahan dengan perasaan lelah moga jauh ni setengah jam. Maka ustaz tu tanya: "*Gapo dio pulok Mahadi?*" Bukan Mahadi Kota Putera ni, Mahadi nama sama ni.

Maka dia kata ustaz saya nak minta tolong ustaz tengok ni, saya ngail di Sungai Lok Lik tadi boleh *gapo*. Maka dia pun pikul beri ke ustaz. Dia nak tanya ustaz dia kata: "*Gapo ni ustaz acu ustaz tengok gapo ni, boleh makan ke tak boleh makan, halal ke haram?*" Maka ustazpun tengok, tengok, tengok. Masa tu ikan Flowerhorn tak kenal lagi Yang Berhormat Dato' Speaker. Dengan rupanya batik serupa ular, belakang bonggol, orang tak kenal lagi masa tu. Maka ustaz tu pun tengok tengok, tengok, ustaz tu tak pernah tengok ikan flowerhorn. Maka ustaz tu kata: "**Di, baik awak doksoh** makanlah sebab was-was. Dia panggil was-was ni. Saya pun tak boleh nak kata, nak kata ikan pun *dok*, kura pun *dok*, labi pun *dok*." Jadi dia kata: "**Ginilah Di, kalau was-was, syubahah doksoh makanlah Di**".

Maka Mahadi ni rasa hampa. *Dohlah* ngail tu rasa *happy doh*, jadi dia pun kata "*Doh* kalau kata ustaz *doksoh* makan tak apalah ustaz. Kalau boleh makan hajat **nak bagi ke ustaz sekerat, saya sekerat**". Jadi ustaz pun, **dengar semula**.

Ustaz minta untuk tengok semula kerana rasa was-was apabila Mahadi memaklumkan kalau boleh dimakan, nak dibahagi sama rata bersama ustaz. Ustaz melihat semula, *kelebek* dekat insang, ada. Tengok pada mata, betul mata ikan, ada ekor, cuma *body* saja pelik. Ustaz beritahu kepada Mahadi: "Gini Di, insang ikan, mata ikan, ekor ikan, jelas ikan, **boleh makan Di**". **Ustaz pun terus panggil isterinya: "Mokmu dapur tu tolong buat mari pisau ni nak kerat ikan"**.

Nak *royatnya* bahawa ustaz ni bila tak ada bahagian dia tadi jadi syubhah, tak boleh makan. Apabila Mahadi kata nak bahagi sekerat seorang terus boleh makan selalu. Jadi nak *royatnya* bahawa ustaz yang macam dalam cerita tadi tu mintaminta tak ada dalam Dewan ni. Ustaz yang halal tetap halal, yang haram tetap haram. Jadi maknanya nak cerita ada jugak ustaz hak gitu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Itu *version* pertama, *version* kedua tak ada dah? Terima kasih. Air Putih sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya bangun dari tadi lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lepas ni saya bagi Tepoh, lepas Air Putih, ya. Terima kasih Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wabihi nastain. **Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala** wabarakatuh. Yang Berhormat **Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Dewan, Ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan** hadirin yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah syukur kepada Allah saya diberi peluang hari ini untuk bersama-sama berbahas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mana memberi peluang saya untuk merakam dan merakam sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang merasmikan dan menyempurnakan Istiadat Pembukaan Penggal Kelima, Dewan yang Ketiga Belas baru-baru ini.

Saya meneliti ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, banyak perkara-perkara yang disebut menyentuh terutama kepada kepentingan rakyat. Dan antara yang saya lihat di sini Tuanku menyentuh isu pelancongan, pelaburan, kesihatan, perumahan, pendidikan yang saya rasa cukup komprehensif kalau kita nak bahas satu persatu mungkin tak sempat untuk kita buat semua.

Walau bagaimanapun, **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua** saya berdiri di sini dah hampir 10 tahun berbahas, setiap diberi peluang dan cuma saya nak fokus kepada **satu perkara saja hari ini. Dato' Yang Dipertua, kalau lapan tahun dulu**, sepuluh tahun dulu saya berdiri di sini, kalau saya bercakap mengenai *tweet* mungkin orang akan berkata *tweet* itu adalah bunyi burung. Kalau saya bercakap tentang *cloud* tentulah orang berkata *cloud* itu adalah awan yang bagi orang putih yang menimbulkan hujan dan banjir setiap tahun. Dan kalau saya bercakap tentang *whatsapp*, saya sebut saja *whatsapp* mungkin kawan-kawan menjawab *fine, thank you*. Tetapi sekarang *whatsapp* maknanya lain. Kalau saya sebut pasal *amazon* mungkin yang terlintas di fikiran kita adalah hutan belantara di Brazil.

Tetapi, sepuluh tahun kemudian sekarang ini, *tweet* adalah satu medium komunikasi yang cukup bertenaga dan cukup powerful dengan izin. Apa tidaknya Presiden Amerika sebelum menjadi Presiden angkat sumpah dia *tweet* sahaja, menegur tentang Toyota Motor Corporation, hampir RM2 billion nilai saham Toyota merudum jatuh. Kalau kita sebut pasal *cloud* sekarang ini adalah *cloud* teknologi yang mana data-data disimpan di satu tempat yang tidak boleh kelihatan tetapi mempunyai instrument cukup *powerful* yang berkuasa dengan izin.

Whatsapp adalah medium komunikasi juga, dan *amazon* kini adalah *retailer online* yang setanding dengan Ali Baba dengan izin. Sekarang ini Uber sudah menggunakan teksi yang berjalan dengan sendiri di San Francisco dan juga di Pittsburgh. Kita masih berbalah tentang Undang-Undang Pittsburgh, Undang-Undang Uber, Undang-Undang teksi dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, saya baca juga satu artikel menyebut pasal komputer yang terbaru, super computer IBM yang bernama Watson kini bersama-sama menulis lagu pop hits di Amerika. Pendek kata teknologi sudah merubah segala-galanya. Landskap kehidupan manusia, landskap pengurusan Kerajaan, landskap pengurusan Syarikat juga telah berubah.

Kita sekarang hidup dalam alam siber yang lebih banyak daripada alam yang hakiki. Saya rasa dalam Dewan ini juga kalau kita lihat hampir 60% Ahli Dewan mungkin sedang memegang gadget masing-masing untuk *mengupdate facebook*, melihat *whatsapp* dan sebagainya. Kita berkawan melalui alam siber. *Dating* alam siber juga dengan izin. Berkomunikasi dalam alam siber, berniaga dalam alam

siber, menjual dalam alam siber, menawarkan *service* dalam alam siber dan segala-galanya hampir dilakukan dalam alam siber.

Kuasa Kerajaan, kuasa Syarikat, kuasa kumpulan sekarang hampir *shift* dengan izin daripada kuasa individu. Orang perseorangan boleh menguasai dunia dengan menguasai teknologi. Apa yang saya sebutkan ini sebenarnya untuk saya kaitkan dengan apa yang berlaku di sekeliling kita. Kalau dulu sepuluh tahun dulu, lapan tahun dulu saya menyebut tentang *new source of growth* kepada negeri dan negara, saya sebut tentang logistik, saya sebut tentang *offshore financial centre* dengan izin, saya sebut juga dengan Tang Mice ataupun *exhibition centres*, saya sebut tentang pelancongan sebagai sumber-sumber baru.

Tetapi sekarang kita tidak nafikan bahawa sumber yang terbaharu adalah digital teknologi. Saya ingin menyebut kembali apa yang disebutkan oleh saudara Y.B. Bandar tadi tentang digital FTZ, *Digital Free Trade Zone* yang baru dibenarkan di Malaysia oleh Jack Ma dan Kerajaan Malaysia. Saya rasa izinkan Dewan untuk saya membaca sedikit sebanyak kesan-kesan yang dijangka disebabkan oleh pelaksanaan DFTZ ini.

Yang pertama sekali, ia akan menyumbang 20% kepada GDP Negara menjelang 2025 iaitu sebanyak RM286 bilion. 60,000 pekerjaan secara terus tidak langsung akan diwujudkan dalam 8 tahun ke hadapan. *Growth export* untuk SME dengan izin, akan *double* dalam masa 8 tahun. Penubuhan *KL Internet City* yang mana ada *e-fulfilment hub*, *e-service platform*, *e-payment finance*, *e-talent development* akan dilaksanakan oleh Ali Baba.

Dato' Yang Dipertua, ini adalah sumber pendapatan baru untuk negara yang saya rasa negeri tidak boleh memandang ringan. Saya meminta pihak Kerajaan melalui Yayasan Pembangunan Usahawan, melalui MEN-T, melalui Exco cuba memfokuskan kembali bagaimana kita untuk *tap* dengan izin, ruang ataupun sumber pendapatan Negara yang terbaru ini. Kita tidak boleh lepaskan peluang ini tatkala kita menjalankan aktiviti konvensional, masih mengharapkan kepada pendapatan minyak.

Kita perlu, kalaulah saya sekarang ini fokus kumpul segala-galanya *make all efforts* dengan izin terhadap bagaimana untuk kita dapat *tap* pendapatan yang bakal dijana oleh DFTZ ni. Saya melihatkan tuan-tuan dan puan-puan, saya teringat

balik 3 tahun lepas, 2 tahun lepas, tv saya, LCD saya yang berumur 10 tahun tu *punoh*, tekan-tekan tak keluar gambar. Pergi kedai nak beli, masuk kedai pertama dia bagi tawaran murah. Dia kata: **"Encik kalau beli sekarang RM1,500, lepas diskaun dapat RM1,300"**. **Bila keluar dari kedai tu, tak ada diskaun doh.**

Saya pun huru-hara juga, nak pergi kedai sebelah *kot* mahal lagi ke, *kot* murah lagi susah. Pening-**pening kepala Dato' Yang Dipertua, saya balik rumah buka website** Lazada beli online murah RM300 lagi. Dalam masa dua hari sampai di depan pintu rumah saya. Sebab inilah yang dikatakan oleh Jack Ma dalam masa 20 tahun, 90% pembelian *retail* akan dilakukan melalui *online*, dengan izin.

Sebab itulah saya melihatkan inilah peluang dan ruang untuk peniaga-peniaga kita, usahawan-usahawan kita mengambil tempat supaya kita tidak tertinggal dan *joined* dengan izin, arus yang telah dipertunjukkan di ruang-ruang yang diberi oleh Kerajaan, insyaAllah.

Dato' Yang Dipertua, saya melihatkan bahawa ekonomi negeri ini perlu dicampurkan. Kalau dulu saya sebut tentang empat perkara; pelancongan, saya sebut tentang *financial centre*, *MICE* dan logistik, sekarang ini kita boleh bermula dengan logistik dan pelancongan kita sudah jalankan. Dan logistik juga dengan siapnya LPT2 dan insyaAllah dengan ECRL juga ada satu ruang-ruang baru untuk kita *tap* juga ruang-ruang ini untuk pendapatan negeri dan pendapatan rakyat.

Dan saya rasa kita tak payahlah nak sibuk-sibuk benda yang konvensional sebab saya rasa kalau buat perkara yang sama berulang-ulang dan mengharapkan perubahan, saya ingat ada pepatah kata: **"Orang gila saja yang buat kerja sama, yang berulang-ulang melainkan *different outcome*"**. Sebab itulah saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang begitu berani membuat Transformasi Kerajaan, Transformasi Ekonomi dan Transformasi Politik.

Sebab beliau tahu, buat benda yang sama berulang-ulang, mengharapkan perubahan, satu kerja yang gila. Sebab itulah saya ucap terima kasih banyak-banyak pada Kerajaan yang berani membuat perubahan-perubahan ini, yang sekarang ini sudah lihat hasilnya oleh rakyat sendiri.

Saya amat bangga dengan pelaburan yang berterusan sampai ke Negeri Terengganu insyaAllah dari segi *downstreamnya*, CJ Arkema akan menambah

pelaburan lagi, beri peluang kepada berapa ribu rakyat untuk bekerja di Negeri Terengganu ini. Dan banyak lagi perkara-perkara yang kita lihat *success story* ataupun cerita-cerita kejayaan yang telah kita capai dan saya ingat nak sebut satu persatupun tak payahlah, banyak dah.

Yang Amat Berhormat pun dah banyak kali sebut. Cuma itulah saya nak pesan supaya sekarang ini kita perlu fokus ke arah digital teknologi ini, *Digital Trade Free Zone* ini supaya kita dapat memaksimumkan *benefits* kepada Negeri Terengganu dan rakyat Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, saya nak ringkaskan ucapan saya. Saya nak sentuh jugaklah pasal kawasan saya di Kemaman ini. Mula-mula sekali saya nak ucapkan terima kasih dan syabas kepada Pejabat Daerah dan Tanah Kemaman sebab dapat *award* Anugerah Inovasi Pentadbiran Tanah Peringkat Kebangsaan dalam Anugerah Inovasi Perdana Menteri. Syabas dan ini menunjukkan kejayaan Transformasi Kerajaan yang dipupuk oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Syabas Kemaman.

Yang keduanya, **isu bauksit ini, soalan saya ditolak. Saya bimbang juga Dato' Yang Dipertua** sekarang ini *start* berjalan balik dah bauksit di kawasan saya, jalan *start* punah balik dah, saya tak tahu *moratorium* katanya ada, tetapi kalau pukul 5.00 pagi tu saya lihat berduyun-duyun lori lalu bawa bauksit dan sekarang ni bukan lori penuh melalui kawasan saya, lori kosong pula lalu kawasan saya dan kita baru jer baiki jalan tu dan sekarang ni saya tengok *start* pecah dah.

Dan bukan saja jalan *federal*, tetapi jalan *state* pun dia lalu juga. Jadi saya mintalah Pihak Berkuasa Negeri tolong ambil tindakan yang segera sebab baru ni dah tenang, ni *start* balik dah. Dan saya amat bimbang keselamatan rakyat, keselesaan rakyat akan terus dicabar dengan kegiatan ini dan saya minta juga Kerajaan Negeri tolong hubungi Kerajaan Persekutuanlah. Saya ingat ini perlu ada satu strategi barulah tentang bauksit ini. Tak selesai kita, jadi yang lori tetap lalu, orang dah *start* marah, saya ingat perlu ada penyelesaian.

Yang ketiganya, sebelum saya berhenti saya minta sekali lagi merayu kepada Kerajaan Negeri tolong lihat kembali keperluan perumahan. Saya bersetuju dengan Bandar yang amat mendesak di DUN saya. DUN saya ni masalah sikit, saya pergi ke SPNB, saya pergi ke PR1MA semua tolak belaka. Tak ada orang nak

buat di DUN Air Putih. DUN Air Putih ni ada dua jer tempat dia, hak rendah hak comel baham banjir. Hak tak baham banjir di bukit. Sama ada tambun atau *cut and paste*. Dan semua *private sector* sama ada PR1MA, SPNB tak mahu buat belaka, dia nak buat hak comel.

Kementerian Perumahanpun bila bercakap dengan saya pun begitu juga. Kabor kena tambun tanah, semua lari belaka. Jadi saya tak tahulah nak pergi ke mana ni. Saya minta Kerajaan Negerilah, kalau boleh tak bagi rumahpun selesai dulu tambun tanah ke, *cut and paste* ke, bolehlah saya cari sumber-sumber lain. Bawa *private sector* mari ke tak ada masalah. Sekarang tak ada orang nak mari DUN Air Putih ni. Yang ada yang akan bangunkan sekarang kes banjir hak dulu, dah 10 tahun dah kita cuba bangunkan, selesai masalah banjir, perpindahan banjir. Hak tu ada, betul. KKI dulu ada bagi, dan yang lain-lain itu iaitu projek yang terbengkalai lama baru siap zaman saya yang bermulanya di zaman orang lain. Ni saya dah dua *term* dah, tak ada satu lagi perumahan baru. Balik-balik cerita dia sama: "Tanah tak sesuai Yang Berhormat." Hak ni kena tambun banjir, hak ni berbukit, kena *cut and paste*. Jadi kalau macam ini susahlah saya. Jadi saya mintalah, kalau tak pun Kerajaan Negeri tolonglah saya selesaikan isu tambun rata tanah pun okey dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Lualan sikit Yang Berhormat. Boleh, ke habis dah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Boleh. Baru nak, sikit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Okey ya. Berkenaan dengan masalah kesesuaian tanah, saya pun menghadapi masalah yang sama di Jabi. SPNB mari dua tahun lepas tu senyap, ghaib. Kemudian PR1MA mari, intai-intai balik saja. Ada ke tidak kaedah kalau tanah tak sesuai dengan rumah model yang ada boleh tak direkapi rumah yang sesuai dengan tanah. Haa... begitu pula. Contohnya kalau rumah atas bukit kita boleh buatlah *style* macam yang kita duk tengok di tempat-tempat Bandar besar yang kekurangan tanah yang sesuai untuk rumah yang konvensional ini, mungkin boleh direkapi rumah yang sesuai dengan kedudukan tanah tanpa kita membuat banyak pelaburan untuk nak ratakan tanah tu sebagai contoh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya bukan *civil engineer* Jabi, tapi *mechanical engineer* saya rasa nak *piling parok* tu. Hak tu saja setengah juta satu boleh *kot*. Saya tak tahulah, minta Kerajaan tengoklah macam mana.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingat itu sahaja yang saya nak sentuh. Saya ucap terima kasih sekali lagi pada Dewan kerana bagi saya peluang untuk berucap hari ini. Terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana selama ini berjuang untuk rakyat dan membuat perubahan-perubahan yang penting bagi memastikan rakyat hidup dalam keadaan yang aman, tenteram dan saksama.

Dan juga kita pohon juga semua Ahli Dewan yang hadir daripada merata tempat, merata pelusuk, Ketua-ketua Bahagian, Ketua-ketua Jabatan segalanya untuk sama-sama berdoa kepada Allah **Subhanahu Wata'ala memelihara** negara kita, negeri kita daripada segala ancaman termasuk daripada Korea Utara, Korea Selatan atau apa-apa jenis negara yang cuba merosakkan, memporakperandakan negara kita dan juga termasuk pada anasir-anasir dalaman negara sendiri yang cuba memecahbelahkan kita, merosakkan negara kita, memburuk-burukkan negara kita ke peringkat antarabangsa. InsyaAllah, Allah sentiasa memelihara kita, Allah sentiasa memelihara anak cucu kita, dan Allah akan sentiasa memelihara negeri dan **negara kita tercinta. Wabillahi taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.** Saya mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih, sila Tepoh. Tepoh kita berhasrat untuk berhenti pukul 3.30 petang. Tapi tak apa sambung sikit *and then* kita masuk balik pukul 4.00 petang. Sila dulu.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassala mu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Ammaba'.**

Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, seluruh anggota Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai, para hadirin-hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Dipertua kerana saya sudah menunggu sebelum daripada rehat lagi untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Ucapan Titah Tuanku Sultan.

Dalam ruang yang ada pada kesempatan ini insyaAllah saya akan cuba menepati masa yang telah diperuntukkan untuk mengemukakan beberapa perbahasan di atas *point-point* penting yang perlu diberikan perhatian oleh Ahli Dewan. Saya memulakan ucapan ini dengan memetik satu Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Al-Quranul Qarim: "**Wasari'ul ila maghfiratin minrabbikum wajannatin 'ardhuhassama watiwal ardh, u'iddat lilmuttaqin**". Maksudnya: "**Bersegeralah kamu dalam melakukan amal untuk mengejar keampunan daripada Tuhan kamu, mengejar Syurga yang terbentang luas seluas langit dan juga muka bumi, ia hanya disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa.**"

Pesanan yang dikemukakan ini bukan sahaja kepada umat Islam bawahan tetapi pesanan ini ditujukan kepada semua peringkat manusia yang beragama Islam sama ada kita bergelar sebagai seorang Perdana Menteri, Menteri Besar, Exco, Wakil Rakyat, para pegawai, kerja yang perlu dilakukan oleh kita bukan sahaja untuk mengejar wawasan sementara tetapi wawasan yang perlu dikejar adalah wawasan akhirat, keampunan daripada Allah dan juga mengejar Syurga yang disediakan hanya untuk orang-orang yang bertaqwa. Mudah-mudahan dengan ayat yang saya bacakan ini memberikan sedikit peringatan kepada saya sendiri dan kepada semua yang hadir betapa pentingnya kita mencari keredhaan, keampunan daripada Allah dan bekerja untuk mengejar Syurga Allah dan bukannya kita mengejar kemewahan duniawi semata-mata.

Dato' Yang Dipertua, saya berhasrat untuk terus masuk ke perbincangan demi kepentingan rakyat dan juga Negeri Terengganu. Perkara yang pertama yang saya nak sentuh adalah berhubung dengan perkembangan Pusat Bebas Cukai Pulau Bayas. Saya meninjau perkembangan Pusat Bebas Cukai ini pada Disember 2015, mengunjungi sendiri kemudian mengambil maklumat daripada pihak Kerajaan dan pihak Kerajaan yang terakhir telah memberikan maklum balas perkembangan projek tersebut sudah mencapai 76%. Apa yang kita saksikan dua komponen utama projek Pusat Bebas Cukai, yang pertama Kompleks Membeli Belah dan yang kedua, Bangunan Terminal. Kita dapat menyaksikan kerja-kerja yang berlaku masih lagi jauh untuk melayakkan Pusat Bebas Cukai beroperasi. Saya sempat mengambil gambar yang boleh untuk kita teliti bagaimana kedudukan bangunan yang sangat jauh untuk melayakkan ia beroperasi sama ada pada bangunan terminal, mungkin terminal lebih banyak tetapi khususnya kepada Kenyir Trade Centre yang tidak menampakkan wajah untuk dibangunkan sebagai Pusat Bebas

Cukai seperti yang telah diucapkan oleh Tuanku Sultan di dalam halaman yang ketujuh kelmarin.

Dato' Yang Dipertua, jangkaan siap sebenarnya pada tahun 2013 kemudian kita menyaksikan kelewatan telah melangkaui tiga tahun. Dan kini sudah masuk pada tahun yang keempat, sebenarnya apakah nasib Pembangunan Projek Bebas Cukai di Pulau Bayas, Kenyir? Saya memohon pihak Kerajaan memberikan penegasan dalam Dewan yang mulia ini. Komitmen pihak Kerajaan untuk meneruskan pembukaan Pusat Bebas Cukai ini. Jika sekiranya itu komitmennya, kita memerlukan sekali lagi penegasan pihak Kerajaan terhadap jangkaan siap sepenuhnya untuk Pusat Bebas Cukai ini beroperasi.

Dato' Yang Dipertua, saya beralih kepada isu Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) yang membabitkan perbelanjaan sebanyak RM4.284 bilion. Kenyataan yang dikeluarkan sebelum daripada ini, sumber kewangan ini dikeluarkan dari Lembaga Lebuh Raya Malaysia melalui sumber kewangan RMK9-10 sebanyak RM1.52 bilion. JKR melalui sumber kewangan RMK9-10 sebanyak RM0.914 bilion dan melalui sumber kewangan Dana Khas sebanyak RM1.85 bilion.

Saya terbaca jawapan yang dikemukakan oleh Menteri Kerja Raya di dalam Sidang Parlimen 9 Mac 2017 terhadap soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Kuala Nerus yang telah meminta diperincikan tentang kutipan tol di LPT2. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya menjelaskan kutipan tol yang bermula 15 Julai sehingga 31 Disember 2016 telah berjaya mengutip dan memperolehi sebanyak RM40.5 juta. Syarikat konsesi yang menguruskan kutipan tol ini adalah LPT2 Sdn. Bhd. Hasil kutipan tol tersebut dibelanjakan oleh syarikat konsesi bagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan serta melaksanakan kerja-kerja pembaikan utama.

Ada beberapa perkara yang perlu ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan pegangan syarikat konsesi yang perlu diketahui oleh rakyat dan juga Ahli Dewan. Tempoh perjanjian konsesi ini perlu diketahui umum seperti yang telah dibuat oleh Syarikat Konsesi PLUS Expressway Berhad yang telah mengisytiharkan tempoh konsesi mereka berakhir pada 31 Disember 2038. Syarikat konsesi ini telah memulakan perjanjian pada tahun 1988 sehingga 2018 dan dilanjutkan kembali sehingga tahun 2030 melalui konsesi tambahan pada tahun 1999. Di atas justifikasi, Kerajaan tidak menaikkan kadar tol seperti di

dalam perjanjian menurut dakwaan mereka, ini cerita PLUS. Perjanjian konsesi tambahan ini dilanjutkan sehingga 2038 kali ketiga yang ditandatangani pada tahun 2005 tetapi bila berbalik kepada Lebuh Raya Pantai Timur 2 yang telah menggunakan kos Dana Khas milik rakyat Terengganu. Apakah wajar syarikat konsesi ini melakukan kutipan tol dalam keadaan modalnya dari Dana Awam?

Syarikat konsesi untuk LPT2 adalah Lebuh Raya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd. Syarikat ini adalah milik penuh Projek Lebuh Raya Usahasama Berhad ataupun PLUS Malaysia Berhad. Semakan yang kita buat tidak ada langsung kepentingan daripada Kerajaan Negeri. Dalam keadaan kita telah *claim*, yang kita telah mendakwa duit ini adalah duit kita untuk membangunkan LPT2. Tiba-tiba saat untuk mengutip tol, kita langsung tidak terpilih untuk terdiri daripada mereka yang memiliki kepentingan di dalam Syarikat LPT2 Sdn. Bhd. sebagai sebuah syarikat konsesi.

Dato' Yang Dipertua, pihak Kerajaan Negeri dilihat tidak serius untuk menuntut kembali hak penggunaan duit RM1.85 bilion ini. Hatta untuk mendapat pegangan saham antara pemegang konsesi pun seperti kita tidak diberi muka. Walaupun pihak Kementerian Kerja Raya pernah mendakwa untuk mempertimbangkan tuntutan ini seperti yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri di dalam Dewan Parlimen. Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah mengeluarkan kenyataan untuk merayu sekalipun kos penyiapan LPT2 menggunakan perbelanjaan Dana Khas, supaya dapat dipertimbangkan berhubung dengan tol yang dilaksanakan.

Sama ada rayuan tersebut berlaku ataupun tidak, rakyat tidak mengetahui ia hanya laporan media untuk kita memohon rayuan, kita berhasrat untuk melakukan rayuan. Tetapi perkara yang diketahui oleh rakyat, setiap kilometer melalui LPT2, kita terpaksa dibebankan dengan 12 sen 1 kilometer. Kami sedar pihak Kerajaan Negeri menuntut pembayaran balik kos daripada pihak Persekutuan. Meskipun demikian, pulangan yang diberikan hanyalah sejumlah RM118.5 juta. Itupun pengembalian dalam bentuk projek seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, daripada dua lorong kepada empat lorong, laluan pergi ke, laluan Awana ke Kemaman. Dan laluan tersebut adalah laluan Persekutuan. Projek tersebut sepatutnya dikendalikan oleh pihak Persekutuan bukannya daripada duit negeri yang kita anggap yang telah kita tuntutan.

Sebab itu Dato' Yang Dipertua, apabila kita melihat perkembangan-perkembangan seperti ini kita ingin minta penjelasan pihak Kerajaan Negeri apakah kita tidak ada

langsung hak di atas LPT2? Ataupun adakah kita seperti dipermainkan sehingga RM1.85 bilion ini seperti tidak dipedulikan tuntutan kita?

Dato' Yang Dipertua, mutakhir ini Kerajaan dilihat begitu agresif dalam membuat pembangunan secara konsep pembiayaan ataupun dalam laras bahasa yang agak mudah membawa pembangunan dengan hutang. Bandar Baru Kuala Nerus sebagai contoh, menelan belanja sehingga RM700 juta daripada kos asal RM600 juta. Kita akan berhutang dengan pihak kontraktor utama dan kita perlu jelaskan RM70 juta pada setiap tahun dalam tempoh 10 tahun seperti yang telah dinyatakan dalam Bajet 2016.

Projek membangunkan Bandar Baru Kuala Nerus berjaya diperolehi oleh syarikat kontraktor utamanya Casa Hartamas Sdn. Bhd. yang sangat terkenal dengan sumbangan pokok Ceiba Speciosa yang begitu mashyur diperkatakan oleh rakyat Terengganu tempoh hari. Adakah pembangunan Bandar Baru Kuala Nerus akan mencontohi pembangunan Putrajaya? Dalam ertikata yang lain, kakitangan awam akan menduduki premis pentadbiran, yang perlu membayar sewa oleh pihak Kerajaan kepada pihak pemegang konsesi. Saya memohon penjelasan daripada pihak Kerajaan berhubung dengan perkara ini.

Demikian juga dengan Projek Loji Rawatan Air di Bukit Sah, Kemaman yang bernilai RM499 juta yang dibuat secara bertanggung, secara konsep *deferred payment* dengan izin, akhirnya mencecah sehingga RM686 juta. Demikianlah juga Projek Loji Air di Kuala Terengganu yang bernilai RM767 juta meningkat dan mencecah RM1.3 bilion. Kedua-dua projek ini diperolehi oleh syarikat luar, Syarikat Beijing Enterprise Water Group Malaysia Sdn. Bhd. dan diperolehi oleh Syarikat **Konsortium Amani JV Sdn. Bhd.** Kos yang terkumpul **Dato' Yang Dipertua, sekadar** kiraan yang saya ambil daripada konsep pembangunan seperti ini dan dicampur dengan jumlah hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, kita sudah membuat hutang sebanyak RM3.6 bilion. Dengan jumlah keseluruhan ini membuktikan bahawa kita sudah dibebani dengan jumlah hutang yang sangat besar tanpa disedari.

Dato' Yang Dipertua, saya berbalik kepada hutang Kerajaan Negeri dengan pihak Persekutuan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyatakan sebentar tadi, kita boleh berunding, sebab kita anak dan juga ayah, darah kira sama. Tapi saya hairan dengan faedah yang dikenakan mencecah RM25 juta. Takkanlah ayah

tergamak untuk kenakan faedah daripada anak ketika mana membuat pinjaman. Kalaulah darah yang sama, apa salahnya meminta supaya faedah ini dihapuskan supaya kita dapat membangunkan negeri dengan konsep Federalisme yang cukup baik.

Saya mengira Dato' Yang Dipertua, pembayaran berjadual dengan had ataupun bayaran bertanggung ini antara kaedah inisiatif kewangan swasta atau dikenali sebagai *Private Finance Initiative* atau PFI. Kalaulah benar telahan ini, izinkan saya bertanya kepada pihak Dewan, apakah kaedah yang digunakan untuk semua projek pembangunan ini? Adakah berkonsepkan *build and transfer* (bina dan serah)? Atau berkonsepkan *build, operate and transfer* (bina, operasi kemudian baru serah)? Apakah sistem yang digunakan? Kerana kita tidak mengetahui perkembangan-perkembangan yang berlaku ini. Kerana kita yakin antara perkara yang tersembunyi adalah *facility management* yang diperolehi oleh syarikat-syarikat kontraktor utama ini.

Dato' Yang Dipertua, untuk akhir saya tidak ketinggalan menyentuh berkenaan dengan isu hakisan pantai. Ekoran dalam DUN Tepoh, kita menghadapi suasana yang sangat serius setiap kali musim tengkujuh. Tapi menyaksikan usaha yang dilakukan hanya untuk menunggu saat tibanya tengkujuh, berlaku ombak besar barulah pada waktu tersebut kita sibuk untuk melakukan pemulihan. Itu adalah suatu suasana yang sangat terlambat. Saya memohon supaya pihak Kerajaan mengambil kira inilah musimnya untuk kita menyelesaikan dengan lebih terperinci.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya nak habis dah. Saya jemu dengan apa yang telah disebut, kajian demi kajian. Kita harap tindakan lebih konkrit dapat dilakukan dalam menyelesaikan semua isu ini demi kepentingan rakyat khususnya masyarakat nelayan yang berada di tempat tersebut.

Dato' Yang Dipertua, menghormati kedudukan masa yang tidak mengizinkan, saya rasa memadai setakat ini. Wabillahi taufik **walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Y.B. Tepoh ya, menepati masa tepat 15 minit. Terima kasih banyak. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pada pukul 4.00 petang. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.30 PETANG.

PUKUL 4.10 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat** sekalian. Sekarang saya mempersilakan Ahli Yang Berhormat yang masih ingin menyertai perbahasan, kalau tak ada saya nak minta Pihak Kerajaan gulung. Sila Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah. Ahmaduhu wanastain nuhu wanastah dih, wanas taghfiruh wanauzubillahiminsyuru ri'am anfusina wamin syayi'ati akmanina, man yah dihillah fala muzillalah waman yukdil falaha diyalah. Asyhadu an laa illaaha illallah, wa asyhadu anna muhammadan abduhu wa rasuluh. Ammabaq.

Yang dihormati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, barisan Exco Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, seluruh Pegawai-Pegawai yang hadir dan hadirin hadirat yang dirahmati oleh Allah Taala sekalian. Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana diberikan peluang untuk kita mengambil bahagian di dalam membahaskan Titah Baginda Sultan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semuanya menyedari dan merasai akan kemelut ekonomi yang melanda bukan sahaja di tempat kita tetapi di seluruh dunia. Di dalam Titah Al-Sultan kita melihat bagaimana Kerajaan Negeri telah memberikan tiga fokus utama yang telah disebut sebelum ini oleh Wakil Bandar berkenaan dengan yang pertama memenuhi keperluan perumahan rakyat, membantu meringankan beban rakyat kesan daripada peningkatan kos sara hidup, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat. Kita melihat bahawa ketiga-tiga fokus utama ini ianya boleh diperbahaskan dan ianya boleh ditambah baik bagi melihat kebajikan rakyat lebih terlaksana.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila kita memperkatakan tentang memenuhi keperluan perumahan rakyat, ada beberapa aduan yang saya terima dalam kawasan saya yang bila mana mereka memohon perumahan PAKR, memohon perumahan yang disediakan oleh Pihak Kerajaan. Bila mereka mengisi borang dan bila dipanggil untuk *interview*, temuduga mereka membuat aduan bahawa pihak-

pihak yang bertanggungjawab minta mereka angkat sumpah supaya undi UMNO. Ni bukan seorang yang mengadu, ramai yang mengadu. Jadi kalau ini berlaku kepada rakyat, **maka apakah kita melihat, dengan bangganya....**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, Yang Berhormat undi UMNO ni pemilihan dalam UMNO, baguslah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Guaner?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Makna kalau nak suruh ngundi UMNO tu, pemilihan dalam UMNO, **baguslah macam tu. Saya ingat....**

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Faham *dok?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Faham *doh*. Yang Berhormat cakap tu faham ke *dok*.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Doh* faham duduklah dulu, *doh* faham *doh*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Dok*, UMNO *dok* bertanding dalam pilihanraya. Jadi saya nak betul Yang Berhormatlah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Nak betul BNlah, pangkah Barisanlah. Betul gitu je. Tak apa tolong betul jelah benda gitu, bukan Bandar ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Petang-petang cakap *molek* sikit Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Jadi kita melihat bagaimana mereka meminta supaya diberi undi kepada Barisan Nasional dengan pembetulanlah UMNO salah, *dok*. U.M.N.O. Jadi kita melihat bagaimana keadaan ini berlaku seolah-olah laungan TTB dengan 8 prinsip yang kita tengok sini,

Integriti bersih dalaman dan luaran, tidak dapat dilaksanakan di peringkat kebajikan rakyat. Memang Kota Putera ada sebut Kerajaan berkebijakan dan seumpamanya yang sewaktu dengannya, tetapi aduan-aduan yang seumpama ini tidak membenarkan kami duduk dan tidak duduk diam dan ingin kami tegaskan bahawa jika sekiranya inilah pentadbiran dan pengurusan yang dilakukan oleh Kerajaan yang memerintah maka di sana perlu kita ingat bahawa kita akan dihisab oleh Allah S.W.T. walaupun berlainan darah tetapi mungkin jangan dilakukan kezaliman yang seumpama itu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, ada satu kes surat yang sampai pembatalan tawaran seunit Rumah Mampu Milik Batu Hampar 2, Kuala Terengganu dan bayaran balik deposit. Orang ni minta, dapat dah rumah, bayar dah deposit tiba-tiba diarahkan supaya diambil balik, dipulangkan balik deposit rumah. Ini adalah di antara apa yang kita sebut, nak sebut kebajikan secara menyeluruh itu satu persoalan yang perlu kita teliti dan lihat kembali.

Yang Berhormat Yang Dipertua, bahkan.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Pohon laluan sikit.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Kekgilah.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Nak tanya *hok* satning je.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kekgi, kekgi. Nak cakap sikit. Jadi Yang Berhormat Yang Dipertua, bahkan ada J3K yang dengan bangganya apabila kita tanya siapa yang dapat rumah, mesti *doh* orang Barisan Nasional, kita tak beri pada orang PAS. Makna jelas, maknanya gagasan yang **dibuat oleh Dato' Seri Menteri** Besar kita tidak digunapakai oleh pihak pelaksana.

Yang Berhormat Yang Dipertua, melihat kepada faktor yang kedua ataupun kepada factor yang ketiga yang kita lihat bagaimana mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat, kita melihat dari sudut pelaksanaan. Dan juga kita telah dengar berkenaan dengan projek yang telah kita sama-sama dengar iaitu ECRL pembinaan ataupun yang kita sebut sebagai satu projek baru berkenaan dengan

keretapi yang sudah tentu akan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tetapi apa yang membimbangkan kita dari sudut rakyat marhain yang kita keluar kedai kopi bercakap dengan mereka. Mereka menyuarakan keluhan hati mereka kalau projek banyakpun mereka tak dapat merasa. Yang dapat kejanya warga-warga asing, yang dapat kerjanya mereka yang bukan daripada rakyat tempatan. Dan ini kalau kita tengok di Kenyir sendiri contoh ni Pulau Bebas Cukai kalau kita pergi tengok, kita buat tinjauan. Pekerja-pekerja tu Indonesia dan bukan warga Malaysia.

Dan ini adalah satu benda yang merugikan rakyat kita. Dan apa yang saya nak tegaskan di sini, mungkin Kerajaan perlu mempertegaskan daripada sudut polisi. Polisi yang telah dibuat oleh Negara-Negara lain. Sebagaimana juga yang telah dibuat oleh Sarawak sebagai contoh. Yang memungkinkan dalam keadaan ekonomi yang gawat, ekonomi yang meleset ini, peluang-peluang pekerjaan yang sebegitupun masih lagi diperolehi oleh orang lain, dan tidak dikecapi oleh rakyat tempatan. Yang menyebabkan lebih banyak berlaku apabila ekonomi teruk, rakyat tidak mempunyai punca pendapatan dan seumpamanya. Ia akan membawa kepada meningkatnya kadar jenayah, kadar kecurian, kadar pecah rumah dan seumpamanya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mendengar dengan tekun Titah Ucapan daripada Baginda Al-Sultan dan saya yakin bahawa Titah Ucapan ini sememangnya datang daripada Pihak Kerajaan ataupun atas nasihat dan apa-apa perkataan yang boleh digunakan. Bila melihat kepada satu persatu itu, mungkin saya terlepas pandang tetapi tidak dapat dilihat di sana adanya peruntukan yang khusus ataupun pujian yang khusus kepada sektor pertanian.

Dalam keadaan Negara kita sangat bergantung kepada pihak luar. Bergantung kepada bahan makanan dan yang disebut sebagai *food security* dengan izin yang berkemungkinan memerlukan kepada sesuatu itu makanan yang diimport daripada luar. Yang demikian seolah-olah di sana sektor pertanian ini tidak dititikberatkan ataupun tidak ada kejayaan-kejayaan yang mampu ditonjolkan di dalam ucapan Baginda Al-Sultan pada kali ini.

Dan bila kita melihat kepada Ucapan Bajet 2016, kita melihat bagaimana RM1.5 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan sektor pertanian yang telah dijangka. Saya kira-kira 9,000 petani padi sawah di Negeri Terengganu

ini mendapat manfaat. Kalau boleh kita ada statistik, kalau kita boleh dapatkan satu jumlah angka berapakah daripada 9,000 itu yang mendapat kejayaan yang boleh kita war-warkan sehingga kalau kita lihat lagi cerita-cerita kejayaan yang telah dicoretkan di dalam Buku Bajet 2016 ini.

Contoh yang boleh disebutnya ialah Melon Manis Terengganu yang disebut-sebut yang akan dieksport ke pasaran antarabangsa ke Jepun dan Singapura. Berapa tan dah eksport? Nak tahu juga. Bagaimana projek- projek pertanian yang lain yang kebanyakannya mengalami kerugian-kerugian yang sehingga bagi pendapat saya tidak mampu untuk disebut kejayaan projek-projek pertanian di dalam Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita melihat projek-projek yang telah diberikan penjelasan kepada kita dengan panjang lebar menarik pelabur asing untuk melabur ke Negeri kita. Kita bukan sahaja diberikan berita gembira bahawa kita mendapat kepercayaan pelabur asing untuk melabur di tempat kita.

Tetapi dalam masa yang sama, kita sebenarnya sangat bimbang dan sangat khuatir sebagaimana *point* yang saya sebutkan sebelum ini bahawa bila mana pelaburan itu datangnya daripada luar. Kita bimbang polisi-polisi yang dibuat oleh Kerajaan gagal untuk memberi keutamaan terutamanya bidang pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu. Jadi kita minta, saya minta dengan kemuliaan Dewan yang sama-sama kita *duk* sebut-sebut selama ini makna kata kita harapkan polisi yang terbaik, orang kata yang tidak merugikan kita, yang tidak merugikan kita dan tidak memberikan berat sebelah kepada pihak pelabur. Walaupun kita tahu mereka melabur untuk mendapatkan keuntungan. Tapi biarlah dengan cara *win-win situation* dengan izin. Sama-sama mendapat keuntungan, sama-sama meraih keuntungan bersama-sama.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, jadi oleh kerana itu saya benar-benar menyarankan kepada Pihak Kerajaan supaya meneliti perkara-perkara yang membebankan rakyat, perkara-perkara yang memberikan kesan negatif terhadap rakyat. Kalau sekarang kita lihat, kos sara hidup yang terlalu tinggi, yang kalau kita lihat di dalam Titah Ucapan Baginda Al-Sultan yang menyatakan bagaimana bilangan rakyat Terengganu yang miskin. Kalau kita tengok pada muka surat 14 itu, Kerajaan telah menurunkan satu kadar yang besar lebih daripada separuh kadar kemiskinan, 56%.

Sejauh mana kebenaran ini boleh kita ketengahkan kerana

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir panjang lagi Manir. Panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Berapa minit dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 16 minit dah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Allah. Sikit lagi. Bagaimana kita melihat kesempitan hidup yang daripada seluruh bilangan rakyat Negeri Terengganu ini ada 4,500 kes sahaja yang mempunyai masalah. Makna kata di sana sudah tentu sesuatu yang perlu diperhalusi. Kalau kita lihat tahap kemiskinan dan seumpamanya kalau orang mari rumah, kalau jumpa sahabat-sahabat, semuanya mengadu tentang masalah tekanan dan kos sara hidup ini. Dan ia bukanlah suatu yang boleh dipandang mudah dengan meletakkan angka-angka yang seumpama ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua, itulah di antara apa yang dapat saya kongsi bersama pada petang ini. Mudah-mudahan diberi manfaat oleh Allah S.W.T. **Wabillahaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: **Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih. Sila Sura. Terima kasih Manir tepat pada waktu. 15 minit Sura ya, silakan.**

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Bismillahir rahmanir rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, barisan Exco, sahabat-sahabat saya daripada Wakil Rakyat, Ketua-Ketua Jabatan serta para pemerhati yang dihormati sekalian. Alhamdulillah. Pertama saya mengambil kesempatan untuk merakamkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana pada petang ini dapat saya mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan.

Dan insyaAllah ada beberapa perkara yang insyaAllah saya ketengahkan untuk kita bersama dalam memastikan perjalanan urus tadbir Negeri kita ni akan berjalan dengan sebaiknya insyaAllah. Saya mulakan dengan firman Allah S.W.T. Auzubillah minashaitan nirajeem. Yaa ayyuhaa alladziina amanuu udkhuluu fii alssilmi kaaffatan walaa **tattabi'uu khuthuwaati**alsysyaythaani innahu lakum **'aduwwun mubiinun**. Sadaqallahul azim.

Wahai orang yang beriman masuklah kamu ke dalam Islam itu seluruhnya dan jangan kamu mengikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin juga mengambil satu ungkapan daripada Ahli-Ahli Ilmu daripada Kitab Tanbihul Ghafilin yang menjelaskan bahawa; Agama dan dunia itu tidak dapat ditegakkan kecuali dengan empat perkara. Yang pertama ialah pemerintahan pemerintah yang memelihara rakyatnya. Yang kedua ulama ataupun pewaris Nabi yang menunjukkan manusia ke jalan akhirat. Yang ketiga, para pejuang yakni tentera yang mengawal keselamatan daripada ancaman musuh dan yang keempat pedagang, peniaga ataupun usahawan yang jujur dalam menyediakan keperluan hajat manusia.

Dan atas peringatan itu, saya kira apa yang telah diutarakan dalam Titah Ucapan Tuanku pada pagi kelmarin. Yang pertama ialah, berhubung kait dengan pemerintah yang memelihara rakyatnya yang telah disebutkan oleh Wakil-Wakil Rakyat kita sebelum daripada saya iaitu memastikan ataupun memberikan kemudahan untuk keperluan kehidupan mereka yang berupa antaranya ialah tempat kediaman yang telah banyak dibicarakan sebelum pada ini. Yang kedua juga dalam memastikan rakyat kita dapat mengurus kehidupan dengan lebih baik dalam erti kata dapat berbelanja dengan kos yang termampu oleh mereka.

Dan disamping itu juga dalam Ucapan Tuanku menyarankan kepada Pihak Kerajaan supaya dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat yang menjadi sumber untuk meneruskan kehidupan mereka.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil kesempatan pada petang ini bagi menyatakan beberapa isu yang timbul khususnya di kawasan Dungun. Di antaranya ialah berhubung kait dengan pasar Borong Dungun yang saya kira telah acap kali disebut dalam Dewan ini. Saya tidak pasti lawatan Yang Amat Berhormat

tempoh hari ke Pasar Dungun, adakah Yang Amat Berhormat sempat untuk menziarahi peniaga-peniaga di Pasar Borong di Dungun.

Kerana untuk makluman sidang Dewan sekalian, Pasar Borong Dungun ini telah mengalami ribut sebanyak 2 kali 2 tahun lepas. Dan juga yang terbaru ialah pada 17 Januari 2017. Yang mana saya melihat Pasar Borong ini adalah satu pasar yang sangat daif. Yang didirikan oleh peniaga dengan atap zinknya, dengan kanopinya dan ada yang berniaga di atas tar. Dan saya kira ini suatu tempat yang rakyat mencari sumber pendapatan bagi mereka yang sepatutnya Pihak Kerajaan sangat prihatin bagi menyediakan tempat yang lebih selesa kepada rakyat untuk mencari rezeki.

Oleh sebab itulah, saya sekali lagi merayu kepada Pihak Kerajaan supaya perkara ini diberikan perhatian, memandangkan kita sebuah Negeri maju dengan pendapatan perbelanjaan kita yang agak besar. Maka sepatutnya kita dapat memberikan sedikit peruntukan bagi menyediakan kemudahan kepada rakyat khususnya kepada peniaga-peniaga di Pasar Borong Dungun.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh berhubung kait dengan kawasan Industri Batu 7 yang telah saya timbulkan dalam sesi Dewan akhir yang lalu, yang telah dijawab oleh Pihak Kerajaan bahawa kawasan Perindustrian Batu 7 ni telah beroperasi. Jawapannya ringkas. Jadi saya dah meneliti segala keterangan-keterangan yang berhubung kait dengan Industri Batu 7 ini yang mana dalam senarai yang dikemukakan terdapat 37 Syarikat yang disenaraikan. Daripada 37 syarikat itu hanya 5 Syarikat sahaja yang beroperasi dan di antara 5 itu 2 yang dimiliki oleh Majlis Perbandaran Dungun, 1 dimiliki oleh TNB, 1 dimiliki oleh Puspakom dan 1 lagi dimiliki oleh Permai Ikhlas Sdn. Bhd.

Jadi daripada 37 yang disenaraikan itu menggambarkan kepada kita bahawa kawasan Industri Batu 7 ini masih tidak berjaya untuk membekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya kepada anak-anak tempatan di Dungun. Maka saya mengharapkan supaya pihak yang berkenaan, yang menguruskan kawasan ini supaya dapat mengambil tindakan selanjutnya bagi memastikan kawasan industri ini dapat dimajukan dalam memastikan pembangunan yang ada di kawasan Dungun itu.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin juga menyentuh di sini berhubung dengan satu dasar yang telah diputuskan oleh Majlis Perbandaran Dungun berhubung kait dengan lot parking yang perlu disediakan oleh mereka-mereka yang membina bangunan perkedaian. Di mana saya telah menerima maklumat seorang pengusaha telah mengemukakan pelan untuk mendirikan bangunan kedai 2 tingkat dan daripada pelan cadangan itu Pihak Majlis Perbandaran menolak pelan yang dikemukakan itu dengan alasan pihak berkenaan perlu menyediakan 6 lot parking.

Di mana pihak berkenaan hanya mampu menyediakan 2 lot sementara 4 lot lagi yang berbaki, pihak tuan punya terpaksa membayar kepada Pihak Majlis dengan harga RM15,000 satu lot dengan 4 lot bererti pihak pemaju tersebut terpaksa membayar RM60,000. Saya kira ini suatu keadaan yang sangat membebankan kepada pihak pengusaha.

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Pohon laluan Yang Dipertua. Syarat tu syarat yang dipakai oleh semua PBT dalam Negeri Terengganu yang mana setiap perkedaian tu dia kena *provide* lot parking. Jadi saya rasa benda tu normal.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Ya, ya. Saya faham, terima kasih Pihak Exco. Cuma saya minta supaya perkara ini dapat dikaji semula dan kita boleh terima sekiranya lokasi perniagaan itu berada di Pusat Bandar. Tetapi apa yang malangnya ialah bangunan yang didirikan itu bukan di Pusat Bandar, di luar Bandar di Kampung Nyior, di Pulau Serai dan di luar dari lokasi perniagaan yang maju. Jadi perkara ini sangat membebankan kepada usahawan-usahawan kita untuk membina bangunan.

Jadi saya mengharapkan supaya perkara tersebut dapat dikaji, dinilai semula mungkin dia buat *zoning*, lokasi-lokasi yang tertentu mengikut kemajuan tempat perniagaan tersebut supaya perkara ini tidak membebankan kepada usahawan kita dalam membina pusat perniagaan mereka.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung kait dengan kawasan Persisiran Sungai Nibung yang sebelum pada ini telah direkodkan sebagai kawasan tarikan pelancong yang di sana ada spesies yang dinamakan tutung. Jadi sehingga ini saya tidak melihat apa-apa perkembangan kemajuan yang dirancang oleh pihak berkenaan bagi memajukan kawasan pelancongan di persisiran Sungai Dungun. Sedangkan tahun ini adalah merupakan Tahun Melawat Terengganu yang saya kira satu lokasi yang perlu dibangunkan supaya dapat menjadi satu daya tarikan kepada pelancong-pelancong untuk mengunjungi tempat tersebut.

Dan yang berikutnya ialah saya ingin menyentuh juga berhubung kait dengan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Ada satu lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Tapak kawasan Molek Inn dan juga tapak Balai Polis lama yang terletak di kawasan ataupun lokasi Pusat Bandar yang mana dua kawasan ini kata orang sangat mencemarkan pandangan bagi mereka-mereka yang berada di sekitar kawasan Dungun dan mungkin bagi mereka-mereka yang kata orang sekali sekala melintasi kawasan tersebut yang dinaiki oleh semak samun, terbiar yang saya kira melebihi daripada 10 ke 15 tahun dah kawasan tersebut terbiar.

Dan saya difahamkan dalam sidang Dewan yang lalu, dinyatakan bahawa tapak Molek Inn ini di bawah Tabung Amanah. Maka pihak berkenaan perlulah mengambil inisiatif bagi merancang supaya suasana tempat tersebut dapat dibangunkan untuk kemudahan rakyat setempat.

Dato' Yang Dipertua, saya kira itulah di antara beberapa perkara yang ingin saya sebut pada petang ini. Mudah-mudahan saya mengharapkan

supaya pihak-berwajib Pihak Kerajaan dapat sama-sama membangunkan kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi agar kita dapat melihat daerah kita, Negeri kita akan menjadi sebuah daerah dan Negeri yang disebut sebagai Negeri yang menuju kepada Negeri maju. Mudah-mudahan segala usaha yang kita buat selama ini akan diberikan pertolongan oleh Allah S.W.T. Dan semoga rakyat kita mendapat peluang ya, peluang pekerjaan dan dapat memperbaiki taraf hidup mereka. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu sahaja beberapa perkara yang ingin saya sebutkan ada petang ini dan saya sudahi dengan Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: **Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Kita ada seorang lagi insyaAllah sempat. Saya bagi Teluk Pasulah. Rantau Abang esok. InsyaAllah ya Rantau Abang.**

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Bismillahir rahmanir rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. **Alhamdulillahirabbil 'alamin. Wabihi nastain wanussalim ala rasulihil amin, wa'ala alihi washohbihi ajma'in. Ammabaq.**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua dan Pegawai-Pegawai Jabatan, seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan yang disampaikan pada pagi semalam sempena Pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri yang Ketiga Belas.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan bidang keusahawan yang disebut dalam Titah Tuanku Al-Sultan pada muka surat 13 dan 14. Disebutkan bahawa bilangan pendaftaran baharu perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melebihi 17,000 orang yang berdaftar pada Tahun 2016. Saya ingin tahu daripada jumlah tersebut apakah bidang perniagaan dan keusahawan yang paling banyak didaftarkan dan sejauh manakah pemantauan

dibuat oleh Pihak Kerajaan bagi memastikan matlamat melahirkan usahawan yang berjaya ini dapat dicapai.

Dan disebutkan juga dalam Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan bahawa sepanjang Tahun 2016 Agensi Keusahawanan di bawah Sekretariat Majlis Pembangunan Usahawan telah mengadakan 504 kursus dan latihan keusahawanan yang melibatkan sejumlah 36,000 usahawan dan bakal usahawan. Dari jumlah tersebut, saya ingin mendapatkan kepastian daripada Pihak Kerajaan berapakah jumlah ibu tunggal yang terlibat dan sejauh manakah usaha Kerajaan menggalakkan mereka menjadi usahawan bagi membantu dan meningkatkan taraf hidup mereka ke arah yang lebih baik.

Saya difahamkan kebanyakan ibu tunggal ini tidak didedahkan dengan maklumat yang jelas tentang peluang-peluang yang ada serta bentuk bantuan yang disediakan khususnya dari aspek kewangan. Saya mengharapkan Kerajaan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan mengambil serius masalah ini kerana ada dikalangan ibu tunggal sama ada bergerak secara individu atau koperasi yang perniagaannya tersekat kerana tiada sumber kewangan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan usahawan ini juga saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk meminta penjelasan dari Pihak Kerajaan berkenaan dengan perkembangan terkini tentang 3 Program *Flagship* Keusahawanan yang telah dimulakan pada Tahun 2009 iaitu T-Shop, T-Cafe dan T-Media. Sejauh manakah perkembangannya sehingga kini? Apakah ia masih berfungsi dan berperanan untuk membangun dan membentuk usahawan baharu Bumiputera di kalangan IKS. Yang memfokuskan kepada sektor peruncitan, penyajian makanan dan pemasaran produk kraf serta warisan. Jika ia masih berfungsi, berapakah jumlah outlet khususnya T-Shop dan T-Cafe yang ada sehingga sekarang? Dan adakah kedua-duanya mencapai sasaran jualan tahunan yang ditetapkan?

Dato' Yang Dipertua, antara perkara yang sering berbangkit oleh para usahawan ialah masalah pemasaran produk-produk yang diusahakan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengetahui status terkini T-Mart yang merupakan premis perniagaan yang diwujudkan oleh Kerajaan bagi membantu memasarkan produk usahawan tempatan di luar Terengganu bahkan luar Negara. Sejauh mana T-Mart

ini beroperasi sehingga sekarang dan adakah ia melibatkan semua jenis produk atau produk-produk tertentu sahaja.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan masalah pemasaran ini juga saya ingin bangkitkan di sini rungutan rakyat khususnya penduduk di pinggir Bandar dan luar Bandar. Pada setiap kalinya tiba musim buah-buahan khususnya musim buah duku. Apabila berlaku lambakan buah-buahan di pasaran, di mana penawaran melebihi permintaan menyebabkan harga akan jatuh. Sedangkan di waktu yang sama, permintaan di luar Terengganu masih tinggi dan harga pun juga masih tinggi pada waktu tersebut.

Tetapi Pihak Kerajaan dilihat tidak berbuat apa-apa bagi membantu penduduk terlibat dari sudut pemasaran. Saya mengucapkan tahniah atas keprihatinan salah seorang daripada Exco Kerajaan Negeri, Yang Berhormat ADUN Ajil yang mengambil tindakan membeli buah duku dari penduduk tersebut dan mengagihkan secara percuma kepada pengguna jalan raya.

Tapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kira ini hanyalah penyelesaian jangka pendek. Oleh sebab itu, saya mengharapkan Kerajaan memandang lebih serius dalam isu ini bagi membantu penduduk dengan mengemukakan penyelesaian atau pelan jangka panjang agar penduduk yang berkaitan dapat mengambil peluang meningkatkan pendapatan keluarga setiap kali tiba musim buah-buahan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang namun sebelum mengakhiri ucapan ini saya ingin menyentuh sedikit tentang masalah dalam kawasan saya. Dalam ucapan saya ketika membahaskan Bajet 2017 pada akhir November yang lepas, saya ada bangkitkan masalah Masjid Kebor Air yang tidak dapat diserahkan kepada Pejabat Agama disebabkan beberapa masalah yang timbul.

Alhamdulillah semua masalah itu telah dapat diselesaikan dan Jumaat pertama telah dapat didirikan di Masjid tersebut pada 10 Februari yang lepas. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih bagi pihak penduduk atas tindakan segera yang telah diambil bagi menyelesaikan segala masalah yang berbangkit.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kali ini saya menerima pula aduan dari Pihak Pengurusan Masjid Bukit Petiti berkenaan dengan keadaan masjid yang agak uzur sekarang ini. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Masjid Bukit Petiti ini telah dibina semenjak 40 tahun yang lalu. Pelbagai kerosakan telah berlaku dan di antara yang paling serius yang paling ketara ialah bumbung masjid yang sekarang ini berlaku kebocoran dan ketirisan yang ketara khususnya ketika tiba musim tengkujuh.

Keadaan struktur bumbung dan siling dimakan anai-anai yang boleh menyebabkan ia runtuh bila-bila masa sahaja. Dan ini sudah tentu akan membahayakan Jemaah yang hadir untuk mendirikan solat berjemaah khususnya pada hari Jumaat. Saya juga dimaklumkan oleh Pihak Pengurusan Masjid keadaan menara masjid juga kelihatan bergoyang ketika angin bertiup kencang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, surat memohon peruntukan bagi membaik pulih kerosakan yang ada telah dikemukakan kepada Pejabat Agama sejak Julai 2013 yang lalu. Dan surat ini dijawab 3 tahun kemudian iaitu pada Jun atau Julai 2016 yang lepas. Di mana surat jawapan itu menyebut bahawa ia dalam perhatian tetapi sehingga sekarang belum ada apa-apa tindakan atau kelulusan bagi tujuan membaik pulih masjid sebagaimana yang disebutkan tadi.

Apakah jenis dan bentuk birokrasi yang berlaku **ini Dato' Yang Dipertua. Saya tak** faham kenapa perkara yang melibatkan masjid yang berkait dengan kepentingan masyarakat menerima nasib yang malang ini. Apakah tidak ada sedikit peruntukan dengan duit zakat yang masih terkumpul sehingga 6 November 2016 sebanyak RM380 juta bagi tujuan membaik pulih masjid dan menyelesaikan segala masalah yang berbangkit.

Saya harap ada tindakan segera selepas daripada ini dan kalau perlu pihak penduduk setempat bukan sahaja layak untuk mendapat peruntukan bagi tujuan membaik pulih kerosakan yang ada bahkan mereka sudah berhak sebenarnya untuk mendapat masjid yang baharu sebagaimana yang telah dinikmati oleh penduduk di Masjid Kampung Kebor Air. Jadi kita harap perkara ini mendapat perhatian kerana saya kira ia sangat serius dan perlu disegerakan bagi manfaat dan kebaikan penduduk setempat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kira itulah secara ringkas beberapa isu yang saya nak sebutkan dalam perbahasan kali ini. Semoga ianya memberi manfaat. Segala apa yang baik daripada Allah, kelemahan kekurangan daripada saya sendiri. **Wassalamu'alaikum** warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Y.B. Teluk Pasu yang menyertai perbahasan pada petang yang mulia ini. Alhamdulillah sehingga kini terdapat 8 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan. Oleh kerana masa yang diperuntukkan untuk perbahasan pada hari ini kita kena tamat sebelum pukul 5, maka saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan hingga keesokkan hari.

Terima kasih banyak. Jazakallahu kashiro kepada semua Yang Berhormat yang **terlibat dalam perbahasan pada hari ini. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat** sekalian sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga ke esok hari, Rabu; 29 Mac 2017 pukul 9.30 pagi insyaAllah. Dan marilah kita tamat, menangguhkan dengan sama-sama membaca surah Al-Asr. **Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.**

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN
PADA HARI RABU, 29 MAC 2017

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.

WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.

WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Haji Rosli bin Othman, AMN.

WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.

WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.

WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.
WAKIL AJIL

Yang Berhormat **Dato'** Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KILOMETERN.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan persidangan dewan pada pagi yang mulia ini marilah kita sama-sama membaca ummul kitab Al-Fatihah. ...[Al-Fatihah].... Amin, Amin, Amin, Ya Rabbal Alamin.

Mesyuarat pagi ini akan diteruskan dengan Soalan-Soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini 29 Mac 2017:-

1. **Y.B Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor**
(Wakil Langkap)
2. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat
(Wakil Paka)
3. Y.B. Haji Mohd Mahdi bin Musa
(Wakil Kota Putera)
4. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)
5. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman
(Wakil Batu Rakit)
6. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
7. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
8. Y.B. Azan bin Ismail
(Wakil Bandar)
9. **Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar**
(Wakil Ladang)
10. Y.B. Ariffin bin Deraman
(Wakil Alur Limbat)

11. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat
(Wakil Cukai)
12. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Teluk Pasu)
13. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
14. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)

Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan Soalan Lisan, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Pemerhati-pemerhati yang agak ramai pada hari ini yang terdiri daripada seperti biasa:-

1. SERIKANDI diketuai oleh Pengerusinya,
2. Agensi Transformasi Rakyat Terengganu (ATRA),
3. MTD Sura daripada PAS,
4. Pra-Universiti Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nilam,
5. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Terengganu,
6. Wakil Pejabat ADUN Bandar,
7. Wakil Pejabat Pegawai Pembangunan Kuala Nerus,
8. Biro Tatanegara Terengganu,
9. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) SMKA Sheikh Abdul Malik,
10. Pemuda Puteri UMNO Negeri Terengganu
11. Wakil Kuala Nerus,
12. GPMS Terengganu dan orang-orang persendirian.

Maka, saya dengan ini mempersilakan kepada Batu Burok untuk mengemukakan soalan. Batu Burok tak ada. Kalau tak ada saya nak terus.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh wakil? Wakil Batu Burok mewakili kepada Wakil Batu Burok.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok dah wakil kepada

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya mewakili kepada Wakil Batu Burok.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah diberi pesan..?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya rasa kita pergi kepada soalan seterusnya dan kalau Wakil Batu Burok sendiri datang, kita akan bagi kepada Wakil Batu Burok. Terima kasih ya. Seterusnya saya mempersilakan Kuala Besut untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya No. 2 -

Apakah usaha yang lebih padu yang dilakukan oleh Kerajaan dalam menangani penyalahgunaan dadah?

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): **Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.** Salam sejahtera, Salam 1TTB, Salam **Negaraku Malaysia. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta para Pemerhati yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian.** Soalan saya, apakah usaha yang lebih padu dilakukan oleh Kerajaan dalam menangani penyalahgunaan dadah?

Mengenai soalan ini sebenarnya memang pelbagai usaha Kerajaan telah dibuat dalam membendung aktiviti penyalahgunaan dadah. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah Memperkasakan Dasar Dadah Negara selari dengan *tagline* iaitu "**Dadah Musuh Nombor 1 Negara**". Maka tindakan memerangi dadah secara habis-habisan diambil melalui penguatkuasaan undang-undang iaitu meningkatkan operasi secara berterusan dalam melaksanakan tangkapan dan dakwaan ke atas pesalah-pesalah dibawah akta-akta iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952 dan yang kedua Akta Racun 1952. Dan seterusnya rawatan dan pemulihan melalui Akta Penagih Dadah iaitu Rawatan dan Pemulihan 1983.

Selain daripada itu juga, pencegahan bagi menyekat serta melumpuhkan aktiviti pengedaran dadah menerusi akta-akta, Akta Dadah Berbahaya iaitu Langkah-Langkah Pencegahan Khas 1985 dan juga Akta Dadah Berbahaya, Perlucutan Hak Harta 1988, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan pertama, silakan. Ya, Kuala Besut, silakan.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Soalan tambahan saya yang pertama. Akhir-akhir ini kita dikejutkan oleh kejadian penyalahgunaan dadah oleh para pelajar-pelajar sekolah seawal pelajar-pelajar di sekolah rendah. Ini berdasarkan kajian dan juga pemerhatian yang telah dibuat oleh masyarakat dan juga oleh pihak Kerajaan melalui AADK juga. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan adakah dan juga apakah tindakan bagi pencegahan kepada penyalahgunaan dadah khususnya kepada golongan-golongan pelajar sama ada pelajar sekolah rendah ataupun pelajar sekolah menengah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, terima kasih wakil daripada Kuala Besut. Tindakan pencegahan penyalahgunaan dadah kepada golongan pelajar sebenarnya memang kita ada juga mengambil satu pendekatan iaitu usaha kita untuk mencegah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar ini **adalah melalui program "Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya"**. Kita memberi fokus pelajar sekolah menengah dan program Intellect Asuhan Rohani Pintar khusus kepada pelajar-pelajar sekolah rendah.

Kita sedar bahawa saban tahun menerusi AADK, Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan bagi memastikan para pelajar mengikuti program-program yang berkonsepkan kem. Selain daripada itu Kerajaan Negeri Terengganu juga turut memberi fokus ataupun memberi peruntukan kepada AADK melalui Jawatankuasa Pemandu membanteras dadah Negeri Terengganu melalui tiga modul yang telah dirangka iaitu modul pelajar sekolah terlibat dengan dadah, modul pelajar sekolah berisiko tinggi, modul pelajar sihat yang tinggal dengan keluarga yang terlibat dengan dadah.

Dan kita juga melalui Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK). Antara usaha yang telah kita buat dalam membantu atau membendung, mencegah penyalahgunaan

dadah di kalangan pelajar adalah menerusi Program 'Saya Anak Terengganu', 'Ingat Sebelum Terkena'. Dan program ini dilaksanakan adalah bertujuan sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan berlakunya kes-kes salah laku di samping memberi panduan kepada remaja ataupun pelajar dari mudah tertipu dan berperilaku baik dan menjauhi aktiviti-aktiviti yang memudaratkan. Selain daripada itu, program ini telah bermula sebenarnya sejak Tahun 2009 lagi dengan pelaksanaan keseluruhan sehingga tahun 2017 adalah sebanyak 888 program. Bagi tahun 2017 program ini dijadualkan mula dilaksanakan bulan Mei di 144 buah sekolah. Program ini dilaksanakan menerusi pendekatan secara motivasi kepada pelajar sekolah menengah dengan kerjasama kaunselor sekolah dan para penceramah yang dijemput daripada Jabatan Kerajaan mahupun NGO. Sekian terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan kedua sekiranya ada. Kuala Besut lepas tu saya bagi Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih kepada Kerajaan di atas usaha-usaha yang berterusan walaupun telah berpuluh tahun, kita cuba memerangi musuh nombor satu negara ni dan saya juga tertarik kepada *tagline* oleh Yang Berhormat Exco bahawa dadah masih lagi musuh nombor satu negara.

Jadi difahamkan juga bahawa faktor kegagalan sesuatu keluarga itu juga merupakan antara faktor menyumbang kepada peningkatan penyalahgunaan dadah dalam masyarakat kita. Jadi saya nak tahu juga apakah peranan dan juga tindakan serta usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk memupuk institusi kekeluargaan agar usaha kita membanteras dadah secara *total* ni dapat kita atasi secara bersama.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Sila Bukit Besi soalan tambahan yang kedua.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, terima kasih sekali lagi kepada Kuala Besut yang mengemukakan soalan tambahan iaitu usaha dalam membentuk institusi keluarga. Sebenarnya apa yang kita beri pendekatan iaitu menerusi AADK kita adakan **Program 'Family On Alert'** iaitu FOA dilaksanakan dalam memfokuskan kepada keluarga yang terlibat dengan dadah. Keluarga yang

berisiko tinggi serta komuniti setempat. Melalui Program FOA ini juga seminar-seminar kekeluargaan turut dilaksanakan dengan memberi fokus kepada kemahiran keibubapaan kepada keluarga terutamanya pendidikan pencegahan berbentuk taklimat, ceramah, pameran dan edaran *pamphlet* di dalam komuniti setempat turut dilaksanakan hasil kerjasama juga Lembaga Pertubuhan Penduduk, Keluarga Dan Negara (LPPKN).

Dan kita juga memang mengharapkanlah supaya pihak J3K terutamanya akan memainkan peranan yang penting dalam memastikan komuniti setempat kita terhindar daripada gejala dadah ini. Selain daripada itu Yayasan Pembangunan Keluarga juga iaitu YPK ada program-program yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan para ibubapa berbentuk ceramah dan motivasi iaitu antara program yang dilaksanakan melalui Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) iaitu 'Saya Anak Terengganu' iaitu taklif pemantapan tanggungjawab ibu bapa dan anak.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada anak-anak tentang tanggungjawab mereka sebagai khalifah pewaris legasi anak Terengganu. Program ini telah dijalankan semenjak tahun 2007 lagi dengan jumlah pelaksanaan program sebanyak 248 kali yang merangkumi sekolah-sekolah di seluruh daerah di Negeri Terengganu. Bagi tahun 2017 program ini telah dilaksanakan di 17 buah sekolah. Sekian, terima kasih.

YANG BERTAMBAH DITO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Besi, soalan tambahan ketiga. Sila Wakaf Mempelam mengemukakan soalan tambahan.

YANG BERTAMBAH HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Bertambah Dato' Yang Dipertua saya *duk* rasa pendekatan yang diambil oleh pihak Kerajaan agak lunak, lembut gitu. Adakah tindakan yang agak keras sikitlah, bukan kata nak menghukum tapi sebagai satu *deterrent* dengan izin, orang kata sebagai satu penghalang bagi mereka-mereka yang nak berjinak dengan dadah ni. Sebagai contoh adakah Kerajaan memikir ke arah untuk nak membina kem penempatan untuk mereka yang terlibat dengan dadah ni di pulau. Buat di Pulau Bidong ke. Jadi orang nak hantar, nak *supply* dadah ni payah jugak nak pergi ke pulau ni.

Jadi maknanya agak asing sikit supaya mereka-mereka, pasal tukang *supply* yang buat duit ni, yang jahanam anak kampung kita, anak orang Melayu Islam kita. Jadi adakah usaha-usaha yang agak lebih.... **Dato' Setiausaha Kerajaan suka, senyum jer** maknanya setuju. Pandangan saya dia setuju, alhamdulillah, dengan contoh yang saya sebutkan tadi. **Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam soalan tambahan ketiga. Sila Bukit Besi untuk menjawab soalan tambahan daripada Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam yang rasa usaha Kerajaan hari ini nampak lembut dan kalau boleh Wakaf Mempelam mengharapkan supaya tindakan kita ni biar lebih keras sedikit, nampak ada kesungguhan. Tetapi bagi Kerajaanlah dalam kita nak menangani penyalahgunaan dadah ni kita merasakan bahawa pendekatan yang kita telah buat melalui akta-akta ini boleh meyakinkan kita setakat nilah dari segi menghukum mangsa-mangsa dalam penglibatan dadah ini. Tapi sebenarnya memanglah kita di Terengganu ni memang kalau kita nak tempatkan di pulau tu memang kita banyak pulau tetapi apapun juga saranan daripada Wakil Wakaf Mempelam ini kita cuba teliti dan kita kaji bagaimana kita nak melaksanakan harapan anak-anak pewaris bangsa kita ni.

Jadi, dalam nak meletakkan harapan kita kepada anak-anak kita ni dalam penglibatan penyalahgunaan dadah ni kita akan senantiasa memberi perhatian yang sesungguhnya bagi menjamin kelangsungan anak bangsa kita ni dalam meneruskan agenda masa depan mereka. Tapi walau macam manapun saya sebenarnya dalam menangani, Kerajaan juga bersama dengan NGO yang telah mengambil tanggungjawab bersama dalam memastikan anak-anak kita ni sebab ada beberapa pusat yang telah dibuat oleh badan-badan NGO kita yang kita fikir dan kita Kerajaan Negeri Terengganu senantiasa memberi sokongan yang kuat dalam kita nak mengatasi masalah anak-anak kita ni dan insyaAllah dengan harapan Wakil Wakaf Mempelam tadi tu kita Kerajaan akan teliti dan kita akan kajilah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Kuala Besut yang mengemukakan soalan dan kepada Bukit Besi Exco yang menjawab dan juga

kepada Wakaf Mempelam terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Bandar untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor dua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ulang balik.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Soalan nombor dua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Nombor dua, nombor dua.

YANG DIPERTUA DATO' YANG DIPERTUA: Baca soalan. Saya rasa soalan nombor ni ditolak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi pada kertas saya ni ada, saya catit soalan nombor satu dan dua jadi saya pilih nombor dualah.

YANG DIPERTUA DATO' YANG DIPERTUA: Soalan nombor dua ditolak ya. Soalan nombor satu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dua-dua ditolak. Kalau tidak sepatutnya tidak ada hari ini. Dato' Yang Dipertua mana-mana soalan yang saya rasa difikirkan soalan saya tersenarai, boleh.

Berapakah jumlah peruntukan untuk Pembangunan Bandar Baru Kuala Nerus dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini?

YANG DIPERTUA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih atas kebersamaan ya. Terima kasih banyak. Soalan nombor satu ya, sila.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat

Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, media, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian. Wakil Bandar ada bertanyakan berkaitan dengan peruntukan untuk Pembangunan Bandar Baru Kuala Nerus dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini. Saya juga ambil kesempatan di sini untuk memaklumkan kepada Dewan bahawa Wakil daripada Tepoh pun ada tanya soalan yang lebih kurangnya. Jadi saya cuba jawab seberapa yang saya boleh.

Jadi untuk makluman Wakil Bandar dan juga Dewan yang mulia ini jumlah peruntukan untuk Pembangunan Bandar Baru Kuala Nerus ialah sebanyak RM600 juta dan jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini adalah sebanyak RM85 juta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan pertama, sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Disebutkan tadi bahawa jumlah keseluruhan peruntukan untuk Pembangunan Bandar Baru Kuala Nerus adalah RM600 juta dan setakat ini RM85 juta telah dibelanjakan. Dato' Yang Dipertua, oleh kerana isu yang walaupun remeh tapi dibangkitkan oleh warga Terengganu terutamanya warga maya berkenaan dengan katanya hadiah ataupun *sponsorship* dengan izin tanaman pokok dan sebagainya. Saya rasa bagus juga Dewan harini untuk *clarify* isu tersebut dan adakah sumbangan itu mengambil kira jumlah kontrak keseluruhan yang telah diberi kepada kontraktor yang menyumbang bentuk-bentuk seperti pokok dan sebagainya itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih kepada Wakil Bandar jadi suka juga saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa konsep pembayarannya adalah pembayaran tertangguh iaitu sebanyak RM70 juta setahun dan memakan masa selama 8 tahun setengah. Setakat ini kerja yang telah diperakui adalah sebanyak RM200 juta dan seperti yang saya sebut tadi bayaran yang telah dibuat adalah sebanyak RM85 juta. Jadi di sini menunjukkan bahawa pihak kontraktor telah begitu ke depan dari segi kemajuan kerja dan daripada maklumat yang saya ada dan antara kerja-kerja yang telah diperakui termasuk kerja-kerja landskap yang mana daripada perbincangan

saya dengan Pihak SO ataupun wakil SO yang *dicertifiedkan* ataupun diperakui setakat ni dalam RM30 ribu sahaja.

Jadi pokok yang diviralkan di media tu ada orang panggil dia pokok botol ada juga, ada orang panggil dia pokok *Ceiba Chodati*. Jadi *Ceiba Chodati* ini tidak ada dalam skop dalam bidang kerja dan itu adalah hadiah daripada pihak kontraktor untuk mengindahkan lagi Bandar Baru Kuala Nerus ini. Jadi saya ulang sekali lagi, tidak termasuk dalam skop kerja dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan kedua, saya bagi Bandar dulu. Lepas ni insyaAllah Tepoh.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Dato' Yang Dipertua, oleh kerana perkara ni seperti menjadi minat rakyat Negeri Terengganu, saya nak tanya perkara yang ringkas sahaja. Benar ke tidak Kerajaan terutamanya Pentadbir Bandar Baru Kuala Nerus ini berhajat untuk menamakan pokok botol ke pokok gemuk tadi? Pokok botol sebagai....

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Ada bahasa orang panggil pokok botol pun ada, pokok kayu sutera pun ada. Jadi nama saintifik dia *Ceiba Chodati*.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Jadi sahlah ikut nama *Ceiba* tu bukan pokok asal daripada kawasan-kawasan kitalah. Jadi, yang ditanya oleh warga maya ni cadangan untuk Pentadbir dan Kerajaan nak namakan pokok ni sebagai ikon simbol baru kepada Bandar Baru Kuala Nerus. Adakah benar perkara ini? Kalau benar, tak ada pokok lain dah ke kita nak gunakan sebagai simbol untuk Negeri Terengganu ni. Banyak dah hutan di Terengganu, jadi boleh cari kalau boleh. Betul ke tidak? Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Wakil Bandar. Jadi, untuk makluman Wakil Bandar dan juga Dewan, kita Kerajaan tidak ada niatlah untuk menamakan pokok ni sebagai ikon kepada Bandar Baru Kuala Nerus. Jadi seperti yang dikatakan, itu adalah hadiah daripada kontraktor sebabnya pokok ni kira cantik dan untuk makluman jugalah Dewan, di Malaysia kita setakat hari ini ada dua batang dua pokok ni di Malaysia. Pokok ni bukan daripada *locallah*. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, sila Tepoh, soalan tambahan ketiga. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya berkenaan dengan Bandar Baru Kuala Nerus. Yang pertama saya nak tanya berkenaan dengan pokok *Celba* ini yang telah disumbangkan oleh kontraktor utama yang memajukan Bandar Baru Kuala Nerus. Apakah ia merupakan amalan biasa kontraktor menyumbang sesuatu di atas projek yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan jika sekiranya sumbangan ini adalah suatu amalan yang biasa, apakah ia ada niat terselindung untuk mendapatkan projek-projek yang lain kerana Casa Hartamas mendapat projek RM600 juta di Bandar Baru Kuala Nerus, RM270 juta untuk membangunkan Pulau Poh di Kenyir, hampir RM1 billion Casa Hartamas mendapat projek melalui Kerajaan Negeri. Adakah ini di antara perkara yang berlaku sebaliknya?

Kemudian, saya ingin juga mendapatkan penjelasan berhubung dengan pokok ini. Kalaulah sekiranya ia merupakan satu amalan biasa, saya pohon satu contoh yang sama di mana kontraktor yang telah menyumbang seperti ini untuk projek-projek yang lain kalaulah itu merupakan amalan biasa. Kalau ia bukan amalan biasa, saya kira ia perlu dicegah dan tidak sewajarnya untuk kita menerima sumbangan-sumbangan seperti ini kerana ia akan memberikan kesan di dalam pelaksanaan kejayaan projek yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan.

Dan akhir, disebut oleh pihak Exco tadi dah jadi 8 tahun setengah. Kalau dah jadi 8 tahun setengah, apakah berlaku penurunan harga daripada RM700 juta seperti yang dirakamkan dalam Buku Bajet Tahun 2016 sehingga dapat angka yang baru kesan daripada tempoh yang telah dipendekkan 8 tahun setengah daripada asalnya 10 tahun. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh, sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Okey, terima kasih kepada Wakil Tepoh. Jadi Wakil Tepoh tadi dia tanya tak salah saya tiga *sub* soalanlah. Jadi YDP bagi juga ke dia. Amalan bagi hadiah tu bukan satu perkara yang normal, *it's not a normal process or normal practice*. Tapi ini adalah hadiah daripada kontraktor yang beri benda itu dengan niat dia untuk nak mencomelkan Bandar Baru tu. Itu bukan satu perkara yang bukan *normallah* dan Pihak Berkuasa

projek pun tidak tahu berkenaan dengan hasrat ini sehinggalah pokok itu ditanam. Ini bukan amalan biasa dan pihak Kerajaanpun pun dah minta pihak kontraktor untuk bagi penjelasan pasal apa dibuat sedemikian rupa.

Berkenaan dengan bayaran tu, bayaran projek ini saya sekali lagi ingin memaklumkan di sini bahawa Projek Bandar Baru Kuala Nerus kos peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM600 juta. Jadi nak betul *statement* yang sebelum ini bukanlah RM700 juta ialah RM600 juta dan pembayarannya dalam tempoh 8 tahun setengah. Yang mana setiap tahun akan dibayar jumlah yang sama iaitu RM70 juta seperti yang saya sebut dalam jawapan saya sebentar tadi walaupun pihak kontraktor dah buat kerja sebanyak RM200 juta untuk setakat hari ini, tapi akhir tahun ini kontraktor cuma akan dibayar *total* dia sebanyak RM140 juta iaitu RM70 juta dan RM70 juta.

Pada saya, pihak Kerajaan telah membuat satu keputusan yang tepat. Sebabnya kita telah memilih satu kontraktor yang begitu mempunyai keupayaan, dia banyak *resources* dia, dia adalah *local*, dia banyak pakai barang-barang *local*, pekerja, *machinery* dan sebagainya dan dia tidak ada beban kewangan yang begitu mendesak kepada Kerajaan Negeri. Makna kata, tidak ada sekarang ini, orang buat RM200 juta kita nak bayar cuma RM80 juta, *takdok*. Jadi, ini satu keputusan yang baik dan kalau kita tengok memanglah setiap orang yang berniaga dia nak keuntungan. Jadi tidak ada penurunan dari segi jumlah sebabnya pihak kontraktor bila dia buat kerja dia akan ikut kos dan dia akan cari jalan untuk membiayai projek tersebut. Jadi, seperti yang saya katalah. Satu keputusan yang bagus, kita dapat benda tu banyak dalam satu masa..

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Sekejap, sikit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): ...saya nak penjelasan sebab takut terlepas kekgi.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Kalau kita tangguhkan, contohnya kalau kita boleh. Untuk makluman dewan, projek ni dia

ada tiga komponen. Satu, dua, tiga. Komponen pertama, jalan masuk, komponen kedua adalah bangunan pentadbiran, komponen ketiga jalan keluar. *Planning* asal kita nak buat komponen satu yang mana kosnya sampai RM200 juta, makan masa 2 tahun. Barulah mari komponen kedua yang mana kosnya lebih kurang dalam RM300 juta. Lepas itu barulah mari komponen ketiga yang mana kosnya lebih kurang dalam RM200 juta. Maknanya bila kita *delay*, maksudnya kita buat komponen satu siap, masuk komponen kedua, kosnya tidak akan jadi macam ni.

Itu salah satu sebab yang Kerajaan bersetuju yang mana saya juga nak beritahu projek ini telah dirancang sejak tahun 2013 lagi. Bukannya sekarang, bukannya kelmarin. Jadi sebab itulah Kerajaan bersetuju bila ada tawaran yang begitu, Kerajaanpun ambil peluang dan tidak ada bebanan tambahan dari segi kewangan kepada Kerajaan Negeri dan benda ini telah *has been accounted for* dengan izin. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: **Penjelasan ke apa ni? Panjang sangat dah.**

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sebab soalan saya pun ada perkara ni. Saya nak merujuk balik Ucapan Bajet 2016. Perkara 132, projek ini akan disiapkan dalam masa 4 tahun dan Kerajaan Negeri akan membuat pembayaran sebanyak RM70 juta setahun selama 10 tahun mulai tahun 2016. Jadi ia agak berbeza dengan buku bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan jawapan yang dikemukakan oleh pihak Exco sebentar tadi. Apakah ianya sudah berlaku satu perubahan yang perlu diketahui oleh pihak Dewan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya ambil kesempatan ini untuk membetulkan satu kesilapanlah. Sebab semasa Ucapan Bajet tu, kita belum *finalize* atau *findtune* projek itu secara muktamad. Jadi yang ini adalah yang mutakhir, **yang terkini...**

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): **Dato' Yang Dipertua mohon penjelasan.** *This is a serious matter* ni. Kalau...kalau persiapan projek yang belum siap.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Ini projek yang sekarang memang daripada RM600, RM700 lagi baru, **lagi murah...**

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): **Ini suatu yang amat serius...**

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): ...komponen **dia sama...**

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ...**dalam Pentadbiran Kerajaan...**

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):**tempoh dia** 8.5 tahun, kos tak berubah. *Infect* yang ini lagi kurang daripada apa yang diucapkan, jadi saya rasa ini adalah lebih baik, lagi bagus untuk kita Kerajaan dan seperti saya sebut tadi satu keputusan yang bijak. Okey, terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): **Dato' Yang Dipertua, inilah maksud yang saya bagitahu semalam...**

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Kita habis dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): ...**Jawatankuasa** Hak dan Kebebasan ni untuk mencegah perkara yang macam nilah, yang berlaku

YANG AMAT BERHORMAT **DATO' SERI MENTERI BESAR TERENGGANU: Baik, Dato' Yang Dipertua,** bagi sayalah, kalau Kerajaan berjaya mengurangkan kos bahawa ini adalah satu perkara yang bagus. Kerana dalam bajet kita, itu bajet. Apabila kita dapat laksana daripada RM700 juta menjadi RM600 juta ini adalah satu kejayaan yang besar. Kerana kita telah berjaya menjimatkan RM100 juta duit rakyat, jadi saya rasa perkara ini tak patut, yang ini patut diberi galakkan dan patut diberi **sokongan oleh semua pihak termasuk di sebelah sana. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, saya tak benar dah, panjang dah. SayA dah kata tadi...

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Saya..

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Ini tidak ada kena mengena dengan kes tadi. Tapi maksudnya...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Peraturan Dewan biar habis saya bercakap, dah panjang dah, cukup dah. Soalan tambahan saya benar tiga tadi. Dah dirangkumi banyak oleh Tepoh.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Dato' Yang Dipertua, ini bukan soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak saya tak benar dah. Cukup.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Ini berkenaan dengan semalam berlaku Dewan membincangkan tentang masalah fakta yang perlu dibentang secara teliti terutama oleh pihak Kerajaan dan juga kita di pihak Pembangkang kena juga teliti apabila kita menyebut tentang sesuatu isu dan fakta. Ini ialah contoh pagi ini, Kita kena ada *discrepancy*, perbezaan yang nyata..

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya faham. Bandar saya faham.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Mudah jer, bajet dengan *actual* ni semua orang tahu. Bajet selesai kita pakai, selesai.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Daripada kalangan Kerajaan dan pihak Kerajaan sendiri. Ini contoh jelas....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk, Air Putih duduk. Saya mintak duduk. Tu aje, saya minta duduk. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (WAKIL BANDAR): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak kepada Y.B. Bandar yang bertanya, kepada Kemasik dan juga Tepoh. Saya nak mempersilakan Ladang untuk soalan yang seterusnya. Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan nombor satu -

Apakah benar bahawa Kerajaan telah membuat peraturan bahawa setiap permohonan pecah sempadan tanah melebihi 4 lot yang dikemukakan kepada pejabat tanah hendaklah mendapat ulasan daripada Pegawai Perancang bertauliah?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam Negeraku Malaysia. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, para Pemerhati, rakan media, tuan-tuan dan puan-puan serta saudara-saudara saudari-saudari yang dihormati sekalian. Berkait dengan soalan daripada Wakil Ladang, yang bertanyakan tentang apakah benar bahawa Kerajaan telah membuat peraturan bahawa setiap permohonan pecah sempadan tanah melebihi 4 lot yang dikemukakan kepada Pejabat Tanah hendaklah mendapat ulasan daripada pegawai perancang bertauliah? Jadi, jawapannya benar. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan yang pertama, silakan Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sama-sama.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Apakah Kerajaan sedar bahawa dengan perubahan ini ataupun boleh saya terangkan sedikit supaya Dewan faham tentang isu ini. Dulu, amalan sekarang sebelum daripada tahun ini kalau kita pecah lot lebih daripada 5 ekar bukan 5 lot, 5 ekar baru dikenakan peraturan untuk kita kemukakan LCP, Laporan Cadangan Pemajuan baru guna Perancang Bandar Bertauliah. Sekarang ini, 5 lot bukan 4 lot salah saya tu, sekarang ini ikut akta ini atau Perancang Bandar dan Desa Tahun 1976, laksana 172 dia kena 5 lot ke bawah boleh Juru Ukur saja yang cadangkan, tak payah daripada Perancang Bandar dan Desa yang bertauliah.

Implikasi dia Dato' Speaker, bila lebih daripada 5 lot ini kita kena guna Pegawai Perancang bertauliah ataupun berdaftar. Bila guna Pegawai Perancang Berdaftar, *basic fees* mengikut skill yang digunakan oleh profesional bertauliah ini Profesional Perancang Bandar ini, dia kena bayar *basic fees* RM35 ribu. Jadi, apa justifikasi kita, mengapa kita nak bebankan rakyat dengan benda-benda begini. Sehingga kena bayar RM35 ribu kalau kita *engage to professional* Perancang Bandar RM35 ribu *basic fees* dan ada tambahan-tambahannya lagi.

Maknanya kalau kita nak pecah lot seekar, lebih dari 6 lot kita kena bayar paling kurang RM35 ribu dulu tidak termasuk yang biasa-biasa dan ini membebankan rakyat. Jadi saya nak mintak apa justifikasi Kerajaan meminda amalan ini. Sila, sebelum saya teruskan lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Wakil Ladang. Jadi, sebelum tu baik saya terang dululah mungkin sebahagian daripada kita tak berapa faham tentang apa yang kita katakan tentang pecah sempadan ini. Jadi Kerajaan Negeri telah membuat peraturan berkait dengan permohonan kebenaran merancang bagi memecah sempadan atau memecah bahagi tanah melalui kaedah-kaedah kelayakan orang yang boleh menyedia atau mengemuka pelan serta dokumen untuk kebenaran merancang Terengganu 2016 yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri melalui nombor Warta Jilid 70 No. 1 bertarikh 5 Januari 2017.

Bagi menyokong pengemukakan permohonan perancang, Laporan Cadangan Pemajuan atau LCP hendaklah disediakan. LCP hanya boleh disediakan dan dikemukakan oleh Juru Perancang Bandar Bertauliah bagi semua permohonan kebenaran merancang. LCP adalah dokumen sokongan yang dikemukakan semasa mengemukakan permohonan kebenaran merancang yang memperincikan cadangan pemajuan.

Jurukur Bertauliah, jadi bermaksud sekarang ini kita kena pakai Jurukur Bertauliah. Saya tak tahulah sampai seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ladang sampai kena bayar RM35 ribu. Kerana bayaran itu adalah bayaran kepada Juru Ukur Bertauliah bukannya bayaran kepada Kerajaan. Jadi yang ini kerana kita memerlukan laporan daripada Juru Ukur Bertauliah yang akan mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang bagi penggunaan tanah atau perihal tanah untuk memecah sempadan atau memecah bahagi kawasan tidak melebihi 5 petak pecahan atau unit kediaman sahaja. Manakala bagi permohonan melebihi 5 petak pecahan hanya Juru Perancang Bandar Bertauliah boleh mengemukakan permohonan tersebut.

Jadi di sini, kerana kita melihat sekarang ini kalau kita tidak buat peraturan yang begini maka akhirnya kita tidak akan dapat melihat satu perancangan perumahan yang begitu strategik dan memenuhi apa yang akan kita perlukan untuk masa hadapan. Nanti apabila kita tidak buat peraturan begini apabila timbul isu-isu dari segi infra, kemudian isu-isu dari segi menyediakan kemudahan-kemudahan dan akhirnya rakyat akan menyalahkan Kerajaan dalam soal ini.

Jadi kerana itulah, maka Kerajaan nak menyediakan infra, menyediakan kemudahan-kemudahan, maka diperlukan sekarang ini adalah perancangan. Kerana kita tidak mahu hari ini masing-masing akan buat dan kemudian ada juga pihak *developer* dengan izin, dan hari ini pun ada kecerdikpandaian dia. Kadang-kadang sengaja, dia nak buat rumah dia akan buat rumah dalam kecil-kecil. Dia buat rumah dalam dua buah dahulu dan tambah lagi dua buah dan hasilnya akan menyusahkan Kerajaan di kemudian hari kerana akhirnya rakyat akan menyalahkan Kerajaan kerana tidak menyediakan satu infra. Contohnya longkang tidak disediakan yang sesuai sebab itulah maka keperluan Kerajaan hari ini kita nak mengetahui apakah perancangan sebelum pembangunan itu dilaksanakan.

Dan apabila kita dah melihat perkara ini maka barulah kita bagi kelulusan supaya akhirnya tidak berlakulah permasalahan kepada rakyat di kemudian hari. Kerana kita bimbang *developer* dengan izin, selalu akan mengambil peluang dan akhirnya apabila mereka membina perumahan dan menjual perumahan-perumahan tersebut dan akhirnya akan membebankan rakyat itu sendiri.

Jadi dalam soal ini saya tak nampak bebanan itu kepada rakyat tetapi ini adalah untuk masa depan dan juga untuk memastikan bahawa seperti yang selalu saya sebut kebajikan rakyat itu akan dapat kita jagai. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Sila Ladang, soalan tambahan yang kedua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya ingat ada sedikit kekeliruan di situ. Saya nak minta supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat rujuk kepada Seksyen 4 dan 5, Akta Perancang Bandar Dan Desa. Seksyen 4 mengatakan bahawa..... Kalau izinkan saya boleh baca.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bagi setiap kategori yang memerlukan penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan di bawah Seksyen 1(A) Akta, laporan tersebut mestilah disediakan oleh Perancang Bandar dan Desa bukan Juru ukur. Perancang Bandar dan Desa, Pegawai Perancang Bandar dan Desa. Kemudian, Kuasa Untuk Meminda Jadual, Seksyen 5 - Kebenaran Merancang Penggunaan Tanah Atau Perihal Tanah. Ini bukan tentang hal bangunan, hal tanah baru ni.

Untuk memecah sempadan atau memecah bahagi kawasan tidak melebihi 5 petak pecahan atau unit kediaman sahaja yang boleh *submit* permohonan ini ialah Perancang Bandar Berdaftar, Juru Ukur Tanah Berlesen atau arkitek profesional, itu 5 lot ke bawah. Jadi, lepas 5 lot ke atas kalau ikut Seksyen 4 ini mesti dibuat oleh Perancang Bandar dan Desa dan apabila kita *endorse* atau kita *engage* Pegawai Perancang Bandar Dan Desa, kita pakai *skill* dia pulak. *Skill* bayaran dia pulak, dia

kata *basic fees* RM35 ribu. Itu maksud saya. Kalau dulu kita gunakan ini untuk 5 ekar ke atas, sekarang kita guna 5 lot ke atas. Apa justifikasi di situ?

Jadi saya mohon supaya Kerajaan meneliti semula dan membuat pindaan jika perlu atau Kerajaan nak buat cara ni tak apa, tak ada masalah tapi ini membebankan rakyat. Cadangan, kekalkan seperti yang ada sekarang supaya Juru ukur boleh *submit* sehingga 5 ekar ke bawah. 5 ekar ke atas baru guna Pegawai Perancang Bandar dan Desa yang bertauliah. Dan satu lagi Yang Berhormat sekarang ini kalau nak guna Pegawai Perancang Bandar Dan Desa yang bertauliah ni di Terengganu ni tidak ada satu pun ofis yang dibuka lagi yang ada cuma di Kuantan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Ladang, panjang dah.

YB DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): *Dok* panjang lagi, ada satu lagi soalan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, ni soalan tambahan kedua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Ladang. Yang Berhormat Ladang tak boleh nak bandingkan bahawa pada masa dulu kerana nilai tanah dulu harganya bukan seperti sekarang. **Sebab...**

YB DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): *Dok* bukan, bukan. Yang Amat Berhormat saya nak mencelah sedikit.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: saya nak beritahu hari ini ialah kerana apa yang kita buat hari ini adalah keutamaan seperti yang saya katakan tadi. Apabila dah 5 dan lebih maknanya 5 tanah dan yang lebih hari ini, bahawa lebih daripada 5 lot tanah, bahawa pada hari ini, nilai tanah pada hari ini, adalah yang tidak sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Ladang seperti dulu. Itu satu perkara. Dan perkara ini tiada masalah Yang Berhormat Ladang sebab insyaAllah pada 10 April 2017 ini di Wisma Darul Iman yang akan melibatkan agensi awam dan swasta, ahli-ahli akademik dan badan-badan profesional dan perunding-perunding bertauliah kita akan buat dengan izin, '*Public Engagement*' yang mana satu Seminar Sebaran Dasar Perancangan ini akan diadakan.

Jadi di situ nanti insyaAllah akan dibincang secara khusus dan saya nak jemput jugalah Yang Berhormat Ladang untuk dapat bersama dan perkara ini kita tidak ada masalah. Kita akan perincikan semula, kita akan lihat semula dan kalau perkara ini kita rasa perlu adakan perubahan dan sebagainya InsyaAllah kita akan laksanakan. Ini adalah yang saya sebut tadi adalah untuk kepentingan rakyat dan kita akan melihat semula kerana kita bimbang kerana ada sebahagian daripada *developer* dengan izin, dia selalu mengambil peluang.

Kita melihat hari ini kerana apabila mereka hendak membuat projek perumahan dengan kuantiti yang besar mereka akan buat melalui kecil-kecil. Mereka akan buat 4 buah, 5 buah dahulu dan akhirnya akan menyebabkan mereka ini tidak akan payah menyediakan kemudahan-kemudahan dan juga infra-infra, yang akhirnya infra ini akan terbeban oleh Kerajaan. Dan apabila tidak ada perancangan maka akhirnya rakyat akan menyalahkan Kerajaan sepertimana yang kita tengok banyak dah tempat. Dan akhirnya kita tengok hari ini bila berlaku banjir rumah dah habis rumah dan rakyat menyalahkan Kerajaan. Sedangkan yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah *developer* dengan izin, yang telah melakukan tanpa perancangan yang sebaiknya.

Jadi, untuk menjaga kepentingan pembeli-pembeli rumah terutamanya supaya mereka ini sentiasa terjaga dan tak tertipu jadi maka peraturan ini kita laksanakan. Ini adalah bukanlah atas dasar kita nak dapatkan bayaran balik disebut tadi, tetapi adalah untuk memastikan bahawa pembeli-pembeli rumah ini akan dilindungi.
Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih, soalan nombor 3, bolehkan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh, silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya ingat ada sekali lagi kekeliruan di situ. Orang pecah lot ni Yang Amat Berhormat atau **Yang Berhormat Dato', bukan semestinya orang nak buat rumah, atau bukan mesti untuk *developer*.** Saya pecah lot 1 ekar kepada 5 lot saya nak jual kepada kawan-kawan selot-selot sorang, bukan untuk nak buat rumah belaka. **Bukan sekaligus buat rumah sedangkan...**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tapi soalnya Yang Berhormat Ladang, dan akhirnya kita jual-jual tanah ni orang akan buat apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ya, setuju. Orang buat rumah, okey. Tapi dia *dok* buat sekaligus. Sebab kita sudah ada peraturan...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Ladang, yang tak buat sekaligus yang kita takut. Kalau buat sekaligus tak ada masalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nanti, beri peluang saya. Yang Berhormat beri peluang kepada saya dulu. Saya nak jelas, tak jelas lagi tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap Ladang, kita dah lama. Ladang pun agak veteran ya, dalam soalan tambahan ni dia *free size*. Bila terlampau panjang menerangkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ya. Betul saya setuju *free size*. Saya pendek.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti, Speaker bercakap, peraturan, biar habis Speaker dulu. Jadi, sama-sama ikutlah peraturan. Semua orang lama-lama dah ni, jadi saya tak nak menegur. Peraturan tetap peraturan. Jadi soalan tambahan tu dipendek, padat, *free size*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ini soalan tambahanlah ni. Cuma nak kena faham dulu sikit. Kalau tak fahamkan kata tak faham soalan pula. Jadi gini, bila kita pecah lot, sekarang ini kalau nak buat rumah, itupun berbeza antara Majlis-Majlis Tempatan kita. Ada kata kalau buat empat buah rumah, dikira projek. Ada yang kata tiga buah rumah saja bukan projek, empat projek selalu. Ada kata lima rumah baru dikira satu projek. Bila dikira projek dia perlukan infra dan sebagainya sebab dikira projek. Itu baru nak buat rumah. Bila kita jual tanah, ramai orang pecah lot sekarang jual tanah. Ada orang buat sekarang, ada buat dua tahun lagi. Tapi berbeza masa dia buat, itu tidak dikira projek. Yang saya sebut sini ialah tentang pecah lot tanah itu sendiri. Yang kita kena bayar lebih sebab kita *engage*, kalau ikut peraturan ini

kena ambil Pegawai Perancang Bandar Dan Desa. Bila ambil khidmat Pegawai Perancang Bandar Dan Desa kena bayar RM35 ribu mengikut peraturan dia, *basic* dan kena bayar juru ukur pula lagi. *Concern* saya itu. Tapi kalau Kerajaan fikir itu perlu, buatlah tak apa. Tapi saya melahirkan rasa sangsi saya atau keprihatinan saya kepada rakyat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey dah, Ladang. Terima kasih banyak. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Ladang, inilah Kerajaan. Kadang-kadang Kerajaan ni susah Yang Berhormat Ladang dan juga Dato' Yang Dipertua. Kalau kita tak buat perancangan, jadi nanti rakyat akan kata Kerajaan Cap Ayam. Jadi, bila buat perancangan jadi begini pula keadaannya. Jadi samalah sepertimana cerita Luqman Hakim dengan anaknya yang naik keldai ni, jadi serba tak kena. Jadi sebenarnya hari ini dia tak ada masalah. Sebab itu soalnya hari ini memang Kerajaan tahu bahawa apabila orang nak pecah sempadan atau pecah tanah ni tidak lain dan tidak bukan, asasnya adalah untuk dibuat rumah.

Dan ini yang menjadi kebimbangan kepada Kerajaan kerana apabila orang ni buat rumah mungkin ketinggian macam ni, kena rumah yang kedua dia lebih tinggi daripada rumah yang pertama, rumah yang ketiga tinggi dari rumah yang ke ini dan akhirnya bila berlaku banjir di kawasan...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf Dato' Speaker, saya bercakap tentang tanah bukan *building by law*. Saya tak bercakap tentang bangunan, saya bercakap tentang tanah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bukan, soalnya hari ini...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah, jawablah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:orang pecah tanah itu yang saya sebut tadi. Tapi kalau pecah tanah nak buat tanah kubur tak apa Yang Berhormat Ladang. Ataupun pecah tanah hari ini nak buat surau dan masjid kita bagi sokongan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya, saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biarkan Yang Amat Berhormat, ya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadi soalnya yang saya sebut hari ini ialah inilah keprihatinan Kerajaan kerana Kerajaan melihat apa yang telah berlaku. Kita melihat sekarang apa yang berlaku lebih-lebih lagi apabila berlakunya bencana banjir jadi kerana apa, kerana masalahnya dari segi longkang. Dari segi tebatan banjir dan sebagainya yang tak kita laksanakan. Jadi, kerana itulah maka Kerajaan mengambil perkara ini secara serius kerana itulah maka Kerajaan merasakan bahawa perlunya kita membuat ketetapan, kita membuat perancangan. Walaupun begitu kita masih lagi beri kelonggaran, kerana empat tanah dan ke bawah tidak dikenakan apa-apa.

Jadi, dalam soal ini tidak ada masalah. Ini yang kita melihat hari ini bahawa yang lima lebih-lebih lagi dengan harga tanah sekarang bahawa tidak boleh nak dibandingkan dengan nilai yang dahulu kerana contohnya kawasan saya Seberang Takir sekarang ini tanah 1 ekar pun dah hampir RM1 juta, kalau hujung tanjung Seberang Takir dah RM11 juta seekar. Jadi, dah kalau RM11 juta seekar itu, ataupun RM1 juta yang saya sebut tadi kerana mereka ni satu ekar RM1 juta dan mereka nak pecah 6, mereka jual sekarang ni tidak kurang daripada RM200 ribu. Jadi RM200 ribu yang dijual, untuk hanya 5 lot saya rasa tak ada masalah. Tetapi walau bagaimanapun seperti yang saya sebut tadi, Kerajaan masih lagi memberi pertimbangan dalam hal ini kerana itulah maka satu seminar yang saya sebut tadi akan diadakan kerana dalam masa yang sama Kerajaan akan melihat semula dan kalau perlu kita tambah baik ataupun kita membuat beberapa perubahan peraturan tu insyaAllah kita akan laksanakan. Dan perlu ada perundingan dan sebagainya **kita akan laksanakan. InsyaAllah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Terima kasih banyak kepada Ladang yang mengemukakan soalan. Saya nak beri satu lagilah, Alur Limbat. Sila nampak nak bangun dah tu, silakan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Selepas pihak Kerajaan telah menghentikan pemberian e-Book kepada pelajar sekolah rendah di Negeri Terengganu, adakah pihak Top IT masih mengeluarkan e-Book. Sekiranya ada, berapakah jumlah pengeluarannya pada Tahun 2016?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Alur Limbat. Silakan Pengkalan Berangan sila. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan para pemerhati.**

Soalan Alur Limbat yang berbunyi: Selepas pihak Kerajaan telah menghentikan pemberian e-Book kepada pelajar sekolah rendah di Negeri Terengganu, adakah pihak Top IT masih mengeluarkan e-Book. Sekiranya ada berapakah jumlah pengeluarannya pada Tahun 2016?

Jawapannya ringkas sahaja. Kerajaan Negeri telah menamatkan program e-Book ini bermula pada tahun 2014 lagi dan untuk makluman tiada pengeluaran e-Book pada tahun 2016. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila soalan tambahan pertama. Alur Limbat silakan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): **Dato' Yang Dipertua,** soalan tambahan pertama. Saya rasa pihak Top IT ni dia ada kilang dia yang mengeluarkan e-Book dalam jumlah kapasiti yang besar. Tidakkah pihak anak syarikat Kerajaan Negeri ni fikir e-Book yang boleh dikeluarkan juga, yang dipasarkan di negeri-negeri lain ataupun dijual di Negeri Terengganu sendiri untuk mengembalikan mungkin keuntungan atau pekerja-pekerja yang mungkin tidak dibuang kerja dia kerana terpaksa diberhentikan kerana tidak dikeluarkan lagi e-Book untuk diberikan kepada sekolah-sekolah rendah ni, okey.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Alur Limbat. Top IT tidak bercadang untuk mengeluarkan e-Book lagi sebab tidak ada permintaan daripada mana-mana pihak, dan pihak Top IT sendiri

merancang untuk bagaimana nak membangunkan Top IT itu sendiri. Jadi berkaitan dengan e-Book ini, cadangan supaya Top IT mengeluarkan e-Book, ada kilang dan untuk membiayai kos utiliti dan sebagainya termasuk *staffing*, di situ saya rasa tidak timbul sekarang ni, timbul masalah. Jadi untuk e-Book tidak dikeluarkan lagi sekarang ni. Tidak dibuat. Okey, terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan ni nak kait dengan yang

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT DATO' Yang Dipertua, saya ingat apa...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, soalan tambahan kedua, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, saya ingat dalam Sidang Dewan yang lepaslah, M.B. duk tayang *smart phone* ni, Top IT nak hantar ke Amerika ni *pah kuaner* janji nak bagi ke Y.B. satu seorang. Bukan main ni tunjuk *smartphone*, hebat *smartphone* tu, keluaran Top IT kata nak hantar Amerika, terkejut orang Amerika tengok *doh guaner* tak ada satu pun. Kata janji nak bagi Y.B., saya tunggu juga ni nak bagi satu seorang.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, orang yang ditanya tu tak ada dalam Dewan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Soalan, soalan tu, soalan?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bila sebut dalam Dewan, dia tidak kira orang ada atau tak ada dah. Dia jadi hak Dewan dah. Dah macam mana Yang BERTHORMAT berat begitu?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): *Doh guane mussang* pagi-pagi ni?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Dok mussang*, Bos BBC tak patut tak tahu benda tu *komanglah*.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Dia perancangan dengan pelaksanaan perkara yang berbeza. Itu perancangan, **cadangan. Sekarang benda tu dah berlalu lama, jadi kita...**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat rancang apa, tunjuk dah tu. Ada dah benda tu, saya tengok dah dia tunjuk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, sabar Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okey, okey.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Model, kena faham ya. Itu belum dikilangkan lagipun. Itu sebagai model yang akan dilaksanakan, dibuat, dicadangkan. *So*, benda tu tak dibuat tak jadi masalahpun, tidak menjadi satu kerugianpun. Okey, terima kasih, soalan kedua, ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya soalan tambahan kedua. Sila soalan tambahan ketiga. Sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya nak merujuk kepada.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila Alur Limbat

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): apa yang ditanya oleh Paka, saya ada merujuk pada 2012 yang lalu Magic W3. Saya pernah tanya sebenarnya soalan dan di dalam Sidang Dewan yang berikutnya dibawa masa penyelarasan oleh bekas Menteri Besar dulu dia bawalah telefon pintar tu. Kemudian kenyataan daripada Top IT Industries Sdn. Bhd, dia akan eksport 100,000 unit telefon pintar ni Magic W3 ke pasaran Amerika dan juga kenyataan daripada bekas Menteri Besar, Dato' Ahmad bin Said berkata antara....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan ni sudah ditanya dan sudah dijawab.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Dok, dok*. Sebab dulu saya tanya balik dia tak jawab. Saya tanya dalam perbincangan dan tidak dijawab. Jadi saya nak kait balik. Jadi sekarang ni, pada bulan tersebut 50 unit telefon yang berharga US1000 seunit dengan harga masa tu RM3,052 telah dihantar ke Amerika untuk ujian, tapi sekitar 500 unit telefon tersebut telah dikeluarkan untuk pasaran Hong Kong dan China. Maknanya sudah ada pengeluaran dia. Jadi itu benda yang....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah soalan dia tu soalan. Soalan dia tu? Okey.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Jadi status sekarang ni macam mana sebenar-benarnya. Itu nak tahu, tak ada langsung ke, tak aktif, tak keluar ke atau macam mana?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apa Dato' Yang Dipertua, tak apa saya jawablah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Sila Pengkalan Berangan, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tapi pihak Kerajaan sentiasa meneliti, mengkaji dan kita ada perbincangan dan sebagainya. Kemudian apabila dilaksanakan dan didapati perkara tu di peringkat awal, di peringkat kajian dan sebagainya apabila didapati tidak memberi *benefit* yang bagus kepada pihak Kerajaan dan kita ada pakar-pakar kita untuk membuat kajian dari segi ekonomi dan sebagainya, unjuran. Jadi apabila kita dapati perkara ini tidak memberi kesan yang bagus kepada perniagaan peralatan ini maka kita **tidak teruskan. Ini...**

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ada pengeluaran ke tidak? Tadi Yang Berhormat kata baru peringkat sampel. Sekarang ni kata diberhentikan sebab tidak bagus, yang mana satu ni?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Pahtu kabor dok* rugi, ni nampak macam rugi pula.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Jadi.... Dua soalan mana satu nak jawab ni?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jawab belakalah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *Don't switch it. Just* bagitahu kepada Dewan dengan izin, berterus teranglah benda ni ada, wujud atau tidak, ataupun diberhentikan sebab tidak *viable*

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Diberhentikan **saya dah kata tadi. Setelah kita buat kajian...**

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi Yang Berhormat mula kata tadi *deny* kata benda tu tidak wujud dan tidak ada pengeluaran. Setelah fakta diberi jumlah unit yang dieksport, sekarang Yang Berhormat kata benda tu tidak *viable*. Yang mana satu sebenarnya?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Kita **tak ada, kita tak keluar. Cuma kita hari tu, antara Kerajaan, Top IT dengan...**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk dulu Bandar. Duduk dulu untuk menerima jawapan ya.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
....Top IT dengan satu syarikat supaya untuk membuat JV benda ni. Tapi apabila kita buat kajian yang ditunjukkan hari tu, benda tu kita dapati tidak memberi banyak manfaat kepada kita dan kalau buat dia akan boleh dikatakan tidak berbaloilah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tunjuk tu maknanya dah adalah?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Itu **sampel yang ditunjuk, dibagi oleh...**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dibagi oleh siapa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang, Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf saya tak jadi tanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan. Saya bukan apa saya biarkan banyak hari ini peraturan dilanggar tapi tak sepatutnyalah.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, saya ingat jelas tu sebab perkara ni dah berbangkit dalam mesyuarat baru ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan saya bertanya bila dia kata tunjuk tu maknanya benda tu dah ada. Hok ada

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Itu yang dikatakan sampel.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sampel tu ambil daripada mana?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Kan saya kata sampel yang dikilangkan oleh pihak luar hari tu yang kita nak tunjuk, kita bincang di peringkat kita. Ingat tak dulu ini perkara yang akan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya duduk dulu, saya duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Dalam Dewan dulu kita mengatakan ini yang kita akan keluarkan, akan. Yang kita akan keluarkan oleh Top IT, ini perancangan perniagaan, pelan perniagaan Top IT. Tapi apabila kita buat kajian dan didapati perkara ini tidak memberi keuntungan kepada pihak Top IT sendiri dan juga Kerajaan, dan kita mengambil kira dengan

kepantasan teknologi ICT tu sendiri, aplikasinya dan sebagainya maka benda tu kita *stop*, kita...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat, tadi disebut data berkenaan jenis eksport....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar...Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ...jumlah eksport.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Speaker masih ada.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Speaker, Tuan Speaker.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Banyak dah soalan tambahan enam dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Speaker, ini yang masalahnya kerana fakta yang diberi oleh pihak Kerajaan sendiri Tuan Speaker lindungi supaya tak *clarify*. Ini yang jadi masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tarik balik. Bandar, saya tidak lindungi. Saya, Peraturan 3 soalan tambahan, saya ikut peraturan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya rasa...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, tarik balik! Sebut apa maklumat yang saya lindungi? Sebut!

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak tegaskan di sini...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta tarik balik. Nanti saya. Bandar, jangan pergi ke lain. Nyatakan apa maklumat yang saya lindungi?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Speaker tidak lindungi maklumat, tapi Tuan Speaker.....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis tu tarik balik, tarik balik. Tarik balik baru saya benar bercakap.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tarik, saya guna perkataan lain.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Saya hanya benarkan soalan tambahan, keenam dah ni.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, ini bukan soalan tambahan Tuan Speaker, ini bersabit Wakil Kerajaan beri maklumat yang bercanggah dan semua orang **dengar. Apa yang.....**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan Dewan ada, rujuk pada Hak-Hak dan Kebebasan. Mudah saja.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Speaker, kita perlu penjelasan supaya ada. Ramai orang dengar, Pemerhati ramai.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila. Saya benarkan untuk kali terakhir. Akhir ni. Silakan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, saya bagi peluang kepada Exco buatlah penjelasan yang betul. **Jangan bercanggah, tadi kata...**

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya rasa tak timbul bercanggah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tadi tuan Exco kata, Yang BERTHORMAT Tuan Exco kata ada sampel, **tidak ada pengeluaran...**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tetapi pihak Top IT, *management* Top IT kata ada jumlah eksport. Jadi eksport tu eksport ke mana? Barang apa yang dieksport? Dan berlaku kerugian. Ini perlu *clarify*. Ini masanya

Yang Berhormat Exco gunakan Dewan ini untuk buat penjelasan semua orang faham. Dan kalau perlu kita.....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Bandar. Terima kasih Bandar, panjang.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ...kalau kita perlu letak noktah pada isu Top IT boleh tapi jangan buat *contradiction* dengan izin. Tak boleh.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Kita dah cakap tadi...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Bandar duduk dulu untuk dijawab oleh ni, panjang dah. Ini yang keenam ni soalan tambahan. Saya rasa tak ada Speaker yang benarkan begitu panjang.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):[Masih berdiri untuk menjawab]....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pengkalan Berangan kejam. Peraturan mesti dipatuhi. Jangan kita mudah *branding*, Speaker begitu begini. Enam dah saya bagi, sila Pengkalan Berangan.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey. Kita tidak teruskan sampel tadi. Perkara tu kita tak buat sendiri lagipun. **Itu di antara**

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Eksport apa eksport, eksport?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Siapa dia pula kata eksport, eksport. *Belah lekning* kata, bukan *belah lekning*.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dia maklumat ni secara jelas ni daripada Top IT.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bukan soal maklumat ni. Kena faham dulu. Biar Exco *kabor* dulu. Yang Berhormat, dulu ada perancangan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Exco, Top IT management

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dulu ada perancangan. Saya tolong bantu. Dulu ada perancangan sebagaimana yang dimaklum. Tapi bila tidak *viable* kita *stop*, habislah cerita. Bila *royak* import eksport.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ini untuk kepentingan Kerajaan juga, untuk kepentingan rakyat juga.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat tak habis cerita ni sebab tak rugi. Dah ada kakitangan, Top IT, *product* tak ada. e-Book berhenti. *Smartphone* tak keluar, dah *pahtu* tak rugi, siapa bayar gaji, bagi gaji kakitangan apa. Macam mana tak rugi?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya tidak ada masalah untuk penjawat jawatan di *staffing* di Top IT tak ada masalah pun. Isunya sekarang pasal e-Book tadi, kemudian berkaitan dengan Top IT kita tamat, *pahtu* nak eksport dan sebagainya. Jadi pihak Kerajaan melihat perkara ini tidak perlu diteruskan. Perundingan antara pihak ketiga tak perlu diteruskan. Dan perkara ini kalau kita teruskan dia akan memberi impak yang agak terkesan yang tidak bagus kepada Pelan Perniagaan Top IT. Jadi kita berhentikan, tak payah nak bising-bising, apa yang susah sangat. Perkara ni lainlah kita teruskan dan akhirnya **benda itu merugikan sampai sekarang bolehlah. Jadi saya rasa tak payah di...**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pengkalan Berangan terima kasih banyak. Bandar terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya ada cadangan, saya ada cadangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rujuk Fasal 27(6), cukup.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato Yang Dipertua, saya rasa berkenaan Top IT...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa cukup dah. Minta maaf, saya rasa panjang dah, cukup.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Berkenaan Top IT, saya....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf banyak Bandar. Ini *rulling* Speaker, dah cukup dah. Panjang dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya minta maaf Speaker, saya terpaksa bercakap juga perkara ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf banyak Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Mengikut cadangan Top IT ni, saya mohon kepada Pengurusan Top IT kemukakan *reconciliation* akaun dia kerana ada masalah tentang pengeluaran dan juga.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):jumlah eksport. Dewan hari ini.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar orang veteran. Terima kasih Bandar. Cukup dah, dia orang faham dah. Dah minta, dah jelas dah, dicatat dalam *hansard*, terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kerana veteran tulah saya rasa saya bertanggungjawab untuk.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah cukuplah, Dewan faham. Boleh duduk Bandar, Dewan faham dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh Yang Dipertua arahkan Exco supaya minta pengurusan Top IT.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Siapa dia Speaker sebenar ni? Saya tak faham, *duk* arah ke Speaker, siapa dia Speaker.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya buat permohonan kepada Speaker.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Dok* betul Yang Berhormat. Yang Berhormat buat tu tak betul dah. *Duk* arah Speaker suruh arah orang lain.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Selagi tak betul kerana...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Dok*, Yang Berhormat tu tak betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, *please* duduk. Minta maaf. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Selagi menyembunyikan fakta.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk, Bandar duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bukan, masalah sekarang.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, duduk. Duduk Bandar. Saya kalau saya berlembut saya nampak inilah ya. Bukan, dia peraturan tetap peraturan. Saya kalau tak ikut... **nak cakap satu hari saya rasa pun tak habis pasal e-Book hari ini.** Dah cukuplah panjang dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sepatut Alur Limbat yang sungguh, ni Bandar sungguh. Pelik kita.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): *Dok* sepatutnya berilah peluang kepada orang Bandar dengan orang Hulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sebab Bandar dia tak ada kerja.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Alur Limbat sungguh dah ni. Beri peluang ke orang lama ni.(Sambil gelak)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Jadi orang hulu terang, senang sikit. Payah orang Bandar nak faham nampak. ...(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ke nak jadi Speaker pula?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih semua ya. Tak apa bila ada senyum tu makna kita ada rahmat Allah insyaAllah, percayalah. Itu kita kejar. Kita lakukan perbincangan, perbahasan ingat kita letak Allah di hadapan. Jangan letak nafsu amarah, jangan letak perkara-perkara yang bukan kerana Allah. InsyaAllah kita akan dapat barakah. Terima kasih kepada semua Yang Berhormat, Yang Berhormat Alur Limbat, Yang Berhormat Pengkalan Berangan, Yang Berhormat Telemong. Terima kasih banyak ya. Bandar terima kasih banyak. Semua yang terlibat terima kasih banyak.

Alhamdulillah, wasyukurillah kita telah tamat sesi Soalan Lisan pada hari ini, 29 Mac 2017. Maka saya berhasrat untuk menangguhkan sementara Dewan ini. **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.** Maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pada pukul 11.15 pagi. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.50 PAGI.

PUKUL 11.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sesi sekarang adalah sesi menyambung perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih. Semalam seramai 8 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih.

Jadi hari ini kita sambung balik, saya mempersilakan sekiranya ada Yang Berhormat yang ingin berbahas. Silakan Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Bismillahillazi la yadurru ma'asmihl syaiun fil ardi wala fis sma'ie. Wahuwa samiul 'alim. Rabisy rahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafkahu qauli. Amin.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Sidang Pemerhati serta tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala sekalian.

Pertamanya, alhamdulillah, dan berterima kasih kepada **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua** kerana memberi peluang kepada saya selaku Wakil Kuala Besut untuk bersama-sama dalam sesi perbahasan bagi merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di atas Titah Diraja Tuanku ketika Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Sidang Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas pada dua hari yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan sidang yang dimulihkan sekalian. Saya suka merujuk kepada Titah Tuanku yang menyambut baik tiga fokus utama yang diberikan penekanan oleh pihak Kerajaan Negeri iaitu: -

Yang Pertama - Memenuhi Keperluan Perumahan Rakyat.

Yang Kedua - Membantu meringankan beban rakyat ekoran peningkatan kos sara hidup.

Yang Ketiga - Mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat Terengganu.

Tuanku juga melahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana walaupun dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu lagi mencabar pada masa kini, kedudukan ekonomi Negeri Terengganu masih berdaya tahan dengan pertumbuhan positif pada tahun 2015 dan juga 2016.

Pada tahun 2015, KDNK tetap mencatatkan pertumbuhan iaitu sebanyak 3.3% di sebalik pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 5%. Dan ekonomi negeri juga tetap mencatatkan pertumbuhan positif walaupun ada sedikit penurunan dalam tahun 2016 iaitu pada kadar 3.1% iaitu 0.2% penurunan di sebalik pertumbuhan ekonomi negara yang turut menurun kepada 4.2%. Dan kita semua sedia maklum bahawa penurunan ini adalah dipengaruhi oleh suasana ekonomi dunia yang suram lagi kurang memberangsangkan. Kadar inflasi juga kekal rendah dan terkawal pada kadar 2.1% pada tahun 2016.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Diraja tersebut, Kebawah Duli Tuanku Sultan juga memuji dan mengucapkan syabas kepada jentera Pentadbiran Negeri di bawah kepimpinan **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di atas** usaha keras bagi memastikan kedudukan kewangan ekonomi yang sentiasa terkawal dan perbelanjaan yang dilakukan secara berhemah. Tahniah, kita ucapkan.

Perkara yang berikut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apabila kita masuk sahaja pada tahun 2017, hampir kesemua rakyat Negeri Terengganu dan juga tidak terkecuali penduduk Malaysia, apatah lagi pelancong-pelancong domestik dan juga pelancong-pelancong antarabangsa akan bercerita tentang Visit Beautiful Terengganu 2017, dengan izin iaitu Tahun Melawat Terengganu yang telah kita jenamakan pada tahun ini. Dan kesungguhan pihak Kerajaan Negeri untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai enjin utama Transformasi Ekonomi Negeri adalah usaha yang sangat-sangat terpuji. Pelbagai program telah dirancang, sedang dan akan dilaksanakan bagi memastikan kejayaan Visit Beautiful Terengganu 2017 dan sehinggalah tahun-tahun yang berikutnya.

Jadi suka saya menyeru diri saya, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, jabatan-jabatan Kerajaan, para NGO's, pihak swasta, semua lapisan masyarakat, pemain-pemain yang terlibat dalam industri pelancongan khususnya dan orang perseorangan serta semua pihak supaya kita semua dapat mengamalkan Konsep 'Think Tourism' dengan izin, dan juga 'Act Tourism'. Kalau suatu ketika dahulu ketika World Cup beberapa tahun dahulu kita diwarwarkan dengan 'makan bola', 'tidur bola' dan 'bangun pun bola' lagi. Jadi saya ingin menyeru kepada diri saya dan kita semua supaya *start* daripada tahun ini, bermula dari tahun 2017, sempena Visit Beautiful Terengganu 2017, marilah kita semua rakyat Terengganu memikirkan tentang pelancongan dan melakukan aktiviti-aktiviti yang berkonsepkan pelancongan. InsyaAllah, kejayaan Visit Beautiful Terengganu akan menjadi kejayaan yang lebih gemilang khususnya untuk rakyat Negeri Terengganu itu sendiri juga.

Dan kita sendiri juga yakin jika kita pakat-pakat berganding bahu, bekerjasama insyaAllah, bukan sahaja sasaran pihak Kerajaan Negeri untuk mencapai 5.5 juta kehadiran pelancong ke Negeri Terengganu bukan sahaja dapat dicapai, insyaAllah akan berlipat kali ganda lagi kehadiran pelancong ke negeri kita yang mana akan memberi manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu itu sendiri juga.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dimaklumkan juga dalam Titah Diraja baru-baru ini bahawa pihak Kerajaan juga akan mewujudkan Taman-Taman Negeri di bawah Enakmen Taman-Taman Negeri 1986 dan Taman Negeri yang pertama yang akan diwartakan nanti adalah Setiu Wetland ataupun Tanah Bencah Setiu. Selaras dengan itu, Bahagian Taman-Taman Terengganu bakal diwujudkan bagi menguruskan keperluan Taman-Taman Negeri tersebut. Dimaklumkan juga TREVICOSTA iaitu Terengganu Riverine Coastal Agency turut diperkasakan bagi memelihara hutan-hutan, tasik-tasik, sungai-sungai, dan juga di persisiran pantai-pantai termasuklah pulau-pulau di Terengganu. Ini menunjukkan satu kesungguhan yang seiring dengan pihak Kerajaan bagi memelihara khazanah alam yang sememangnya begitu banyak di negeri kita di Negeri Terengganu ini dan sekali gus aktiviti pelancongan berkonsepkan eko pelancongan ataupun eco tourism dapat diperhebatkan lagi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan juga Sidang Dewan yang mulia. Selaras dengan itu, saya juga ingin mencadangkan apabila Negeri Terengganu yang kaya dengan khazanah alam, keindahan flora dan juga fauna di negeri kita ini, saya

ingin mencadangkan agar pihak Kerajaan menjadi *champion*, dengan izin, atau menjadi juara dalam kita memperkasakan teknologi yang lebih mesra alam ataupun *Green Technology* dengan izin, ataupun Teknologi Hijau. Saya merujuk kepada laman web Kementerian Tenaga Teknologi Hijau Dan Air Malaysia bahawa Teknologi Hijau merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan juga alam semulajadi dan sekali gus meminimumkan dan juga mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia kepada alam sekitar. Teknologi Hijau ini juga merujuk kepada produk, peralatan atau sistem yang memenuhi kriteria-kriteria seperti yang akan saya sebutkan sedikit masa lagi. Yang pertama, ia akan meminimumkan degradasi kualiti persekitaran iaitu pembebasan gas Rumah Hijau yang rendah ataupun sifar dan ianya juga selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran yang sihat dan lebih baik untuk semua kehidupan yang bernyawa. Yang kedua, ianya juga menjimatkan tenaga dan sumber asli sepertimana kita semua sedia maklum bahawa negeri kita kaya dengan tenaga-tenaga asli, sumber yang asli iaitu kita mempunyai tenaga yang banyak berdasarkan sumber angin, sumber tenaga solar, tenaga ombak dan juga tenaga air yang boleh kita *generatekan*. Dan yang ketiga, kita menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharui sepertimana yang sebutkan tadi.

Suka juga saya berkongsi empat tonggak Dasar Teknologi Hijau Negara yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan. Tonggak yang pertama, berdasarkan tenaga iaitu kita mencari ketidakbergantungan tenaga dan mempromosikan kecekapan tenaga. Yang kedua adalah tonggak alam sekitar iaitu kita memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar. Dan yang ketiga, adalah tonggak ekonomi. Kita meningkatkan pembangunan ekonomi negara dan juga negeri melalui penggunaan teknologi. Dan yang akhirnya melalui tonggak keempat iaitu tonggak sosial iaitu kita meningkatkan kualiti hidup untuk kita semua.

Objektif bagi memperkasakan Teknologi Hijau ataupun teknologi mesra alam ini juga adalah untuk kita mengurangkan kadar peningkatan pengurangan tenaga dan dalam masa yang sama kita meningkatkan pembangunan ekonomi. Yang kedua, objektifnya juga adalah untuk membantu pertumbuhan ekonomi dan juga pertumbuhan industri dalam teknologi hijau dan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negeri itu sendiri. Dan yang ketiga, untuk kita meningkatkan keupayaan bagi inovasi bagi pembangunan Teknologi Hijau dan meningkatkan daya saing Teknologi Hijau di peringkat negeri dan juga di peringkat negara. Yang

keempat, untuk kita memastikan pembangunan yang mampan dan memulihara alam sekitar untuk kita tinggalkan kepada generasi pada masa akan datang. Yang terakhirnya, yang kelima, objektifnya adalah untuk kita meningkatkan pendidikan dan juga kesedaran awam tentang Teknologi Hijau dan menggalakkan penggunaan yang meluas dalam Teknologi Hijau ini.

Kita memfokuskan kepada empat sektor utama yang signifikan dalam peningkatan empat sektor utama iaitu yang pertama, kita kena fokuskan tentang sektor tenaga iaitu bekalan tenaga aplikasi Teknologi Hijau dalam penjanaan tenaga dan pengurusan bekalan tenaga termasuklah penjanaan bersama iaitu *co-generation* dengan izin, di sektor industri dan komersial. Dan yang kedua, melalui sektor tenaga juga adalah penggunaan sektor tenaga aplikasi Teknologi Hijau dalam semua sektor tenaga dan program pengurusan permintaan tenaga.

Yang kedua, sektor bangunan. Kita menerimapakai Teknologi Hijau dalam pembinaan, pengurusan, pemuliharaan dan pemusnahan bangunan. Contohnya, kalau kita nak membina bangunan-bangunan baru di Negeri Terengganu sama ada bangunan Kerajaan ataupun bangunan swasta moleklah kita memulakan dengan kita menerapkan elemen-elemen yang menekan tentang kecekapan tenaga ataupun Teknologi Hijau, teknologi yang mesra alam di Negeri Terengganu ini.

Yang ketiga ialah sektor air dan pengurusan sisa. Difahamkan juga kita semestinya menerima pakai Teknologi Hijau dalam pengurusan dan penggunaan sumber air, rawatan kumbahan dan sisa pepejal serta di kawasan pelupusan sampah. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri kerana difahamkan pada tahun 2015, rawatan kumbahan dan juga pengurusan tapak pelupusan sampah juga telah menggunakan Teknologi Hijau di Negeri Terengganu.

Sektor yang terakhir ialah sektor pengangkutan. Moleklah kita memasukkan elemen-elemen Teknologi Hijau dalam prasarana pengangkutan sama ada kenderaan di darat dan juga kenderaan di air untuk kita mengaplikasikan lagi biobahan api dan juga pengangkutan jalan awam.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tuan-tuan dan puan-puan, sebagai contohnya di California, saya ambil contoh di luar negara macam mana pada tahun 2001, negeri California hanya menggunakan kurang daripada 1,700mw untuk dihasilkan daripada penggunaan tenaga angin daripada *windmill, wind power* di

California tetapi apabila pada akhir tahun 2016 jumlahnya telah meningkat sebanyak 350% yang mana negeri California telah menggunakan, telah menghasilkan, telah *generatekan* dengan izin, iaitu sebanyak 5,662mw tenaga elektrik berdasarkan tenaga angin dan boleh menyalurkan tenaga bekalan elektrik kepada hampir 400,000 rumah di California itu sendiri. Sekiranya kalau kita menjadikan contoh di California itu kalau kita boleh buat di negeri kita insyaAllah akan memberi kesejahteraan dan juga pulangan kepada rakyat kita sendiri juga.

Yang Berhormat **Dato' Yang** Dipertua, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi dan dihormati sekalian. Saya pun tak bercadang untuk mengambil masa yang panjang, yang akhirnya saya ingin menyebut sedikit di kawasan saya, di kawasan Kuala Besut. Saya ingin menyarankan kepada pihak Kerajaan Negeri agar proses penyusunan semula Pekan Kuala Besut dapat dilaksanakan dengan lebih menarik dan menepati ciri-ciri antarabangsa selaras dengan Gerbang Pelancongan **Antarabangsa yang akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana** Menteri Malaysia pada 16hb April nanti. Kuala Besut juga merupakan pintu masuk ke Pulau Perhentian yang mana hampir 140,000 pengunjung-pengunjung daripada dalam dan luar negara berkunjung ke Pulau Perhentian melalui pintu masuknya di Pekan Kuala Besut. Jadi saya ingin menyarankan supaya pihak Kerajaan supaya dapat menyusun semula sebaik mungkin Pekan Kuala Besut supaya ia menepati ciri-ciri di peringkat antarabangsa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kuala Besut, panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Ada dua minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Isu yang kedua, isu kepentingan rakyat di Kuala Besut. Saya ingin membangkitkan isu aliran trafik di Pekan Kuala Besut yang melibatkan tiga lokasi. Yang pertamanya, berhampiran Pasar Borong Kuala Besut yang mana hampir setiap hari berlakunya kesesakan lalu lintas berhampiran Pasar Borong Kuala Besut dan juga Sekolah Kebangsaan Kampung Nangka yang mana kita perlu tangani supaya ianya tidak menjadi igauan negeri kepada pengunjung-pengunjung Pasar Borong dan juga pengguna-pengguna lalu lintas yang melalui Pasar Borong Kuala

Besut dan juga ibu bapa yang menghantar anak-anaknya yang menghantar ke Sekolah Kebangsaan Kampung Nangka pada setiap pagi.

Lokasi yang kedua ialah berhampiran Cabang Tiga Kuala Besut dan ke Pekan Baru khususnya pada pagi Jumaat dan juga pagi Isnin kerana pagi Jumaat dan pagi Isnin berlakunya aktiviti Pasar Tani. Jadi saya ingin memohon kepada pihak Kerajaan supaya dapat melebarkan jalan dan menaik taraf Simpang Tiga itu daripada Simpang Tiga biasa ke Simpang Tiga yang mempunyai lampu isyarat agar kesesakan lalu lintas dapat kita atasi.

Lokasi yang ketiga adalah di Cabang Empat Kampung Pacakan dan Kampung Teluk Bayu yang mana Cabang Empat tersebut merupakan Cabang Empat yang sempit yang mengundang banyaknya berlaku kejadian kemalangan sehinggakan meragut nyawa di Simpang Empat tersebut. Jadi saya mohon supaya pihak Kerajaan memperhalusi perkara ini agar Simpang Empat itu dapat dinaik taraf sebaik mungkin.

Dan yang akhirnya, sepertimana rakan-rakan yang lain juga, isu Perumahan Rakyat juga merupakan isu yang penting di Pekan Kuala Besut yang mana kita di Kuala Besut telah menyediakan tapak untuk kita membina Rumah Mampu Milik sebanyak 500 unit di Kampung Tok Ah Kuala Besut dan saya mohon supaya pihak Kerajaan mempertimbangkan agar isu Perumahan Rakyat khususnya untuk rakyat di Kuala Besut dapat ditangani sebaik mungkin.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon maaf jika tersalah dan silap. InsyaAllah, kita berjumpa lagi pada masa-masa akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya mohon menyokong. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Saya jemput Rantau Abang dululah. Lepas ni Wakaf Mempelam. InsyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wal 'aqibatu lil muttaqin wala 'udwana illa 'alal-zalimin. Asyhadu

ala ila ha illallah wa asyhadu 'anna Muhammadan Rasulullah. Qala rabisy rahli sadri wa yasirli amri wahlul ukhdatan min lisani yafkahu qauli.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Exco, Yang Berhormat sahabat-sahabat, seluruh pegawai-pegawai, kakitangan, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati Allah sekalian.

Alhamdulillah, syukur kita kepada **Allah Subhanahu Wata'ala kerana saya diberi** peluang untuk berucap dalam Titah Ucapan Tuanku dan saya mengharapkan apa sahaja yang saya utarakan ini adalah untuk diambil perhatian oleh pihak Kerajaan supaya apa yang saya akan perkatakan ini kita sama-sama membangunkan negeri yang kita cintai ini.

Yang pertama, saya kaitkan dengan apa yang telah diperkatakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat berkaitan dengan Negeri Terengganu ialah negeri cantik dan sempena Visit Beautiful Terengganu, saya mengambil peluang untuk menjelaskan beberapa perkara berkaitan dengan pelancongan ini. Telah banyak diperkatakan dan saya merujuk kepada kawasan saya yang ditinggalkan selama ini. Rantau Abang merupakan salah satu tempat pelancongan yang ditinggalkan oleh pihak Kerajaan kerana suatu masa dahulu Rantau Abang ini terkenal dengan tempat penyu bertelur dan sekarang ini kalau kita lihat ianya ditinggalkan begitu sahaja. Saya ambil dahulu Hutan Lipur Jambu Bongkok, Hutan Lipur Jambu Bongkok ini suatu masa dahulu merupakan tempat rekreasi, tempat mana-mana pelajar datang untuk mengadakan perkhemahan dan ianya di bawah seliaan Pejabat Hutan tapi sekarang ianya terbiar dan tidak ada apa-apa tindakan dan sekarang sudah tentulah kawasan yang sebelum ini cantik, perkhemahan boleh dibuat di situ dan pelbagai aktiviti boleh dibuat di situ kerana tempatnya ialah tempat yang agak cantik ianya ialah kawasan terdapat keunikan pokok belala besar, gelam dan tanah beris. Dan di sini juga kalau seketika dahulu ada kolam, ada tapak perkhemahan, ada tempat rekreasi, tempat kawad dan sebagainya. Jadi saya mengambil kesempatan demi untuk menarik pelancong-pelancong sama ada pelancong tempatan ataupun luar negara untuk kita makmurkan tempat yang sebelum ini kita gunakan untuk aktiviti-aktiviti tertentu. Dan Rantau Abang ini ialah kalau kita tengok kedudukannya ialah jalan raya telahpun siap dua lorong dan ianya 18 kilometer sahaja daripada Kuala Dungun dan 60 kilometer ke Kuala Terengganu dan memang sesuai sangat ianya dibangunkan. Kita tidak mahu melihat tempat

yang sudah sedia ada potensi kita tinggal begitu sahaja. Jadi saya menekankan supaya tempat ini untuk kita menaik taraf tempat-tempat yang sedia ada untuk dipulihkan semula dan diupgradakan. Saya rasa kita ada pegawai-pegawai yang pakar dalam bidang-bidang ini untuk kita murnikan semula untuk tapak Hutan Lipur Jambu Bongkok ini.

Yang kedua, ialah di pesisir pantai iaitu Paya Pesisir Pantai Rantau Abang daripada Jambatan Sempadan Jambu Bongkok ke Rantau Abang lebih kurang 6 kilometer panjangnya terdapat paya yang boleh digunakan untuk dibangunkan semata-mata untuk rekreasi. Kita boleh bangunkan di situ tapak untuk kita gunakan sebagai tempat berkoyak (berkayak), main perahu dan sebagainya. Tapi ianya tinggal begitu sahaja, saya telahpun kemukakan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang bagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya, saya

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya nak minta penjelasan sikit aje, satu perkataan sahaja sebab ramai yang dengar tadi 'berkoyak' tu maksudnya apa?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okeylah, berperahulah, berkayak. Okey, terima kasih. Terima kasih, ya. Dan ianya memang sesuai dengan jarak yang begitu jauh memang sesuai untuk dibangunkan dan saya mengharapkan tempat ini menjadi pusat berperahu ataupun berkayak terutama sekali kepada belia-belia. Kawasan ini juga sesuai untuk menjadi tempat ternakan air tawar kerana ianya terlalu panjang jaraknya dan boleh dibina, boleh dibangunkan supaya ia menjadi tempat ikan air tawar dalam sangkar seperti di tempat-tempat lain. Kita tahu bahawa Dungun terutama sekali di Seberang Pintasan, di Kampung Baru Kuala Abang, di Kuala Abang itu sendiri, di sekitar itu adalah kawasan nelayan. Jadi kenapa tidak kita memanfaatkan tempat, lokasi yang sedia ada ini untuk kita kembangkan, untuk kita bangunkan supaya ianya memberi impak kewangan sama ada kepada Kerajaan, lebih-lebih lagi kepada menambah pendapatan rakyat sekitar.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini saya terkejut dengan suatu istilah boleh dikatakan rompakan. Saya nak sebut tu jadi kena fikir jugaklah di satu kawasan di Rantau Abang daripada lepas pada pesisir pantai ke darat itu merupakan yang telah diwartakan oleh Kerajaan, Kawasan Silika. Cuma yang mengejutkan saya ialah tidak ada sedikit pun papan tanda tetapi pengusahanya ada, kawasan itu 360 ekar bukan sedikit. Sebahagiannya telah diterokai, diceroboh. Saya tidak tahu sama ada tanah itu telah dipohon untuk dimajukan tetapi kalaulah ianya telah dipohon sudah tentulah ada papan tanda pembangunan tempat berkenaan. Jadi saya mohon kepada Kerajaan supaya cuba tengok sama ada tempat ini berlaku pencerobohan yang tidak dimaklumkan kepada pihak tertentu ataupun kalau sudah dipohon adakah mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan, kalau tidak apakah tindakan Kerajaan kepada pengusaha yang sedang meneroka tanah silika ini. Kita tahu silika merupakan hasil pendapatan negeri yang terbesar

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta celahan sikit, boleh Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya nak teruskan, lepas tu boleh jawablah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak tanya spesifik kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Beri lebih spesifik supaya senang kita ini.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey. Kawasannya ialah kalau kita daripada Dungun masuk ke kawasan perpindahan dia nama Kampung Perpindahan di Rantau Abang itu menghala ke Tugu Penyu dan di situ ada padang bola dan di belakang padang bola itulah berlaku penerokaan tanah dan saya kira ini penerokaan haram kerana tidak ada apa-apa papan tanda.

Saya nak minta penjelasan supaya hasil yang akan diperolehi nanti, Kerajaan dapat manfaat kalau sekiranya ianya dibenarkan untuk diterokai. Jadi ini yang mengejutkan saya kerana ianya duduk dalam kawasan saya takut-takut Kerajaan tidak sedar tempat itu telah diterokai. Beberapa tanah telahpun dikaut dan

ditimbunkan dan ada kawasan untuk dibersihkan saya kira sebab ada mesin, untuk mengeluarkan silika. Persoalan lain ialah kalau 2012, kenyataan daripada Kerajaan mengatakan silika tidak boleh dibawa keluar tapi melalui masyarakat setempat katanya dan ini yang saya nak Kerajaan selidik, katanya hasil ini akan dibawa dengan lori ke Kemaman iaitu di Perwaja katanya, betul ataupun tidak ini adalah hasil temubual saya dengan penduduk setempat. Kalau ini berlaku ianya tidak sama seperti silika yang sedang diusahakan di Bari, Setiu di mana ianya tidak boleh dikeluarkan, diproses di tempat berkenaan kerana ianya berketepatan dengan kehendak Kerajaan kalau ianya dibawa keluar apa akan jadi dengan tenaga-tenaga kerja tempatan. Jadi saya minta pihak Kerajaan cuba turun, selidik dan tengok apa yang saya sebut ini benar ataupun tidak. Dan saya telah ke tapak berkenaan bukan saya bercakap omong-omong kosong tetapi buktinya ada.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seterusnya ialah berkaitan dengan kawasan saya juga. Pada Sidang Dewan yang lepas, dalam pembentangan Bajet 2015 ataupun 2016, saya lupa, tetapi ada diperuntukkan, ada dijelaskan kawasan Kuala Abang akan mendapat Perumahan Rakyat yang akan diusahakan oleh PR1MA tetapi hingga ke hari ini ianya tidak kelihatan apa-apa dan sekarang Kerajaan nampaknya untuk memberi keselesaan kepada rakyat yang tidak mempunyai perumahan membina baru sedangkan yang ini yang dijanjikan belum ditepati. Jadi saya memohon pihak Kerajaan supaya segerakan ini untuk memberi kemudahan kepada rakyat setempat memiliki sekurang-kurangnya Rumah Pertama bagi mereka. Lebih-lebih lagi kepada generasi muda yang sekarang ini masih tinggal dengan tokki, dengan ayah sebab tidak ada tempat tinggal. Itu yang saya harap supaya benda ini dapat dilihat, dapat digerakkan oleh pihak Kerajaan kepada Pusat supaya ia disegerakan. Jangan kita berjanji dengan yang baru sedangkan yang lama tinggal janji sahaja.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang ini untuk mensejahterakan masyarakat terutama sekali penyakit kronik makin bertambah, kencing manis, darah tinggi, sakit buah pinggang dan macam-macam. Jadi yang saya nak bawa ini ialah satu daripada penyelesaian berkenaan iaitu Pusat Hemodialysis yang masih kurang di kawasan Dungun ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang, panjang lagi ke?

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Ada lagi. Saya rasa masa ada lagi tu, ya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang menentukan masa ada ke takdok tu, saya. ...(Dewan gelak)

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya kira 18 minit dah. Saya bagi dua minit lagi boleh ya, sebab ramai lagi nak berucap.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey. Jadi saya minta supaya pihak MAIDAM yang mempunyai dana lebih supaya kalau dulu hanya memberi kemudahan rawatan iaitu ubat, peralatan dan apa semua tu, sekarang ini saya mohon kerana duit MAIDAM banyak, zakat terutama sekali bahagian reqob supaya membina Pusat-pusat Hemodialysis, membantu hospital-hospital yang kekurangan peralatan ini, begitu juga dengan pihak-pihak NGO. Jadi saya mengharapkan supaya pihak MAIDAM ada usaha untuk menambah kalau boleh bukan sahaja di kawasan Dungun malah di lapan kawasan lain perlu ditambahkan supaya penyakit ini dapat kita kawal dan atasi dengan memberi rawatan hemodialysis kepada penyakit buah pinggang ini.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, atas nasihat Tuanku untuk menarik pelancong-pelancong datang, kita nak molek negeri kita dan yang saya nak tekannya ialah berkaitan dengan saluran. Kita ada longkang besar, kita ada parit tetapi yang mendukacitakan kita ialah ianya tidak terurus. Ianya terurus pada ketika-ketika sahaja tetapi kalau kita lihat daripada bulan Ogos 2016 ada dibersihkan. Tetapi selepas itu sehingga sekarang ada kawasan-kawasan sama ada kawasan Bandar, kawasan pinggir bandar, kawasan darat ianya tidak terurus dengan baik. Dan ini kita tahu kalau longkang, parit tidak diuruskan dengan baik, tumbuhan menutupi longkang kita, kita menjemput tempat pembiakan nyamuk dan tikus. Kita tahu sekarang ini penyakit Demam Denggi dan Kencing Tikus begitu tinggi. Saya harap supaya saluran ini dapat diperbaiki dan dicantikkan semoga bila pelancong datang dia tengok bahawa Negeri Terengganu betul-betul cantik. Jangan kita tumpu di satu-satu kawasan sahaja sedangkan yang telah kita buat, kita biarkan begitu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang 23 minit dah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang akhir.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang akhir dah ya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang akhir, seminit. Okey. Yang akhir ialah pencapaian Sukan Berbasikal amat kita banggakan. Anak-anak muda kita dapat bangunkan dia dan menjadi juara bukan sahaja di peringkat negeri malah di peringkat antarabangsa. Cuma saya nak minta Exco pada pertemuan dahulu saya kemukakan berkaitan dengan Velodrom di Dungun ini. Jawapannya menunggu peruntukan daripada Pusat. Untuk memberi peluang kepada anak-anak remaja untuk berekreasi atau bersukan berbasikal ini, saya minta jasa baik pihak Kerajaan segerakan ataupun kata lain tuntutan supaya Velodrom ini dapat dibina di Dungun ini yang telah diperuntukkan begitu lama.

Dan akhirnya ialah

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua kali akhir dah ni.(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Projek Rimbunan Kasih ianya adalah untuk membasmikan kemiskinan, bagus. Tetapi sekarang ini kalau kita pergi Rimbunan Kasih Rantau Abang ianya tidak ada hasil sekarang ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang, 24 minit dah, panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya nak *landing* dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Oleh itu saya mengharapkan supaya Projek Rimbunan Kasih yang baik ini nak minta Kerajaan turun tengok supaya buah tembikai apa tu dapat diusahakan kembali, dapat dipulihkan kembali dan ternakan ikan dapat kita kembalikan. Sekarang ini tidak ada kerja dan kita mengharapkan tenaga-tenaga kerja di situ tidak dibuang kalau sekiranya projek ini terbengkalai dan gagal.

Jadi sekadar itu sahaja daripada saya. Terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Yang Dipertua kerana membenarkan saya dan segala apa yang saya kemukakan itu bukan saja-saja untuk nak mengambil bahagian tetapi saya nak minta pihak Kerajaan supaya mengambil tindakan sewajarnya untuk kebaikan negeri kita. **Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Janji saya kena tepati, saya nak bagi kepada Wakaf Mempelam. Lepas ni Batu Rakit, barulah Alur Limbat, minta maaf, Cukai, insyaAllah. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahir Rahmanir Rahim.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mohon patuhi masa sebab Ahli-ahli Yang Berhormat lainpun nak berucap juga. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): **Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Exco-Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, muslimin-muslimat yang saya hormati dan saya kasihi sekalian.**

Saya dalam membahas Titah Ucapan Tuanku ini saya nak cuba ringkaskan. Tetapi saya ada beberapa perkara yang nak saya *highlightkan* supaya sepertimana kawan saya sebut tadi, bila kita sebut di dalam Dewan ini untuk diambil tindakan bukan sekadar kita bercakap dan membiarkan.

Yang pertama sekali, kes curi balak. Curi balak di Terengganu ni hebat, balak boleh dicuri. Dulu curi telur ayam kampung aje, takmboh beri ayam berbunyi penyet bawang bubuk kat hidung dia tu supaya tak *keko'*, dah ramai orang kabor gitu bukan saya yang curi. ...(Dewan gelak) Tapi nak kabornya Dato' SS suka aje hari ni. Haa.... kawan lama. Saya nak kabornya sekarang ni, Terengganu ni hebat dan perkara ini keluar dalam suratkhobar, saya buat newspaper cutting: *Hunt for illegal loggers - Ten tonnes of logs seized near Felda Rasau Kerteh*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Di Terengganu ni?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Di Terengganu, saya tak cakap bab Kelantan. Kita bercakap dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu. Jadi macam mana sekarang ni, kita duk cakap nak tampung ketirisan, nak jaga tu, nak jaga negeri semua sekali

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam, boleh celah sikit?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, saya. Boleh.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Wakil Wakaf Mempelam, boleh celah sikit. Saya nak dapat pengesahan maknanya semakin banyak kecurian ke, semakin banyak *enforcement* dengan izin, yang dibuat? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dalam keadaan *enforcement* yang saya anggap longgar kerana masih ada kesempatan orang curi balak. Dan bagi saya, minta maaf cakaplah, pihak Kerajaan kena lebih orang kata lebih tegas, lebih *firm*, lebih drastik ambil tindakan kerana saya minta maaf, saya bukan nak tuduh tapi saya duk berasa mesti ada orang dalam terlibat, ada, saya takmboh tuduh pegawai ke, apa ke, tapi ya ke dok tak tahulah tapi mesti orang dalam bersubahat sama pasal bukan senang nak buat lari balak keluar dengan begitu mudah sampai keluar suratkhobar. Suratkhobar berani dedah macam ni, siap dengan **gambar**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Wakil Wakaf Mempelam, boleh celah sekali lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh, boleh.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya rasa ini adalah satu tanggapan yang secara rambang sebab sekarang ini kalau katakan bahawa kita tidak ambil tindakan takkan ada tangkapan. Apa yang dibaca oleh Wakaf Mempelam itu adalah hasil daripada *enforcement* dengan izin, dan juga tangkapan-tangkapan yang telah dibuat menunjukkan bahawa pihak yang bertindak itu begitu agresif menangani isu kecurian balak ini.

Jadi saya rasa tak betul kalau Wakaf Mempelam membuat tafsiran bahawa ada orang dalam dan sebagainya. Kalau ada orang dalam dan sebagainya, saya rasa tangkapan-tangkapan itu takkan dapat dibuat. Saya nak ucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah bertindak begitu agresif(Tepukan) sehingga kita dapat menangkap kes-kes yang sebegini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kerana mencelah. Minat ni, Yang Amat Berhormat berminat, bagus. Maknanya sekurang-kurangnya ambil berat. Kes pertama, saya sebut yang keluar suratkhbar New Straits Time - Monday, November 21, 2016. Yang terbaru, keluar pula suratkhbar New Straits Time – March 19, 2017. Maknanya baru lagi 2017, keluar pula maknanya benda ni *still on going*, dengan izin, Dato' Yang Dipertua. Jadi saya bukan sekadar nak menyebut, saya sekadar sebut apa yang disiarkan dalam akhbar benda ni telah *diverified* dan suratkhbar bertanggungjawab siap dengan gambar, dengan apa, jadi kita kena ambil tindakanlah. Fikir kaedah mana supaya

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Macam ni Wakil Wakaf Mempelam. Inilah tindakan yang telah dibuat, kita nak ambil tindakan apa? Inilah tindakan yang telah dibuat, jadi sepatutnya Wakil Wakaf Mempelam ucapkan tahniah kepada Jabatan Perhutanan atas tindakan yang telah dibuat tidak membiarkan kecurian balak ini berlaku. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya sedihnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia curi balak bukan kawasan KSK, Kawasan Sudah Kerja, balak tak macam mana, di Bukit Bauk

Forest Reserve Dungun, dekat Felda Rasau Kertih. Forest Reserve kawasan yang patut kita jaga untuk generasi yang akan datang, tempat balak hak besar-besar, dia dok main balak-balak hak kecil-kecil ni. Biarlah, tak apalah, saya ucap terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat, kita beringat sama-sama beringat, saya beringat kepada Kerajaan, Kerajaan pun kalau nak beringat kepada saya pun, saya terima alhamdulillah pasal kita nak bina kebaikan bersama bukan nak menyusut, nak menyorok.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan sikit Wakil Wakaf Mempelam. Nak kebaikan bersama tu macam saya kata kelmarinlah

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak beri ke Bandar dulu. Bandar bangun dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Yang **Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dato' Yang Dipertua, berkenaan isu yang sama** dan saya rasa betul juga yang Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata kita nak mengambil tindakan, itu barangkali untuk isu kecurian balak. Cuma saya nak ambil kesempatan dengan izin, Wakaf Mempelam kita nak minta penjelasan daripada pihak Kerajaan berkenaan dengan isu kelulusan membalak yang melibatkan skala yang besar. Saya mendapat maklum lebih 23,000 ekar balak termasuk kawasan yang pelbagai mungkin ada sebahagiannya tadahan hujan telah diluluskan kepada Syarikat Asrama Raya. Tolong *clarify* dalam Dewan ini kenapa justifikasi kita beri begitu besar, 23,000 ekar. Saya rasa ini antara kelulusan yang paling besar dalam sejarah Negeri Terengganu, seingat saya. Jadi apakah justifikasi kita buat keputusan ini kerana di peringkat Parlimen perbahasan Kementerian Sumber Asli juga menyebut tentang isu kelulusan membalak, mengambil hasil hutan yang terlalu besar. Boleh Wakaf Mempelam ya, saya tumpang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf **Mempelam**): **Ya, terima kasih Bandar. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya** sekadar itu ajelah hak balaknya. Ini saya nak alih ke cerita lain pula. Dalam kawasan saya ada Pasar Borong, Pasar Borong Gong Pauh. Agak jauh dari

kampung Yang Berhormatlah. Pasar Borong ni kita bina semasa Kerajaan PAS memerintah dulu. Tetapi bila saya tengok Pasar Borong ni, saya masuk dalam saya tengok dia cukup terabai. Tak tahulah ini adalah kerana projek yang Kerajaan PAS tinggal, Kerajaan PAS dulu yang bina, lepas tu dia macam jalan nak masuk dengan berlopknya, gerai-gerai dalam keadaan senget, tergantung, *noneng*, macam-macamlah. Budak-budak *lening reti ke dok noneng-noneng* ni. Tapi apa yang saya nak sebutnya terabai. Inilah satu-satunya tempat di mana petani, penternak, nelayan boleh jual secara langsung hasil tangkapan dia, hasil ternakan dia, hasil pertanian dia secara borong ataupun secara kecil-kecilan, secara runcit. Setakat mana yang dibawalah. Jadi saya minta jasa baik Kerajaan kalau boleh tengok, pergi buat siasatan dan baikilah apa yang patut. Saya tak tahulah pasal dulu pernah ada diberi semacam gambaran Pasar Borong ini akan dipindah, jadi tak padan nak baiki, nak pindah. Antara tapak yang pernah dicadangkan dulu ialah dekat Chee Hing Bata dekat Bukit Payong tapi sekarang takdok dah Chee Hing Bata tu, benda lain dah sekarang ni. Alasan-alasan pada waktu itu, Bukit Payong tu tidak jauh daripada Chendering, tak jauh daripada hasil pertanian kawasan Bukit Payong dan sebagainya. Tetapi pokok persoalannya ini kalau kita gi kat Pasar Borong 100% orang Melayu Islam Bumiputera yang meniaga. Kita bukan suruh buat besar-besar, molek-molek macam Pasar Chabang Tiga. Pasar Chabang Tiga naik bangunan hebat-hebat tapi cuba tanya berapa orang, orang Melayu boleh beli kedai-kedai di Pasar Chabang Tiga. Ini semacam nak halau secara terhormat orang Melayu, peniaga Melayu daripada bandar. Ini apa yang saya nampak. Orang-orang Melayu duk berjual di tepi-tepi pasar hak lama itulah, tepi longkang, air sungai hak lalu bawah pasar tu *busuk kohong*, asalnya sungai dia buat longkang, *busuk kohong*. Jadi pasal negeri hebat, duitpun ada, pentadbiran alhamdulillah, Pegawai Kerajaan cukup cekap tetapi kena ambil berat benda-benda yang macam ini yang rakyat boleh manfaat secara langsung. Nantikan saya sedih juga bila orang luar mari ke Terengganu dia lalu kut pasar tu nak pergi ke Keropok Losong, nak beli Keropok Losong. Dia kata Terengganu buat jalan raya pun *nyunyut*, *Jalan Raya Nyunyut*, dia panggil, beralun jalan raya LPT tu, dok cakap nok baiki. Lepas tu hak ni pulak, pasar ni guana bau lain macam ni. Kita bangga dengan apa yang kita boleh *produce*, yang kita keluarkan, orang mari ke Terengganu dengan songket, dengan batik, dengan keropok dan dengan macam-macam produk Terengganu, dengan pelancongannya lagi tetapi benda-benda kebersihan ni. Pasal ada negeri yang saya dapati nak didik rakyat supaya jaga kebersihan cukup payah. Kalau kita masuk kedai kopi ke, restoran ke, nak tengok bersih tak bersih pergi ke dapur tu, jangan duk makan luar ni, kat luar ni bersihlah,

pergi ke dapur nun berselarak dengan tikusnya, dengan apa di belakang nun. Hasil-hasil orang mari hantar, sayur ke, ayam ke, ikan ke pakai bubuh tepi longkang gitu jer. Ini benda-benda yang kita nak kena sekali-sekala ambil tindakan bersama, Kerajaan patut mendahului dan kita sama-sama rakyat menyokong benda-benda untuk kebaikan bersama.

Yang **Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang berlaku** dalam kawasan saya ialah berhubung dengan kes Membina Dan Menyiapkan Jalan Kuala Terengganu Bypass (Feeder Road Kuala Terengganu) Fasa 3 Mukim Chabang Tiga yang melibatkan beberapa kampung, Tok Kaya, Seberang Baruh sebahagiannya. Mereka ni terpaksa bila nak besar jalan, tanah-tanah mereka, kedai-kedai mereka tepi-tepi jalan tempat mereka berniaga cari makan terpaksa diroboh dan Kerajaan bayar pampasan, tanahnya dan juga kedai yang terlibat dan rumah-rumah yang terlibat. Tetapi saya mendapat sungutan dari mereka-mereka yang terlibat dia kata, lot yang sama, orang kampung zaman dulu, sekeping tanah sampai dua-tiga buah rumah, kedai di depan, belakang tu rumah abang dia, rumah adik dia tapi dari segi nilai tu tak sama walaupun atas tanah yang sama. Jadi mungkin dia orang ni tak berapa faham juga berhubung dengan kadar cara penilaian dibuat tetapi mereka ni bukanlah anti pembangunan, bukan mereka tak setuju dengan apa yang nak dilakukan oleh Kerajaan tapi mereka merayu, mengadu kepada saya. Saya kata tak apalah, saya akan sebut dalam Dewan secara terbuka supaya ditimbang sedikit kenaikan kadar pampasan yang diberi itu supaya ditambah sedikit lagi. Masalah yang mereka hadapi sekarang ini kalau mereka ada rumah kedai di hadapan tu, nak cari tapak kedai tepi jalan macam hak Kerajaan ambil, hak mereka pernah berniaga ni takdok, payah. Rumah pun payah, setengah tu kena pergi ke Darat Bukit Payong nun, cari rumah-rumah kampung semua sekali dah pasal dalam bandar dan dengan duit pampasan kalau ada duit pun nak beli tapak dah takdok dah yang dikira munasabah dengan harga. Rumah tu tak apalah dia boleh buat ala kadar dengan kemampuan masing-masing.

Jadi itu sebabnya kalau boleh dipertimbangkan agar mereka-mereka ini dibuat sedikit kajian semula ataupun diberi sedikit penambahan terhadap bayaran pampasan yang dibayar kepada mereka-mereka yang terlibat sama ada tuan rumah ataupun tuan tanah agar mereka rasa lebih selesa sedikit, kena pindahpun dalam keadaan hati yang agak lebih selesa, tenteram dan mengucap terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana bertimbang rasa ke atas mereka.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya sekadar itulah apa yang saya nak sebut dalam waktu yang terbatas. Mudah-mudahan terbaik untuk kita semua. Oh, silap-silap, ada se lagi ni. Se jer, ringkas saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita ni Dato' Yang Dipertua, dulu Terengganu ni, saya asal orang Pulau Rusa. Sebut Pulau Rusa gok, saya takmbah sebutlah orang kata anak dara Pulau Rusa lawa zaman dulu, dok bukan hak tu. Pokok duku banyak, kita eksport sampai ke Johor, sampai ke apa duku ni. Jadi duduk bawah pokok duku ni dia sejuk molek, sejuk aje, duku pulak manis jer. ...(Kedengaran suara "orang pun comel")... Hah, orang comel? Ni orang Bandar kata.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa dia tu Y.B., orang apa?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Orang comel dia kata. Saya dok kata, ni Bandar. Jadi apa yang saya nak sebutnya suatu ketika dulu Negeri Terengganu ada satu buah yang terkenal, musim Duku Terengganu kalau kita pergi Kuala Lumpur **kat Chow Kit nun, 'Duku Terengganu', 'Duku Terengganu'**, orang penuh, pakat gi dengan lori di sana jual maknanya terkenal Terengganu kerana apa? Duku Terengganu. Kalau sayalah, saya kebetulan adalah ramai jugak saing-saing, anak-beranak hak mengajar, bekerja di Perlis. Kalau gi Perlis tak *missed* Harum Manis Perlis, mahal sungguh tapi beli pasal apa? Pasal harum lagi manis. Kalau kita gi ke Medan, Indonesia buah salak. Tak *missed* buat balik jugak naik kapal terbanglah buah salak. Jadi sekarang ni kalau orang mari ke Terengganu apa benda buah kalau orang mari mesti beli buah ni, *special*, **kita nak perkenal buah apa?(Kedengaran suara: "buah semeta") Buah semeta dok jadi. Dok tahulah. Jadi kalau boleh kawan-kawan sayalah, saya dulu Universiti Pertanian dulu. Jabatan Pertanian ke, MARDI ke, FAMA ke, kena fikir apa benda agaknya terik ni kltta nak menjenamakan, sebut mari Terengganu ada satu buah mesti beli kalau mari ke Terengganu, macam jugak kena beli songket, kena beli batik, benda-benda gitu. Ini hebat kraftangan Terengganu, produk Terengganu tapi buah sekarang ni *takdok* yang boleh kita *highlightkan* macam-macam hak tempat yang sebut tadi.**

Jadi sekadar itulah inputnya, saya ni pasal orang tua, hala ke tua dah jadi tak boleh bercakap banyak dah. **Wallahu wa'alam. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: **Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.** Terima kasih Y.B. Wakaf Mempelam menepati waktu. Terima kasih banyak. Sila seperti yang saya atur tadi, Batu Rakit untuk terlibat dalam perbahasan hari ini. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): **Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. **Wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Rabisy rahli sadri wa yasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafkahu qauli. Ammba'. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Exco, rakan-rakan Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, Pemerhati-Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.**

Peertama sekali saya ucap terima kasihlah kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada dua hari yang lepas. Tuanku Sultan ada bertitah mengenai pendidikan dan merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan kejayaan cemerlang dalam bidang pendidikan.

Alhamdulillah, Negeri Terengganu sentiasa mengungguli pencapaian di peringkat Kebangsaan dalam peperiksaan, dalam kokurikulum, dalam koakademik dan sebagainya. Beberapa kejayaan yang telah kita raih selain daripada pencapaian dalam peperiksaan, kita juga mendapat anugerah peringkat Kebangsaan, Pusat Sumber Terbaik. Banyak sekolah diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Kluster Kecemerlangan. Dan kita juga mendapat pengiktirafan Pendidikan Contoh iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Intan Zaharah yang memenangi peringkat antarabangsa dalam peringkat inovasi. Kejayaan Imtiaz dan Sekolah Elit Lembah Bidong dalam Pertandingan Kitar Semula tiga tahun berturut-turut dan ditawarkan pertukaran pelajar, Youth Exchange Programme dan juga Sekolah SESMA dalam Pertandingan Robotik.

Ini adalah kerana keprihatinan Kerajaan terhadap pendidikan dan kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memperuntukkan peruntukan yang cukup besar sepanjang empat tahun yang lepas kepada pendidikan di mana kepada Jabatan Pendidikan sahaja diperuntukkan lebih RM200 juta. Tidak termasuk kepada Yayasan Terengganu RM400 juta, TATIUC, TESDEC dan sebagainya. Cuma ada beberapa yang perlu ditambah baik dan saya kira Kerajaan Negeri berada pada landasan yang betul tentang pendidikan ini untuk bertujuan melahirkan modal insan yang cemerlang yang akan menjadi pemimpin masa depan bagi memastikan kesinambungan kepimpinan di peringkat negeri dan negara.

Cuma cadangan saya, pertama dalam tambah baik dalam soal Bahasa Inggeris. Walau pun Kerajaan Negeri mengadakan Trenglish dan peratus kelulusan juga agak meningkat di mana pada tahun 2015, lulus Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan SPM 71.43% dan meningkat pada tahun 2016, 74.68%. Tetapi penglibatan sekolah hanya sebahagian kecil sahaja di mana di peringkat permulaannya sekolah yang terlibat hanya 37 buah dan pada tahun ini meningkat kepada 50 buah. Kalau kita nak bandingkan dengan sekolah yang kita ada di seluruh Negeri Terengganu sebanyak 501 buah. Jadi hanya 10% sahaja sekolah yang terlibat dengan Trenglish ni. Jadi kita berharap Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian dan memberi penambahan, mungkin penambahan peruntukan lagilah untuk meningkatkan lagi Bahasa Inggeris kepada anak-anak Terengganu.

Selain daripada itu juga, saya mencadangkan supaya diberi perhatian kepada Sekolah Elit dan Sekolah Premier ini supaya diberi keistimewaan seperti dulu dalam soal biasiswa dan sebagainya. Di mana di Sekolah Elit ini dan juga Kelab-kelab Kuda, Astronomi dan Robotik tetapi oleh kerana dengan peruntukan yang sedikit maka kelab-kelab ini hanya sekadar berjalan seperti biasa sahaja. Begitu juga dengan Sekolah Sukan yang mana kita dapat melahirkan atlet pelapis peringkat negeri, kebangsaan, antarabangsa. Jadi saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri juga memberi perhatian kepada Sekolah Sukan dan saya mencadangkan wujudkan Kolej Sukan yang sehubung dengan Sekolah Sukan Negeri.

Dan berbalik kepada DUN saya pula, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian, kebimbangan saya di DUN Batu Rakit tentang hakisan yang dah nak hampir ke Batu Rakit saya nampak. Jadi saya berharaplah pihak Kerajaan membuat persediaan untuk menghadapi hakisan ini. Dan selain daripada itu juga,

saya macam DUN-DUN lain juga keperluan perumahan cukup amat tinggilah di DUN Batu Rakit.

Yang ketiganya, baru-baru ini apabila banjir difahamkan JPS tidak ada peruntukan yang mencukupi untuk cuci gali perparitan ini dan akhirnya banyak tanaman-tanaman orang kampung musnah. Oleh itu, saya mencadangkanlah untuk musim-musim yang akan datang supaya bila hampir dengan banjir ini supaya Kerajaan Negeri menambah peruntukan kepada JPS untuk cuci gali perparitan ini.

Yang keempatnya, mengenai masjid. Saya juga ada masalah soal masjid ini di mana ada satu masjid yang cukup uzur dan difahamkan tanah telah diambil balik pada dua-tiga tahun lepas, proses pengambilan balik tanah ini telah selesai cuma tunggu peruntukan untuk buat masjid baru sahaja.

Jadi saya ingat setakat dulu, saya mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. **Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih banyak Batu Rakit. Sila Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Bismillahir Rahmanir **Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.** Alhamdulillah **Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.**

Alhamdulillah, saya diberi peluang untuk bersama-sama membahaskan Titah Ucapan Diraja pada kali ini yang telah memberi fokus kepada tiga perkara penting yang telah disebut oleh beberapa kawan kita. Cuma apa yang saya ingin perkatakan pada tengah hari ini ialah mutakhir ini negeri kita, Negeri Terengganu yang pernah mendapat jolokan Kuwait Malaysia kini berada dalam yang keadaan tersepit. Dan daerah yang paling terkesan dengan situasi ini ialah Daerah Kemaman yang menjadi nadi industri *oil and gas* di Terengganu. Sebarang ketidakcaknaan dan kealpaan Kerajaan Negeri maka kesan negatifnya adalah rakyat Negeri Terengganu yang lebih daripada 90% rakyatnya adalah terdiri

daripada bangsa Melayu yang beragama Islam. Igauan Kemaman sebagai Bandar Mati bermain di fikiran rakyat sekiranya syarikat-syarikat besar dan syarikat-syarikat kecil bungkus satu persatu. Nasib dan sejarah Sungai Lembing di Pahang dan nasib sejarah Bukit Besi di Dungun, Terengganu sepatutnya menjadi iktibar kepada Kerajaan Negeri. Setelah hasil mashul habis diperah dan kejatuhan merudum dari segi harga komoditi, daerah yang menjadi tumpuan ekonomi di waktu itu akhirnya menjadi tempat generasi tua meneruskan sisa-sisa hidup sedangkan generasi muda pula akhirnya keluar ke bandar-bandar, ke kota-kota besar untuk mencari ilmu dan mencari pekerjaan. Sekarang ini dianggarkan hampir 30,000 lebih pekerja-pekerja daripada tenaga sektor *oil and gas* seperti daripada Petronas, Kilang Schlumberger dan Halliburton dan syarikat-syarikat besar antarabangsa dan syarikat-syarikat lain telah diberhentikan. Ke manakah mereka akan membawa diri? Apakah akan berlaku keruntuhan ekonomi yang teruk sehingga menyumbangkan pula kepada kadar jenayah yang tinggi dalam negeri kita ini? Segalanya adalah rintitan derita yang rakyat lalui selepas kemelut Perwaja Steel ditutup dan Eastern Steel yang belum diketahui bilakah akan dibuka. Walaupun ada ura-ura menyatakan akan dibuka pada bulan enam ini.

Susulan daripada kejatuhan syarikat-syarikat besar dan industri kecil dan sederhana turut terjejas, sekiranya dahulu rakyat di desa dapat menambahkan pendapatan mereka melalui rumah-rumah sewa, dan hari ini rumah-rumah mereka sudah kosong. Sektor perniagaan juga telah jatuh antara 30% hingga 50%, apatah lagi dalam keadaan sekarang dasar GST pula menekan rakyat 6% yang turut akhirnya menambahkan kelesuan ekonomi. Banyak pihak yang gulung tikar dari masa ke semasa yang tiada penghujungnya seolah-olah kehilangan cahaya di hujung terowong. Ini menyebabkan kejatuhan pendapatan isi rumah yang ketara. Persoalannya sekarang ialah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini. Apakah bidang-bidang ekonomi baru yang perlu diteroka agar rakyat Darul Iman yang kehilangan pekerjaan ini dapat bernafas dan menyara kehidupannya demi masa depan yang lebih baik.

Dato' Yang Dipertua, hari ini Kerajaan Negeri Terengganu juga bersetuju dengan Kerajaan Pusat yakni menerima Kerajaan Negara China untuk melabur di Negeri Terengganu. Apa yang menjadi dukacita kepada saya ialah apabila Kerajaan Negeri China melabur di Negeri Terengganu sudahlah barang-barang asasnya dibawa daripada Negara China, tenaga kerja pun daripada Negara China bahkan pekerja kantin pun daripada Negara China. Ianya akan mengulangi peristiwa

sebagaimana Eastern Steel, mula-mula start Eastern Steel dulu, hampir keseluruhan 90% adalah rakyat daripada Negara China. Di manakah orang Melayu kita nak bekerja. Jadi saya mohon Kerajaan melihat semula, saya setuju kepada pelaburan ini tetapi biarlah di sana rakyat kita dapat bersama-sama mencari peluang untuk sama-sama mencari sesuap nasi. **Dato' Yang Dipertua**

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Pohon **penjelasan Dato' Yang Dipertua.** Saya pohon penjelasan Wakil Cukai, merujuk kepada pelaburan China tu, pelaburan yang mana satu yang Wakil Cukai maksudkan?

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Pelaburan yang akan datang ialah pelaburan yang nak buat rumah di Bandar Baru Kijal. Harapnya biarlah orang Melayu kita terutama yang duduk di Kemaman dapat menyertai sama.

Dato' Yang Dipertua, Kemaman ini merupakan Pusat Ekonomi di mana di Kemamanlah adanya EPIC, di Kemaman juga adanya TDM dan hasil-hasil TDM, di Kemaman juga adanya Pesama yang menghasilkan Golden Pharos. Persoalannya, syarikat-syarikat besar anak Kerajaan ini, adakah memberi sumbangan kewangan kepada Kerajaan. Sepatutnya Kerajaan kena ambil jugak daripada anak-anak syarikat ini sumbangan untuk dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan untuk dibelanjakan kepada pembangunan negeri kita terutama dalam kekurangan dana waktu ini.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin juga bertanya mengenai kedudukan Pesama Timber. Kilang Pesama Timber yang saya difahamkan sudah dua-tiga-empat tahun kawasan barunya sudah disediakan di Bukit Jembalang tetapi kenapa Pesama Timber belum lagi dipindahkan? Sepatutnya kawasan itu sudah dijadikan kawasan penempatan lestari kerana kawasan itu duduk di kawasan bandar, duduk pula di pinggir sungai. Dan insyaAllah, saya merasakan bahawa ini adalah penempatan terbaik yang dapat kita hasilkan. Jadi bilakah Pesama ini akan dipindahkan?

Begitu juga, saya nak tanya jugak dalam kawasan saya ini yakni berkenaan dengan Pasar Kemaman dan Terminal Bas yang tanahnya sudahpun diambil pada tahun 2004, 13 tahun yang lalu sudah diambil tanahnya. Sudah diperkatakan akan dibuat Projek Terminal Bas dan Pasar Kemaman tapi sekarang ini senyap. Cuma

dua tahun baru-baru ini adalah kedengaran ada kontraktor nak bekerjasama dengan MPK. *So*, sekarang ini apakah ianya akan dibuat ataupun dipindah ke kawasan lain?

Dato' Yang Dipertua, yang akhirnya, saya ingin memohon kepada pihak Kerajaan kerana saya difahamkan ketika musim hujan baru-baru ini, peruntukan daripada Kerajaan Negeri kepada Majlis Perbandaran Kemaman khususnya dalam membersihkan longkang-longkang besar ini tidak diperturunkan kerana dikatakan habis kat jutaan ringgit. Dan pada waktu itu apabila hujan lebat berlaku maka banjir kilat berlaku. Jadi saya mengharapkan untuk tahun ini Kerajaan mempertimbangkan untuk mencairkan semula peruntukan tersebut, dihantar kepada Majlis Perbandaran Kemaman bagi membersihkan longkang-longkang besar ini.

Saya rasa itulah sahaja beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan pada petang ini. **Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Cukai. Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan saf kepimpinan negeri.

Saya juga ingin turut memberikan ucapan dan membahaskan Ucapan Kebawah Duli Tuanku Al-Sultan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Yang penting bagi kita adalah Kebawah Duli Tuanku telah menekankan kepada kita akan keperluan kita membuka lembaran yang baru demi kepentingan dan masa depan rakyat Negeri Terengganu ini sendiri.

Dato' Yang Dipertua, saya menyambut Titah Tuanku supaya kita semua dan kepimpinan di Negeri Terengganu kita ini menyempurnakan tanggungjawab kita secara beramanah, adil dan saksama, jujur lagi ikhlas dan mempunyai integriti yang tinggi. **Ini semua adalah amat penting Dato' Yang Dipertua kerana dalam suasana kita berbincang dan berbahas ini rakyat sedang dihimpit dengan kos**

kehidupan yang amat membebankan. Kita berhadapan dengan cabaran-cabaran yang begitu besar dalam negara kita kesan kejatuhan harga minyak dan bebanan kos kehidupan yang dilalui oleh rakyat ini semuanya memberikan suatu impak yang besar dalam orientasi kehidupan masyarakat dan rakyat di Negeri Terengganu ini sendiri. **Mereka tidak perlu banyak Dato' Yang Dipertua, yang miskin hanya memerlukan sekampit beras sahaja untuk mereka meneruskan kehidupan harian mereka ibarat kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang dalam kehidupan dan kemiskinan yang terpaksa dilalui oleh sebahagian daripada rakyat yang di bawah ini.**

Dato' Yang Dipertua, tempoh tahun 2017 ini ialah tahun yang amat mencabar bagi kita. Negara kita berhadapan dengan krisis keyakinan yang cukup mencabar. Jurang perkauman yang semakin menebal dan yang paling bahaya adalah apabila agama dijadikan alat dan senjata bagi kepentingan politik. Ekonomi negara juga berada dalam keadaan yang semakin parah. Kita berhadapan dengan *Awakening Ringgit* dengan izin, yang kini sedang menambah kos import, meninggikan kos hidup dan ditambah dengan sebagaimana yang ramai di kalangan sahabat-sahabat **dalam Dewan ini menyebut 'Bebanan GST'** yang terpaksa ditanggung terutamanya golongan miskin.

Kita, Terengganu berterusan terkesan dengan kegawatan ekonomi ini kerana *over reliance* kita, dengan izin, kepada ihsan royalti minyak dan gas yang menyebabkan kita secara berterusan bergantung hampir 90% sumber hasil negeri kita daripada Dana Khas Kerajaan Persekutuan, daripada royalti minyak dan gas.

Dato' Yang Dipertua, dalam Ucapan Titah Baginda Tuanku secara spesifik menyebut tentang Tasik Kenyir dan Zon Bebas Cukai. Saya nak merujuk balik kepada perbincangan-perbincangan yang kita buat dalam Dewan ini. Peruntukan yang disebut untuk tahun 2017 adalah RM51 juta. Dalam Dewan ini kita terlalu banyak dah berbahas dan berbincang tentang Tasik Kenyir ini. Saya secara peribadi agak skeptik dengan perkembangan yang berlaku di Tasik Kenyir ini kerana janji dan komitmen yang kita berikan dalam Dewan ini tidak tercapai. Sebagai contohnya, pada 8.12.2013, jawapan daripada bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia menyatakan bahawa Tasik Kenyir akan mula beroperasi pada 2014. Dan 20 buah Kedai Bebas Cukai akan beroperasi sempena Festival Kenyir. Ini berjalan dan dia menjanjikan akan ada pelaburan-pelaburan besar daripada dalam dan luar negara. Daripada dalam negara RM1.814 bilion akan datang untuk pelaburan di Tasik

Kenyir dan Bebas Cukai ini dengan syarikat-syarikat disebut, daripada luar negara hampir RM1 bilion juga daripada Itali dan juga daripada China. Apa yang perlu kita imbau kembali adalah bagaimana kita berbelanja di Tasik Kenyir ini? Kalau kita imbau tentang apa yang berlaku kepada Taman Burung kita yang kita berbelanja hampir RM6 juta. Apa yang berlaku kepada Taman Orkid, kita berbelanja hampir RM9 juta. Apa yang berlaku kepada Taman Rama-Rama kita yang kita berbelanja hampir RM7.4 juta. Di mana projek-projek ini berada sekarang ini? Maka inilah yang saya mohon supaya kita memberikan perhatian khusus kepada perkembangan dan apa jua *allocation* yang kita berikan di Tasik Kenyir ini kerana saya tidak mahu kita juga terbeban sebagaimana kita terbeban dengan apa yang berlaku di Taman Ilmu di Temela Besut di mana kita berbelanja hampir RM700 juta, projek yang bermula pada tahun 2004

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya rasa kena semak balik fakta tu, tak silap saya tak sampai, RM300 juta lebih aje tu, RM700 juta tu tak tepat tu. Mana dapat *figure* tu?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tak dengar, tak berapa *clear*.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya rasa RM700 juta tak berapa tepat. Kerajaan belanja dalam RM300 juta lebih, kalau tak silap saya. Saya rasa RM700 juta tak tepat. Biar Kerajaan gulung lepas ni.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya **ada data Dato' Yang Dipertua dan kalau pihak Kerajaan mahu data** itu saya boleh serahkan kepada pihak Kerajaan tentang perkembangan Taman Ilmu itu sendiri.

Dato' Yang Dipertua, apa yang berlaku di Taman Ilmu itu ialah kita dapat melihat apabila berlakunya perubahan kepimpinan Kerajaan dan tergendalnya Taman Ilmu ini lebih daripada 10 tahun, berlakunya kerosakan yang tidak dapat kita gambarkan. Rosak bangunan, bilik-bilik asrama. Hilangnya dari segi pendawaian dan sebagainya. Kerosakan di Loji Rawatan Kumbahan dan sebagainya. Ini suatu yang tidak dapat kita bayangkan, suatu projek yang cukup penting untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu ini boleh berlaku sedemikian. Dan saya harapkan sangat supaya kita sama-sama mencari jalan penyelesaian untuk menyelesaikan status Taman Ilmu ini supaya rakyat dapat merasa akan pelaburan yang begitu besar yang dilakukan oleh Kerajaan dan dapat kita gunakan untuk kepentingan dan masa depan rakyat dalam suasana pelajar-pelajar kita sekarang ini terbeban dengan pinjaman PTPTN dan sebagainya

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan Yang Berhormat Batu Burok. Saya nak tumpang tanya Yang Berhormat Batu Burok untuk tujuan klarifikasi Dewan. Saya juga menyemak berkenaan dengan Knowledge Park, Taman Ilmu di Besut ini nampak gaya Laporan Audit beberapa tahun kebelakang ini juga tidak menulis ataupun melapor apa-apa berkenaan dengan kelewatan, ketidakcekapan (*efficiency*) dan sebagainya berkenaan Taman Ilmu.

Saya nak tanya pendapat Batu Burok kenapa perkara ini berlaku dan adakah Kerajaan Negeri menyedari kepentingan untuk menasihatkan Jabatan Ketua Audit Negara di peringkat Negeri Terengganu untuk melihat atau menjemput mereka untuk membuat penilaian dari sudut pelaksanaannya dan juga kebolehlaksanaan Projek Taman Ilmu ini kerana katanya telah melangkau 10 tahun atau sekurang-kurangnya hampir 10 tahun perbelanjaan yang tidak mendatangkan hasil sama sekali malah mendatangkan beban kewangan yang besar kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Terima kasih Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dan inilah yang saya timbulkan Yang Berhormat Bandar akan kepentingan demi untuk masa depan Negeri Terengganu kita sendiri dalam kita memajukan bidang pendidikan untuk anak-anak Terengganu dan kepentingan Negeri Terengganu sendiri.

Jadi Dato' Yang Dipertua, pandangan dan kritikan yang saya berikan ini ialah dalam konteks amalan dan pentadbiran ekonomi Negeri Terengganu ini tidak pernah berubah. Saya sentiasa memberikan pandangan-pandangan ini. Dan ini merupakan isu yang penting dan pokok bagi kita untuk kita teruskan memperbaiki pentadbiran yang ada kerana banyak lagi projek-projek yang perlu kita mengkaji secara mendalam tentang apa yang saya sebutkan ini.

Saya nak sebut satu kes yang mungkin berbeza sedikit supaya kita beri perhatian **juga Dato' Yang Dipertua, dua minit saja. Kes yang lain sedikit iaitu kes seorang** rakyat Terengganu yang bernama Siti Noor Aishah Atam daripada Dungun yang merupakan bekas pelajar daripada Universiti Malaya yang ditahan di bawah SOSMA. Beliau ditahan di bawah SOSMA kerana tuduhan memiliki 12 buah buku yang mempunyai hubungan dengan Jemaah Islamiyah dan Al-Qaeda. Ini anak Terengganu ni, dia ada Masters. Jadi mahkamah telah membebaskan beliau tapi dia ditahan semula di bawah POCA (*Under The Person Who Engaged In Commission Or Suppose of Terrorist Act Under Penal Code*), **dengan izin Dato' Yang Dipertua.** Jadi selepas 60 hari ditahan, dikenakan pula *House Arrest*, dan kini dia ditahan balik baru sehari-dua ini, ditahan balik di bawah SOSMA. Perkara ini telah diberi perhatian di peringkat antarabangsa bukan sahaja dalam konteks negara kita, Human Rights Group pun memberikan perhatian, seorang gadis yang baru berusia 20an, 25 - 26 tahun gitu ditahan di bawah satu akta yang bagi saya *repressive* dan perlu kalau boleh pihak Kerajaan Negeri memberikan sokongan dan dokongan kepada keluarga wanita yang saya kira menghadapi cabaran dalam dia ditahan dengan akta yang ada ini.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya rasa itulah sahaja yang saya ingin sebutkan. Saya mengharapkan insyaAllah, tanggungjawab kita bersama ini dalam suasana terlalu banyak isu-isu yang kalau kita nak timbulkan dalam Dewan ini sendiri dari segi status Strawberry Parknya, dari segi status Zoo di Bukit Takalnya, dari segi masa depan anak-anak syarikat EPIC dan sebagainya dan dari segi pembelian ladang kelapa sawit di Kalimantannya, banyak yang perlu diperbahaskan di Dewan yang mulia ini. Dan yang penting bagi kita adalah kita melihat supaya ini semua memberi pulangan yang terbaik kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan kita mengembalikan hak ini kepada rakyat Negeri Terengganu demi kepentingan mereka dalam suasana cabaran-cabaran yang besar ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Alur Limbat nak apa? Nak apa tu? Oh, nak berucap. Duduk dulu deh. Terima kasih. Terima kasih Alur Limbat, kita dah pukul 1.00 dah. Cuma saya nak tanyalah ramai lagi ke yang nak berucap? Dua ya? Sepatutnya pukul 1.00 kita dah habis dah. Tapi tak apalah saya bagi peluang pada petang ini tapi tolong tepati waktu. Saya akan bagi masa satu jam sahaja, saya ingat sempat tu untuk empat orang, 2.30 petang sampai 3.30 petang. InsyaAllah.

Jadi terima kasih banyak kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat membahaskan Usul Menjunjung Kasih, terima kasih banyak, Jazakallahu Khairan Kathira. Oleh kerana kita dah pukul 1.00 lebih dah, kita nak berhenti rehat untuk kita menjamu selera dan sebelum saya menangguh sementara Dewan ini, saya menjemput kesemua yang ada di dalam Dewan yang mulia ini untuk ke Jamuan Makan Tengah Hari yang dihoskan oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu. Kepada semua Ahli Yang Berhormat dijemput ke Damai Lounge dan kepada semua Ketua Jabatan dan Pemerhati seperti biasa dijemput ke Perkarangan U2. Dipersilakan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka dengan ini saya tangguhkan sementara Dewan ini dan insyaAllah kita **sambung semula pada pukul 2.30 petang ini. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat** sekalian. Sebagaimana yang telah diperkatakan sebelum kita berehat tadi, kita sambung dengan perbahasan ya. Sila Alur Limbat, pohon tepati masa ya. 15 minit saja. Silakan.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Assalamu'alaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillahir rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu ala asyrafil anbiya iwal musalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, seluruh Ahli-ahli Exco, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan seluruh Pegawai-pegawai Kerajaan dan Pemerhati sekalian. Saya merujuk kepada muka surat 18, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Terengganu berhubung dengan perkhidmatan jalur lebar percuma yang disediakan oleh Kerajaan yang mana Kerajaan memperuntukkan RM39 juta projek T@WAN di 32 jabatan dan 600 hotspot Terengganu Wi-fi dan sekarang ini telah disiapkan 11 jabatan dan 336 hotspot Terengganu Wi-fi telah beroperasi.

Soalan saya bila dijangka akan siap sepenuhnya dan berapakah kos keseluruhan? Kami sebagai Pembangkang ingin membuat suatu nasihat ataupun bimbang sebenarnya sebagaimana yang kita bahaskan pada pagi tadi isu telefon pintar Magic W3 yang gagal dan juga isu e-Book selepas sekitar 10 tahun dilaksanakan dan diberhentikan dan juga projek Kerajaan Pusat, projek kampung tanpa wayar 1Malaysia (KTW1M) yang dibina sejak Tahun 2010 yang berfungsi di bawah SKM dan juga TM. Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia yang mana sekarang ni hampir tidak berfungsi, tidak mampu menyelenggara kemudahan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik. Ada sesetengah tempat, gelombang Wi-fi hanya diterima seluas 250 meter dari pusat pemancar yang dipasang dalam kawasan tersebut.

Saya difahamkan Terengganu, ini perlu disahkan oleh Kerajaan ada sekitar 125 buah sahaja. Jadi saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan, oleh kerana projek

ini baharu dan dia seumpama Projek Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia lebih kurang jer, jadi saya mengharapkan supaya Kerajaan membuat kajian berapa orang yang menggunakan perkhidmatan ini selepas di beberapa tempat yang selesai, kena buat kajian tu.

Yang kedua, Kerajaan juga perlu membuat promosi kerana mungkin penduduk sekitarnya tidak menyedari kewujudan dia. Dan yang ketiga perlu dibuat laporan dari segi kelajuan internet, kalau ada laporan-laporan yang ada masalah perlu diselesaikan segera, sebab sekarang ni masing-masing sudah ada smartphone yang mereka langgan dengan kos yang begitu tinggi dan apabila perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan jauh lemah berbanding dengan apa yang mereka ada, mereka akhirnya tidak memanfaatkan dan kita kerugian dan akhir sekali projek ni akan gagal juga.

Umpamanya kajian *congestion* seolah kalau kita naik kereta balik pejabat jam, tu maksud dialah *congestion* ni. *Network* sibuk ataupun tidak, kalau *congest* dengan izin, Kerajaan kena tambah *bandwidth*, maksud dia macam kalau jam tu bukan kelajuan tapi lebar jalan tu perlu diluaskan supaya internet tu laju. Kemudian sekarang ni Kerajaan, saya insyaAllah bagi *point-point* jer sebab mengejar masa.

Tahun Melawat Terengganu 2017, sejauh mana Kerajaan memikirkan sebelum mengadakan ataupun kita sekarang ni tahu Tahun Melawat Terengganu 2017 dari segi perkhidmatan internet ni kepada pelancong-pelancong ataupun tempat-tempat di mana pelancong-pelancong ada seumpamanya di Kenyir, Pulau Kapas, Pulau Perhentian, Pulau Redang dan tempat-tempat yang tertentulah. Sebab kalau kita pergi ke luar negara, contoh kalau pergi ke Medan di sana ada Danau Toba, sampai di Danau Toba, pulau dia pun perkhidmatan internet sangat *success* dengan izin, maksudnya pelanggan suka.

Kita kalau kita pergi melancong, sehingga melancong yang dekat pun contohnya di Brunei ke, Thailand hatta sampai ke Mekah sekalipun, bila sampai di sana perkara yang pertama sekali kita fikir kita nak cari simkad. Simkad ni dua jenis ada yang hanya untuk internet saja ataupun kita pergi ke hotel kita *access* yang percuma daripada hotel tu kerana kata pepatah: **"Kalau hilang bini tak apa, kalau hilang telefon memang susah hatilah"**. Ni zaman sekarang, kalau 10 tahun lepas memang tak fikir benda macam ni.

Tapi sekarang ni dengan teknologi yang ada, memang kita nak *communicate* dengan keluarga...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Macam mana saya tak dengar, apa tu?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak apalah, ni tak ada maksud. Malas nak ulanglah, lagipun orang dengar belaka dah.(Sambil ketawa).... **Jadi...**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Alur Limbat ni macam ada pengalaman dah nampak.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): ...(Gelak)

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya pun kurang jelas, kalau boleh ulang sikit lagi belakang.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Dok* jelas juga.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hor, tolong ulang. Apa salahnya.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya malas nak ulang. Kemudian ada saya mencadangkan supaya ada satu alternatif kepada pelancong tempat-tempat yang tertentu. *Public phone* walaupun tidak diguna dah sekarang ni, kurang bukan tidak diguna. Tetapi sekiranya ada *emergency* boleh maksudnya digantilah misalnya bila sampai, ada masalah, tidak ada simkad lagi apa benda, maka kita boleh gunakan *public phone in case* ada *emergency*.

Khususnya kemudahan ni, supaya *especially foreignerlah* dengan izin, dan sepatutnya ada MOU juga dengan *mobile operator* ni. Macam contohnya bas awam kalau kita walaupun kadang-kadang sahaja diguna, tetapi sesetengah orang dia sangat memerlukan bas awam sebagai *public transport* dengan izin. Dan kalau contoh lagi, kalau kita pergi ke Thailand, Phuketlah contoh saya pun bukan kata saya pergi tetapi contoh. Saya diberitahu bila sampai jer, bila naik kapal terbang sampai kita airport tu ada selalu dah simkad yang khusus untuk pelancong.

Jadi dia macam saya rasa Kerajaan boleh bincang dengan pihak *mobile operator* ni macam mana nak buat perkara ini untuk kita menarik kalau sekarang ni dijangka dengan Tahun Melawat Malaysia Terengganu 2017, kehadiran 5 juta dan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang kita beri ini bakal melonjakkan kehadiran pelancong lebih daripada tu kerana kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi. Sebab mereka sekarang macam saya sebut perumpamaan tadilah, sekarang ni memang kita sangat memikirkan apabila sampai ke luar negara macam mana kita nak menghubungi, macam mana kita nak *contact* dengan rakan-rakan ataupun keluarga kita.

Kemudian perkhidmatan ICT ni, saya boleh bahagi secara umumnya kepada tiga, public infra; contohnya *public phone*, kedua infra; macam ada UniFi, 4G, telefon, wayarless, internet, T@WAN sebagai medium komunikasi. Dan yang ketiga, saya nak *highlight* yang ketiga *content* dia contohnya e-Commerce (e-Daganglah) dan juga e-government. E-Government ni ialah memang kita dah ada dah dan sudah berfungsi tapi ada juga sesetengah di kalangan kita menyatakan kurang *user friendly*. Di mana contohnya boleh pihak Kerajaan sekarang membayar Cukai Pintu secara online. Kalau Kerajaan boleh jawab apa masalah dia, saya rasa Unit Pengurusan Maklumat Kerajaan Negeri boleh fikir macam mana nak membina sistem ini ataupun kena cari pihak-pihak yang berkenaan tetapi alangkah baiknya kalau Cukai Pintu boleh dibayar secara online, Cukai Tanah seumpamanya. Dan misalnya parking, MBKTKan kalau parking boleh bayar online. Ini sebagai contohlah, perkara-perkara ni boleh dibuat pada masa akan datang.

Dan ada kita kedengaran SATU, memang boleh kita bayar online tapi dikenakan caj. Jadi sepatutnya saya tak tahulah macam mana boleh ada caj-caj yang tertentu dan saya difahamkan kalau bayar dengan Maybank2U sahaja tiada caj perkhidmatan yang dikenakan oleh SATU. Mungkin mereka sudah ada *agreement* awal-awal lagi ke macam mana tak tahu. Jadi kalau SATU saya mencadangkan supaya tidak mengenakan sebarang cajlah apabila kita menggunakan perkhidmatan ini.

Kemudian yang ketiga saya nak sebut, isu yang berkait dengan ICT juga, Unifi, Alhamdulillah kita dah semakin banyak tambahan dia, tempat-tempat yang kita boleh mendapat *access* dengan izin Unifi ni Kuala Terengganu sebahagiannya, Marang pun sudah ada, Hulu Terengganu, Besut, Kemaman. Cuma saya rasa di

Hulu Terengganu ni kalau kita perhatikan kawasan-kawasan dia mungkin kebetulan kawasan yang sekitar rumah Exco betul dok Ku Putera, Yang Berhormat kita, minta maaf Yang Berhormat Kuala Berang, sekitar-sekitar taman dialah, maksudnya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Duaner* tu yang kata dekat rumah Exco tu, kawasan mana?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kawasan Rozi pun, saya rasa.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kawasan mana?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kawasan Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kat mana?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Cek sendirilah, jawablah kekgi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Doh kata kat rumah Exco, kat mana? Rumah Exco, tak betul gitu. Exco ada dua-tiga orang, susah kita.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Jalan Pusara ada, Jalan Butut, Kampung Rahman, Batu 24, Taman Permint Permata, Taman Seri Berang, Taman Kuala Berang. Cek sendirilah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Rumah Yang Berhormat ada dok? Dekat rumah Yang Berhormat sendiri?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak ada lagi.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Oh, tak ada lagi.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sekarang ni saya nak sebut juga kenapa Kuala Nerus sampai tak ada satu habuk lagi. Kawasan Menteri Besar, jadi kena jawablah hok tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Hok tu bagus Menteri Besar berkorban untuk orang lain, terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):(Ketawa).... Besut begitu juga, yang ada di Kampung Raja dan Kampung Gelang Mas. Jadi sekitar Kota Putera di sebelah Jerteh. Itulah yang saya kurang faham sikit dari segi keutamaan-keutamaan dialah. *Priority*. Okey, saya habis dah.

Yang seterusnya, isu yang kedua, mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri isu Asrama Mansurah yang dibeli sekitar tahun 2010, saya tanya sekarang ni Yayasan Terengganu berapa orang pelajar-pelajar Yayasan Terengganu tajaan Perubatan di Mansurah, Mesir yang tinggal dan kalau ada berapa orang yang tinggal di asrama tu dan siapa sebenarnya yang menghuni Asrama Mansurah ni?

Untuk pengetahuan Ahli Dewan atau ingatan balik, asrama ni berharga sekitar RM13 juta dan pelajar Perubatan waktu itu 150 orang dan saya dimaklumkan tiada lagi pelajar Perubatan yang dihantar oleh Yayasan Terengganu ke Mesir khususnya di Mansurah. Okey.

Isu yang ketiga saya nak timbul adalah isu yang berkait dengan panggung wayang sebagai hiburan awam. Terengganu ni, di Kuala Terengganu ni sendiri 22 tahun dah sudah tiada panggung wayang. Dulu ada Panggung Rex dan juga Cathay, zaman saya budak-budaklah istilah dia. Dulu memang adalah panggung tu. Tapi selepas 22 tahun, panggung wayang dibawa kembali ke Kuala Terengganu di mana mengejutkan semasa boleh menampung 1,700 orang pengunjung dengan 11 dewan yang disediakan. Dan dibuka dari pagi hingga 1.00 pagi. 1.00 pagi ni saya rasa bahaya jugalah, khususnya apabila muda-mudi dia pergi saya rasa ada yang pergi berseorangan, ada yang naik motor berdua-duaan, apabila balik 1.00 pagi, minum pagi pula di kedai. Perkara-perkara ni perlu ambil perhatianlah oleh Kerajaan Negeri. Hatta bulan Ramadhan juga PBT membenarkan dibuka, hanya ditutup pada pukul 6.00 hingga pukul 9.00, nak buka puasa kot. Dok Terawih doh awok-awok ni tengok wayang gambar ni. Dan juga tiada pengasingan lelaki perempuan. Dan tayangan ni dalam keadaan macam dulu juga 20 tahun lepas

bergelap. Sekarang ni ada negeri-negeri yang saya difahamkan mereka beri isyarat ada pengasingan dan juga kena cerah pasang tu, walaupun ada CCTV saya difahamkan. Jadi, itulah saya mengharapkan supaya Kerajaan kaji balik sebab kesan kepada sosial yang sekarang ni yang begitu dashyat. Umpamanya sebagaimana yang disoal oleh Wakil Kuala Besut isu yang berkaitan dengan dadah. Sekarang ni di usia sekolah rendah lagi mereka telah terlibat dengan gejala dadah.

Dan juga isu yang berkaitan dengan anak luar nikah, anak yang tak sah taraf. Yang ada di Negeri Terengganu, Terengganu dan Malaysia amnya dengan jumlah yang begitu teruk sekali sehingga tahun 2014 lebih daripada 50,000 anak yang tak sah taraf yang dilahirkan. Jadi saya mengharapkan supaya dengan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang kita bahaskan pada dua hari sehingga hari ini, supaya membincangkan kembali dan menarik balik panggung wayang yang sudah 22 tahun yang ada di sekitar Kuala Terengganu ini.

Jadi saya rasa itulah sahaja yang saya nak sampaikan. Wallahu'alam. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta,ala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Alur Limbat. Sila Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Berapa minit sebenarnya sebab kita ada se dua ada empat orang lagi?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya benarkan 15 minit. Tak apa cakap dulu. Sila Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): A'uzubillahi sami'il'alim himinashaitaannir rajim. Bismillahir rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal musalin. Wa'ala alihi wa ashabihi ajmain. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang saya sayangi.....**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):Lepas ni boleh cakap lebihlah *dok*. Yang Amat Berhormat Menteri

Besar, Yang Berhormat Exco-Exco dan semua Yang Berhormat juga semua pegawai yang hadir pada hari ini.

Marilah kita bersyukur pada Allah **Subhanahu Wata'ala** dapat bersama dan saya juga ingin mengambil bahagian dalam bercakap tentang Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya *duk* perhati Titah Ucapan ni, ke mana kita pergi, kita tengok, kiri-kanan belakang-depan, akhirnya yang Tuanku nak melihat supaya rakyat Terengganu ini sejahtera. Buatlah apa sahaja tapi akhirnya yang sejahtera ialah rakyat. Dan di sini kita nampak ada beberapa perkara. Saya nak pergi terus kepada spesifik.

Perkara yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri berkenaan dengan satunya ialah Lembah Silika yang dijangka lebih kurang RM5 bilion harganya. Mungkin di sini kita keliru ataupun kelabu lagilah tentang projek ini. Mungkin kita minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh membuat sedikit pencerahan tentang Projek Silika ini. Sebab ini RM5 bilion katanya. Dan kalau kita tengok peraturan kita yang ada sekarang, Peraturan Tanah Terengganu, agak-agak berapa hasil yang kita boleh *forecast* untuk dapat daripada silika ini.

Sebab peraturan yang ada sekarang ini, yang Kerajaan Negeri dapat *direct* daripada penghasilan silika ini ialah kalau kita dapat satu tan silika baru kita dapat RM1.50 untuk satu tan. Kalau 1,000 tan baru dapat RM1,500, 1 juta tan baru dapat RM1.5 juta. Apakah tidak terfikir untuk kita melihat kembali peraturan yang ada ini untuk kita pinda sesuai dengan keadaan semasa. Jangan lagi kita pasif begitu, bila mari kita tengok tu, kita caj RM1.50, peraturan mengatakan RM1.50. Naiklah sampai RM150 ke, RM1,500 ke supaya hasilnya nanti kembali kepada negeri. Bukan projeknya sahaja ada, tapi kita tidak dapat apa-apa atau dapat sedikit sahaja. Saya ingat ini untuk kepentingan generasi kita, untuk kita.

Begitu juga mineral. Dulu kita sibuk dengan bijih besi bila kita cek hasilnya tidak seberapa. Sebab dia dibuat di bawah Enakmen Mineral. Dan Enakmen Mineral pula, bila kita bawa bijih besi atau bijih-bijih yang lain keluar daripada kawasan itu, kita tak boleh ambil caj bawah pemindahan batu-batan. Sebab dia bawah mineral. Mineral pula kalau kita nak caj, dia tak boleh caj lagi sehingga dijual. Bila jual baru kita boleh caj. Dan dia tidak mahal. Yang cuma kita boleh 50% daripada harga jualan. Jadi perkara begini elok kita teliti kembali.

Saya juga pernah sebut dalam mesyuarat yang lepas, begitu juga dengan pindah milik tanah. Saya nak ulang lagi, saya dah sebut. Bila pindah milik tanah yang Kerajaan Negeri dapat cuma RM40 satu pindahmilik. Walaupun nilai tanah itu RM1 juta, RM10 juta ataupun RM100, kita dapat RM40 sahaja. Sedangkan banyak dah negeri-negeri lain di negara kita ini yang mengenakan caj mengikut *percentage* pindah milik itu. Kalau harganya RM1,000 harganya lain. Kalau harga RM10 juta harganya lain. Tapi kita cuma ambil RM40 bukankah ini merugikan kita dan menguntungkan ialah *federal*. Saya fikir perkara-perkara ini perlu diteliti kembali untuk kepentingan bersama.

Saya juga ini menyentuh sedikit tentang penajaan elektrik angin luar pantai. Ini dikatakan akan dilaksanakan di Terengganu berkapasiti 1,000 megawatt. Besar ni, Kenyir tak sampai begitu. Tempat Yang Berhormat ni cuma 620 megawatt. Kita nak buat 1,000 megawatt. Dan kemungkinan kita masih ingat tentang projek seumpama ini yang telah cuba dibuat di Pulau Perhentian dan gagal.

Sekarang ni kita nak buat sini, saya tak tahu bagaimana penglibatan Negeri dalam projek ini, apakah bentuk pelaburan yang kita buat, berapa kita kena bayar ataupun bayar kepada kita, juga minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Besar ataupun Kerajaan. Saya nak tahu tentang ini.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat. Tak betul gagal tu, yang Pulau Perhentian tu ana pergi tengok. Ada wat ambil gambar *selfie*. Tarikan pelancong.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bagus juga.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi tak gagallah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf. Gagal mengeluarkan elektrik tapi bagus untuk pelancongan untuk *selfie* gitu? Bagus. Bagus juga Paka pergi tengok *pah dinung*. Ya, itu nasib kita jadi minta betul-betul biarlah projek itu yang memberi manfaat kepada rakyat akhirnya. Akhirnya yang nak kita memberi manfaat adalah kepada rakyat.

Saya juga nak sentuh sikit tentang pembasmian kemiskinan. Saya sebut dulu pada mesyuarat yang lepas, saya sentuh tentang pembasmian kemiskinan dan juga zakat, kemudian dijanji oleh Yang Berhormat daripada Ajil, kemudian katanya: **"InsyaAllah lepas ini saya akan panggil satu mesyuarat untuk kita buat satu kajian menyeluruh bukan setakat orang sakit malah golongan orang-orang yang perlu kita bantu dalam menggiatkan ekonomi utama pada golongan orang-orang yang nak mula berniaga"**.

Jadi saya nak tahu apa hasil daripada mesyuarat itu. Perbincangan tentang bagaimana pengagihan zakat dibuat? Apakah dia lebih baik daripada dulu ataupun masih boleh dibuat pembaharuan- pembaharuan yang lebih baik, cari orang miskin bukan tunggu orang miskin minta. Tugas kita mencari orang-orang yang perlu, asnaf-asnaf yang boleh diberi bantuan, bukan menunggu mereka minta bantuan.

Saya ingat cara berfikir pun kena berubah dah. Biar kita proaktif. Hak mereka, zakat ini hak asnaf-asnaf, oleh itu bahagilah. Jangan disimpan banyak-banyak, bahagi kepada mereka yang berhak dan insyaAllah kita akan melihat ramai lagi orang yang akan membayar zakat di Terengganu. Sebab sekarang ini masih ada lagi orang Terengganu membayar zakat di negeri-negeri lain kerana tak yakin dengan pembahagian zakat di negeri ini.

Begitu juga tentang Tabung Darul Iman, saya melihat bahawa Kerajaan bersungguh-sungguh untuk bantu orang miskin yang sakit melalui Tabung Darul Iman, yang dikatakan Kerajaan telah berbelanja pada 2016 sebanyak RM8 juta dan insyaAllah akan berbelanja lagi tahun ini dan insyaAllah akan berbelanja lagi tahun ini dan akan berbelanja lebih kurang RM1 juta sebulan.

Masih tak cukup, saya fikir tak ada masalah, tak cukup tambah. Tak cukup RM12 juta, tambah RM24 juta. Ini *direct* kepada orang miskin, kepada orang sakit. Kita belanja dah banyak, rugi dah banyak, apa salahnya tambah hatta sampai RM15 juta pun tak ada masalah sebab ini *benefit* dan faedah kepada orang-orang miskin yang sakit di Negeri Terengganu.

Nak minta daripada Wakil Rakyat, nak minta daripada orang lain tu, mintalah tak apa, tapi Kerajaan sendiri saya ingat ertanggungjawab secara langsung untuk membantu mereka. Itu kena lihat semula.

Saya juga ingin merujuk lagi kepada muka surat 30, 31 dalam minit mesyuarat yang lepas, *hansard* yang lepas berkenaan dengan IQ sedikit. Saya keliru tentang kedudukan IQ sekarang ini. Sebab bila saya bertanya pada sesi yang lepas, ada dua jawapan. Satu daripada Exco yang berkenaan dan satu lagi daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Exco mengatakan IQ dimansuhkan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar jawab IQ dikekalkan. Dan Yang Amat Berhormat juga mengatakan IQ akan menjadi *feeder* kepada Kolej Quran Terengganu (KQT) tapi sehingga sekarang kalau itu betul, kalau memang hasrat Menteri Besar nak melihat IQ ni sebagai *feeder* kepada KQT, tapi mengapa sehingga sekarang tidak ada tawaran dibuat kepada pelajar-pelajar untuk masuk kepada IQT. Mohon penjelasan daripada Kerajaan tentang perkara ini.

Saya juga nak mengingatkan kembali kepada soal-soal undang-undang dan peraturan juga berkenaan taman sedikit. Iaitu dengan peraturan pengambilan balik tanah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960. Tanah yang diambil balik adalah untuk spesifik untuk tujuan-tujuan yang tertentu. Saya nak rujuk misalnya yang telah berlaku tentang pengambilan tanah untuk tapak parking di tepi airport kita.

Kalau tuan-tuan pergi ke airport, sebelah kiri tu ada bangunan. Bangunan itu tanahnya diambil balik berserta bangunan untuk buat tapak parking. Maknanya bila diambil balik tapak itu mesti dibuat parking sebab itu tujuannya tapi sekarang ini dibuat perkara yang lain.

Saya tak ada masalah dengan perkara yang lain tu tapi saya nak rujuk peraturan yang kita ikuti. Begitu juga berkenaan dengan tanah yang diambil balik untuk tapak masjid. Bila diambil balik untuk tapak masjid maka dia kena kekal sebagai tujuan asalnya diambil balik untuk tapak.

Jadi saya nak merujuk kepada cadangan pembinaan hotel di Kuala Berang. Saya mendapat bukti bahawa tanah yang diambil balik itu adalah untuk tapak masjid. Minta penjelasan tentang itu tentang undang-undang yang perlu kita patuhi. Dan saya nak mengambil kesempatan di sini juga untuk mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai, kawan-kawan saya semua ni yang telah bekerja kuat untuk Terengganu.

Saya difahamkan bahawa Pejabat Tanah dan Daerah Kemaman memenangi tempat pertama dalam Anugerah Inovasi Perdana Menteri. Dah dua kali dapat

sebenarnya. Zaman arwah Dato' Baharuddin dulu sekali. Dan kali ini dapat lagi dan yang seronok dengarnya Kemaman dapat No. 1 yang tidak ada No. 2 dan 3 kerana orang lain tidak mencapai *standard*. Terengganu jer dapat, Kemaman dapat *standard*, *very good* sebenarnya. Tahniah sekali lagi.

Dan juga Majlis Perbandaran Kemaman dapat No. 3. Tapi No. 1 dan No. 2 tak ada sebab tak capai *standard*. Di Malaysia, maknanya hebat jugalah. Macam No. 1 jugalah. 'The Best' atau dikatakan 'Second To Non'.

Ya, itulah pegawai-pegawai kita yang sebenarnya sudah cukup baik dan saya teringat lagi ada percubaan daripada *federal* dulu, daripada PTD untuk nak serap perkhidmatan TCS ini ke dalam perkhidmatan di *federal*. Dua kali cuba tetapi alhamdulillah kita tolak dan Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk tidak menerima pelawaan itu. Alhamdulillah. Jadi sekali lagi tahniah dan teruskan.....

YANG BERHORMAT HAJI ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Luan sekali Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sila, sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya nak mengucap terima kasih bagi pihak penyokong Kerajaan kerana saya dapati dalam Dewan pada kali ini banyak perkataan-perkataan ataupun ucapan-ucapan tahniah daripada rakan-rakan Pembangkang kepada pihak Kerajaan di atas pencapaian-pencapaian. Jadi nampak nak *kohor-kohor* mari kita dah tu, insyaAllah. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Suka ke tidak tu, kita sebut-sebut benda-benda gitu, suka ke tidak suka?

YANG BERHORMAT HAJI ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sangat sukalah, sangat suka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sangat suka. Kalau suka tu baguslah.

YANG BERHORMAT HAJI ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Alhamdulillah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Alhamdulillah. Tak, kita memang begitu, kita tidak membangkang membabi tuli. Kita membangkang apa yang patut dibangkang. Menyokong apa yang patut disokong. Yang baik takkan nak bangkang. Apatah lagi saya bekas Pegawai Kerajaan. Melihat adik-adik saya bekerja dengan baik ini, seronok sebenarnya melihat mereka bekerja. Dan mereka patut diberi inisiatif yang banyaklah.

Maknanya bila menyokong itu, bukan maknanya kita sokong semua sekali, tak. Sokong apa yang patut disokong. Dan saya teruja sebenarnya mendengar ada Pegawai-pegawai Kerajaan kita daripada Kemaman yang sampai ke Geneva membentangkan cara mereka bekerja untuk menangani masalah banjir di Kemaman. Ini satu perkara yang cukup baik sebenarnya.

Tapi dalam keadaan itu masih banyak perkara yang boleh kita lakukan. Jangan berada dalam keadaan yang *comfort zone* yang tidak mahu melakukan apa-apa perubahan lagi. Lihat kembalilah tentang peraturan-peraturan sedia ada untuk kita baiki, insyaAllah. Ada juga kalau saya nak sebut yang tidak baiknya, tapi bukan di sini. Saya akan beritahu kepada pegawai yang berkenaan perkara-perkara yang boleh dibaiki lagi. InsyaAllah, banyak.

Jadi, tengok tu nak suruh saya berhenti ke macam mana tu? Angguk-angguk tu, tak apalah kita berhenti dulu. Sebenarnya saya ada dua tiga perkara lagi, tapi memandangkan masa dan supaya kawan-kawan dapat bercakap saya nak berhenti **di sini. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua** kerana tidak mengganggu saya ketika berucap tadi. **Assalamu'alaikum** warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih banyak Ladang. Faham dan sefahami, terima kasih banyak. Sila saya bagi ruang lagi. Sila Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): **Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah** wakafa wassalatan wassala man'ala nabiyyinal muhtadim wa'ala alihi wa'ashabihi waman sa wa'ala nahjihi la yaumiddin. Ammaba'.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati, hadirin dan hadirat yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian.

Seorang bijak pandai Arab pernah menyebut: "**Laisal'a khilu lillazi ya'lamu khairun minassyarrih, wala kinnal'a kila, allazi ya'allamu khairul khairroini wasyarro syarroiini**". Bukanlah orang yang pintar itu semata-mata dia dapat membezakan antara baik dengan buruk. Tapi orang yang paling bijak ialah orang yang mengetahui antara yang paling baik daripada yang baik-baik dan dapat mengetahui yang paling buruk daripada yang buruk-buruk.

Kata-kata ini sebenarnya ringkasan terhadap perbincangan-perbincangan di kalangan para ulama dalam membicarakan tentang satu kefahaman yang perlu ada dalam mengurus kehidupan, termasuk mengurus dalam sebuah negeri dan negara. **Mereka menggunakan istilah fiqhu al'aulawiyat; fekah** *priority* memahami tentang keutamaan dan kepentingan di dalam sesuatu kerja dan amalan.

Di dalam Islam telah menyusun dalam menggariskan tentang kepentingan-kepentingan ini. Dengan meletakkan yang pertama yang paling penting yang perlu diuruskan ialah Addaru Riyat. Perkara-perkara yang perlu dalam kehidupan manusia jika manusia tidak memiliki perkara ini kemungkinan mereka akan jadi rosak dan mati.

Yang kedua, Al-Hadiyat. Perkara yang diperlukan dalam kehidupan ini. Jika tiada perkara ini mereka akan hidup susah dan sukar. Dan yang ketiga ialah, At-Tahsi Niyat ataupun Al-Kamaliat; perkara-perkara yang indah untuk menyempurnakan hidup dan menceriakan hidup mereka sahaja.

Oleh kerana fekah ini perlu ada dalam kehidupan peribadi dan juga perlu ada dalam pengurusan, dalam mentadbir sebuah negeri dan negara, maka saya melihat Kerajaan sepatutnya walaupun sedang bergerak, juga menilai tentang keutamaan-keutamaan yang dinilai dalam pengajian yang disebut Fiqhu Aulawiyat atau pun *priority*.

Yang pertama saya mahu menyebut tentang projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Memang projek-projek yang dilaksanakan itu ada tujuannya, contoh Projek Pelancongan Tasik Kenyir yang memerlukan belanja RM100 juta dalam membina 10 taman dalam 3 fasa. Tidak dinafikan bahawa pelancongan itu penting tetapi ada yang lebih penting untuk kehidupan masyarakat dan rakyat Negeri Terengganu. RM100 juta dalam membina 10 taman ini, yang dikatakan bahawa semua taman ini akan siap sehingga 2015.

Saya yakin bahawa semua fasa atau taman-taman ini sudah siap, dengan perbelanjaan yang begitu besar RM100 juta tetapi yang pastinya Taman Burung di Pulau Terengganu mati, RM8.6 juta, projek ini terbengkalai. Bahkan Yang Berhormat Permaisuri sebut burung-burung, angsa yang ada dimakan oleh biawak. Habis duit RM8.6 juta termasuk dalam kos sistem elektrik solar.

Saya juga tertanya-tanya harga Taman Orkid RM8.6 juta, di mana Taman Orkid itu? Saya juga sedang meneliti tentang Taman Tropika yang harganya RM7.6 juta. Yang lagi istimewa ialah Taman Rambutan, rambutan kampung saya pun tak habis laku. Buat Taman Rambutan RM2 juta. Berapa produk ataupun berapa jenis rambutan yang dikeluarkan dan sudah banyak mana rambutan-rambutan yang sudah dihasilkan dan di mana sebenarnya Taman Rambutan yang belanja RM2 juta ini?

Taman Heli Kornia juga dikatakan belanjanya RM2 juta. Saya juga tercari-cari Heli Kornia ni jenis pohon macam mana. Katanya warna merah macam tu. Bagaimana keadaan Taman Heli Kornia ini? Demikian juga dikatakan Taman Botani. Ni saya tak tahu, pihak Kerajaan kemungkinan boleh jawab berapa kosnya.

Demikian juga Taman Anggur, saya pernah belajar di Mesir, saya kenal anggur. Saya pernah lihat pokok anggur. Tapi Taman Anggur yang ditanam di Kenyir ni macam mana spesies saya pun tak tahu. Sudah berapa hasil dikeluarkan? Anggur-anggur yang dijual di Terengganu ini adakah daripada Taman Anggur ini yang nilainya RM3 juta.

Taman Kaktus RM2 juta. Ini adalah sebahagian daripada yang saya tahu. Pihak Kerajaan boleh mendedahkan bagaimana projek pelancongan yang dikatakan memakan belanja sebanyak RM100 juta. Bagaimana keadaan projek-projek ini?

Alangkah baiknya kalau kita mengkaji dengan RM100 juta ini untuk kebaikan rakyat, untuk pembangunan rakyat.

Contoh paling mudah saya pernah berkali-kali sebut dalam Dewan ini, tentang lampu isyarat di Persimpangan Pasar Kedai Buluh dan Simpang Titian Baru agar Kerajaan menyelesaikan masalah bagi keselesaan rakyat, kesejahteraan rakyat. Dan hari ini pihak Kerajaan jawab hanya belanja dia RM200 ribu saja. Dan Kerajaan boleh menyelesaikan tentang kos pengambilan tanah yang sedikit sahaja, yang perlu dibayar kepada tuan tanah bagi nak menyelesaikan jalan-jalan dan laluan-laluan untuk rakyat.

Tetapi, saya melihat sehingga hari ini seolah-olah tindakan ini tidak diambil dan dibuat sependang serius bahkan baru perlu dikaji tentang kesesuaiannya. Ini perlu dinilai sebagai contoh tentang projek-projek yang diperlukan oleh pihak rakyat. Saya melihat juga, kadang-kadang rakyat menjadi pening. Bila ditanya dalam Dewan ini Kerajaan akan mengambil satu kawasan yang luas di Kampung Laut yang akan dibangunkan oleh satu syarikat yang dinamakan Norlan Group sehingga pemilik-pemilik tanah rakyat di situ bila mereka mahu menaiktaraf status tanah mereka di Pejabat Tanah mereka dimaklumkan mereka tidak dibenarkan menaiktaraf status tanah mereka kerana itu kawasan projek yang akan dibangunkan. Tiba-tiba saya melihat dan saya tanya dalam Dewan tentang satu projek perumahan secara penswastaan yang akan dilakukan di tepi tebing Sungai Tok Molor. Yang saya melihat apakah Kerajaan boleh luluskan tanah di kawasan nipah yang sebegitu luas.

Yang kedua, sudah tentu ada kaitan dengan rezab sungai. Apakah Kerajaan tidak mengkaji, di waktu yang sama apakah kawasan ini tidak melibatkan projek pembangunan yang dikatakan yang akan diserahkan oleh Norlan Group. Di waktu yang sama, saya dapat maklumat daripada rakyat saya di Kampung Laut, ada satu tanah di belakang di kawasan Kampung Laut itu juga, Kerajaan tahu dan saya yakin Kerajaan mengetahui kawasan itu kerana sedang nak diagihkan tanah-tanah lot kepada rakyat.

Apakah projek pembahagian lot-lot itu di bawah projek Norlan Group ataupun itu di bawah projek Kerajaan. Ini adalah persoalan-persoalan yang sewajarnya Kerajaan menilai semula tentang kebajikan dan kepentingan khusus rakyat ini. Ini semua contoh yang saya perlu tunjukkan bagaimana rakyat kadang-kadang memerlukan

projek yang tidak besar. Baiki jalan, buat longkang, Simpang Empat Kampung Bukit jalan perlu dibesarkannya, pokok pelam duduk tepi jalan nak lalu pun payah, tak boleh nak selesai.

Sebenarnya ini projek-projek yang tidak memerlukan belanja yang besar seperti projek pelancongan yang saya rasa tidak tahu ke mana akibatnya kesannya untuk kepentingan masyarakat, RM100 juta ini.

Saya melihat yang kedua tentang data. Data kemiskinan yang disediakan oleh pihak Kerajaan yang dikatakan menurun daripada Januari 2016 sebanyak 10,500; menurun Februari 2017 kepada 4,500. Saya ucap tahniah jika angka kemiskinan ini benar-benar menurun kerana sudah tentu Kerajaan tidak akan berbelanja besar untuk membantu kemiskinan ataupun membasmi kemiskinan ini. Tetapi yang peliknya saya melihat kemungkinan tahun 2017 ni fakir miskin kurang dapat asnaf dia. Tahun 2015 dijawab dalam sidang Dewan jumlah fakir 4,500; hak fakir saja 4,000 dah. Hak miskin 30,883. Keseluruhan fakir miskin tahun 2015 - 38,454. Kemungkinan pihak Kerajaan akan jawab itu tahun 2015, dan saya yakin insyaAllah 2017 ni kemungkinan pembahagian asnaf untuk fakir miskin ni sebanyak 4,500 saja. Sebab itulah yang dikatakan yang miskin yang ada.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Penjelasan sekali.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bantuan **Perayaan Aidilfitri**

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, minta penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): ...yang dikatakan tahun 2016

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, minta penjelasan sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): 219,761 orang.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi minta laluan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): *Takpelah* lewat dah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Takpe* Jabi duduklah, dia tak bagi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bantuan Perayaan Aidilfitri Tahun 2016 yang dikatakan di bawah kategori pendapatan rendah 2016 - 219,00 orang, ramai. 219,000 orang yang mendapat bantuan perayaan di bawah kategori pendapatan rendah. Apakah nilai tiga sudut ini berbeza?

Bila Bantuan Perayaan Aidilfitri pendapatan rendah, rendah mana tu, berapa? Asnaf fakir miskin yang ditentukan oleh Pejabat Agama, MAIDAM berapa dia, sebab apa beza? Kemudian yang dikatakan miskin 4,500. Sudah tentu ini adalah suatu perbezaan yang sangat jauh yang perlu dinilai dan perlu diberi penjelasan yang sewajarnya.

Yang ketiga yang terakhir, saya merasakan bagaimana kita sentiasa ucap syabas kepada seluruh warga pendidik dengan kejayaan mereka melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang. Tetapi dalam keadaan ciptaan kecemerlangan yang dibuat, tiba-tiba guru-guru ini dicemari dengan suatu isu yang sangat menyayatkan hati guru-guru. Apabila guru-guru di atas keyakinan satu surat daripada Jabatan Pendidikan, 26 Jun 2016 memaklumkan kepada guru-guru Makluman Tawaran Untuk Mengerjakan Umrah di Bawah Bantuan Umrah Yayasan Bakti Negara Terengganu bagi Sesi November–Disember 2016 dan Januari 2017.

Di atas surat inilah, keyakinan inilah, maka guru-guru berlumba-lumba kerana jumlahnya besar, nak bagi umrah ni bukan senang, ye tak, bayar RM3,000 je, ada *sponsor* daripada pihak lain, kemudian ada dorongan, ada tazkiyah, akuan daripada pihak yang diyakini integriti dia, yang boleh dipercayai, tiba-tiba mereka terpaksa berhadapan dengan isu yang sangat menyayatkan hati mereka.

Saya melihat pihak Kerajaan Negeri sepatutnya perlu menilai tentang warga guru yang terpaksa menghabiskan duit mereka seorang RM3,000. Ada di antara mereka satu keluarga, 5 orang. $3 \times 5 = \text{RM}15,000$. Macam mana nak selesai dan mereka....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Lualan Dato' Yang Dipertua, apa maksud Wakil Bukit Payong membangkitkan isu berkenaan bayaran yang telah dibuat oleh guru-guru ini kepada pihak Kerajaan. Kerana itu yang berlaku adalah di luar kawalan pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya tanya....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dan juga apa yang telah diambil tindakan oleh Pihak Berkuasa sekarang ini, perkara itu masih dalam siasatan, dalam proses mengikut

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang pertama ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi):peraturan dan undang-undang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang pertama Speaker, Speaker senyap jer.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kenapa Yang Berhormat wakil daripada Bukit Payong seolah-olah nak mengambil kesempatan ini...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya sebut pihak Kerajaan sewajarnya mengambil usaha

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): ...meletakkan kesalahan ini kepada pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):
Peraturan Dewan...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sedangkan itu adalah tindakan yang dibuat oleh individu secara peribadi oleh guru-guru tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi duduk Jabi, minta ikut peraturan elok-elok ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih **Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan ya, Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ya, saya bercakap untuk mempertahankan dan memohon jasa baik daripada pihak Kerajaan untuk menilai semula tentang, dalam usaha untuk mereka telah kehilangan kemungkinan ada RM3,000, ada RM6,000, ada RM9,000. Bagaimana pihak Kerajaan boleh membantu mereka dalam keadaan mereka bersedia untuk masuk atau menyertai tawaran ini dengan sebab adanya perakuan daripada pihak Jabatan. Walaupun itu **sudah dibincangkan ...**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke, Bukit Payong panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ya, sebab dia bercakap mengganggu saya tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Oleh kerana itu, saya mohon, saya mohon sewajarnya pihak guru ini perlu diambil keprihatinan dengan kejayaan mereka mencipta kecemerlangan, di waktu yang sama saya juga tertanya-tanya sebab tawaran ini dibuat berkali-kali. Tentang warga ataupun pihak yang diberikan tawaran kali pertama itu berapa orang yang

berjaya, adakah semua yang ditawarkan itu tidak berjaya ataupun ada 30 orang yang berjaya....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong sebenarnya kes ni dalam penyiasatan Polis, SPRM dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya tanya tentang jumlah dia saja...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okeylah, tak payahlah *detail* sangat ya. Sebab itu kalau nak pihak Kerajaan ambil....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Oleh kerana itu, saya minta supaya pihak Kerajaan ambil cakna

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong terus kepada keprihatinan dia.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong)... bagaimana ini ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, Bukit Payong seolah-olah mengaitkan kecemerlangan Pendidikan Terengganu dicemari oleh peristiwa tersebut yang memang kita tidak jangka sama sekali. Saya ingat ini tidak betul.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Sebab itulah pihak Kerajaan perlu mengambil tindakan ...

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Minta Speaker bertegas sikit. Gangguan ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Pihak Kerajaan perlu mengambil tindakan agar isu seumpama ini tidak berulang, agar jabatan-jabatan tidak terpengaruh dengan begitu cepat tawaran-tawaran yang dikemukakan oleh Yayasan Bakti Negara ataupun siapa sahaja. Sepatutnya itu tindakan, saya buat penegasan ini kebimbangan akan berulang semula.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): **Dato' Yang Dipertua, isu ini** dalam tindakan Pihak Berkuasa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): **Kebimbangan takut berulang semula. Yang**

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): **Tak perlu dibangkitkan...**

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya ingat Bukit Payong sekarang ini dia cuba untuk nak mengalihkan perhatian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong, saya rasa....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kalau nak sebut hal kecemerlangan pendidikan Negeri Terengganu hasil usaha Kerajaan Negeri, sebut yang itu. Jangan dikaitkan dengan masalah-masalah yang lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya **sebut agar pihak ...**

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ini seolah-olah menidakkan kecemerlangan pihak Kerajaan hasil daripada masalah tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya minta Dewan buat penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Akibat daripada masalah itu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya **sebut....**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semua Y.B., Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Payong duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Macam mana saya diganggu dah, Y.B. Speaker tidak tolong saya. Peraturan ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. duduk sekejap. Duduk sekejap, sabar, sabar. Jangan tuduh sembarangan. Saya nak minta semua Y.B duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tak bagitahu pun suruh duduk. Minta izin saya dulu, macam mana.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu. Saya kata minta semua Y.B. duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Dipertua suruh duduk dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Cakap.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Memang kita nak duduk...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): ...Tapi kita juga tak boleh juga nak benarkan mengaitkan sesuatu perkara

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Macam mana dia tak duduk...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): ...dengan perkara yang tidak relevan langsung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sebut hal kejayaan pendidikan.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Sebut **kejayaan ...**

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Masalah sebut hal lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Sebut kejayaan. Saya sebut dah kejayaan.

YANG BERHORMAT **DATO' YANG DIPERTUA: Sabar. Jabi duduk Jabi, Jabi.**

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya sebut dah kejayaan! **Tapi saya ...**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi..

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kun ila sabi rabbika bil hikmati wal mawahizatil hasanah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Hikmah macam mana awak tak ikut peraturan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Jabi duduklah dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Apa pasal nak jerkah-jerkah orang pula. Sabarlah, tak boleh ke sabar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan macam ni. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sepatutnya sebagai orang yang kononnya mengaji di Universiti Mesir sabarlah sikit, janganlah **jerkah, saya tak jerkah. Pergi syarah baru ni gitu juga**

[Verbatim tidak dapat direkodkan untuk seketika kerana Sidang menjadi riuh kerana pertindihan suara dari banyak pihak]

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Gi sarroh baru ni gitu jugok, bekeng sokmo.*

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Dah yang mula bekengnya Jabi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: MasyaAllah, Yang Berhormat, Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak payah sebut..... Saya tak jerkah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ...Tepoh duduk, saya nak minta Tepoh duduk. Nanti jap, Tepoh duduk dulu. Bukit Payong duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya terus ucapan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, kejap duduk dulu. Sekejap, sekejap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya tukar isu lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya ingat kalau nak tinggi suara gitu, tak payah nak pakai mikrofon tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, Jabi tolong duduk. Terima kasih Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya tukar isu lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap duduk dulu. Duduk, duduk. Duduk dulu. Sebab saya dah kata, kita semua dah lama, ni masuk penggal yang kelima dah ni, tahun kelima dah. Sepatutnya kita tahu **Peraturan Dewan ...**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Penggal terakhir kot. Bagilah. Dekat pilihan raya terakhir dah kot, biar lembanglah dulu sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Okey, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ada juga Pesuruhjaya main *kosek gitu*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya ni biasa jer berucap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa. Sila, sila teruskan sabar. Innallaha ma'asobirin, saya kata sabar. Jangan biar kemarahan itu melampau-lampau, meluap, membenci. Sila, sila. Sila Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya sebut....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Isu lain, isu lain. Saya tak benar dah isu itu. Sekejap je.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya penutup, penutup.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penutup ucapan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bahawa saya melihat apa yang berlaku ini perlu diambil ingatan oleh seluruh jabatan dan pihak Kerajaan kerana yang menjadi mangsa ialah rakyat yang mencipta kecemerlangan yang hebat dalam kehidupan ini. Oleh kerana itulah saya mohon, agar pihak Kerajaan buat suatu tindakan untuk memberi bantuan terhadap guru-guru ataupun warga pendidik yang terlibat dalam isu ini.

Okey, isu yang terakhir saya mahu sebut tentang pembangunan yang diadakan di beberapa tempat termasuk yang saya ulang semula, saya nak dapat liputan ialah Norlan Group, tentang projek Norlan Group. Adakah projek ini dihentikan? Kerana saya melihat projek yang sedang dilaksanakan di Tok Molor tu berjalan dengan bebas ataupun memang mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan dan saya rasa cukuplah sekadar tu dengan isu-isu yang ada tiga perkara moga-moga ia memberi manfaat kepada kita semua. Wassalamu'alaikum warahmatullah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Saya ingin tangguh sementara sekejaplah, sekejap. Kita rehat, kita masuk balik pukul 4.00 petang. Kita tenangkan sikit ya fikiran, minda kita...

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Jemput minum Yang Berhormat Bukit Payong. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah *guane bekeng* sangat.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa kita jumpa di luar nanti, insyaAllah, ya.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Ketua Penerangan *bekeng*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Yang Berhormat, semua Yang Berhormat jadi saya nak tangguh sementara dan

kita masuk balik pukul 4.00 petang. InsyaAllah. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.35 PETANG

PUKUL 4.00 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat** sekalian. Sekarang saya buka sekali lagi perbahasan. Sila Y.B. Bukit Tunggal ya, sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): 'Auzubillah minashaitan nirajim. **Bismillahir rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wabihi nastain **wassalatu wassalamu'ala** asrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. Rabbish rahli sadri wayassirli amri wahlul uqdatan millisani yafqahu qauli.

Yang dihormati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, yang dihormati Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian.

Pertamanya, **saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua** kerana beri ruang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membaharui Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin dalam Istiadat Pembukaan Penggal Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas.

Pertamanya, suka saya nak merujuk kepada muka surat 15 berkaitan dengan Titah **Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Yang boleh saya petik, minta izin: "Dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Kerajaan Beta menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu akan membangunkan kemudahan kesihatan yang moden lagi terkini".**

Apabila saya nak menarik perhatian Ahli Dewan sekalian, Yang Berhormat Dato' Speaker, yang dinyatakan di sini ialah rancangan Kerajaan untuk membina tiga buah hospital baharu Kemaman, Dungun dan juga UniSZA. Fokus saya pada petang ini ialah berkaitan dengan Hospital Daerah Dungun. Yang hospital ini sebenarnya dah lama, sejak saya masuk Dewan pun dah disebut telah diluluskan proses untuk pembinaan dan sebagainya seingat saya lebih daripada 10 tahun yang lalu dan perancangan itu perancangan mungkin 10 tahun yang lalu.

Namun begitu, apa yang dinampak dalam pembinaan baharu ini tidak ada perubahan dari segi kapasiti hospital tersebut. Yang ada sekarangpun 100 katil, Daerah Dungun 100 katil sekarang, dah lama, dah puluh tahun bina, dirancang untuk 100 katil. Dan yang akan dibuat yang baru pun 100 katil juga. Di situ tidak ada penambahan dari segi bilangan katil. Tapi di sini saya rasa ada sedikit, mungkinlah kalau saya silap maklumat. Sebenarnya 110 katil sepertimana yang dalam Laman Web Kesihatan tu. 110 katil tu tidak memberi satu perbezaan yang besar.

Untuk makluman Ahli Dewan, Yang Berhormat Speaker, kedudukan sekarang, ini statistik tahun 2013. Di peringkat nasional, Malaysia kadar katil berbanding dengan penduduk, unit yang digunakan, standardnya ialah per 100,000 penduduk jika katil berbanding kadar dia 100,000 penduduk. Peringkat Kebangsaan 2013, ialah 1.71 katil untuk 100,000 penduduk. Negeri Terengganu pada ketika itu yang penduduknya dikira tak ramai ketika itu, 100 berapa juta sahaja, kadarnya 0.86, 1.24 per 100,000 penduduk. Kalau kira dengan sekarang, sebab saya kira tidak ada pertambahan hospital baharu, rakyat Terengganu sekarang 1,193,900 orang. Katil hospital yang kita ada, hospital Kerajaan 1,342 katil bermaknanya sekarang ini kadar katil per 1,000 penduduk adalah 1.13. Jauh berbanding dengan peringkat Kebangsaan.

Di Dungun sendiri, Dungun saya ambil Dungunlah. Kalau dibina 100 katil, penduduk Dungun 178,300 orang. Maka kadarnya 0.56 katil per 1,000 penduduk, sangat jauh rendah. Sebab itu saya mencadangkan di sini ialah Kerajaan sepatutnya minta supaya paling kurang 200 katil untuk Hospital Daerah Dungun baru munasabah. Itu pun masih rendah lagi 200 pun.

Pertamanya mengambil kira, Dungun antara kawasan Daerah yang membangun dengan pesat dengan pertambahan penduduk. Dan juga kawasan yang kita kira *hazardlah*. Dia banyak kilang-kilang yang berkaitan dengan *chemical* dan sebagainya yang kemungkinan berlaku kemalangan tu sangat besar.

Dan bila buat hospital hari ni dia akan pakai untuk 20, 30 tahun akan datang. Bukan untuk 5, 6 tahun, jadi maksudnya 20 tahun akan datang pun, 100 katil itulah di Dungunnya ada. Jadi bayang bila penduduk dah bertambah 20 tahun akan datang entah berapa ratus ribu pertambahan penduduk di Daerah Dungun.

Jadi sepatutnya dibuat suatu unjuran yang lebih jauh bukan untuk masa ni, masa ni pun dah tak cukup, 20 tahun akan datang lagilah tak cukup. Tambah lagi kilang-kilang dan sebagainya yang akan naik. Itu point yang pertamalah. Saya nak mencadang, supaya *fightlah* dengan izin, desaklah, mintalah, rayulah macam manapun, alang-alang kita buat biarlah munasabah untuk kegunaan generasi yang akan datang. Iaitu paling kurangpun 200 katil hospital, kalau tidak dia akan beban yang sama kepada kakitangan hospital dengan *workload* yang banyak, akhirnya macam berlaku di Hospital Sultanah Nur Zahirahpun, doktor-doktor terpaksa bekerja balik pukul 5.00, 7.00 malam masih dalam wad lagi. Yang nurse, yang *shift* habis pukul 2.00, pukul 5.00 petang baru boleh balik, kena *workload*. Ini membebankan mereka dan saya rasa tidak adillah kalau Kerajaan tidak dapat merancang sesuatu yang beri sejahtera bukan sahaja kepada pesakit bahkan kakitangan Kesihatan yang telah bekerja bertungkus-lumus, dahlah satu hari berdiri tak duduk-duduk, saya pengalaman jadi doktor saya tahulah, satu hari tu tak jumpa kerusi pun, berjalan jer dalam wad tu, kiralah masa ditambah lagi betapa letihnya, balik. Ini suatu beban yang tidak patut kita ketepikan dalam soal ini.

Yang kedua, saya mensarankan bahawa, dan mungkin ada dalam perancangan, Hospital Daerah Dungun sekarang bukan hospital berpakar, tidak ada pakar. Sebab itulah kes-kes yang memerlukan rawatan pakar terpaksa dirujuk kepada Hospital Sultanah Nur Zahirah. Yang diberitahu jalan jauh, masalah kepada keluarga dan sebagainya, banyak masalah. Jadi kalau boleh biar ada awal lagi hospital ni, bila buka tu dah ada, tak macam yang lama dah, dah ada pakar-pakar, mengikut disiplin-disiplin yang tertentu.

Antara yang saya nampak yang paling penting adalah selain daripada ENA kecemasan tu, pembedahan kena ada, perbidanan sakit puan, bius, *general medical, general medicine, pediatric* dan beberapa disiplin yang penting yang akan memastikan, mesti buka ada perkara-perkara ini supaya tidak timbul lagi soal terpaksa dirujuk kes-kes nak bersalin, pembedahan kecil terpaksa dirujuk kepada Hospital Sultanah Nur Zahirah yang akan membebankan keluarga dan beban juga hospital di sini.

Yang ketiga, yang saya cuba nak peringatkanlah kerana benda ni dah berlaku banyak kali. Kebanyakan projek-projek di Terengganu ni, sama ada lambat siap, lambat laksana ataupun runtuh, atau rosak. Ini perkara yang biasa berlaku,

sebagai contoh Hospital Daerah Setiu 12 tahun siap yang dah baru boleh diselesai, baru boleh guna. Ada *leakinglah*, ada kulat dan sebagainya. Jadi perkara-perkara ini harus diberi suatu pemantauan yang telliti. Bila hospital dah siap tak boleh guna, rujuk lagi, 12 tahun pula mengambil masa. Sebab itu, perkara-perkara ini harap yang bertanggungjawab tu beri perhatian yang seriuslah, *takmbah* lagi timbul benda-benda yang macam itulah. Itu berkaitan dengan kemudahan kesihatan yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang seterusnya, jadi masapun dah berkejar sikit ni, berkaitan dengan suatu projek baru yang dikatakan berfikir di luar kotak. Sehingga hari ini, saya pun tak faham juga apa benda yang sebenarnya yang nak dibuat di projek aquapolitan di Seberang Takir di kawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Nama Aquapolitan. Saya cari payah apa benda nak jemah ni. Aqua ni *aquas* biasa berkait dengan air-airlah, sungai ke, laut ke, tasik ke dan sebagainya, fahaman saya.

Jadi bila sebut Projek Aquapolitan, kita bayangkan suatu projek yang di dalamnya mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan laut dan pantai, dengan sungai dan sebagainya. Tetapi, soalan saya ada saya tanya tak sempat dijawab. Sepatutnya semalamlah tapi saya dapat suatu pekeliling ataupun iklan tentang kursus-kursus yang ditawarkan tahun 2016, *dok* tahulah berapa yang dibuat. Iklan yang saya jumpa tu, dalam internet pun ada, dalam surat khabar pun ada.

Sayapun jadi *confuse* dengan izin, pertama kerana Kursus Kulinari. Kulinari masakan, apa kaitan pula dengan aquapolitan. YPK pun dah buat kulinari, banyak jabatan-jabatan lain yang buat kursus kulinari ni.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Minta laluan sikit Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Silalah, tak apa.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya nak tahu apa ni kursus tu atas nama kursus apa tu? Sebab sekarang ni yang saya difahamkan Aquapolitan kita belum buat apa-apa lagi, masih lagi dalam ... Saya takut Yang Berhormat terkeliru dengan Kursus *Empower* dengan Kursus Aquapolitan kerana

aquapolitan sekarang ni baru dalam *research* masih lagi dalam konsultan oleh UMT. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Saya faham. Iklan ni adalah berkaitan dengan bangunan yang dibuat dekat dengan.... apa panggil situ Pak Abu tu?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Seberang Pak Abu.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Seberang Pak Abu.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tu yang saya nak tanya tu, takut keliru dengan kursus ni yang saya kata Kursus Empower ke Kursus Aquapolitan?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Sayapun tak tahulah kursus apa, tapi yang dibuatnya di bangunan ada satu bangunan situ namanya, bangunannya adalah berkaitan dengan, tajuk sama jugalah. Nanti saya cari kejap. Pusat Latihan dan Keusahawanan Aquapolitan Kuala Nerus. Nama tempat kursus tu dan iklanpun, iklan untuk kursus di Pusat Latihan dan Keusahawanan Aquapolitan, haa itu tajuk dia. Tapi kursus *empower* ke, *empower* saya tak tahu tapi pusat itu menawarkan kulinari, dandanan rambut dan spa, jahitan, rekaan fesyen, baiki telefon bimbit, pemandu pelancong, rawatan selepas bersalin.

Sayapun *confuse* ini aquapolitan ke apa? Ini dah Yang Amat Bert hormat Menteri Besar dah sebut tadi. Projek tak berjalan pun lagi. Dan saya pergi tengok juga, tapak tu tak bergerakpun. Tanah tu kosong jer belakang tu. Jadi tak ada bendapun lagi. Ini antara saya nak sebut juga. Seolah-olah Terengganu ni, bila sebut Projek Pusat nak mari Terengganu lambat *sokmo*. Dilambat-lambatkan, lulus peruntukan pun tak buat juga, ini dah setahun. Sebab ini dilancarkan oleh Yang Amat Bert hormat Perdana Menteri pada 23 Mei 2016, dengan kos RM180 juta, bawah ECER. Bukan kecil.

Jadi soalan yang saya nak tanya berkaitan dengan ini ialah RM180 juta ini, sama ada peruntukan pusat, kalau ada berapa, negeri berapa dan swasta berapa? Bila

sebut ECER ni melibatkan Kerajaan Pusat, Negeri dan Swasta. Berapa swastanya, berapa pusatnya, berapa negerinya. Dan konsep tersebut Felda Laut sebab tu saya kata *confuse* sebab Felda Laut ni saya ingatkan selain melibatkan nelayan baguslah, tapi biasanya melibatkan produk-produk hasil laut.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah, saya jawab teruslah. Untuk peruntukan 100% di bawah Kerajaan Pusat, RM180 juta dan Projek yang ada di situ tidak ada kena mengena dengan Aquapolitan, kursus kerana kursus tersebut adalah *empower*. Cuma dipinjam dan digunakan di tempat untuk pentadbiran pelaksanaan aquapolitan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Jadi maksudnya bangunan yang ada tu, Pusat Latihan dan Keusahawanan Aquapolitan dan kursus yang ditawarkan di situ tidak ada kaitan dengan Aquapolitan. Cuma saya nak minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar, jelaskanlah kepada Dewan ni kalau boleh, apa sebenarnya dalam kepala Kerajaan, Aquapolitan tu macam mana konsep yang nak buat supaya kita lebih jelas akan projek yang nak dibina ni. Jadi jawab *kakranglah*.

Jadi yang saya nak sebut di sini ialah, pertamanya supaya projek-projek yang berimpak tinggillah insyaAllah tidaklah menjadi sebagaimana yang telah berlaku di kawasan-kawasan mantan Menteri Besar. Minta maaf saya cakap benda ni dah berlaku jadi kita bagi peringatan. Kalau Menteri Besar daripada Jerteh dia terkenal dengan Taman Ilmu hingga hari ini pun duk Taman Ilmu gitulah apa benda pun *takdok*. Belanja sebut tadi, Batu Burok duk sebut, banyak, saya pun tak tahu nilai yang sebenar tapi memang lebih daripada RM400 juta *kot*. Lepas tu Menteri Besar daripada Kijal bawa pergi Kijal nak buat pelabuhan darat, nak buat Pusat Tekstil yang terbesar di sebelah sini. Akhirnya begitulah keadaannya tak ada apa pun berlaku hingga hari ini. Mungkin terbengkalai, **wallahu'alam. Nak proceed** macam mana.

Takut-takut pula janganlah seorang lagi Menteri Besar di Seberang Takir pula meninggalkan hasil yang sama juga. Jadi berilah kecaknaan, benda sudah berlaku sebagai pengajaran, benda sudah berlaku, sejarah itu untuk mengajar kita supaya jangan berulang di masa yang akan datang. Penggal pun dah nak habis dah, takut nanti tukar Menteri Besar lain, lain pula jadinya. Tinggal Aquapolitan, politan situ jer. Minta maaf.

Yang seterusnya saya nak sebut sikit ialah berkaitan dengan nak sambung sikitlah berkaitan dengan Wakil Ladang sebut tadi. Cuma saya nak peringatlah perkara ini tentang penjanaaan elektrik, kuasa angin luar pantai untuk menghasilkan 1,000 megawatt. Ini kalah Kenyir dengan Tembat ni. Campur dua Kenyir dengan Tembat pun 665 megawatt baru, ini 1,000 megawatt.

Cuma yang saya nak peringat satu perkaralah, penjanaaan elektrik tenaga solar yang dibuat di Bari, yang dijual oleh IPP ni yang menjana tenaga solar ini kepada TNB diberi dengan harga 80 sen seunit 1 kilo watt. TNB jual kepada dia balik ataupun kepada kita semua 30 sen, tak silapnya begitulah 30 sen. Jadi TNB terpaksa menanggung rugi dan rugi ditanggung oleh kita semua secara adilnya. Makna semua orang bayar 30 sen belaka. Secara adilnyalah tanggung rugi sedangkan dia dapat untung, dia jual 80 sen. Takut yang 1,000 megawatt ni pun TNB terpaksa kena beli dengan IPP yang ada sekarang ni, TNB wajib beli. Maka yang untung syarikat tu juga, kita juga yang pakat tanggung kerugiannya oleh Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Bukit Tunggul, saya mohon penjelasan sikit. Yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi galakan kepada industri ataupun tenaga-tenaga alam, *Green Technology* jadi untuk galakan dia beri intensif, jadi kita tak boleh *pukul locong* gitu, Okey.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Itu saya faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi kena *kabor*. *Hok molek* kena *kabor*.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): *Dok memang saya peringat tadi...*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya saya jawab, sikit. Termasuk juga yang kata *wind* tadi, kita daripada swasta bukan Kerajaan punya ini, dan kita nak galakkan penglibatan

swasta. Lagi banyak megawatt lagi bagus Terengganu mengeluarkan apa namanya ni, terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Betul, saya....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil LADANG): Dato' Yang Dipertua, *dok* saya agak...kita kena berhati-hatilah tentang penajaan elektrik daripada angin tadi tu. Maknanya saya nak tanya, sebab tu saya minta pencerahan daripada Kerajaan bagaimana bentuk dia tu, apa penglibatan Kerajaan, wang kena belanja banyak mana, apa faedahnya kepada Terengganu, kena sebut sebab besar benda tu.

Jadi molek berhati-hatilah, bukan apa kalau baik kita sokonglah. Kalau tidak, tapi kita nak tahu dulu sebelum sokong tu macam mana bentuk dia. Itu yang kita nak tu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Dia, Dato' Yang Dipertua....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Nanti saya nak tanya dia dulu.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Tadi Ladang ada sentuh pasal *winterbine* tadi dalam perbincangan tadi juga dan saya rasa ambil peluang ni pasal dah *diraisedkan*. Untuk makluman Wakil Ladang, jadi....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Dato' Speaker, jadi saya ingat jawab *kakranglah*, ni saya tengah berucap ni nak habis masa ni.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi, *dok* beri?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): *Kakranglah* jawab sekaligus senang. Allahuakbar, sabar. Sabar separuh daripada imankan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, tak apa teruskan Bukit Tunggul.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Ramai juga peminat Bukit Tunggul petang-petang ni rupanya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takpe, petang-petang ni dia kacau sikit....

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Minta maaf Bukit Tunggul, minta maaf.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa Kemasik, semangat tu, semangat tu penting. Sila Bukit Tunggul.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dia bukan soal jawab Bukit Tunggul, soal nak suruh *betul*. *Kabor hok* betul tu *molek* dan biar faham. Dia ramai Pemerhati di atas.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Mari saya sebut ni. Saya menyokong teknologi....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bagus, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): sama ada nak pakai solar ke, nak pakai *wind* ke, ombak ke, bagus tetapi janganlah akhirnya rakyat dibebankan dengan kos yang tinggi. Tapi TNB beli dengan harga yang mahal kerana nak subsidi, nak menggalakkan, akhir jual pada kita dengan tarif yang mahal.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **Dato' Yang Dipertua, mohon penjelasan tak betul fakta tu, saya kena betulkan.** TNB tak bagi subsidi, TNB guna dana tenaga hijau yang disumbangkan oleh setiap pengguna *electricity* tu dia ada *dah portion* sikit tu.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yalah, apa-apa *portion* pun....

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bukan subsidi, subsidi seolah macam nak tanggung pula.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yalah, Yang Berhormat Air Putih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Ini menjana, kena betul, fakta kena betul, bukan main cakap sembarangan. Kita dalam Dewan, *recording*.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Betul, *takdok* sembarang, sembarangan yang ini. Sekarang ni saya bimbang, saya sebut solar tu terpaksa beli dengan harga yang mahal daripada pasaran. Dijual 30 sen, dibeli 80 sen tu saya sebut. Akhirnya ia akan balik kepada rakyat.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Ia ada FIT, Feed-in Tariff syarikat.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Walaupun daripada mana intensif pun, pun tetap duit rakyat.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dok, sekarang ni cakap yang mana satu. FIT ke FEDA ke?

YANG BERTHORMAT HAJI ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Air Putih minta *slow* sikit, takut orang jerkah pula. *Slow* sikit.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Ini bukan boleh baham rambang, kalau IPP lain.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tahu *dah* Yang Berhormat Air Putih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): IPP lain, FIT lain. Yang mana satu?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat saya nak perhabis dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya cakap tak betul ni, saya..

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Dok* saya dah cakap.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih):**bimbang orang** tersalah maklumat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Dok*, yang akan jawab nanti Exco. Exco dah ke? Belum lagi dok?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Beri Exco pula.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **Saya bertanggungjawab dan...**

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tunggu, tunggu, tunggu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **sama-sama** bertanggungjawab.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Belum masa lagi, belum masa lagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **Saya boleh duduk tak ada masalah.....** tapi pasti jangan cakap baham rambang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ke nak jadi Exco juga ni, ni Exco ada, Menteri Besar pun ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, teruskan Bukit Tunggal. Ingatan ya, fakta mesti betul ya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Dok*, saya peringat bukan saya kata, bukan saya menuduh apa-apa, peringat. Dah berlaku, **80 sen ...**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, teruskan. Teruskan Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): ..kepada 30 sen kan. Tak mahu yang ini berlaku perkara yang sama akhirnya tarif elektrik naik, kita semua kena. Yang Berhormat Speaker pun kena.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tak naik Yang Dipertua, kena tarik balik, tarif elektrik tak naik Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sebab tu saya peringatkan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tak kena mengena.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sudahlah Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kena tarik balik, tarif tu tak naik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Niat Bukit Tunggal tu tak betul.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tak betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Niat nak mengelirukan orang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mana tahu niat saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Nak membakar hati rakyat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Dok*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi cuba *kabor* yang sebenar apa isu pengusaha, isu tenaga....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Kekgi jawablah, saya duk...*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): ...isu rakyat, betul-betul kena cakap.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya cakap.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Giliran Exco ada jawab, bagilah, *dahlah* masa singkat *dah*. Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Allah bantuan Paka benar....(Ketawa)..... *Dokkan* doktor minta bantuan Paka.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): **Saya....**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa Bukit Tunggal. Kita pergi kepada isu lain, ya. Terus, terus, tak apa saya bagi masa lagi, tak apa.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kita kena ingatlah, jangan benda ni berlaku pula.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey acap kali dah ulang. Pergi yang lain, isu lain ya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Hari ni jadi Exco mungkin gaji mahal, boleh bayar bil elektrik. *Kekgi* mulalah susah. Belum tentu Exco selama-lamanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi.....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Okey, saya pergi isu yang akhir sekalilah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bukit Tunggal(Ketawa).....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak puas hati lagi dengan saya ni, *bakpe dok* tahu ...(Ketawa).....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Bukit Tunggal, teruskan, teruskan. Isu lain.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Isu lain, isu lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Cakap Bukit Tunggal bolehlah gitu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta izin Speaker dulu, *wane* tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Speaker ada. Sabar, sabar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa teruskan Bukit Tunggal. Bagus, dalam senyum Bukit Tunggal ya, tu cara dia. Baguslah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kalau saya tak ada apa-apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita orang Muslimkan. Teruskan Bukit Tunggal, teruskan. Tapi dengan betul, fakta dengan betul ya. Okey.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kita cuba nak ingat mengingati satu sama lain. Saya tak ada tuduh apa-apa, saya cuma peringatkan saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Okey, yang akhir saya nak sebut di sini ialah ini pun satu peringatan kepada kita semua, kepada Kerajaan khususnya. Tentang apa yang disebut, banyaklah Ahli-Ahli Yang Berhormat sebut *sokmo gok*. Perbelanjaan wang Negeri, dari sumber manapun tak kiralah royalti ke apa untuk projek-projek Pusat yang jumlahnya saya rasa kalau saya duk kira-kiralah, LPT2 sampai RM85 bilion, Lapangan Terbang Sultan Mahmud **RM881.2 juta, Bangunan Kastam RM20 juta, ni dah hampir....lain-lain** naik taraf macam-macam lagilah hampir RM3 bilion dah. Duit yang sepatutnya kita gunakan untuk rakyat Terengganu, itulah kita gunakan untuk Projek-projek Pusat. Saya peringatkan jugalah, supaya perkara-perkara ini tidak kita ulangilah untuk masa-masa yang akan datang sebab rakyat kita ramai susah lagi, miskin ramai lagi. Maka gunalah sebaik-baiknya duit ataupun sumber negeri ni untuk kebaikan rakyat yang betul-betul memerlukan, beri *priority*.

Contohnya saya sebut, yang Kenyir ni sekarangpun sebenarnya bawah KETENGAH. Saya pun naik hairan juga, dari dulu dah saya tanya, dia kawasan KETENGAH, biasa bila beri kepada KETENGAH ni, bawah agensi Pusat untuk dia bangunkan, duit dia. Tiba-tiba kita beri tanah ke orang, kita pergi buat rumah atas tanah yang **kita beri ke orang, sewa tu siapa dapat wallahu'alamlah sewa rumah tu, sebab kita** buat atas tanah orang sekarang ni. Kita dah beri kepada Agensi Pusat, jadi kita yang bangunkan KETENGAH. KETENGAH tak membangunkan. Jadi ibaratnya akan timbul juga suatu masa nanti duit negeri guna untuk projek dalam kawasan KETENGAH, kawasan Pusat, lepas tu hasil nanti nak bahagi *guane* pula, antara Negeri dengan Pusat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN IMAIL (Wakil Bandar): Tumpang sikit boleh? Walaupun jiran.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Silalah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN IMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih Bukit Tunggal. Maudud yang Bukit Tunggal sebut tadi, saya nak cuba untuk tanya boleh tak kita cadang kepada Dewan supaya tubuhkan satu Jawatankuasa Pemulihan Hasil Negeri baru kita boleh tahu berapa jumlah *pitih* keseluruhan dia yang sepatutnya *pitih* Negeri telah tergunapakai di peringkat Pusat termasuk juga hutang Negeri kepada Pusat.

Maka kalau Jawatankuasa ini boleh melapor kepada Dewan, maka kita akan ada satu laporan bertulis yang semua ahli boleh rujuk semasa perbahasan ke, semasa mengemukakan usul atau sebagainya termasuk juga menjadi panduan kepada Jabatan-jabatan Negeri Terengganu untuk tengok. Jadi tak akan timbul cerita ataupun kedudukan di mana fakta kita tak betul Tuan Yang Dipertua.

Saya harap Bukit Tunggal boleh bersetuju kita minta kepada Dewan supaya membentuk Jawatankuasa ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah Bukit Tunggal ni, 25 minit dah ni.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ya, banyak sangat peminat susah juga.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, teruskan ya. *Final point.*

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kalaulah Bandar minta pandangan Kerajaan kata baik, baguslah bagi saya supaya kita dapat mengambil kira semua berapa duit yang sepatutnya Pusat belanja di Negeri tapi gunakan duit kita. Supaya dapat boleh ikut mana-manapun nak tuntutan balik sebanyak mana yang perlu dituntut balik. Ini disebut antara yang guna untuk projek tapi ada antara projek-projek kita sendiri yang rugi, ataupun yang membazir antaranya Monsoon Cup nak sebut ya, yang Taman Ilmu dah sebut sebelum tu, perkara-perkara seperti ini sepatutnya kita, sebelum nak buat sesuatu perkara

perlu ada satu kajian yang teliti supaya benar-benar duit ini bermanfaat untuk rakyat khususnya bagi saya kita utamakan projek yang boleh meningkatkan ekonomi rakyat, menambah pendapatan rakyat. Kerana rata-rata rakyat Terengganu masih miskin walaupun laporan kata dah kurang mendadak. Saya pun hairan juga, macam mana dalam masa setahun boleh turun sampai 56%, hebat juga. Tak tahu program apa yang boleh turun begitu tetapi kalau berlaku tahniahlah saya ucapkan kepada Kerajaan yang berjaya menurunkan kemiskinan yang begitu hebatlah. Kita boleh teruskan untuk akhir jadi kosonglah miskin tu di Negeri Terengganu.

Jadi saya rasa sebagai akhir penutuplah, penutup ni ada nak pantun sikit. *Landing time*. Pertamanya, kesimpulan yang saya boleh buat mungkin orang jangan melentinglah ya. Seolah-olah Kerajaan Pusat, BN menganaktirikan pembangunan Negeri Terengganu. Itu satu yang saya nampak sebab projek lambat, guna duit Negeri, siap pula tak boleh guna, macam-macam.

Yang kedua, BN Negeri Terengganu sendiri, Kerajaan Negeri Terengganu bawah BN juga, darah yang sama, sama-sama biru tapi tak dapat nak mendesak Pusat supaya mempercepatkan projek-projek Pusat di Negeri Terengganu.

Yang ketiga, saya boleh sebut bahawa seolah-olah Projek-projek Kesihatan rakyat Terengganu ni diabaikan ataupun dikemudiankan dalam lain-lain projek. Jadi kita ketinggalan *ranking* semua, Kelantan lebih baik daripada Terengganu dari segi katil per penduduk. Terengganu antara setaraf dengan Sabah, Sarawak jer. Ini minta maaf, ini tiga perkara yang saya boleh rumuskan dalam perbincangan saya tadi. Oleh itu, saya sudahi dengan:

Ikan haruan di tepi kali,
Ditangkap dengan jala,
Dah lama peluang kita beri,
Namun rakyat tidak terbela.

Ditangkap dengan jala,
Ikan haruan dibuat pekasam,
PRU 14 hampir tiba,
Inilah masanya kita buat perubahan.

Wabillahi taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Bisa ya. Ada lagi? Paka, okey sila. Tak apa sila, sila teruskan Paka.

YANG BERHORMAT HAJI ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Paka tolong jawab pantun tulah. Tolong jawab pantun.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal musalin. Wa'ala alihi wa ashabihi waman tabi'ahum bi'sani ila yaumiddin. **Ammaba'. Yang dihormati Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Exco dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati yang dihormati sekalian. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan selamat petang.**

Pertamanya, **alhamdulillah saya memanjat syukur kehadiran Allah Ta'ala kerana** dapat sama-sama diberi kesempatan untuk turut sama berbahas tentang Ucapan Titah Tuanku Al-Sultan dalam Perasmian Dewan kita kali yang Ketiga Belas ini dan mungkin ini merupakan Dewan yang terakhir *kot*. Sebelum pilihan raya kalau jangka pilihan raya bulan sembilan. Ini kesempatan untuk kita sama-sama berkongsi pandangan dan juga memperingatkan antara kita semua tentang amanah dan tanggungjawab yang diberi kesempatan oleh Allah untuk kita pikul bebanan, amanah, khilafah yang dipertanggungjawabkan.

Dan insyaAllah moga-moga **Allah Ta'ala jadikannya sebagai amal soleh buat kita** sebagai bekalan di hari akhirat kelak. Dan semoga apa yang kita lakukan ini berbetulan selari dengan apa yang disyariatkan oleh Allah **Subhanahu Wata'ala**. Semua perkara yang kita lakukan insyaAllah akan jadi ibadat bagi seorang yang beriman, seorang Muslim apa sahaja yang dilakukan dan diniatkan kerana Allah selari dengan syarak insyaAllah dia akan menjadi ibadat. Apatah lagi tanggungjawab sebagai khilafah, memimpin, memerintah, mengurus, mentadbir negeri sebagai meneruskan kesinambungan tugas tanggungjawab khilafah oleh nabi-nabi dan Rasul-Rasul yang terdahulu.

Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda kepada umat Bani Israel: **"Tasusuhumul anbiya, kullama halalkan nabi khulafaur nabi"**. Bani Israel dahulu

pemimpin, ketua memerintah mereka TasuSumul, Ketua Siyasa mereka, Ketua Politik mereka adalah Nabi. Apabila wafat seorang Nabi diganti dengan seorang Nabi. Kerana itu dalam Islam memberi penjelasan khilafah ini, apabila Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam sudah wafat dan diganti dengan khilafah maka khilafah itu memberi makna: "***Niyabata'anin nubuwwah liharasatuddin wasiya satu dunnia bih***". Menggalang gantikan kerja Nabi untuk menjaga agama dan memerintah dunia berdasarkan agamanya.

Jadi tidak timbul lagi istilah-istilah mengasingkan politik, pemerintahan dan juga agama. Tidak timbul lagi seolah permasalahan perkara yang ditimbulkan ataupun fahaman masyarakat kita seolah-olah kita mempolitikkan agama. Kerana perkataan itu sudah disabdakan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam, 14 abad yang lampau.

Apatah lagi kita pernah melihat bagaimana nabi-nabi sendiri dari segi praktikalnya memikul tanggungjawab tersebut. Nabi Daud Alaihi Salam, Nabi Sulaiman, Zulkarnain mahupun Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam. Tinggal lagi sejauh mana kita berusaha untuk menjaga agama itu. Dan juga mengurus, mentadbir bumi berdasarkan agama jika sekiranya kita meyakini bahawa bumi ni milik Allah. **Semua ni merupakan pinjaman Allah, milik Allah Subhanahu Wata'ala** maka kita kena urus sebagaimana yang dikehendaki dan diperintah oleh Allah **Subhanahu Wata'ala. Dan neraca pertimbangannya adalah syariat itu sendiri.** Dan jika sekiranya semua pihak mengamal dan mempraktikkan ini, insyaAllah kita rasa banyak permasalahan-permasalahan yang berlaku dalam masyarakat Timur mahupun Barat akan dapat diselesaikan.

Kalau kita tengok dari dahulu lagi, pembangunan-pembangunan manusia zaman Firaun sampai hari ini kehebatan pembangunan yang dibina tetapi bukan hanya sekadar pembangunan yang menjadi matlamat. Hatta zaman Firaun sendiri, dia sendiri mengaku sebagai Tuhan. Kalau kita mengambil kira keamanan itu sebagai matlamat, hari ini kita melihat Iceland sebuah negara yang tidak ada tentera baginya menjamin keselamatan, kesejahteraan. Tetapi dasar polisi negaranya adalah *atheis, mulhid* tanpa ugama.

Kalau kita mengambil kira hanya kepentingan rakyat, Mahatma Gandhi sudah lama mendahului kita. Walaupun dia merupakan orang yang mendapat kelulusan daripada Barat, tetapi bagaimana kehidupannya mendasari masyarakat

persekitarannya, masih lagi dengan pakaian dan caranya mengajak masyarakat untuk membuat ke arah kebaikan dan manfaat kepada rakyat.

Kerana itu matlamat utama kita, perlu meletakkan bukan hanya kesejahteraan dunia ini sahaja tetapi adalah matlamat mencari keredhaan Allah Subhanahu **Wata'ala. Jadi inilah antara faktor** yang insyaAllah pemerintahan pentadbiran kita bersih khususnya daripada isu-isu rasuah. Hari ini kita melihat dalam media betapa isu rasuah ni kadang-kadang sudah melampaui batas apabila SPRM membuat tangkapan dengan isu orang panggil berjuta-juta wang termasuk daripada pimpinan Kerajaan dan sebagainya menyebabkan rakyat masih melihat suasana ni dengan tekanan kehidupan masyarakat, akan menampakkan betapa isu ni semakin parah di dalam masyarakat.

Tetapi kalau kita berjaya membentuk asasnya keimanan dan ketakwaan kepada **Allah Subhanahu Wata'ala yang ianya akan menjadi bara api neraka di hari akhirat** kelak insyaAllah atas nama keimanan yang dapat boleh menyentuh dan memperingat serta menjauhkan kita semua daripada perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah Subhanahu **Wata'ala itu.** *Ar-rashi wal-murtashi finnar*, pemberi rasuah dan penerima rasuah merupakan di dalam neraka. Kalau dia benar-benar beriman dengan perkara ini, insyaAllah perkara ini dapat dijauhkan.

Kita juga mengambil kira tentang perkembangan-perkembangan masyarakat hari ini yang permasalahan-permasalahan sosial yang makin hari kita melihat makin parah. Soalan bertulis saya bagaimana laporan disebut melibatkan tangkapan khalwat dan persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah daripada 2015 sehingga 2016 meningkat daripada 358 kes kepada 423 kes. Sebagaimana disebut oleh Menteri Besar tadilah, saya ucap tahniahlah kerana pihak Penguatkuasaan menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan. Kalau tidak jalan penguatkuasaan kemungkinan tidak timbul angka-angka ini.

Tapi yang lebih penting bagaimana kita cuba menyelesaikan isu-isu seperti ini agar tidak berlaku orang panggil penambahan dan peningkatan daripada masa ke semasa. Janganlah dijadikan undang-undang dan peraturan ini bukan hanya sekadar menghukum tapi macam mana proses untuk kita mendidik, menjauhkan masyarakat daripada terlibat perkara-perkara yang merosak dan memudaratkan, masalah sosial dan masyarakat kita hari ini.

Kita tak mahu setiap tahun makin hari makin parah, makin hari walaupun masyarakat kita makin hari makin berpendidikan, tetapi bimbang akan menjadi lebih parah daripada masa ke semasa. Dalam suasana hari ini, pihak Kerajaan sudah membenteng satu isu yang berkait dengan satu Akta 164. Kita juga mengharapkan supaya masyarakat kita dan juga Negeri Terengganu juga perlu peka dengan isu seperti ini.

Rang Undang-Undang Pindaan Akta Undang-Undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 yang akan memberi kesan secara langsung termasuklah buat rakyat Terengganu di mana mereka-mereka yang dari bukan Islam memeluk Agama Islam tidak boleh mendapatkan hak mereka membuat *petition* perceraian di mahkamah sivil kerana mereka terikat dengan Mahkamah Syariah sedangkan pasangan mereka mungkin terlibat dengan Akta Undang-Undang Seksyen 51.

Juga berkait dengan tidak boleh diselesaikan di Mahkamah Syariah walaupun salah seorang daripada mereka sudah memeluk Agama Islam kerana terikat perkahwinan mereka dengan Akta 164 ini dan perubahan yang dijangka ditambahkan syarat perubahan rang undang-undang baru ini, di mana antaranya akan memberi kesan kepada anak-anak mereka di mana dia menukar syarat bahawa anak mestilah mendapat persetujuan daripada ibu dan bapa dan penjaga untuk ditukarkan agama dia. Jika salah seorang memeluk Agama Islam ayah dia bersama anak dia, jadi dia tidak boleh tukar agama. Sebelum pada itu sudah ada kes yang melibatkan Subashini dan Savaranan di mana hakim mengatakan bahawa boleh tidak memerlukan kepada persetujuan semua pihak, salah seorang saja sama ada ibu atau bapa atau penjaga. Jadi ini menimbulkan permasalahan khususnya kepada saudara-saudara kita mualaf dari kalangan orang yang memeluk Agama Islam termasuk juga yang melibatkan harta sepencarian dan sebagainya termasuk juga yang melibatkan agama anak-anak mereka.

Dalam Islam anak ini: **"Kullu maulu din yuladu alal fitrah, fa'abawa huyuhawwidanihi auyunassiranihi auyumajjasanih"**. Setiap bayi anak yang lahir itu adalah harta fitrah mereka atas nama Agama Islam, maka ibu bapalah yang menukarkannya menjadi Yahudi, Nasrani ataupun Majusi. Jadi status asal dia adalah Islam. Dan kalau dibicarakan di Mahkamah Syariah, sudah barang pasti yang melibatkan kekeluargaan Islam ini, maka kalau bapa itu menjadi hak kepada bapa untuk menentukan agama kepada anak.

Jadi isu-isu seperti ini walaupun sebelum pada ini kita bicarakan isu RUU 355 dan sebagainya untuk memberi ruang dan kesempatan termasuklah melibatkan hudud, takzir, enakmen, syariah 2001 boleh dilaksanakan sebahagiannya tapi isu ini juga, enakmen ini juga kadang-kadang perlu diambil kira supaya pihak Kerajaan khususnya Negeri Terengganu apa sebagainya sebab ayahpun sama darah, sebab dia akan dibacakan untuk kali kedua untuk dibuat kajian yang lebih *detail* khususnya melibatkan agama terhadap anak-anak kitalah.

Jadi berkait isu ataupun apa yang disebut oleh Tuanku Al-Sultan dalam beberapa perkara yang disentuh dalam pembentangan ini. Antaranya pelaburan yang saya suka ingin sentuh juga berkait dengan CJ Bio ataupun Arkema CJ Bio di Kerteh yang akan menambahkan pelaburan. Dulu disebut antaranya masyarakat, rakyat juga akan dapat manfaat bersama. Antaranya membekalkan pokok Petai Belalang dan Akasia. Jadi setakat ni sejauh mana sumbangan ataupun penglibatan rakyat, masyarakat yang melibatkan pokok Petai Belalang ni dan juga pokok Akasia.

Ni nak tambah lagi kilang ni, sejauh mana manfaat tu dapat kepada rakyatlah. Dan pelaburan yang dijangkakan ditambah lagi tu sejauh mana Kerajaan Negeri juga terlibat di dalam pelaburan seperti ini. Sebab dulu saya pernah hadir taklimat *safety* dia, makna itu pelaburan asing 100% tidak ada penglibatan Kerajaan Negeri di dalam pelaburan tersebut. Jadi saya nak tanya jugalah untuk kali ini tambahan ni ada juga pelaburan Kerajaan Negeri.

Dan sejauh mana menggunakan khidmat rakyat Terengganu sebagai pekerja di dalam Kilang CJ Bio termasuk Arkema. Sebelum pada ni dia buang sisa tu, termasuk dia buang sisa di kampung saya. Busuk *bangor* kampung. Jadi bila kita buat bantahan masuk dalam media, jadi dia dikeluarkan. Kita pernah tanya isu yang melibatkan *wasteland* ni dia kata serah kepada Majlis Daerah, Majlis Perbandaran. Macam mana isu-isu yang melibatkan orang panggil sisa kilang ni diserahkan kepada Majlis Bandaran. Jadi perkara-perkara seperti ini kena diselidikan, mungkin melibatkan *chemical* yang berbahaya sebagainya yang kita rasa keselamatan kawasan dan juga penduduk setempat itu perlu diberi keutamaan.

Tentang hospital pernah disebut oleh doktor. Saya pun sekali lagilah memang tak rasa puas hati dengan 100 katil ni. Yang ada dah tu pun, kita nak letak berapa, lelaki 25, perempuan 25, wad bersalin 25, kanak-kanak 25. Jadi saya pun bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat Bukit Tunggul supaya Kerajaan

Negeri mendesak supaya menambahkan bilangan katil ni. Sebab hospital yang ada tu tahun 1967 makna dah 50 tahun ada hospital lama ni. Makna kalau hospital baru ni 100 katil, kita kena tunggu 50 tahun pula nanti nak kena ada hospital baru pula.

Yang kedua, ingin menyentuh tentang ECRL yang merupakan keretapi yang diwar-warkan daripada Kuala Lumpur, Gombak ke Kota Bharu, Tumpat. Jadi kita ingin tahu jugalah sebab dulu Kerteh ni ada kereta api. Kerteh ke Kuantan yang menelan belanja RM800 juta tapi akhirnya tinggal rel saja. Takut yang ini pun berulang. Memanglah kos yang tinggi berpuluh-puluh billion, adakah dia memberi kesan kepada rakyat negeri kita ni dari segi negatif dia. Yang positif tu memang kita seronoklah, sukalah ada keretapi laju ni. Seorang jurutera IKRAM, Institut Kerja Raya Malaysia menganggarkan tambang dia daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur RM520. Jadi betul ke ni.

Kalau tambang RM520 tu, baik kita naik keretalah. Ke *guane* Kerteh, Kemasik. Paka - Kuala Lumpur dekat, waktu yang singkat. Dengan kos yang mungkin lebih rendah. Ataupun kerana boleh dijana mengikut pengangkutan barang dan sebagainya. Tapi kalau tengok kepada barang, apa yang berlaku dengan keretapi Kerteh ke Kuantan tu sudah menjadi nasib.

Dulu masa dia beri penerangan, penjelasan kerana nak angkut barang, produk-produk kilang-kilang sekitar Paka, Kerteh dan sebagainya untuk keselamatan, untuk kemudahan tapi hakikatnya dia tidak memberi hasil dan kerugian. Walaupun mungkin tak guna duit Kerajaan Negeri tapi apa manfaatnya untuk rakyat dan seluruhnya.

Jadi perkara-perkara seperti ini perlu diberi penjelasan juga kepada rakyat ataupun kesannya sebab ini berpuluh-puluh tahun ni hutang. Nanti akhirnya melibatkan Kerajaan Negeri Terengganu juga. Sebagaimana kita melibatkan lebu ray dan sebagainya.

Juga beberapa perkara yang saya juga sentuh antaranya Tahun Visit Beautiful Terengganu ni. Saya ada kemuka juga soalan tapi juga tidak diberi jawapan. Berkait dengan bas Tasik Kenyir. Inilah antara jalan daripada Kuala Lumpur terus ke Tasik Kenyir. Sayapun acap kali naik bas ni tak ada masalah apa tapi terdapat maklumat sejak daripada 1 Januari, perkhidmatan ini sudah dihentikan. Antaranya

kerana tidak dapat sambutan. Trip yang dia buat rugi. Sedangkan di Bandar Al-Muktafi Billah tu sudah dibuat Terminal Bas RTC dengan kos berjuta, comel, lawa. Termasuk juga di Bandar Ketengah Jaya ada Stesen Bas Ketengah Jaya tapi masalah bas pula tak ada. Harap ke Bas Kenyir ni jer berhenti, *dah* ni bas mana lagi yang nak pergi singgah. Dari segi infra bagus *dah*, tapi bas pula tak ada. Sedangkan kita Tahun Melawat Terengganu ni. Kalau pengangkutan pun terpaksa dihentikan macam ni, macam mana boleh memberi galakan ke arah pelancong-pelancong untuk menggunakan perkhidmatan *direct* daripada Kuala Lumpur ke Tasik Kenyir.

Jadi perkara-perkara seperti ini kita harap boleh dilihat oleh pihak Kerajaan. Itupun tak kira lagi perkhidmatan masyarakat sebab bas. Hari ini kalau nak pergi ke Durian Mas daripada Bandar Dungun seolah tidak ada pengangkutan. Tak tahulah sekarang ni orang *dah* ada kereta belaka *dah*, tapi pengangkutan awam ni sepatutnya kita boleh fikir kembali. Yang melibatkan luar bandar seperti ini, guna alternatif-alternatif lain, mungkin selain daripada bas dan sebagainya.

Saya juga tanyakan isu asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Teja Putera di Felda Kerteh 1 yang dibuat setinggi 3 tingkat. Sampai hari ini belum digunakan. Tengok bangunan tu terbiar macam tu dengan letrik apa sebagainya, dipecat, dirosakkan. Sebenarnya apa status sekolah ni? Peruntukan daripada siapa, Kementerian ke. Sebab ni dalam kawasan FELDA, mungkin FELDA ke macam mana.

Walau apapun, sebab ini melibatkan keperluan rakyat kita juga, kawasan saya sendiri. Jadi kita haraplah pihak Kerajaan juga perlu peka memberi perhatian supaya benda ini dapat dimanfaatkan. Walau apapun, musing-musing, duit itu datang daripada duit rakyat juga. Hak milik rakyat juga. Macam mana pembangunan ini terbiar seperti itu yang tidak boleh diambil manfaat digunakan di Sekolah Teja Putera ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, hampir pukul 5.00 *dah*, kita kena berhenti sebelum pukul 5.00.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Dok* nampak mana. Pukul 5.00 *dah*? *Dokdang* satu lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak sempat dah. Minta maaf. 25 minit dah sebenarnya saya beri.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak apalah. **Jazakumullah. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Paka atas faham dan persefahaman kita. Terima kasih banyak ya. Sebab kita kena berhenti sebelum pukul 5.00 ya, itu peraturan ya.

Jadi alhamdulillah kita telah selesai dalam sesi membahas ke atas Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan seramai 19 orang Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam sesi tersebut. Terima kasih banyak. Jazakallahu khairan kathira.

Insyallah kita akan bermula pagi esok, bermula dengan menjawab Soalan Lisan. Selepas itu kita akan bagi kepada Pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan insyaAllah. Dengan itu saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan Dewan pada petang ini kepada hari esok, insyaAllah.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian maka sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga ke esok hari Khamis, 30 Mac 2017 pukul 9.30 pagi dan marilah kita sama-sama membaca surah Al-'Asr. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN
PADA HARI KHAMIS, 30 MAC 2017

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.

WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.

WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Haji Rosli bin Othman, AMN.

WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.

WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.

WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.
WAKIL AJIL

Yang Berhormat **Dato'** Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji A. Rahman bin Yahya, DPMT.,AMZ.,KMN.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu'ala Sayyidina Muhammaddin wa'ala alihi wa ashabihi ajmain. Rabisy rahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafkahu qauli. Innahu min Sulaiman wainnahu Bismillahir Rahmanir Rahim. Alla ta'luu alayya wa'tuuni muslimin.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, sahabat media, para Pemerhati dan tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan mesyuarat kita pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.[Al-Fatihah]....
Amin, amin, Ya Rabbal 'Alamin.

Persidangan kita hari ini, yakni 30 Mac 2017 yang juga merupakan hari terakhir untuk sesi mesyuarat kali ini akan mulakan sebaik sahaja saya selesai ucapan saya dan dimulakan dengan Soalan-soalan Lisan. Seperti biasa saya akan memperuntukkan kurang lebih satu jam untuk Soalan-soalan Lisan dan tiga soalan-soalan tambahan seperti biasa saya akan benarkan untuk setiap Soalan Lisan yang dikemukakan. Insyallah, kita akan berehat selama setengah jam selepas sesi Soalan-soalan Lisan tamat dan selepas itu insyallah, kita akan dengar penggulungan daripada pihak Kerajaan bagi Usul Menjunjung Kasih. Selepas itu, insyallah, kita akan membentangkan RUU Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Insyallah, Dewan akan memberikan peluang untuk perbahasan mengenai RUU ini sebelum diluluskan.

Ingin saya ingatkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini agar berbahas supaya patuh kepada masa kerana kita hari ini hari terakhir. Dan saya juga sekali lagi mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat patuhilah peraturan-peraturan secara jelasnya ialah di Fasal 46 dan Dewan melarang keras sebenarnya ucapan-ucapan yang mengandungi andaian semata-mata tanpa fakta yang jelas sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dan menyebabkan timbulnya amarah antara kita. Kalau kita sedang berbahas dan kita tidak suka Ahli Yang

Berhormat lain mengganggu kita kerana begitulah juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain semasa mereka berbahas, mereka juga tidak suka diganggu. Marilah kita sama-sama hormat menghormati antara satu sama lain sebagaimana yang kita lafazkan dalam ikrar kita semasa mula-mula dahulu kita mengangkat sumpah sebagai Ahli Yang Berhormat untuk mengutamakan setia kawan. Saya cukup percaya dan yakin, budaya baik dan hormat menghormati di antara kita selama ini yang telah kita tanamkan kita kekalkan, insyaAllah.

Marilah kita laksanakan amanah kita sebagai Yang Berhormat dengan mematuhi peraturan dan ingatan **daripada Allah Subhanahu Wata'ala**. Marilah kita sama-sama melaksanakan tafakur fiddin dengan merujuk peringatan Allah dalam Al-Quranul karim.

Seperti biasa persidangan kita pada hari ini disaksikan oleh Pemerhati-pemerhati yang datang daripada:-

1. SERIKANDI
2. ATRA
3. MTD Sura (PAS)
4. Persatuan Mahasiswa Pentadbiran Islam Dan Syariah UniSZA
5. Kelab Pendidikan Pencegahan Dadah SMK Sheikh Abdul Malik
6. KEMAS
7. Wakil Pejabat DUN Bandar
8. Wakil Pejabat Pegawai Pembangunan Kuala Nerus
9. BTN
10. Wakil Pemuda dan Puteri UMNO Negeri Terengganu
11. GPMS; serta
12. Orang-orang perseorangan

Terima kasih banyak kerana sudi datang.

Sekali saya ingatkan marilah sama-sama kita menjaga adab dan Peraturan Dewan agar kita dilihat oleh para Pemerhati dan juga secara *live* bahawa kita adalah insan yang berehsan. Insan yang takutkan Tuhan tanpa batasan sempadan, tak kira siang atau malam. Apatah lagi dalam Dewan Undangan Negeri ini yang kita pegang amanah.

Sekali lagi saya ingatkan bahawa Dewan tidak membenarkan sebarang rakaman tidak rasmi dilakukan dalam Dewan yang mulia ini kerana kita dah ada *live*. Mulai sekarang tutuplah atau letakkanlah telefon dalam *mode* senyap agar tidak mengganggu perjalanan Dewan.

Akhir kata Selamat Bersidang untuk hari terakhir mesyuarat kita pada hari ini, mudah-mudahan Persidangan kita pada hari ini lebih aman, tenang, cemerlang sehingga Allah memberkati kita duniawi dan ukhrawi.

Sekian, aqulihaza wa astaghfirullah hal'azim li walaqum. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini, 30 Mac 2017:-

1. Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
(Wakil Air Putih)
2. Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)
3. Yang Berhormat **Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor**
(Wakil Langkap)
4. Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
5. Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa
(Wakil Kota Putera)
6. Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggai)
7. Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman
(Wakil Batu Rakit)
8. Yang Berhormat Azan bin Ismail
(Wakil Bandar)
9. Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar
(Wakil Jabi)
10. Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)

11. Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
12. Yang Berhormat **Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar**
(Wakil Ladang)
13. Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
(Wakil Cukai)
14. Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Teluk Pasu)
15. Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
16. Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)
17. Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)

Sekarang agenda kita untuk memberikan peluang kepada semua sempat bertanya. Sekarang saya mempersilakan ADUN Cukai untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): **Terima kasih Dato' Speaker.** Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Soalan saya nombor satu -

Apakah status projek Pasar dan Terminal Bas Cukai?

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. **Dato'** Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat **Dato' Seri Menteri Besar**, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, wakil media, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Cukai ada bertanyakan berkenaan status Projek Pasar dan Terminal Bas Cukai. Jadi untuk makluman Wakil Cukai dan juga Dewan yang mulia ini, status terkini Projek Pasar dan Terminal Bas Cukai ialah pihak Majlis

Perbandaran Kemaman telah memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi *Rolling Plan* Yang Kedua dan telah membentangkan cadangan tersebut kepada Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Sila, soalan tambahan pertama daripada Cukai. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Soalan tambahan saya yang pertama. Sampai bilakah pasar dan terminal bas ini akan wujud kerana pengambilan tanahnya ialah pada sekitar 2004, sudah hampir 13 tahun. Saya rasa sangat lamalah, kalau lima tahun tu ada kemungkinan lah. Err.... yang sepatutnya kalau pengambilan balik tanah itu belum berlaku lagi mungkin tuan-tuan tanah boleh membangunkan tanahnya. Dan apakah tanah tersebut juga akan didirikan di situ lah pasar dan terminal bas?

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Okey, terima kasih Wakil Cukai. Jadi tanahnya telah diambil balik di bawah Seksyen 3(1)(a) iaitu untuk kegunaan awam. Jadi tanah itu telah dijelaskan oleh Majlis Perbandaran Kemaman. Dan untuk makluman, saya baca di sini apa yang telah diusahakan sehingga hari ini.

Permohonan telah dikemukakan kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 17 Mac 2015. Lepas tu kita *follow-up* lagi untuk *Second Rolling Plan* pada 17 Mac 2016 di mesyuarat yang kita buat pembentangan lah. Seterusnya, kita ada buat pembentangan khas kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk Cadangan Projek Terminal Bas Dan Pasar Cukai pada 15 Jun 2016. Sehingga hari ini kita masih lagi menunggu jawapan daripada pihak Kementerian tentang permohonan kita. Dan untuk makluman Wakil Cukai juga, MPK juga telah memohon semula projek tersebut di bawah *Rolling Plan* yang keempat.

Jadi memandangkan tanah ini seluas 13.5 ekar kalau tak silap saya, dipohon untuk kegunaan awam jadi ia sedikit sukar untuk menjemput pemaju-pemaju yang mempunyai cadangan untuk membangunkan secara komersial. Jadi kita ada sedikit kesukaran di situ. Tapi alhamdulillah, baru-baru ini pun masih ada lagi pihak pemaju yang telah menghantar cadangan untuk membangunkan dengan

pasar dan juga stesen bas dan ada juga bangunan komersial. Jadi sehingga hari ini masih lagi di peringkat perancangan dan kita masih lagi menunggu keputusan, satu, daripada pihak Kementerian dan yang kedua daripada pihak pemaju tersebut.

Jadi ikut mana sekalipun, insyaAllah, kita akan buat terminal bas dan pasar di tapak yang telah diambil tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Sila, soalan tambahan kedua daripada Cukai.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Exco. Cuma persoalan saya adalah kenapa ia sangat lewat? Sedangkan saya difahamkan perbincangan untuk melaksanakan pasar ini sebelum daripada tahun 2004 lagi, mungkin tujuh-lapan tahun dahulu lepas tu barulah berlaku pengambilan balik tanah. Jadi sepanjang 2004 hingga 2015, 2016 baru bunyi ada perbincangan. Jadi di situ kita nak tanya sedangkan Kemaman merupakan satu pusat industri yang sangat besar di seluruh Negeri Terengganu dan ramai pelabur-pelabur luar mari ke Kemaman untuk menggunakan terminal bas dan untuk menggunakan pasar yang baik. Dan saya difahamkan juga dua tahun lepas ada syarikat nak buat usahasama dengan Majlis Perbandaran, adakah ini dibenarkan oleh undang-undang Majlis Perbandaran? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan Kemasik.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih. Permohonan ini memang betul kita angkat pada tahun 2004 dan setakat yang saya maklum, permohonan ini kita angkat bersekali dengan Stesen Bas Kuala Terengganu dan beberapa stesen bas yang lain, antaranya Kerteh dan juga Cukai. Masa tu memang ada kelulusan daripada pihak Kementerian dan bila datangnya SPAD, jadi benda tu telah disusun semula dari segi nak dapatkan peruntukan dan juga kelulusan.

Malang sekalilah untuk Cukai sebab satu, peruntukan yang dipohon masa tu adalah sangat besar iaitu lebih daripada RM50 juta. Jadi untuk mendapatkan kelulusan itu sangat sukar dan hasil daripada *feedback* tu telah kita turunkan dari segi saiz tu, jadi kecil sedikit. Jadi untuk mendapatkan satu peruntukan yang besar untuk buat pasar ini agak sukar jadi kita kecilkan. Jadi insyaAllah, saya rasa usaha itu

akan diteruskan sehingga kita akan dapat sebabnya masa kita angkat sekali hari itu salah satunya Marang dan juga Kerteh. Jadi yang ini telah berjaya jadi ini akan menjadi *follow-up* yang seterusnya iaitu Kuala Terengganu dan Kemaman.

Betul, Yang Berhormat, ada cadangan daripada pihak swasta untuk memajukan tanah-tanah ini pada dua tahun lepas dan kita kena tengok dari segi perundangan dia sebagaimana saya sebut tadi, kesukaran kita adalah sebab tanah tu kita *acquire* (ambil balik) di bawah Seksyen 3(1)(a). Jadi itu adalah untuk kegunaan awam. Jadi kita perlu mendapatkan pandangan ataupun kita kena berhati-hati supaya kelulusan yang diberi itu tidak orang kata tidak memberi kepayahan kepada Kerajaan Negeri. Kita faham tentang perlu wujudnya satu terminal bas bersepadu yang setaraf dengan Bandar Cukai iaitu sebuah bandar yang begitu pesat membangun dan nilai komersialnya yang begitu tinggi. Dan tanah yang dipohon itu memang mempunyai nilai komersial yang sangat tinggi. InsyaAllah, kita akan terus berusaha dan juga sekarang ini Ahli Parlimen kita pun sedang orang kata ambil bahagian untuk kita angkat dan dapatkan peruntukan dalam masa terdekat. Okey, terima kasih banyak Wakil Cukai.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Soalan tambahan ketiga. Sila Cukai.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Yang Berhormat **Dato' Yang Dipertua.** Adakah Yang Berhormat perasan sekarang ni, dah ada orang buat rumah di kawasan itu dan rumah tu sudah hampir siap? Jadi adakah pelan pasar dan juga terminal ini pelannya sudah berubah yang mungkin dikecilkan kerana sudah naik pembangunan perumahan. Saya bimbang sikit lagi bila kita buat pasar dan terminal bas, orang-orang perumahan ini pulak akan bising kekgi dari segi keselamatan jalan rayalah dan macam-macam.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Pembangunan dalam kawasan yang kita panggil di Pengkalan Pandan ini telah dipantau sepenuhnya oleh pihak Pengarah Perancang Majlis Perbandaran Kemaman. Jadi apa bentuk pembangunan yang ada di sekitar kawasan itu telah diambil kira. Sebagai contoh untuk makluman, saya rasa Wakil Cukai telahpun maklum tetapi untuk makluman Dewan kawasan sekitar yang kita panggil Pengkalan Pandan tu di mana restoran-restoran dikategorikan sebagai Kelas A, itu syarat utama. Makna kata kita nak jadikan kawasan sekitar ini sebagai satu kawasan yang mana dia ada

dia punya keistimewaan dia. Antaranya, macam contoh, bank digalakkan berada di sini, restoran tu biar dari segi tahap kebersihan dia tahap 'A' yang mana Yang Amat Berhormat Dato' Seri telah pernah ada sekali singgah. Dan perancangan-perancangan yang akan datangpun akan mengambil kira, kita telah ada sebenarnya pelan-pelan yang telah sedia cuma sekarang ini, satu, kita kena perhati betul-betul Yang Berhormat tentang Seksyen 3(1)(a) tadi dan yang kedua, kita berharap sangatlah permohonan kita yang telah kita bentang melalui pembentangan khas melalui KSU tu mendapat kelulusan. Itu sahajalah. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Terima kasih Cukai yang mengemukakan soalan. Seterusnya, saya mempersilakan Teluk Pasu untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Teluk Pasu): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya nombor satu –

Berapakah jumlah keseluruhan pampasan yang dituntut oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan ekoran penyerahan KUSZA kepada UniSZA dan berapakah jumlah pembayaran yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri sehingga hari ini?

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih kepada Wakil Teluk Pasu yang bertanya berkaitan dengan; berapakah jumlah keseluruhan pampasan yang dituntut oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan ekoran penyerahan KUSZA kepada UniSZA dan berapakah jumlah pembayaran yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri sehingga hari ini?

Jumlah keseluruhan pampasan yang dituntut oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan ekoran daripada penyerahan KUSZA kepada UniSZA adalah sebanyak RM183,102,298 dan jumlah pembayaran yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri sehingga kini adalah adalah sebanyak RM10 juta. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Sila soalan tambahan pertama daripada Teluk Pasu. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan pertama saya; bilakah bayaran ini mulai diterima iaitu hak yang dikatakan RM10 juta tadi tu bila mula diterima dan adakah pembayaran balik hutang ini dibuat secara berjadual kepada Kerajaan Negeri dan bila dijangka selesai pembayaran keseluruhan hutang tersebut sebanyak RM183 juta lebih tadi? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Okey, tentang pembayaran RM10 juta itu diterima lebih kurang tahun lepas dan kita ada jadual pembayaran dia yang kita telah bincang dan kita minta pihak UniSZA selesaikan.

Antara cadangan kita iaitu untuk tahun 2017 ini telah disediakan satu peruntukan untuk kita iaitu sebanyak RM61 juta. Jadi RM61 juta itu insyaAllah akan dibayar pada tahun ini. Dan tahun seterusnya iaitu 2018 adalah bakinya iaitu sebanyak RM112,102,298 juta. Jadi kita telah berusaha agak lama untuk dapatkan bayaran ini dan sesungguhnya Kerajaan Federal dan Kerajaan Negeri mempunyai hubungan baik macam anak dengan ayah dan insyaAllah perkara ini akan kita selesaikan dan kita akan dapat apa yang kita tuntutan. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Soalan tambahan kedua. Sila Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih **Dato' Yang Dipertua. Setelah penyerahan KUSZA kepada UniSZA ini adakah Kerajaan Negeri ada bercadang untuk menubuhkan satu institusi seumpama KUSZA ekoran daripada penyerahan yang telah berlaku itu untuk kepentingan rakyat Terengganu khususnya dalam bidang pendidikan. Adakah Kerajaan bercadang nak bina baru untuk ganti KUSZA ini?** Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Teluk Pasu. Sila Kemasik.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Daripada asal penubuhan yakni daripada KUSZA kepada UniSZA dan daripada UniSZA sekarang kita ada satu perkara yang orang kata sedang dibangunkan yang mana menjadi satu perkara yang sangat-sangat dinantikan yang menambahkan kepada kesejahteraan rakyat iaitu pembinaan hospital. Jadi pembinaan Teaching Hospital yang mana melibatkan 200 katil. Itu adalah tambahan daripada perancangan asal kita. Jadi sekarang ini, macam saya katalah daripada asalnya kita tak pernah terfikir pun pada satu masa UniSZA ini akan ada satu sayap dia iaitu boleh buat **medic dan juga Teaching Hospital. Dan insyaAllah, projek ini akan disiapkan**

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Penjelasan. Di bawah Federal ke di bawah Negeri Teaching Hospital tu?

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Teaching Hospital di bawah Federal.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Di bawah Federal. Rasanya tak berbangkit sebab kita tanya yang di bawah Negeri.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya tahu saya nak jawablah ni. Baik, jadi beri saya peluang untuk jawab dulu **Dato' Yang Dipertua**. Jadi itu adalah penambahbaikan yang kita dapat hasil daripada usaha kita iaitu untuk memperkembangkan dan memajukan lagi serta menambahkan kesejahteraan rakyat untuk negeri kita.

Jadi berkenaan dengan apa yang kita nak buat selepas ini, itu adalah dalam perancangan kita dan buat masa sekarang ini secara kita kira satu-satu itu memang tidak ada, masih dalam perancangan dan tidak ada yang konkrit untuk setakat ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan yang seterusnya. Kalau tak ada, saya nak pergi kepada soalan seterusnya. Jadi terima kasih Teluk Pasu. Terima kasih Kemasik. Sila Manir.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Yang **Berhormat Dato' Yang Dipertua**. Soalan saya yang pertama –

Apakah status pembinaan hotel bersebelahan Masjid Bandar Kuala Berang?

YANG BERTAMBAH DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Sidang Dewan yang dihormati sekalian.

Terima kasih kepada Wakil Manir, soalan yang beliau bertanya; apakah status pembinaan hotel bersebelahan Masjid Bandar Kuala Berang? Yang Berhormat **Dato' Yang Dipertua**, sebelum saya menjawab, saya tambah sedikit fakta yang sebenarnya. Pembinaan di atas tanah di hadapan Masjid Mahmudiah Bandar Kuala Berang ini bukan sahaja hotel tetapi sebenarnya kompleks ruang niaga dan pejabat, ala-ala UTC sejumlah 30 unit, dataran masjid bersama dengan landskap dan parking serta hotel.

Adapun statusnya setakat ini, pertama, kelulusan daripada Majlis Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu telahpun diperolehi pada 20.6.2015. Yang kedua, kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk peruntukan pembinaan telah diperolehi pada 17.11.2016. Dan yang ketiga, pelan bangunan dan kebenaran merancang daripada Penguasa Tempatan, Majlis Daerah Hulu Terengganu diluluskan pada 22.03.2017. Manakala kemasukan tapak telah dibenarkan bermula daripada 21.11.2016. Dan kerja-kerja permulaan seperti mengadakan pagar penghadangan dan kebersihan tapak telahpun dimasuki oleh pihak kontraktor. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Soalan tambahan pertama. Sila Manir.

YANG BERTAMBAH HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengikut data Kerajaan Negeri Terengganu pada 20.07.2006 bahawa tapak tanah yang terlibat telah diwartakan untuk pembesaran tapak Masjid Sultan Mahmud Kuala Berang dan jalan masuk ke masjid melalui Jalan Pusara Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Persoalannya ialah tanah ini adalah tanah yang diambil balik untuk tujuan tapak pembesaran masjid. Maka apakah signifikan ataupun sebab yang membolehkan

tanah ini diambil untuk dibuat pembangunan yang seumpama itu sedangkan pada asalnya adalah pengambilan sebagai tapak masjid? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih adinda Yang Berhormat daripada Manir. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. **Sebenarnya di atas soalan ini saya nak jelaskan banyak fakta yang dikelirukan dan disensasikan oleh pihak tertentu menyebabkan perkara ini mendapat liputan ramai dan pandangan yang pelbagai.**

Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, pengambilan ke atas tanah di hadapan masjid berkenaan iaitu tanah Lot 129, 130 dan 479 pada 20.07.2006 mengikut Warta Kerajaan dan di bawah Seksyen Kanun Tanah Negara dan sekarang ataupun selepas itu disimpan di bawah KTN Seksyen 62 diseliakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu.

Betul kata Yang Berhormat sebentar tadi pengambilan tanah-tanah itu adalah untuk pembesaran kawasan masjid sebagaimana dibangkit oleh Yang Berhormat Ladang pada hari kelmarin. Dan sebab itulah Yang Berhormat saya sebutkan tadi status awal iaitu kelulusan Majlis Jawatankuasa Fatwa Negeri bertarikh 20.06.2015 dan kelulusan Kerajaan tahun 2016 iaitu setahun kemudian kerana proses-proses yang dikatakan untuk menyelesaikan isu pengambilan tapak tanah yang berkenaan.

Dato' Yang Dipertua, pengambilan tanah ini memang untuk pembesaran kawasan masjid, apabila diangkat kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang, Yang Berhormat Dato' Penasihat Undang-Undang telahpun memberi nasihat bahawa kesimpulannya selagi kompleks berkenaan merupakan ia terletak kepada pihak masjid maka pembinaan kompleks ini masih dalam tujuan asal pengambilan tanah tersebut. Maka keputusan nasihat ini dibawa ke dalam Majlis Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu yang bermesyuarat pada 5 Ramadan 1436H bersamaan 20.06.2015, bulan puasa lagi. Keputusan yang dibuat oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa bersetuju dengan cadangan pengambilan tanah Masjid Sultan Mahmud Kuala Berang untuk pembinaan Kompleks Perniagaan Masjid Sultan Mahmud, Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, adapun tujuan pembinaan kompleks ini adalah untuk meninggikan syiar Islam di mana kompleks yang saya sebut tadi akan menjadi

milik masjid dan qariah Masjid Mahmudiah Kuala Berang. Dan sekali gus selagi tanah ini terbiar pengambilan tanah ini melibatkan jumlah yang besar hampir RM3 juta lebih. Kemudian penggunaan tanah di hadapan itu agak kucar-kacir pada hari ini maka dibangunkan kompleks ini yang lebih menarik, yang lebih indah dan ia akan sendiri menjadi kebanggaan qariah masjid dan ia menjadi punca pendapatan kepada Masjid Mahmudiah itu sendiri.

Dato' Yang Dipertua itulah saya rasa selepas ini saya harap tak ada lagi apa yang dibangkitkan kekeliruan dan sebagainya kerana kita takut sebenarnya kita telah mengkaji dari semua segi supaya pembinaan ini tidak melanggar undang-undang, tidak melanggar **agama dan sebagainya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila soalan tambahan kedua, sekiranya ada. Kita bagi Paka dululah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): **Yang Dato' Yang Dipertua**, saya dimaklumkan, antara satu lot itu apabila pihak Kerajaan ambil balik atas alasan untuk pembesaran masjid jadi salah seorang tu dia bayar dengan kos harga yang murah kerana ingin turut sama kerana untuk buat amal jariah (Khairat). Itu antara nombor satu. Yang kedua, kita tengok pelan pembangunan itu yang sepatutnya itu kita kena perlu rezab untuk keperluan parking sebab automatik akan datang kawasan parking lot akan makin berkurang. Walaupun disebut kata parking tadi itu merupakan yang biasalah melibatkan hotel ataupun pembangunan dan sebagainya untuk orang nak Sembahyang Jumaat apa semua tak boleh nak parking dah di situ, dia dah akan jadi pusat komersial dan sebagainya. Dan yang ketiga, berkait tentang pembangunan yang dikatakan akan menjadi hak milik masjid, jadi adakah keseluruhannya menjadi milik masjid ataupun sebahagiannya akan menjadi milik kontraktor yang membangunkan tanah tersebut. Dan kalau kita tengok pelan pembangunan yang dibuat pun, kadar tingkat yang dibuat bangunan itu menenggelamkan masjid di belakang tu, termasuk juga kalau kita tengok septic tank yang ada telah diletakkan di dalam kawasan masjid. Jadi perkara-perkara ini seolah-olah macam takdok tanah lain ke nak buat yang kita pergi ambil tanah tapak masjid? Mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka. Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat, sahabat saya Paka. Dato' Yang Dipertua, sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Paka tadi ialah yang dikelirukan oleh pihak sebelah sana dan dijadikan modal untuk kelirukan orang ramai. Terima kasih Paka. Pertama, Lot 130 dan 129 ini pemiliknya ramai, anak-beranak, adik-beradiknya ramai, saya ingat termasuk juga keluarga kepada Yang Berhormat **Dato' Yang Dipertua**. Memang betul salah seorang daripada pemilik itu yang dikehendaki dikenali sebagai Hamba Allah sahaja memang beliau telah menyerahkan kembali bahagian penilaian, bukan penilaian murah sebagaimana Paka kata tadi, penilaian berjalan seperti biasa, perbincangan dan pembayaran pampasan seperti biasa mengikut yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan pihak Jabatan Penilaian Dan Harta. Tetapi Hamba Allah ini telah menyerahkan balik bahagian dia, dua cheque, satu berjumlah RM227,500.04 dan cheque itu bernombor 420470 dan sekeping lagi cheque 420441 berjumlah RM107,499.33. Dia menyerahkan kembali berjumlah RM334,999.37 ini kepada Jabatan Hal Ehwal Agama untuk dijadikan wakaf beliau bukan kepada masjid ini tetapi kepada seluruh masjid Hulu Terengganu. Jika sekiranya terdapat yang dikirakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama perlu untuk pembangunan ataupun apa-apa aktiviti kepada masjid di Hulu Terengganu maka duit ini dibenarkan untuk dibelanjakan, satu.

Berbalik kepada isu parking yang disebut oleh Paka sebentar tadi. Sebenarnya, **Dato' Yang Dipertua, semasa pembinaan ini memanglah kawasan itu dipagar dan parking agak terhad.** Begitu juga rumah kita, kalau kita buat *renovation* atau ubah suai sebagainya, dia agak suntuk sana-sini. Tetapi untuk makluman Yang **Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli** Yang Berhormat, parking sekarang yang ada di hadapan masjid itu adalah tak sampai 50 lot, hanya 42 lot. Apabila siap dataran dan parking nanti, ia melebihi 150 lot. Maka ia menjadi milik masjid, sebagaimana saya katakan tadi ia tidak timbul sama sekali milik kontraktor, sebenarnya 100% bangunan ini, 30 unit kedai ataupun pejabat, saya sedih di Kuala **Berang ni Dato' Yang Dipertua, Pejabat Belia Dan Sukan, Pejabat Pendaftaran, Pejabat RELA, pejabat yang lain-lain, Imigresen tak ada dan sebagainya** jika di sini siap dengan lif bangunan ini sesuai dan sempurna insyaAllah barangkali akan menambah kesempurnaan dan disewa oleh jabatan-jabatan ini dan akan menjadi **pendapatan kepada masjid.(Tepukan)**

Dato' Yang Dipertua, begitu juga isu yang dibangkitkan yang ketiga oleh Paka sebentar tadi berkait dengan tenggelam menara. Sebenarnya, saya ucap terima

kasih dan tahniah kepada Jabatan Agama yang mengangkat kepada Majlis Fatwa. Perkara-perkara ini telahpun diambil kira dan apa yang dinasihatkan oleh Majlis Fatwa diambil kira oleh Perancang, pihak Arkitek dan sebagainya. Atas nasihat ini ia melambangkan bahawa kompleks itu bersekali dengan masjid, ia akan melambangkan sekali seolah-olah melambai orang ramai supaya datang ke masjid. **Jadi Dato' Yang Dipertua, sekali gus saya percaya inilah masjid yang pertama di Negeri Terengganu, saya nak cakap di Malaysia, saya tak berani, di Terengganu yang mempunyai kompleks seumpama ini.** Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kepada Kerajaan yang menganugerah dan melihat perkara ini lebih jauh dan memberi kebanggaan kepada orang Kuala Berang. Dan insyaAllah

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta mencelah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Nanti saya selesai, saya habis dulu. Jadi apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Saudara Paka itu tidak benar sama sekali. Akhir sekali, beliau mengatakan IWK ataupun tangki najis itu berada bukan di atas tanah Kerajaan tapi di Lot 127, tanah Kerajaan separuh tanah masjid sekarang telahpun dinasihatkan, sebab itu saya kata tadi telah diluluskan oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu pelan perancangannya dan dialih oleh pihak kontraktor ke dalam bangunan dan tidak timbul sama sekali di tanah masjid itu. InsyaAllah Yang Berhormat, kita ambil kira pendapat yang baik tetapi saya minta kawan-kawan di sebelah sana maknanya terutamanya nak pilihan raya ini, jangan perkara ini dijadikan modal, tak baik ya. **Perkara yang baik menjadi fitnah yang tak baik**

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Nanti saya habiskan, sekejap. Fitnah kepada usaha-usaha ini yang sepatutnya kita sama-sama menyokong dan meninggikan syiar

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, dah kita nak dapatkan penjelasan parking yang sedia ada tu. Bila kita tutup hak tu baki tinggal berapa lagi? Kalau 100, orang yang

Sembahyang Jumaat ni bukan 100 orang Yang Berhormat. Jadi bila sepatutnya kita *spare* untuk parking dan bila kita ambil alih tinggal berapa lagi kawasan parking

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya dah jawab tadi, sekejap.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi kita *prepare* untuk pembangunan masjid yang akan datang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya jawab ni Paka.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab saya sebut, kata begini ni sebab berlaku di Pulau Pinang apabila UMNO Pulau Pinang bantah hotel di sebelah Masjid Pulau Pinang dengan alasan yang disebut satning. Tapi bila di sini pula kata inilah contoh yang terbaik sekali pulak. Jadi hak mana se perkara ini sebenar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Pulau Pinang, Kerajaan Terengganu, lain.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita dok cakap bab Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, ya, saya jawab ni Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita timbul isu masjid, hotel di sebelah masjid.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya jawab. Sekarang parking ada 42 lot sahaja dan apabila siap kekgi parking disediakan 152 lot.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah parking kegunaan untuk orang hotel dan kompleks dengan orang nak pergi Sembahyang Jumaat macam mana Yang Berhormat? Masjid ni orang dok gi 100 orang Sembahyang Jumaat, apatah lagi untuk sembahyang biasa. Jadi kita dah tutup kawasan parking tu untuk masa depan untuk tapak masjid, lepas tu kita gunakan juga untuk komersial macam Kuala Berang ni takdok tanah sangat ke untuk kita buat tapak komersial dekat lain yang kita *gi bolo' kat* kawasan masjid.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, dengar ni kita jawab. Bukan soal takdok tanah, tanah ini tanah yang diambil oleh Kerajaan untuk masjid dan kita anugerahkan projek untuk jadi pendapatan, meninggikan syiar masjid. Kalau kita bina di padang dekat Majlis Daerah, dapat ke Majlis Daerah, tak dapat ke masjid dan qariah masjid. Yang kedua, parking daripada 42, kita tambah kepada 152. Yang ketiga, kita Sembahyang Jumaat di mana-mana pun **Dato' Yang Dipertua, sama ada Sembahyang Jumaat atau Sembahyang Aidil Fitri atau Aidil Adha, Jalan Besar Kuala Berang itu *Double Carriage Way*, kita ada jalan susul, Jalan Risda, Jalan Klinik Kuala Berang itu dan kita mempunyai kawasan masjid di lot**

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, Yang Berhormat Telemong dia kabor dah dia mikir TN50, 2050, ni Yang Berhormat mikir untuk tahun ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat kena terima jawapan Kerajaan, kita ada Lot 127 dan 371, saya orang Kuala Berang, Yang Berhormat Telemong orang Kuala Berang, kita tahu lot itu masih luas, kita boleh bina parking yang sangat luas. Masjid kita di atasnya macam Masjid Paka juga, kita ada dua tingkat.....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Di tingkat bawah, parking ke di tingkat bawah?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, Kuala Berang, duduk. Bandar duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Soalnya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Kuala Berang. Kuala Berang duduk dulu. Paka duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah dia beri jawapan yang tidak menasabah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar. Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):Memang dua tingkat, takkan parking duduk di bawah, pasang *tile* dah di bawah, orang buat sembahyang di bawah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap-kejap Kuala Berang. Saya tak nak mencelah banyak. Speaker ada di sini, saya ulang balik, peraturan mesti dipatuhi. Ini Dewan, ini bukan tempat debat biasa, ini Dewan. Kalau nak mintak, bangun sebab itu peraturan dia, bukan boleh bangun dan terus cakap, mintak laluan. Saya kata tadi kalau ucapan kita tidak suka orang ganggu, kita pun macam tu juga jangan ganggu orang. Saya dah bagi panjang tak apa sebab saya tahu perkara ini tentang masjid ini semua orang nak tahu. Saya bagi. Sila Kuala Berang jelaskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya jelas sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan Kuala Berang. Bandar duduk dulu. Saya bagi nanti, Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Kita tak nak tinggikan suara. Saya faham Paka kata isu parking. Kita tambah parking. Kalau masalah parking hari Jumaat di Masjid Rusila pun, pada pagi Jumaat nak lalu pun payah Yang Dipertua. Kita *doksoh kira* hak tu. Tapi pokoknya kita sediakan parking lebih daripada had dan memang

cukup. Yang saya katakan masjid dua tingkat macam Bandar Paka juga kerana isu pembesaran masjid yang disebut tadi untuk masa depan TN50 tadi. Sebenarnya Masjid Kuala Berang ni sekarang ini kapasitinya hampir 3,000 orang dan di bawah tu *double*, masih belum digunakan lagi dan boleh muat lagi 3,000 orang dan di Kuala Berang kita merancang dua-tiga buah masjid lagi yang diminta oleh qariah, satunya di Batu 23 dan di Kampung Bukit Tok Bat yang boleh juga akan melengangkan dan meringankannya. InsyaAllah, kita bincang dan kita rancang semuanya ini. Saya minta kita ikhlaslah ya. Kita janganlah bertegang leher dalam soal ini, kita ikhlaslah bahawa projek ini kita nak meninggikan syiar Islam, nak memartabatkan institusi masjid itu sendiri dan sekali gus kita nak menggunakan peruntukan Kerajaan semaksimum mungkin untuk kebanggaan dan keutamaan rakyat. **Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Paka ada lagi takut tak puas hati? Nak sebut apa lagi? Saya bagi peluang kepada Paka tapi saya tekankan di sini bukan andaian, mesti fakta.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab apa yang berlaku di Pulau Pinang, UMNO bantah pembinaan hotel yang bukan tanah masjid pun. Tapi apa yang dibincangkan di sini itu tanah untuk kita persiapkan untuk jangka masa akan datang untuk pembangunan masjid yang kita khususkan untuk ibadat itu. Jadi kalau kita letak dengan kawasan komersial, hak sekarang pun nak parking agak terhad dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi kita takmboh berlaku benda ni berlaku sama macam Zon Ria tu, sebelah belakang UMNO tu sampai sekarang nak sekat, ni kontraktor daripada Pulau Pinang mari, ambik di situ.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Paka. Cukuplah deh Paka. Sila Kuala Berang. Bandar duduk, nanti saya bagi. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Paka. Sepatutnya kalau Parti PAS, Parti Islam jadi sokonglah, janganlah ikut Pulau Pinang tu, kita tak berkait pun dengan Pulau Pinang. Saya dah jawab panjang lebar tadi, **kita nak institusi masjid ini**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah memang kita dok sokong isu ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Itu soal dok sokong tapi jangan samakan Kerajaan Darul Iman dengan Kerajaan Pulau Pinang.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita buat kacau ganggu tapak masjid tu. Saya sendiri kalau nak serah balik pitih kalau orang nak wakaf tanah, kalau nak buat masjid alhamdulillah kita akan serah tapi kalau nak buat komersial, hotel dan sebagainya, kita dok serah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, terima kasih Paka. Adab..... Manir duduk dulu, tak habis lagi Kuala Berang bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya harap kita tak berlawanlah macam ni

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, Kuala Berang. Saya rasa dah cukup.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak mintak isu ni satu saja Yang Berhormat. Kalau isu ini dinilai oleh Pemerhati, dinilai oleh rakyat sekalian, kita di Sidang DUN ini kita nilai apa yang kita buat yang baik kita boleh nilai semualah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita tak pernah bantah pembangunan ke, ini melibatkan tapak masjid. Kalau tidak kita siapa lagi nak mempertahankan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Terima kasih. Terima kasih Kuala Berang. Terima kasih Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, *guana* main pakai redah, *dok kabor* ke Yang Dipertua *sokmo*, saya *dok* faham sebelah alik nun, ke dok faham?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah Exco pun redah juga.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kita belajar dengan Jabi kelmarin.

YANG BERHORMAT **DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Dok mintak dah, duk main redah jer.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah Yang Dipertua bagi peluang dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah *bakpe* masalah dengan Jabi pulak ni.(Sambil gelak) Dia kena penyakit Bukit Payong kelmarin

YANG BERHORMAT **DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Speaker ada ni. Ke kita nak berhenti awal, minum.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Awal lagi Yang Berhormat, kita lembanglah guana-guana pun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka atas addinunasiah. Saya silakan Bandar, satu lagi yang *simple* untuk sahabat kita. Silakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Berdasarkan kepada jawapan dan penerangan Exco tadi nampaknya di Terengganu ada satu *precedent* baru. *Precedent* di mana kawasan masjid boleh dijadikan kawasan komersial, ini satu *precedent* dalam Negeri Terengganu sekarang. Katanya satu-satunya kawasan masjid yang ada melibatkan komersial (perniagaan). Ini *precedent* baru. Dan Yang Berhormat Exco tadi sebut berkenaan dengan Jawatankuasa Fatwa yang dibuat pada

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, tak betul tu. Ini suatu tuduhan. Mana ada Kuala Berang tu satu-satu saja sebagai *precedent case*. Banyak lagi masjid lain yang di kawasan perkarangannya ada komersial. Di Gong Badak tu ada satu, ada kedai yang dibuat dalam tu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini bukan sesi soal jawab.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf **Mempelam**): **Dato' Yang Dipertua, berlaku adillah sikit.** Kalau tak ikut peraturan, tahanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah tahan, saya dah kata, Pemerhati ramai biar mereka tengok.

.....[Verbatim tidak dapat direkodkan kerana sidang menjadi riuh disebabkan oleh pertindihan suara dari banyak pihak].....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta Jabi duduk, Kuala Besut duduk

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Suruh ikut peraturan, dia dok ikut peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ramai yang berminat nak jadi Speaker ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, saya habiskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, Tepoh, ramai yang nak jadi Speaker, ya. Nanti kejap Bandar, sekejap. Peraturan apabila Speaker bercakap kena dengar, itu saja, mudah saja dalam peraturan dia.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Masjid Hadhari di Jerneh tu ada kedai dalam perkarangan masjid dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi! Alur Limbat pun nak jadi Speaker juga? Semalam dah jadi Speaker, saya kata sabar, Speaker ada. Kalau nak berbahas bukan di sini.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Speaker

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kejap. Saya nak pesan

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Minta izin.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pengkalan Berangan, duduk. Pengkalan Berangan, duduk.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Minta izin, minta izin.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nak jadi Speaker pulak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ramai nak jadi Speaker ni. Tak apa, tunggu masa, insyaAllah. Wamakarullah wallahu khairanmakirin. Okey, sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Pertama, perkara ini kepada saya sangat mustahak pasal *precedent* berkenaan dengan pentadbiran agama di Negeri Terengganu, ini *precedent*. Maknanya masjid pertama di Negeri Terengganu yang dibenarkan terlibat dengan aktiviti komersial.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Pohon laluan **Dato' Yang Dipertua**.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya mengemukakan soalan sahaja bukan sesi berbahas.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Tak boleh kata *precedent*, itu tak betul.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Nanti jawab.

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): **Dato' Yang Dipertua**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itulah yang saya kata bila kita timbul andaian, bukan satu fakta, tidak ada kajian, tidak ada *research* dan sebagainya menyebabkan orang rasa tak senang hati.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir, duduk Manir.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, Bandar seolah-olah cuba nak mengheret perhatian Dewan seolah-olah itulah satu-satunya masjid yang dibangunkan padahal di tempat lain pun ada cuma soalnya sekarang besar ataupun kecil sahaja. Dia cuba mengheretkan Dewan ini kepada pemikiran dia.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Bi, relaks Bi. Duduk Bi.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini Dewanlah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Try to drag people to dance on your floor.* Dengan izin.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Apa dia?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bahasa mana tu Y.B. Jabi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dia juga yang ajar saya kelmarin.(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT **DATO' YANG DIPERTUA:** Okey, duduk semua. *Your last word* Bandar. Cepat ya, kita dah ambil masa panjang dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau tak diganggu, apa yang saya nak sampaikan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya faham apa yang Bandar

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bukan soal nak ganggu, soalnya apa yang dicakap tu tak betul.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Exco, saya menghormati Yang Berhormat Exco dan saya teliti jawapan Yang Berhormat Exco. Jadi saya nak bertanya lanjutan daripada hujah atau penerangan Yang Berhormat Exco yang kata

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Make it fast.*

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ada yang Majlis Fatwa kata pada 20.06.2015 yang membuat fatwa boleh Masjid Kuala Berang itu untuk ada aktiviti komersial termasuk hotel. Jadi soalan saya; adakah fatwa ini boleh diguna pakai ke seluruh masjid dalam Negeri Terengganu kerana ini adalah *precedent case*. Ini *precedent case*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Bandar

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): **Dato' Yang** Dipertua, ini bukan *precedent case*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Jabi dan Kuala Besut duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Masjid lain pun ada yang buat Rumah Tumpangan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat, yang dua orang tu budak lagi, kena tegas sikit Yang Berhormat. Kalau nak suruh duduk, duduk. Kalau *takmboh* suruh duduk, saya pun *takmboh* duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): *Doksoh* duduklah senang.

.....[Dewan seterusnya menjadi riuh masing-masing ingin menegakkan pandangan.
Verbatim tidak dapat direkodkan].....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semua Yang Berhormat duduk. Saya rasa nak tangguhlah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Biar saya habis soalan saya. Soalan saya ada sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini keputusan Speaker. Bandar duduk dulu. Duduk Bandar. Saya dah cakap tadi jangan melebihi *right* sebab saya ada kuasa saya. Saya nak tengok perjalanan Dewan ini baik.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): InsyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, biarkan Bandar habis. Kuala Besut, saya tahu ada yang nak dikemukakan, kemudian nanti, insyaAllah. Saya rasa dah cukup sebab Kuala Berang dah faham Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Biar saya habiskan, ada dua perkara.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *One minute.* Satu sahaja.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Perkara yang kedua, selain daripada *precedent* berkenaan dengan masjid digunakan untuk tujuan komersial dan perniagaan serta hotel. Perkara kedua ialah adakah fatwa ini juga membenarkan kata tujuan syiar tadi masjid

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Bandar, terima kasih, cukup.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Belum. Masjid dilindungi dari segi *view* tadi, dengan izin, pandangan tadi untuk tujuan syiar. Kalau selepas pada ni ada fatwa tersebut kita bimbang semua masjid dalam Negeri Terengganu yang berjumlah beratus atau ribu ini akan menjadi keadaan dan mangsa *precedent* ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi saya nakkan jawapan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kita bimbang, malu kita ni. Kita nak bincang pasal syiar, pasal nak cemerlangkan umat Islam, *pa gini mer kita*.

Pertama Dato' Yang Dipertua, Jabatan Agama dan Majlis Fatwa dia ada dia punya peranan dia. Jadi kelulusan yang diangkat untuk program ini sesuai untuk program ini. Saya percaya Majlis Fatwa banyak lagi soal berkait dengan perkara-perkara sebegini. Jadi kalau masjid lain yang ada sesuatu juga jadi angkat kepada tatacara yang berkenaan dan sebab bagi kita Majlis Fatwa adalah Jawatankuasa Tertinggi yang di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebab itu saya tak ikut apa yang disebut oleh Paka tadi.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Kuala Berang boleh saya mencelah sedikit.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil
Kuala Berang):** Ya.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Di dalam mesyuarat Jawatankuasa Masjid di kampung sayalah di Binjai Rendah, baru-baru ini telah memutuskan untuk membina dan akan mohon kebenaran supaya nak bina bangunan kedai di dalam kawasan Masjid Binjai Rendah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Pengkalan Berangan.
Sila habiskan Kuala Berang.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil
Kuala Berang):** Ya, saya nak **habiskan Dato' Yang Dipertua.** Maknanya kita boleh angkat apa jua isu yang dalam negeri kita ini kepada Majlis Fatwa dan keputusan yang dibuat oleh Majlis Fatwa adalah saya rasa yang paling tinggi. Kemudian, soal dari segi dilindungi *view* yang disebut oleh Bandar tadi, Bandar dia dok rajin pergi Kuala Berang. Kita tidak ada lindung, tidak ada *block view* **Dato' Yang Dipertua.** Kalau tengok daripada mata kita yang *takmboh*, yang nak buat isu memang *block-lah*. Tapi sebenarnya, kita sebut tadi, satu ruang yang terbuka yang seolah-olah menggamit orang ramai untuk datang ke masjid dengan kompleks yang indah, dengan suasana yang sebagaimana masjid-masjid yang maju yang rakan-rakan sebut tadi sebagaimana juga di negara-negara lain, saya *takmboh* sebutlah. Kalau **kita pergi ke Saudi Arabia pun dan sebagainya Dato' Yang Dipertua.**

Saya harap perkara ini jelas dan kita berterima kasih kepada Kerajaan yang sebenarnya prihatin dan ingin melihat Kuala Berang ini tertua, Batu Bersurat di situ yang menyatakan Tamadun Islam bermula di situ. Ini satu sumbangan yang besar untuk memartabatkan agama kita dan rakyat negara kita. Terima kasih **Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Terima kasih banyak. Yang Berhormat Paka, saya rasa dah lama dah setengah jam saya beri, 32 minit perbincangan ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Setengah jam beri ke Paka?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: No

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka. Sudah 32 jam kita membicarakan tentang isu masjid ini.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Pembetulan tu **Dato' Yang Dipertua**, bukan 32 jam tu, salah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 32 minit. ...(Dewan gelak)... Sebab saya rasa tadi lama dah rasanya. Sebab isu agama ini supaya semua dapat menjiwainya, rohnya. Jadi saya nak bagi satu peluang lagi, saya cuba untuk berlaku adil supaya semua dapat Soalan-soalan Lisan itu dikemukakan sebaik mungkin. Saya akan bagi satu sahaja soalan tambahan. Sila Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Soalan saya ialah soalan nombor satu -

Nyatakan jumlah Rumah Mampu Milik yang telah dibina mengikut daerah di bawah perancangan Program Ibu Tunggal bagi tahun 2015 - 2016 oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rantau Abang. Sila Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Serak tekak ambil masa 32 minit satning. Salam sejahtera. Salam 1TTB. Salam Negaraku Malaysia.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan oleh Wakil Rantau Abang: Nyatakan jumlah Rumah Mampu Milik yang telah dibina mengikut daerah di bawah perancangan Program Ibu Tunggal bagi tahun 2015 hingga 2016 oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu?

Terima kasih banyak kerana ingat kepada ibu tunggal. Tapi tak tahulah Rantau Abang ni takut ada apa-apa dengan ibu tunggal ni. Tapi terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Kita pakat jagalah ibu tunggal(Sambil tersenyum)

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Pakat jaga. Alhamdulillah. Jadi sebenarnya, setakat 2015 – 2016 ni memang Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) memang belum lagi merancang untuk buat Rumah Mampu Milik kepada golongan ibu tunggal. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Besi. Soalan tambahan, satu sahaja saya benarkan. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya yang sepatutnya tiga tapi tak apalah kerana masa mencurigai yang kena *sokmo* bilik giliran saya, sampai kat saya masa tak cukup *sokmo*. Tak apa, insyaAllah.

Daripada jawapan-jawapan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang nak tanya soalan tambahan tak?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Ya, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus tanyalah, tak payah cakap lain-lain sebab ni hak Speaker sebenarnya. Bagi ni pun saya rasa suatu perkara yang patut bersyukurlah. Terima kasih. Sila Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey. Melalui jawapan-jawapan yang lepas mengenai ibu tunggal ini. Pelbagai program telah dirancang untuk ibu tunggal, Pembangunan Modal Insan, Latihan Kemahiran Ibu Tunggal dan pelbagai lagi. Soalan saya ialah adakah Kerajaan bercadang untuk membuka satu tempat bagi ibu-ibu tunggal tinggal, contoh Baitul Jannah di mana mereka dikumpulkan dalam satu tempat dengan pelbagai kemudahan terutama kawasan pertanian dan ruang untuk berniaga di mana mereka dapat menjalankan perniagaan dan melakukan aktiviti menyara keluarga mereka dan juga boleh ditambah dengan tempat belajar agama sama ada Fardhu Ain atau Al-Quran. Itu soalan saya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rantau Abang. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey. Terima kasih Rantau Abang. Secara ringkasnya soalan ini memang kita kepada ibu-ibu tunggal ni memang Kerajaan Negeri di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu memang banyak membuat perancangan-perancangan untuk kepentingan ibu tunggal kita ini.

Pada tahun 2016, seramai 158 orang ibu tunggal telah diberi faedah pinjaman untuk melaksanakan program-program untuk mengangkat, membantu ibu-ibu tunggal kita ini. Dan sebenarnya program yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) untuk meningkatkan taraf hidup ibu tunggal ini memang banyak juga program dan aktivitinya. Cuma dari segi persoalannya kita nak letakkan satu tempat. Memang kita sebenarnya, bukan kata takdok, perancangan memang kita dah buat di Chendering untuk kita buat satu tempat untuk ibu tunggal kita iaitu ruang perniagaan, menjadi Kompleks Ibu Tunggal. Perkara ini dalam perancangan dan kita dah buat program sepertimana yang diharapkan oleh Wakil Rantau Abang tadi.

Tapi selain daripada itu juga, kita di Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu senantiasa memberi motivasi, membina, mengatur kursus-kursus dan banyak program-program yang telah kita susun untuk kepentingan ibu tunggal. Inilah

sebenarnya Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu senantiasa memberi fokus bukan hanya sekadar kepada ibu tunggal tetapi kepada rakyat Negeri Terengganu kita tetapi tidak ketinggalan untuk kita membangunkan ibu-ibu tunggal apatah lagi ibu tunggal yang berada di paras kemiskinan. Sebenarnya, bukan sahaja Kerajaan tetapi badan-badan NGO, orang-orang yang mempunyai kemampuan memang kita melihat akan peri pentingnya untuk membantu ibu-ibu tunggal ini. Saya rasa itu sahajalah Yang Berhormat **Dato' Yang Dipertua**.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Besi. Terima kasih Rantau Abang. Saya tak benarkan dah lain-lain soalan. Terima kasih. Minta maaf banyak.

Jadi alhamdulillah, kita telahpun selesai dalam sesi Soalan Lisan. Terima kasih banyak kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat, bertanya, mengemukakan soalan dan juga menjawab soalan tadi.

Maka saya berhasrat untuk menangguhkan sementara Dewan untuk kita berehat. Yang Amat Berhormat **Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli** Yang Berhormat sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan yang mulia ini dan kita sambung balik **pada pukul 11.10 pagi. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.**

Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kerajaan untuk membuat penggulungan. Sila Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wabihin nasta'in. **Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Ketua Jabatan, para Pemerhati, hadirin-hadirat sekalian.**

Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan untuk menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas.

Alhamdulillah, kita telah mendengar perbahasan yang dibuat oleh Ahli-ahli Dewan dan ada beberapa perkara yang menyentuh berkaitan dengan portfolio saya iaitu yang pertamanya, berkaitan dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia kononnya **tidak ada menyentuh portfolio yang berkaitan dengan 'Pertanian' yang dibangkitkan** oleh Yang Berhormat Manir.

Suka saya maklumkan bahawa dalam Titah Ucapan Tuanku di muka surat 13 sebenarnya ada menyebut yang mana ucapan terima kasih kerana melaksanakan program iaitu Program PSN (Penempatan Semula Nelayan) yang melibatkan jumlah kewangan RM13 juta yang mana RM13 juta ini ditambah lagi dengan bantuan daripada Kerajaan Negeri iaitu tiga lokasi tanah yang melibatkan Daerah Kemaman, Setiu dan juga Besut. Dan bukan setakat itu, Kerajaan Negeri juga akan memberi sumbangan kewangan iaitu untuk penyediaan tanah dan juga infra-infra yang berkaitan dengan rumah-rumah di ketiga-tiga tempat penempatan itu.

Dan juga dibangkitkan bahawa seolah-olahnya Pertanian ini semuanya gagal. Maknanya tidak ada nampaknya kejayaan yang dicapai. Sebenarnya, persepsi ini

sangat tidak benarlah kerana hari ini kita lihat banyak kemajuan telah dicapai hasil daripada kerja yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Pertanian Dan Perikanan dan juga Veterinar seluruh Negeri Terengganu. Di mana keadaan hari ini jauh berbeza daripada dulu, hari ini, kita tengok ramai daripada kalangan rakyat-rakyat Negeri Terengganu, hari ini lahir dalam bidang ataupun sektor Pertanian ini sendiri. Kita tengok saban hari, contoh kata, baru-baru ini kita tengok ada penternak daripada Negeri Terengganu iaitu peserta Kaprima, namanya Muhammad Haris bin Nordin **telah berjaya menjadi 'Penternak Jaya Kebangsaan'**. Baru-baru ini juga kita dengar salah satu daripada Unit Peladang dalam Negeri Terengganu menjadi Unit Peladang Jaya Peringkat Kebangsaan. Ini adalah merupakan hasil-hasil ataupun kerja-kerja yang dibuat oleh pegawai-pegawai di bawah sektor Pertanian itu sendiri.

Seterusnya, ada juga dibangkit oleh ADUN Teluk Pasu dan juga ADUN Wakaf Mempelam iaitu berkait dengan masalah pasaran duku yang mana menyebut seolah-olah Kerajaan tidak melakukan apa-apa bantuan kepada mereka ataupun seolah-olah dilihat sebagai Kerajaan tidak berbuat apa-apa. **Sebenarnya Dato' Yang Dipertua**

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Pohon laluan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. **Mungkin soalan saya tak sampai masa lagi nak jawab kot tapi saya takut terlepas terus.** Saya juga ada bertanya tentang hasil yang dapat dieksport ke luar negara, Melon Manis ni berapa tan dah ke Jepun dan ke Singapura?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, terima kasih Tuan Yang Dipertua. Berkait dengan Melon Manis Terengganu,

sebenarnya Melon Manis Terengganu adalah merupakan satu produk yang menjadi kebanggaan bukan sahaja kepada petani tetapi kepada rakyat Negeri Terengganu. Melon Manis Terengganu hari ini bukan sahaja ianya menjadi buah untuk dimakan tetapi hari ini Melon Manis Terengganu telah menjadi buah tangan yang mana kita *transform* daripada buah untuk dimakan dah menjadi buah untuk cenderahati. Baru-baru ini kita ada buat pameran, kita bawa ke Singapura yang mana kita jangkakan tiga hari pameran dibuat, pada hari kedua permintaannya cukup tinggi di mana produk kita itu memang mendapat permintaan yang cukup hebat. Jadi kita tak dapat *supply*. Dan hari ini alhamdulillah, Melon Manis Terengganu kita jangkakan suatu hari nanti ianya seolah-olah macam Harum Manis juga maknanya orang beli bukan sahaja kerana nak makan tetapi merupakan buah istimewa yang mana hari ini Melon Manis Terengganu tidak cukup barang.

Sebenarnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pertanian kerana kita mempunyai dasar yang mana bagi petani-petani tradisional yang ada, kita membuat proses pengembangan kerana mereka ini kita melihat sudah tidak ada ruang untuk membesarkan perusahaan mereka. Maka kita buat proses pengembangan untuk dalam kapasiti perniagaan mereka itu, bidang mereka itu untuk kita tingkatkan hasil. Tetapi kepada golongan baru, kita mewujudkan produk-produk baru yang kita rasa ada potensi seperti Melon Manis Terengganu dan insyaAllah dalam jangka masa sedikit lagi kita akan wujud pula, kita ada jumpa benih baru iaitu benih jagung yang mana biji dia macam *gulale*, kita bubuh di lidah lama-lama dia hilang gitu.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Lualan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Kita bercadang nak gulung tak panjang ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dah saya nak tanya pun tak

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, sekali lagi. Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Manir.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tanya soalan ringkas sahaja tapi cara jawab tu panjang, tu yang jadi panjang. Saya tanya berapa dah yang telah dieksport? Kalau tak eksport lagi *kabor* tak eksport lagi. Ni *kabor* permintaan tinggi

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, terima kasih. Setakat ini tidak dieksport lagi kerana dalam *market* tempatan pun tidak cukup barang. Itu jawapannya.

Okey seterusnya, berbalik kepada soalan berkenaan dengan duku. Sebenarnya, kita telah mengambil berbagai insentif. Peringkat pertama, FAMA seluruh negara membawa duku Terengganu ke Negeri Johor, ke Negeri Perlis, di seluruh negara yang mana lori-lori FAMA dari seluruh negeri-negeri lain membawa buah duku kita ni. **Walau bagaimanapun, takdir Allah Subhanahu Wata'ala buah duku kita ni banyak, jadi dengan sebab itu kita melihat ianya perlu dibantu oleh Kerajaan Negeri. Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar** apabila dibangkit dalam Mesyuarat Exco yang saya lupa tarikhnya. Yang Amat Berhormat bersetuju supaya bajet diberi untuk semua Pusat-pusat Khidmat Masyarakat DUN Terengganu membeli buah-buah duku ini dan bergantung kepada inisiatif Pusat-pusat Khidmat DUN masing-masing nak jual balik ke, nak bagi derma ke, dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, nak tanya saja, takdok masalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Saya ingat cukup dah Dato' Yang Dipertua, saya tak benar dah takut jadi panjang.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Jawab ringkas-ringkas.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir, mudah aje. Saya dah kata bila tak bagi, jadi tak payahlah. Cukuplah.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dah mintak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi dah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tak bagi jugak? Takut-takut berubah hati.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Dah habis dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Manir. Sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Habis dah? Okeylah. Yang mana alhamdulillah, duku-duku ini Kerajaan Negeri telah beli dan dalam masa seminggu langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri harga duku pulih sebagaimana biasa. Dan kita melihat bahawa sebenarnya kita ada masalah, kalau duku ini senantiasanya pemasarannya nak bergantung kepada **Kerajaan**

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dok betul tu Yang Dipertua, kita orang kampung kita tahulah orang *tohok gitu jer* buah duku. Tak betul tu harga duku pulih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang betulnya sebagaimana yang saya beritahu bahawa bajet yang diberikan oleh Kerajaan Negeri tak habis. Maksudnya kita beli dengan harga RM1

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):Bangun

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Cukup dah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir, tak usah ganggulah. Cukuplah ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Kita beli dengan harga RM1 sekilo.....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, saya tanya jadi ganggu, tak betul tu Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Siapa yang tak betul tu?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Pertuduhan ganggu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa dia?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua kata saya ganggu. Saya nak tanya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh. Dia mana-mana peraturan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Tak apalah saya faham dah. Maknanya dengan RM1 satu kilo kita beli, alhamdulillah, dalam masa seminggu, dua minggu harga telah pulih. Maknanya petani-petani tak nak jual dah kepada kita, dia nak jual sendiri kerana harga telah lebih daripada harga minimum yang dibeli oleh Kerajaan Negeri. Okey, ini untuk proses jangka masa pendek.

Untuk jangka masa panjang, Kerajaan Negeri telah meminta bantuan daripada Pusat Pengajian Tinggi iaitu UniSZA di mana kita dah bagi bajet untuk membuat kajian supaya apabila ada berlaku lambakan buah duku, buah ini kita dapat proses sama ada dalam bentuk sejuk-beku, dalam bentuk pengetinan atau pun bentuk mana sekali pun supaya kita boleh *lasting* produk ini sebab kita bagi tempoh 6 bulan hari tu untuk buat kajian oleh UniSZA dan kalau dapat penemuan yang positif insyaAllah ianya akan dapat membantu memasarkan buah duku ini. Dan bukan setakat itu sahaja kita juga akan dapat menstabilkan harga duku ini.

Seterusnya, ada satu lagi soalan berkaitan dengan portfolio saya iaitu masalah Projek Rimbunan Kasih iaitu daripada Y.B. Rantau Abang. Alhamdulillah, sebenarnya Projek Rimbunan Kasih ini kita telah dapat membantu seramai 87 keluarga-keluarga miskin yang selama ini mereka tidak tahu bidang apa yang perlu diusahakan untuk menjadi punca pendapatan mereka dan melalui projek ini kita telah dapat membantu. *Target* kita 100 orang, setakat ini ada 87 orang. Pada

akhir tahun lalu, projek ini kita terpaksa hentikan sementara dan insyaAllah kita akan mulakan semula pada tahun ini kerana tahun lalu kita ada masalah sedikit iaitu berkait dengan dinding Rumah Hijau itu rosak disebabkan oleh ribut maka masuk serangga '*white flies*' sehingga mengganggu buah melon ataupun buah Tembikai Appolo. Dan pihak IRIS sedang merancang untuk memastikan supaya peserta-peserta ini mendapat pendapatan RM1,200 seorang setiap bulan. Dia datang dengan proposal baru untuk menambahkan lagi Green House dan juga untuk menambahkan bilangan ayam yang perlu ditenak supaya dapat melestarikan pendapatan peserta-peserta. Dan insyaAllah dalam masa terdekat ini kita akan memulakan, meneruskan lagi projek ini dengan menggunakan peserta-peserta yang sama.

Saya ada banyak perkara lagi

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua minta laluan.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya pun minta laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bagi?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey cukuplah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Jertih bagi tak?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Tak bagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, tak bagi. Peraturan 47 jelas. Sila teruskan Jertih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya nak tanya yang melibatkan ayam jer.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Jertih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jertih, saya nak tanya bagi tak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya nak tanya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nantilah dulu Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Satu jer, boleh? Sebab ada kaitan dengan Rimbunan Kasih tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okeylah se lagi. *Last* dah ni Dato' Speaker(Sambil gelak) Sila.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, kejap Rantau Abang. Mudah aje, Peraturan 47(a) jelas, kalau nak mintak, mintak elok-elok. Lepas tu, orang yang kena mintak tu timbang rasalah nak bagi ke, tak nak bagi ke, kalau tak bagi langsung tak kena juga kan?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Penjelasan yang saya nak

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu, saya bercakap tak habis lagi ni Rantau Abang, sabar dulu.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Kan tak cukup masa pula.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perkara 46(2) jelas. Dia kata dalam peraturan, ia tidak boleh diganggu macam Manir tadi tu, dia tidak boleh diganggu melainkan untuk mendapatkan penerangan dan tanya elok-elok dan sebagainya. Sila, teruskan Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey. Penjelasan daripada jawapan Rimbunan Kasih. Setakat ini apakah perancangan yang telah diambil tindakan oleh pihak Rimbunan Kasih setelah dihentikan produk Tembikai Appolo ni. Jadi saya takut terjejas dengan peserta-peserta yang di dalam yang tidak ada kerja dan apakah langkah-langkah yang telah dibuat sehingga ianya dapat dimulakan semula? Itu saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Langkah yang kita ambil pertama sekali, untuk ayam itu sendiri, kita akan tambah lagi bilangan reban. Yang kedua, kita akan menanam produk baru iaitu Cili. Melon Appolo kita akan teruskan. Ikan yang sedia ada kita akan tukar kepada ikan jenis lain kerana kita mendapati induk ikan yang kita buat hari ini sukar untuk diperolehi. Walau bagaimanapun, dalam proses bulan 12 sehingga ke hari ini, elaun kepada peserta-peserta masih lagi kita bayar sebanyak RM1,000 kepada setiap peserta. Yang kita potong iaitu RM200 sebulan daripada peserta iaitu Elaun Kerja dia iaitu RM10 satu hari dan RM10 Elaun Makan satu hari. Maknanya dia dapat elaun RM20 satu hari kali dengan 20 hari iaitu RM400 sebulan. Jadi peserta-peserta ini walaupun dia tidak kerja pihak pengusaha masih lagi memberi bantuan sebanyak RM1,000 sebulan. Dan insyaAllah, dengan apa yang saya sebutkan tadi projek ini akan diteruskan dan insyaAllah peserta-peserta akan mendapat pendapatan tambahan iaitu RM10 bagi Elaun Kerja dan RM10 bagi Elaun Makan mereka.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih dan merafak sembah ikrar taat setia. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih banyak Jertih dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencelah tadi. Seterusnya, sila. Sila Ajil bagi pihak Kerajaan untuk membuat penggulangan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Exco-Exco Kerajaan Negeri, Yang Berhormat ADUN-ADUN, ketua-ketua jabatan dan para Pemerhati sekalian.

Alhamdulillah, dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku banyak menekankan tentang aspek kepentingan rakyat terutama dalam hal-hal perumahan, sosial, ekonomi dan kesejahteraan hidup termasuk dalam keseluruhan hal ehwal yang memberi kebaikan dan kesejahteraan seluruh rakyat Negeri Terengganu.

Dalam ucapan perbahasan oleh Wakil-wakil Ahli Dewan banyak perkara yang disentuh yang pertama daripada Kota Putera. Saya nak jawab tentang soal masjid. Kota Putera menyatakan terdapat sebuah masjid yang perlu dilaksanakan. Oleh kerana masalah kita adalah kekangan kewangan kalau nak bina keempat-empat buah tu agak susah tetapi insyaAllah, yang salah satu yang dhaif, yang sangat penting itu nanti akan kita masukkan dalam Senarai Keutamaan Pembinaan 2018, insyaAllah.

Begitu juga dengan Batu Rakit telah mengemukakan masalah lama katanya, tanah semua dah ambil, selesai dah iaitu Masjid Mengabang Lekor yang berkapasiti agak besar iaitu 1,000 orang. Tapi insyaAllah, pada mesyuarat yang akan datang kita akan masukkan juga dalam ke Senarai Utama 2018 untuk dilaksanakan.

Bagi Masjid Bukit Petiti yang telah ditimbulkan oleh Wakil Teluk Pasu tentang Masjid Bukit Petiti yang dhaif dan *bergogeh* tiang menara tangki air. Wakil ada dok? Oh, ada, tak berapa nampak. Okey, Teluk Pasu kata dah *bergogeh* dah menara dan kemudian dah digigit oleh anai-anai, lepas tu pulak bumbungnya nak runtuh. Betul ke dok nak runtuh ni? Kalau betul nak runtuh, menara *gogeh*, anai-anai ada, kita lulus dan kita akan buat pada tahun ini juga. Hah, tepuk tanganlah sikit, takkan senyap gitu aje. Kan tarik balik kan. Eh, tak. InsyaAllah tanpa prejudis. Kalau perlu macam kata Kebor Air kita baiki dan yang ini insyaAllah kalau dah tengok dhaif kita takut jugak jemaah sembahyang terjatuh bumbung atas kepala, mati kan. Jadi kita akan lulus, insyaAllah. Tengoklah macam mana, mungkin kita buat menara dulu ke, bumbung dulu ke atau yang mana tapi kita

akan selesai. Ini jaminan yang kita beri dalam Dewan ini. Itu adalah antara perkara-perkara yang perlu kita selesai segera.

Kemudian berbalik kepada Alur Limbat. Alur Limbat menyentuh tentang Wi-Fi Internet. Ada Wakil tak? Haa, ada. Saya sebenarnya setuju kenyataan yang dibuat oleh Alur Limbat sebab saya pergi juga dekat yang dia sebut tu. Kelas! Wi-Fi ada, malah di Kampung Batok pun ada. Oih, kata bagus sini berbanding dengan Kenyir memang takdok. *So*, kita *transparent*, hak betul kita terima dan insyaAllah, kelemahan itu akan kita baiki dan kita tambah lagi. Tapi kalau nak kata di depan rumah Yang Berhormat ni ada, aik, jangan gitu, tak baik gitu. Kita ada menyeluruh di tempat-tempat yang saya sebut ni. Di Kuala Terengganu cadangan lokasi kita - 57, di Kuala Nerus - 21, guane sikit ni? Tak tahulah Kuala Nerus guana jadi ni. Marang pun ada - 31, Hulu Terengganu - 28, Setiu - 23, Besut - 23 juga, di Dungun - 20 cadangan kita, Kemaman - 30 dan keseluruhannya kalau cadangan bilangan lokasinya ialah 231. Kemudian dari segi cadangan bilangan hotspot adalah 623 tempat, ini kita cadang. Kemudian bilangan hotspot yang telah beroperasi ada dahlah, kalau kita gi kelaslah macam Tasik Toba juga sebanyak 408 tapi di hotel-hotel tu biar kerjaan hotellah, kalau kita ambil juga banyaklah pulak pith perbelanjaan kita. Nanti hak sebelah sana kata membazir, hak swasta pun ambil kerja juga. Jadi ini insyaAllah akan kita sediakan. Jadi tak semestinya di Jalan Pusara saja, tidak di Kuala Berang. Di Masjid Ajil pun ada, di masjid pun kita buat. Kalau ikut senarai ini banyak, kita buat di macam-macam tempat. Kalau nak cerita, nak bilang pun takut padan habis ke hak ni jer. Tapi insyaAllah saya ambil kira dan peka apa yang dinyatakan oleh Alur Limbat. Itu adalah satu idea yang sangat menarik dan baik. Kita pun takmboh nampak *komang* sangat Terengganu ni berbanding dengan Medan, kalah kita dah, biar setidak-tidaknya kita sama dengan dia atau kita lebih sikit. Jadi insyaAllah, yang ini akan kita pertingkatkan dari masa ke semasa. Terima kasih Alur Limbat. Satu idea yang sangat baik dan sangat ikhlas pandangannya kepada pihak Kerajaan.

Menyentuh hal Ladang. Saya ambil peka kalau hal Ladang ni. Jangan Ladang kata dulu kata nak buat masuk mesyuarat. Saya *scope* dengan tarikh mesyuarat sekali ni. Jadi Mesyuarat Exco dengan MAIDAM diadakan pada 21.02.2017. Maksudnya selepas dua bulan tu, saya adakan mesyuarat jam 2.30 petang hingga 4.30 petang, di Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 3, Tingkat 5, Wisma Darul Iman. Nak bincang hal Ladang sahaja, sayangnya saya ke Ladang. Jadi kita nak buat penambahbaikan. Apa benda yang kita nak tambah baik dalam perkara-perkara

yang berkaitan dengan masalah orang miskin tadi, golongan asnaf tadi yang kata duit zakat kita banyak. Saya pun tak nafi hak sebut tu dan saya kabor juga **kepada Eksekutif dia, Dato' Pesuruhjaya dan beberapa orang pegawai dia tentang duit-duit yang kita ada ni sebab kita takut orang kata duit banyak tidak belanja, buat benda?**

Jadi hasilnya daripada perbincangan itu beberapa perkara ada penambahbaikan antara yang pertama telah memberi satu berita baik saya rasa iaitu diberi modal kepada golongan-golongan yang asnaf yang miskin ini untuk dia berniaga. Tapi tengoklah dia nak berniaga apa? Kalau dia nak berniaga ni, kita beri tak padan jadi pitih tu kadang-kadang tu lah, set-set ni *kecek* kuat, dia gi *kecek* kita. Dia kabor gitu-gini, kita tengok keperluannya bukan yang itu. Jadi ketelitian itu perlu dibuat, pegawai-pegawai perlu turun kaji betul tak dia nak berniaga air tebu, betul tak dia nak berniaga kuih, betul tak dia nak beli peralatan untuk warung dan sebagainya. Kalau betul memang dia layak, insyaAllah ada beberapa peluang untuk diperolehi oleh mereka, antaranya modal untuk meniaga kecil-kecil yang tidak lebih pada RM5,000. Maknanya bukan RM5,000 belaka, mungkin RM1,000, mungkin RM2,000, mungkin RM3,000 dan mungkin RM5,000 hak kecil diberi peluang, dia fleksibel. Kemudian kita tengok dia ni bagus, ada daya maju, kemudian kita akan beri modal yang sederhana pula. Modal yang sederhana tidak lebih daripada RM20,000, maknanya tak semestinya nak RM20,000, jangan tekan gitu. Kita kena tengok kalau bagus, nampak menjadi mungkin ada penambahan atau sikit suntikan tambahan membolehkan dia lebih berjaya maju. Kita kalau boleh nak asnaf ni lepas pada ni mengeluarkan zakat pula bukan ambil zakat apabila dia berjaya kelak, insyaAllah. Kemudian kita juga lihat ada potensi, mungkin selama ini dia ni orang bijak, ada kredibiliti, ada karisma untuk jadi jutawan, hartawan macam Datuk Vida, **Datuk D'herbs tu tetapi mungkin tak ada peluang maka kita ada satu inisiatif baru,** kita bagi modal besar. Modal besar ini bergantung kepada keputusan mesyuarat, bukan kita boleh tetap, tidak. Mesyuarat bersidang akan pergi tengok, *check*, apa dan didapati bagus, jadi di situ kita boleh bantu dia atas nilai potensi diri dia nanti mungkin dia boleh asnaf-asnaf kerja dengan dia, dia boleh sumbang pekerjaan jadi kita boleh selesai banyak perkara. Orang yang miskin yang tak ada kerja, asnaf ni yang dhaif mungkin OKU boleh menjadi pekerja kepada mereka, yang ini akan diputuskan oleh Mesyuarat Kerajaan, Wakil Ladang.

Wakil Ladang, seterusnya ada dikeluarkan seolah-olahnya kita ni miskin tak bertambah, tidak. Saya nak beritahu, ini saya ambil catatan 2016. Jumlah asnaf

dan miskin (ketua keluarga) yang dibanci oleh pihak MAIDAM ialah sebanyak 50,652 bukan 400. Cuma orang kata, orang ibadah ni tak berapa sohor, MAIDAM ni dia diam aje.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak dapat satning, berapa?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): 50,652 jumlah asnaf hak terima bantuan ni. Kemudian jumlah duit hak kita bayar sebanyak RM91,024,074.14 pada tahun 2016, banyak ni. Sedangkan kutipan kita pada tahun itu ialah RM133,641,272.65 makan modal sebab pitih banyak. Kita peka Ladang, kita ambil tabung kita buat tambah sebab kita *dok susut-susut ni*, kita royat terus terang. Nak *susut* apa pitih zakat ni. *Takdok susut, takdok khilaf, takdok gapa*. Jadi belanja kalau tengok tu begitu besar sekalilah RM163,915,682.87 kita belanja jadi makan modallah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil bagi?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila. Ajil duduk dulu, kita dengar soalnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Pertamanya, nak ucap terima kasih banyaklah sebab sebut Ladang sokmo macam Ladang ramai orang miskin sangatlah, baguslah tu. Yang keduanya, nak tahu masa dan tempoh diambil untuk menilai seseorang tu untuk menjalankan projek-projek tu tempoh dia lama mana agaknya diambil. Adakah pegawai-pegawai kita mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Ladang. Masa ni bergantung kepada penyakit kalau penyakit tu mudah, gi tengok boleh sah selalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Pengalaman yang lepas bagaimana, berapa lama?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Pengalamannya macam ni, kalau kata benda yang kita pergi tengok memang dah keperluan serta merta, keperluan semerta pernah saya sendiri pergi turun sebab itu kalau tengok surat khabar, tengok facebook saya hak turunlah, hak takmboh turun nak buat guana, kita turun, kenal pasti memang ada masalah dalam dua hari sahaja boleh selesai. Kalau *urgent-lah*, memang dia perlu sangat kalau tak esok-lusa kalau kita tak lulus, dia mati. Sebab yang saya beritahu, saya kabor ni pernah setelah permohonan lulus kawan tu meninggal. Innalillahi wa inna ila hirojiun. Yang tu fleksibiliti. Kalau kes yang boleh segera kita segerakan. Kalau kes yang teknikal itu mungkin lambat sikit tapi ukuran masa tu tak berani nak sebutlah seminggu ke, dua minggu ke, sebulan ke, itu atas pegawai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Hak paling lambat sekali tu berapa bulan. Hak paling lambat sekali tu berapa minggu, berapa bulan kalau boleh nak tahu?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Payah tu nak jawab. Nanti saya tanya dan beritahu semula deh. Bagus Ladang ni. Kemudian dari segi pembinaan rumah. Dalam mesyuarat baru-baru ni kita minta tambah sikit daripada RM40,000 ke RM50,000 dan yang terbaru ke RM60,000. Daripada RM40,000 ke RM60,000 hasil daripada perbincangan tu kita naikkan ke RM60,000 mungkin *material* dan upah tukang mahal dan sebagainya. Jadi kita nak juga takmbohlah kualiti rumah yang dibuat tu nanti mentang-mentang rumah orang miskin, guna duit zakat orang kata *tepoth babi rumah runtuh*, kita *takmboh gitu*. Jadi kita masih mementingkan kualiti dan harganya kita naikkan ke RM60,000. Jadi insyaAllah. Saya peka dengan cerita hak Teluk Pasu, rumah yang tak siap-siap tu, siap dah dok? Alhamdulillah, saya rasa dah siap dah.

Begitu juga Bantuan Pendidikan kepada yang asnaf. Kita bagi yang ijazah RM1,000, yang luar negara kita bagi RM2,000 kemudian begitulah diploma dan sebagainya. Duit ni kita ambil duit zakat untuk diberi kepada golongan yang memerlukan.

Kemudian untuk musibah. Musibah ni kebakaran, tiba-tiba tengah-tengah duk menggoreng pisang rumah terbakar habis sebuah rumah. Maka musibah ni kita naikkan dari RM3,000 ke RM10,000 bantuan. Kemudian tiba-tiba mari banjir, hilang sebuah rumah, takdok rumah. Okey Bantuan Musibah sebegini sebuah rumah ni kita bagi RM10,000. Jadi itulah di antara contoh peningkatan, penambahbaikan yang kita beri. Sebenarnya banyak lagilah perkara-perkara yang kita beri. Kalau nak maklumat terperinci boleh dapatkan satu senarai daripada MAIDAM. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):[Bangun] ...

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ada dah. Duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang, duduk Rantau Abang.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Untuk Rantau Abang berkait dengan Hemodialysis, bukan hak tu nak? Hor, hak lain, tak apalah, tak kisahlah hak tu. Hamodialysis ni mesin cuci buah pinggang. Okey, buah pinggang kotor dicuci jadi bersih, dia cuci darahlah bukan cuci buah pinggang hak rosak-rosak tu. Jadi kata *takdok* bantuan dah, ada kita bantu. MAIDAM bantu pada 2015 sebanyak bukan kata RM100,000, bukan RM200,000 tapi RM1,684,730 pada tahun 2015. Pada 2016, bukan *kohor* turun tapi *kohor* tambah bukan sikit tapi sekali ganda lagi iaitu sebanyak RM2,109,234. Bantuan apa lagi? Bantuan Alatan **Duduk, duduk.** Suara saya jelas tak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk ya, Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebab ada saya tanya tu cadangan bukan saya kata tidak ada bantuan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Nanti dulu.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Dengar molek dok soalan saya tu.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Benar ke dok, cakap-cakap ni? Benar ke dok ni? Saya tak benar lagi, duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Tak, saya sebut sekiranya ada lebih terutama sekali peralatan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang, Rantau Abang, peraturan mudah, 47(a)

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Tak, sebab jawab tadi seolah-olah macam saya menafikan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, terima kasih Rantau Abang, duduk dulu Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebab saya tengok skrip-skrip jawapan tu, bantuan yang diberi tu ada tapi yang berpenyakit

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang 47(a) tu jelas, peraturan dia.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebab saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Yang Berhormat, saya dah minta maaf empat kali dah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Tak sabar Rantau Abang ni. Saya jawab dulu bahawa Bantuan Alat Hemodialysis, Bantuan Bayaran Annodialysis Penyakit kepada pesakit dan juga tambang pesakit ke Hemodialysis, itu bantuan dia. Dan MAIDAM tidak bercadang untuk terlibat buat klinik, buat ini, itu tidak ada sebab kita ada masalah dari segi pengurusannya, kita hanya menyalurkan bantuan-bantuan sahaja. Itu fungsi kita. Terima kasih. Cukup.

Seterusnya, saya pergi kepada perkara-perkara lain yang disentuh iaitu Paka pun ada sentuh tentang berapa jenayah dan sebagainya. Dalam jawapan bertulis pun dah ada. Ada *enforcement* yang kita buat, banyak tangkapan dah dibuat, alhamdulillah.

Namun begitu kita harus beri kepujian dan tahniah kepada Jabatan Penguatkuasaan telah pun secara ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk menangani masalah-masalah sosial, masalah-masalah moral atas kesalahan takzir dan sebagainya. Dan tangkapan-tangkapan telah kita buat dan setengahnya kita bicarakan. Dan mungkin orang terlepas pandang kehebatan Mahkamah Syariah. Kita telah berjaya membicarakan 85% kes yang difailkan dalam tempoh 6 bulan dan di antara Mahkamah Syariah yang terbaik dalam menyelesaikan SOPnya. Patutnya Wakil Kerajaan tepuklah sikit kehebatan Mahkamah Syariah kita dalam **menyelesaikan banyak kes**

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sebut perhabis dulu kita tepuklah, bukan tak tepuk. Kena sebut perhabis dulu.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Di antaranya saya sebut ni dalam SOP, mahkamah kita telah berjaya mengurus banyak perkara yang melibatkan waran tangkapan. Kemudian dalam menyelesaikan Kes Tuntutan Nafkah. Kemudian menghantar dokumen melalui mahkamah dan semua sistem maklumat yang terkini yang ada di Mahkamah Syariah kita dan kita banyak memenangi *award* terutama dalam pengurusan dan penyelesaian kes Mahkamah Syariah. Malah kita beri anugerah kepada Hakim Mahkamah Syariah kita kerana kecekapan mereka untuk mengerjakan Umrah seramai tujuh orang, saya rasa begitulah. Okey.

Oleh kerana saya pun nampak Wakil Paka sangat ikhlas terutama dalam membicarakan tentang peristiwa yang berlaku kepada pesalah takzir kita, kita hukum dia. Tapi perkara-perkara yang dilulus 2001 dan diwartakan 2012 tu, enakmen tu memang kita akui sebagaimana halangan-halangan yang kita hadapi tetapi secara peribadi sebagai orang Islam kita mempunyai niat yang sama, cita-cita yang sama. Kita nak laksanakan hukum Syariat Islam ini seboleh-bolehnya secara optimum 100%, cuma kita berdoa kepada Allah Ta'ala agar kita diberi kekuatan dan umat Islam seluruhnya, di sebelah sini diberi kekuatan, di sebelah sana diberi kekuatan untuk sama-sama kita tegak Undang-undang Allah ini, di

muka bumi ini tapi kalau harap ke kita seorang, halangan banyak dengan *reba-reba ni*. Nak-nak sangat dan kalau tanya saya rasanya esok saya nak buat sebab kesungguhan ini kita tahu sebelah sana pun bersungguh dan di sebelah sini pun bersungguh. Tapi dalam bersungguh ini kita banyak halangan-halangnya, halangan A, halangan B, halangan C. Di sebelah sana halangan daripada dalam dia pun ada, kita pun begitu juga, ikhlas cakap ni. Sebab itu saya pergi Acheh baru-baru ini, saya tengok kalaulah semua bersetuju ni kalau takdok *kerakoh* boleh buat dah ni. Rasa tak payah mana, itu rasalah tak payah mana tapi alhamdulillah apa yang disuarakan oleh Paka saya hormati, beliau faham halangan-halangan Akta Mahkamah yang mana kita tidak boleh nak laksanakan. Sebab kita hanya ada Akta, 3 tahun, 5,000, 6 sebatan, itu aje yang ada. Hak lebih tu kita kena tunggu hak *nung*. Kalau dia beri hak *nung* insyaAllahlah, sebelah sana bantulah kita. Kita akan duduk, *sit down* sama-sama apa yan patut kita buat, kita buat. Mana-mana hak tak boleh, *kerakoh ni*, hak tu kita *ork* sekejap tapi seboleh-bolehnya kita akan buat. Takdok masalah, saya sangat suka dan saya sangat mencintai pelaksanaan syariat ini. Terima kasih Paka sebab saya faham **situasi sebab saya duduk di sini baru saya tahu, oh... begini rupanya, sebab tu** tak boleh buat lagi dari 2004, 2003 rupanya, ada halangan. *So*, saya tidak *blank* kenapa masa *mood takdok* sebab saya tahu halangan dia. Jujur saya jawab, sejujur-jujurnya. Itu halangan kita dan halangan bersama, halangan ummah, halangan kita dan kita akan cuba selesai dan kita berdoa kepada Allah biar Allah beri kekuatan kepada kita, penyatuan, iltizam yang sama akhirnya cita-cita kita bersama akan tercapai. InsyaAllah.

Kemudian, perkara-perkara lain banyak sebenarnya kalau nak disebut ni tapi tak apalah, saya rasa saya sudah pun banyak menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh sahabat-sahabat kita dalam Dewan ini. Jadi maka dengan itu saya menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku. Sekian, wabillahi taufik wal **hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Ajil yang melibatkan diri dalam penggulungan. Sila Bukit Besi untuk membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar,

Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Jabatan dan para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberikan keizinan dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Dan di atas junjungan kasih itu marilah kita sekalian di Dewan yang mulia ini bersama-sama bermuhasabah diri terhadap Titah Baginda agar memperbaharui tekad dan menjadikan Penggal Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas sebagai satu lembaran baru untuk kita sama-sama memberikan yang terbaik demi agama, bangsa dan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman.

Izinkan saya bermula dengan merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat **Dato' Seri Menteri Berhormat Menteri Besar atas agenda Transformasi Terengganu** Baharu yang turut mendapat keyakinan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Pada Titah Baginda yang menyatakan Negeri Terengganu mampu untuk mencatatkan lebih banyak kejayaan terutamanya dalam bidang pembangunan berdasarkan usaha Transformasi Ekonomi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap. Saya dengar ada satu bunyi macam telefon atau bunyi apa ni? Sila keluar ya sesiapa yang menggunakan telefon tu, saya tak benarkan ada gangguan telefon ketika berada di dalam Dewan. Terima kasih. Sila Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Berkaitan dengan beberapa persoalan yang disentuh dalam Sidang Dewan dalam sesi perbahasan dua hari yang lepas iaitu menyentuh kepada galakan menabung yang telah dibangkitkan dua hari yang lepas. Kerajaan Negeri sedar bahawa amalan menabung ini merupakan amalan yang mulia, yang baik, bak kata pepatah '**Sediakan Payung Sebelum Hujan**'. **Bagi memberi galakan kepada setiap keluarga** agar sentiasa menabung. Sebab kita amat faham bahawa memang dari segi hasrat, memang betul, memang baik supaya rakyat Negeri Terengganu kita boleh menabung tetapi dari segi kita nak buat sesuatu ni memang sesuatu perkara yang agak payah juga.

Jadi oleh sebab itu, alhamdulillah, sebenarnya Kerajaan Negeri telah memperkenalkan konsep menabung melalui insentif berbentuk sagu hati sebenarnya kepada setiap keluarga yang melahirkan anak dengan kadar RM100 –

RM500 yang diberikan dalam bentuk Skim Simpanan Pendidikan Nasional iaitu SSPN-i. Bagi tahun 2016 ni, kita buat sedikit perubahan iaitu di mana kelahiran anak daripada anak pertama hingga keenam, Kerajaan Negeri memberi insentif sebanyak RM100, anak ketujuh RM200, anak kelapan RM300, anak kesembilan RM400 dan kelahiran anak kesepuluh ke atas sebanyak RM500. Ini adalah satu usaha Kerajaan Negeri di bawah **kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar** untuk memberi galakan kepada rakyat Negeri Terengganu dalam konteks menabung. Sepanjang pelaksanaan Program Sagu Hati Kelahiran Anak Terengganu yang bermula pada Januari 2015 hingga sekarang, sebanyak 17,698 orang telah diterima. Dan insyaAllah, kesemua permohonan ini telah dan akan mendapat sijil simpanan berbentuk Skim Simpanan Pendidikan Nasional. Dan diharapkan agar sijil simpanan ini akan menjadi galakan kepada para ibu bapa untuk terus menabung sebagai persediaan anak-anak di kemudian hari.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Besi, Bandar minta laluan tu, macam mana?

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Saya nak teruskan sebab masa agak itu. Tak apalah kalau ada sekiranya ada persoalannya **mengenalinya yang masih lagi ada keraguan**

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Cadangan. Ulasan Bukit Besi tu bagus tadi, Yang Berhormat Exco. Saya ada satu cadangan, boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap. Bukit Besi bagi tak?

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Saya ingat tak payahlah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak bagi.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab Yang Berhormat Bukit Besi sebut pasal isu tabungan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah Bandar, dia tak benar. Kalau dia tak benar, kita duduklah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): isu yang baik, pasal tabungan tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Tak apalah Wakil Bandar, saya nak teruskan. **Okey, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih** banyak kerana memberi peluang kepada saya untuk meneruskan. Demi menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan kesepaduan nasional semua pihak perlu memainkan peranan jitu dalam memastikan Negeri Terengganu kita ini terus berada dalam keadaan yang aman lagi harmoni.

Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional akan terus melaksanakan program-program ke arah memupuk semangat perpaduan dan integrasi nasional di peringkat akar umbi melalui aktiviti kemasyarakatan yang terancang oleh Kawasan Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela, Tabika Perpaduan, Taska Permata Perpaduan dan juga Mediator Komuniti. Dalam usaha memupuk integrasi nasional sesama kaum dalam negeri kita pada 7 April 2017 bertempat di Pulau Warisan Kuala Terengganu, insyaAllah akan diadakan Program Moment of Community 2017 iaitu Detik Perpaduan, hasil kerjasama Kerajaan Negeri bersama tiga NGO iaitu Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Melayu, Cina dan India. Program berkonsepkan santai ini akan melibatkan aktiviti senamrobik **dan berbagai aktiviti lain melibatkan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar** insyaAllah, bersama berbagai kaum daripada berbagai-bagai peringkat umur. Suka saya maklumkan di sini, Negeri Terengganu merupakan negeri pertama yang melaksanakan program sebegini setelah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di peringkat nasional pada bulan lalu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menyedari hakikat golongan ibu tunggal perlu dibantu dalam menangani kos sara hidup masa kini. Terima kasih banyak di atas persoalan dan perbincangan mengenai ibu tunggal ini. Kerajaan Negeri akan meningkatkan lagi usaha-usaha menggalakkan penglibatan golongan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan. Usaha membudayakan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya dilihat memberi satu impak sosio-ekonomi yang sangat positif kepada golongan ibu tunggal ini. Sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin menerusi agensi-agensi Kerajaan terutamanya Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), berbagai program telah dibuat dalam memberikan

pendedahan dan kemahiran keusahawanan kepada golongan ini dalam menjana pendapatan mereka. Program Jaya Diri Ibu Tunggal bertujuan membantu ibu tunggal menjalankan projek-projek ekonomi bagi menjana pendapatan keluarga melalui pinjaman modal tanpa faedah kepada ibu tunggal menerusi program pinjaman ini. Ibu tunggal yang memenuhi syarat boleh membuat pinjaman perniagaan sehingga RM20,000 bergantung kepada projek yang akan diusahakan. Untuk makluman Sidang Dewan sekalian, bilangan peminjam dari tahun 2014 hingga 2015 adalah seramai 255 orang yang melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM2,117,500. Manakala bagi tahun 2016 sebanyak 115 ibu tunggal telah membuat pinjaman yang berjumlah RM946,000. Bagi membantu ibu tunggal menambah ilmu dan memajukan perniagaan mereka pula, pelbagai kursus kemahiran dan keusahawanan turut dilaksanakan kepada golongan ibu tunggal di Negeri Terengganu. Kursus kemahiran jangka pendek ini berkisarkan tentang pengurusan kewangan perniagaan, skill keusahawanan dan juga teknik-teknik pemasaran produk bagi aplikasi dalam membantu jualan mereka. InsyaAllah, ini juga turut dibantu oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu.

Selain daripada

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh celah, satu saja.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Tak apalah, yang satu tu kita

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini untuk kebaikan bersama ni.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya cadang fotostat sahaja jawapan tu dan edar kepada semua Ahli Dewan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pasal begini, kita pun tak gaduh mana Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kita pun bersidang bukannya acap kali.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau baca jawapan tu, adalah lebih baik kita fotostat, kita edar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini untuk kepentingan ibu tunggal ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap ya, duduk belaka. Yang Berhormat, tadi bangun *point of order* mana yang nak sentuh sebenarnya?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Itu *point of order* semasa menjawab, pihak Kerajaan tidak boleh baca dengan berterusan. Yang Berhormat Yang Dipertua tahu perkara itu kan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu saya nak tahu *point of order*, saya minta peraturan kita patuhilah. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih. Ini kita nak cuba gulung persoalan yang ditimbulkan. Jadi sekarang ini kalau kita tak baca statistik apa ni bukan kita nak ingat dalam kepala kita semua. Itulah saya ambil satu pandangan supaya benda ni boleh dan dapat kita selesaikan bersama.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila teruskan Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. **Selain daripada Penyediaan Pinjaman Modal,** sebenarnya Kerajaan Negeri juga melalui Yayasan Pembangunan Keluarga ini turut menyediakan Pusat Perniagaan Setempat khas kepada ibu tunggal kita bagi menjalankan operasi perniagaan. Pusat Perniagaan Setempat ini dibuka di Parlimen Hulu Terengganu bertempat di Bangunan Arked MARA, Ajil. Seramai 10 orang ibu tunggal yang sedang menjalankan berbagai jenis projek ekonomi seperti spa, kedai kek, jualan makanan sejuk-beku dan berbagai makanan tradisional.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin merumuskan sedikit berkaitan persoalan yang telah diajukan oleh rakan saya iaitu Wakil Bukit Tunggal petang kelmarin berkaitan kurangnya projek-projek fizikal kesihatan yang menggunakan dana daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan. Alhamdulillah, ingin saya maklumkan di sini menerusi Rancangan Malaysia Ke-11, *Rolling Plan* Kedua 2017 - 2018 melalui Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu iaitu sebanyak 23 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan di Negeri Terengganu kita ini. Di mana ianya bakal menelan belanja sekitar RM1,082,917,779. Antara projek fizikal

yang sedang dan akan dibina ialah projek-projek mega iaitu pembinaan Hospital Kemaman yang bernilai hampir RM500 juta, pembinaan Hospital Dungun yang akan menelan belanja sekitar RM145 juta dan menaiktarafkan dan pewujudan beberapa komponen baru seperti setor, farmasi, Pusat Hemodialysis seperti yang dibangkitkan dan Blok Psikiatris di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) yang bernilai sebanyak RM262 juta. Kos ini turut termasuk pembinaan 12 Klinik Kesihatan merangkumi seluruh daerah yang bernilai hampir RM157 juta. Dan diharapkan dengan usahasama dari seluruh agensi berkaitan terutamanya Jabatan Kesihatan Negeri akan dimurahkan lagi rezeki negeri kita dengan limpahan projek fizikal demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga tertarik dengan cadangan sahabat saya daripada Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Dipertua, minta laluan, penjelasan sikit, boleh? Tentang hospital, boleh? Alaa... bagilah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi laluan tak, Bukit Besi? Bagilah, bagi satu ni.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Kadang-kadang susah juga bila kita ni berjiwa rakyat ni payah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Besi. Sila Bukit Tunggal. Bukit belaka dua-dua ni.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Haa.... Dia keras lagi, besi. ...(Sambil gelak) Terima kasih Dato' Yang Dipertua dan sahabat saya daripada Bukit Besi. Cuma yang saya nak timbulkan ialah projek diluluskan tetapi nak laksanakan sesuatu tu terlalu lama. Contohnya, Hospital Dungun, Hospital Kemaman lulus tapi lambat, lambat. Kalaulah ada peranan kita untuk memohon perkara-perkara kepentingan dengan kesihatan ini didahulukan sebab penyakit berjangkit ni kurang dah dalam Malaysia ni, sekarang penyakit yang orang panggil penyakit kronik yang perlu kepada pesakit tinggal di hospital yang agak lama. Jadi perlu taraf hospital itu dinaikkan sewajar dengan keperluan penduduk.

Satu lagi yang saya nak dapat pengesahan ada jawapan daripada Exco semalam tentang Hospital UniSZA dalam Titah Ucapan dia ada sebut 400 katil tapi dijawab hanya 200 katil. Hak mana se yang betul, cuba dapat penjelasan yang sebenarnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Tunggal. Sila Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasihlah Wakil Bukit Tunggal, sebenarnya memang kalau kita nak cakap dari segi Kerajaan ni memang hasrat rakyat memang kita nak buat dan secepat mungkin yang boleh tetapi dari segi pelaksanaan yang tu. Jadi tindakan kita ni melalui beberapa proses sebenarnya, bukan kata kita buat mesyuarat ini, buat keputusan, selesai sebenarnya ada beberapa tingkat proses untuk nak mewujudkan apa yang kita nak sebenarnya.

Mengenai Hospital UniSZA ini memanglah pada peringkat awalnya kita cadang 400 tetapi untuk semasa ini memang kita buat sebagaimana Hospital Dungun juga, kalau nak kira tidak cukup kalau 100, dulu 100 dan sekarangpun 100 tetapi itulah maknanya hak yang kita larat buat setakat ini.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sekarang ni 200 lah bukannya 400. Itu sahaja yang saya nak minta penjelasan. 200?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): 200.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Wakil Bukit Tunggal. Saya teruskan Yang Berhormat **Dato' Yang Dipertua**. Saya juga tertarik dengan cadangan sahabat daripada Wakil Rantau Abang yang menyarankan agar diwujudkan sebuah Pusat Hemodialysis di sekitar Bandar Dungun. Dan di sini saya ingin maklumkanlah di sekitar Bandar Dungun kita ni telah ada dua Pusat Hemodialysis kendalian Kerajaan iaitu Pusat Hemodialysis MAIDAM Dungun seperti yang diperjelaskan tadi oleh Wakil Ajil. Berhampiran dengan Hospital Dungun yang berkapasiti enam buah mesin dan Pusat Dialysis

Kementerian Kesihatan Hospital Dungun yang berkapasiti 22 buah mesin Hemodialysis. Selain daripada itu, sebuah lagi Pusat Hemodialysis bagi Daerah Dungun iaitu konsep NBOS yang juga sedang beroperasi sebenarnya di RTC Al-Muktafi Billah Shah di mana turut menempatkan enam buah mesin Hemodialysis. Apapun cadangan dan usul daripada Wakil Rantau Abang akan kita pertimbangkan demi menyediakan khidmat kesihatan terbaik kepada rakyat Negeri Terengganu seluruhnya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menerusi Tabung Darul Iman, juga dibangkitkan, untuk makluman Sidang Dewan hampir 5,000 pemohon telah mendapat manfaat sebenarnya yang melibatkan perbelanjaan hampir RM8 juta pada tahun 2016. Dan alhamdulillah, melalui inisiatif melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebenarnya Exco-Exco Kerajaan Negeri dan semua Yang Berhormat serta kakitangan awam yang mula melaksanakan potongan gaji sebagai sumbangan ikhlas kepada Tabung Darul Iman kita ini. Diharapkan agar usaha dan sumbangan ini dapat kita teruskan dan dicontohi dan dilebarluaskan lagi dalam membantu golongan masyarakat Terengganu yang kurang berkemampuan. Saya juga turut menyeru agar sumbangan sebegini dapat diteruskan dengan penglibatan GLC serta badan-badan korporat dan swasta memandangkan sumbangan yang diberikan ini turut mendapat penolakan cukai sebenarnya daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 100% maknanya tolak cukai pendapatan kita. Jadi di sini saya mengharapkanlah kepada semua hak mana yang kata wakil sebelah sana tu kita dah cuba edarkan, hak sebelah sini kita dah buat pemotongan dan kita mengharapkan supaya kita beri kerjasama terbaik untuk membantu rakyat Terengganu untuk menabung dalam Tabung Darul Iman ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tahun 2017 merupakan tahun yang mencabar. Namun usaha memacu kesejahteraan rakyat akan didorongkan menerusi peningkatan kolaborasi antara agensi dan merentasi pelbagai kementerian bagi menghasilkan tindakan-tindakan yang lebih cepat dan impak yang tinggi. Sesungguhnya, semua perancangan ini memerlukan kerjasama kita bersama. Jika kita sayang negeri kita, usaha kita berganding bahu antara rakyat dan Kerajaan akan membawa keuntungan pembangunan masa depan negeri kita ini, insyaAllah. Dengan sikap yang ada kepada majoriti rakyat dan pendekatan yang dicipta oleh Kerajaan **di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar** serta dengan semangat kerjasama TTB, Terengganu kita akan hebat dan maju sebagaimana hasrat perancangan kita bersama. Justeru itu, kerjasama

padu perlu digembleng agar natijah pelaksanaan memberi kesan maksimum kepada kehidupan dan kesejahteraan rakyat kita sebagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):[Bangun]...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Point of Order* mana Bandar?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak mengemukakan jawapan yang Dato' Yang Dipertua sebut tadi....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): celahan saya tu menggunakan peraturan mesyuarat berapa. Sekarang saya dah rujuk peraturan mesyuarat ini di bawah 46(5). Itulah maksud saya yang Dato' Yang Dipertua tanya tadi. Jadi itulah *content* peraturan mesyuarat yang memberi peluang kepada Ahli Dewan untuk bertanya semasa penggulungan dibuat. Saya harap saya tak payah bacalah kandungan peraturan mesyuarat ini Yang Dipertua tanya tadi, inilah jawapan saya. Sekali gus menjawab apa yang disebut oleh Bukit Besi tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasihlah. Maknanya untuk ini saya nak tutup dah tentang itu, jadi saya tak bagi laluanlah sebab untuk kita nak jaga masa. Terima kasih. Jadi dengan itu, sekian, terima kasih dan saya turut menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis dah. Terima kasih banyak Bukit Besi. Yalah mudah aje, kita sama-sama bertimbang rasalah. Gangguan ni memang peraturan asas dia memang tak boleh benarkan, dia ada perkara-perkara yang kita boleh benarkan tapi atas pertimbangan apa pun, atas keputusan Speaker juga. Itu ajelah. Jadi kita nak keadaan aman tenteram ini mesti kita jaga. Sebab saya selalu kata bahawa kita kena letak Allah di hadapan bukan kerana apa, kerana kita nak timbulkan amanah kita, kita perlu jangan khianati. Terima kasih Bukit Besi. Terima kasih Bandar. Seterusnya, saya mempersilakan sekiranya

adalah penggulungan seterusnya. Terima kasih. Sila Pengkalan Berangan bagi pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamau'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wa ashabihi ajmain. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati dan Sidang Dewan sekalian. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kerana menyampaikan Titah Diraja mengenai dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengambil kesempatan mengucap syabas dan **tahniah khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar** Terengganu serta rakan-rakan sejawat, Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Penyokong Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan di peringkat Negeri dan Persekutuan serta kakitangan Kerajaan keseluruhannya yang sentiasa berkerja ke arah menggembilangkan Terengganu supaya Terengganu terus cemerlang dan memberi kesejahteraan kepada rakyat keseluruhannya.

Dan di kesempatan ini saya dalam penggulungan ini, saya ingin menyentuh tentang portfolio saya berkaitan dengan Pendidikan khususnya. Pendidikan memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi dan juga pembangunan bagi sesebuah negara. Dan dalam menghadapi persaingan yang global pada hari ini, sesebuah negara bergantung kepada tahap mana ilmu yang ada pada rakyat dalam sesebuah negara tersebut termasuk dari segi pengetahuan, kemahiran, kompetensi yang dimiliki oleh rakyatnya. Justeru itu Kerajaan Negeri Terengganu amat menitikberatkan pembudayaan ilmu ini dan memberi penekanan kepada betapa pentingnya sektor Pendidikan ini dan jelas telah digarapkan dalam prinsip Transformasi Terengganu Baharu (TTB) dalam memperkasakan Pendidikan kita ke arah menjadikan Negeri Terengganu sebagai sebuah Negeri Anjung Ilmu. Dan pada hari ini terbukti kejayaan demi kejayaan telah dicipta oleh pelajar-pelajar kita khususnya, oleh rakyat Terengganu, generasi baharu Terengganu atau yang

dikenali Gen-T yang bermula daripada peringkat sekolah sehinggalah ke peringkat menengah dan juga di peringkat universiti.

Program Pintar Quran menghasilkan, melahirkan ribuan kanak-kanak yang Celik Al-Quran dan berjaya khatam Al-Quran melalui program ini setiap tahun. Di **samping itu, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala di atas kejayaan** yang cemerlang para pelajar kita khususnya dalam peperiksaan awam, UPSR, PT3, SPM, STPM dan juga STAM saban tahun.

Hari ini sektor Pendidikan merupakan salah satu teras sesebuah negara dan sesebuah negeri. Dan akhirnya, kita memberi penekanan dan keutamaan kepada semua bidang sama ada bidang akademik dan juga kemahiran. Dan terbukti kita mencapai target kita, kecemerlangan yang kita kehendaki. Dan di sini kita mengucapkan berbilang terima kasih khususnya kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, pegawai-pegawai serta guru-guru seluruh Negeri Terengganu termasuk juga agensi-agensi lain seperti Yayasan Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan juga yang lain-lain termasuk juga sekolah-sekolah swasta.

Dato' Yang Dipertua Dewan dan juga Sidang Dewan sekalian. Kerajaan Negeri senantiasa memberikan bantuan, bukan sahaja setakat bantuan tetapi bimbingan dan sokongan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu khususnya dalam usaha untuk menjana kecemerlangan pendidikan murid-murid setiap tahun. Terbukti dengan peruntukan RM4 juta kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu ini khusus untuk Program Anjung Ilmu. Di sini saya ingin menyingkap Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan keputusan peperiksaan awam yang membanggakan bagi tahun 2016 yang diumumkan baru-baru ini. Keputusan pencapaian UPSR, PT3, SPM dan STPM yang telah mengatasi pencapaian peringkat Kebangsaan. Ini seharusnya menjadi kebanggaan kepada rakyat Terengganu bukan sahaja pelajar. Dan ini membuktikan kerjabuat kita terhasil, terbukti berhasil.

Untuk makluman Negeri Terengganu sekali lagi mengungguli pencapaian STPM 2016. Kita berada di ranking yang pertama di peringkat Kebangsaan. Ini fakta yang jelas dan ia merupakan kali ketiga berturut-turut. Ini kejayaan yang harus kita banggakan. Kemudian yang mendapat semua A dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, kita juga meningkat. Jika tahun 2015 hanya 50 orang calon atau

2.61% mendapat semua A tetapi tahun 2016 meningkat kepada 70 orang calon iaitu 3.11% mendapat semua A. Ini perkara yang harus kita tahu dan kita war-warkan dan ini harus kita perkatakan, kita sampaikan kepada rakyat kita supaya rakyat kita tidak keliru. Dan data-data lain yang saya nak nyatakan di sini ialah dari segi lulus penuh pula. Kita telah merekodkan peningkatan dari 99.63% pada tahun 2015 kepada 99.73% pada tahun 2016. Manakala pencapaian purata gred

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Laluan. Laluan sekali.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): kumulatif ataupun PNGK kita adalah 2.85 merupakan yang terbaik di seluruh negara. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Laluan sekali, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya tak nak bagi laluan, bagi saya peluang untuk saya gulung dulu. Banyak dah yang dibincang, diperkatakan dalam

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dah Exco tak bincang lagi tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, bagi peluang kepada saya ini dulu. Ada perkara lain lagi yang saya nak sebut. Berkaitan dengan STAM 2016, amat membanggakan

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya bangga dengan pencapaian tetapi Kerajaan gagal untuk menghantar anak-anak yang cerdas ini, yang cemerlang ke luar negara. Ini suatu kegagalan juga.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Dengar saya cakap, biar habis dulu, **jangan celah gitu baham rambang. Hai...tak** habis-habis. Manakala pencapaian STAM 2016, amat membanggakan melibatkan Sekolah Menengah Agama Terengganu. Seramai 43 orang calon iaitu 97.73% berjaya mendapat Sijil STAM/SMAN. Seramai 439 orang dari 440 bilangan calon

iaitu 99.77% telah lulus semua 10 mata pelajaran berbanding 654 dari 660 bilangan calon iaitu 99.09% pada tahun 2015. Ini seharusnya menjadi kebanggaan kita rakyat Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, di sini juga saya ingin mengambil kesempatan menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Pendidikan sebagaimana yang saya telah maklumkan tadi sama ada di sekolah, di Pejabat Pendidikan Daerah, di jabatan-jabatan, di Yayasan Terengganu khususnya, di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan juga yang menjayakan SMAN. Dan kita juga berjaya hari ini, Pendidikan kita menuju ke arah alaf baru abad ke-21 dengan mengadakan i-Class, memperkasakan Kelas Maya, mewujudkan program-program yang boleh memperkasakan dari segi pemikiran pelajar kita yang lebih kreatif, *critical thinking* dan juga jati diri. Pada tahun ini kita perkenalkan i-Class ini pula ke peringkat sekolah menengah. Kerajaan telah bersetuju iaitu yang pertama; i-Class ini kita telah bagi kepada Sekolah Imtiaz Marang - 1 untuk diperkenalkan dan satu lagi baru-baru ini kita telah isytiharkan bahawa Sekolah Agama Bantuan Kerajaan juga kita bagi dan pada tahun ini insyaAllah kita akan bagi i-Class ini ke Sekolah Menengah Agama Khairiah di samping sekolah-sekolah kebangsaan lain.

Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, di samping itu bagi meningkatkan pencapaian kita, Kerajaan Negeri Terengganu buat, Kerajaan lain tak buat, negeri lain tak buat lagi iaitu Program Transformation English ataupun Trenglish. Walaupun Y.B. Batu Rakit ada menyatakan bahawa permintaan dan keperluannya amat tinggi berbanding dengan bilangan sekolah yang ada di Negeri Terengganu tapi Terengganu ke arah menjayakan peningkatan. Dan daripada tahun ini insyaAllah, tahun lepas 37 dan tahun ini kita akan tingkatkan kepada 40 buah sekolah. Tahun ini juga kita tambah lagi 10 buah untuk sekolah rendah dan menjadikan 50 buah sekolah kesemuanya untuk Program Trenglish.

Kemudian, kita kena war-warkan kepada rakyat kita kalau boleh dalam ceramah-ceramah kita, kalau boleh dalam usrah-usrah kita, kalau boleh dalam perjumpaan-perjumpaan kita kena nyatakan supaya rakyat tidak keliru, supaya rakyat tidak membenci, supaya rakyat tidak menganggap sebagai tidak memberi kepentingan kebajikan kepada rakyat. Kita kena beritahu, Kerajaan Negeri Terengganu satu-satunya negeri yang memberi tambahan Bantuan Persekolahan. Di samping bantuan dana daripada Kerajaan Pusat RM100 seorang pelajar. Di Terengganu kita ada juga bagi, 2018 kita akan teruskan lagi seorang pelajar, anak seorang RM100

kita akan bagi, anak dua orang RM200 dan anak ketiga dan keempat setakat RM200 sahaja. Ini yang Kerajaan Negeri bagi. Dan pada pada tahun 2017 sahaja seramai 109,880 yang menerima Bantuan Persekolah dan kesan perbelanjaannya RM10.9 juta. Ini dari segi Pemberian Bantuan Persekolahan. Kita juga bagi lagi Bantuan Pembelian Komputer, satu-satunya negeri yang bagi. Apabila kita jumpa rakan-rakan kita, Ahli-ahli Yang Berhormat di peringkat Pusat, kita beritahu Terengganu ada memberi Bantuan Pembelian Komputer RM500 kepada mana-mana pelajar yang dapat menyambung pelajaran untuk diploma dan juga ijazah. **"Ya ke? Terengganu ke? Oh, hebat Terengganu."** Ini kita kena war-warkan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Mohon laluan.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Apa dia, apa hal?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Minta laluan sikit?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Laluan? Hak sebelah sana saya tak bagi, takkan sebelah sini saya nak bagi. Tak boleh, saya kena adil.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Saya takut Exco tak jawab hak saya tanya tu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey. Saya teruskan. Kerajaan Terengganu satu-satunya memberi bantuan kepada PIBG RM2,000 setahun. Itu belum lagi peruntukan yang ADUN-ADUN bagi bila Perasmian PIBG, RM3,000, RM5,000, minta hamper dan sebagainya. Ni hak tetap RM2,000 setahun tak kira DUN mana, sekolah mana, seluruh Negeri Terengganu. Hebat, hebat, hebat Terengganu. Dan perkara-perkara ini kena war-warkan kepada rakyat jelata. Kena kabor, jangan duk cerita benda yang remeh-temeh, benda yang boleh membuat sehingga rakyat keliru, sehingga rakyat silap membuat pilihan. Ada lagi rakyat menyesal, tersilap aku dia kata, rupa-rupanya Kerajaan Terengganu ini baik. Kerajaan berkebakikan. Ini penting untuk kita war-warkan di mana Kerajaan Negeri telah memberi Bantuan PIBG sebanyak 503 buah

sekolah di seluruh negeri dan kesan perbelanjaan RM1.8 juta. Di samping itu juga, **Bantuan Persekolahan yang lain**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang **Berhormat Dato'** Yang Dipertua, lepas pada ni bolehlah Pembangkang pergi hantar kek ke sekolah dok?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Hantar benda?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hantar kek. Hantar kek ke sekolah pun pada Hari Guru pun tak benar jugak, kena sekat.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Bakpe pula tak benar.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Boleh dah? Kalau boleh tak apalah, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Bolehlah, kita takdok masalah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Lepas tu bolehlah rasmi PIBG, kita pun banyak juga *spare* pitih nak beri ke PIBG ni.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Takdok apa-apalah, takut sekolahlah nak jemput ke, takmboh jemput tu. Takdok pernah ada kenyataan, ada mana-mana *statement* ataupun *order* daripada pihak Kerajaan menyekat itu semua. Tak ada rasanya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukan sahaja sekolah, di hospital pun larang nak gi hantar kek, mereka tak benar.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak ada rasanya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sempena Hari Jururawat pun. Terengganu aje, kat negeri lain tak timbul.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ganggu *sokmo, tengok or*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab kata bagi adil, biar adil belaka, kita pun Wakil Rakyat juga. Dalam DUN kita ada sekolah, ada klinik juga.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tidak ada *statement* apa ya, tidak *order*, tidak ada pekeliling. Okey, bantuan kepada PIBG. Kemudian, bantuan hak masuk ke sekolah menengah, sambung belajar, kena nyatakan, kena kabor tak kira anak siapa yang mana boleh sambung belajar lepasan SPM masuk universiti buat diploma kita akan bagi RM750 melalui Yayasan Terengganu, kalau ijazah RM1,000, dicampur pulak dengan bantuan pembelian komputer RM500. Wah! Hanya di Negeri Terengganu, Terengganu hebat. Ini kita kena beritahu, kena kabor dalam ucapan, dalam ceramah kita, dalam usrah kita. Barulah rakyat kata: **"Oh, bagusnya, hebatnya Kerajaan."** Jangan kita mengelirukan, kadang-kadang kita menceritakan benda yang remeh-temeh, benda yang molek kononnya untuk mencari populariti, akulah pembela, akulah yang boleh menjaga rakyat dan sebagainya. Tak betul, saya ingat berdosalah. Dosa kering orang panggil, jangan kita buat dosa banyak sangat. Baik kita cerita benda-benda yang baik.

Tuan-tuan dan puan-puan, di samping itu, Program Penajaan Pelajar dan Bantuan Persediaan. Kita dah beritahu tadi sehingga buat PhD dan juga adalah lain-lain lagi yang saya nak beritahu tajaan pelajar kita yang cemerlang ke luar negara diteruskan. Pada tahun ini, tahun 2017 kita akan hantar iaitu pelajar yang terpilih setelah dia mengikuti Program Saintis Islam bersama dengan UMT, ini kita ada buat. Dan kepada pelajar-pelajar cemerlang lain yang dapat sambung pengajian ke

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Dipertua, boleh tanya, berapa orang yang telah dihantar ke luar negara tadi?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Seorang yang akan dihantar ke Jerman.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Berapa orang?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Seorang.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Takut saya tersalah dengar, berapa orang?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Seorang, tahun 2017. Kejut ke?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Memang terkejutlah, rakyat Terengganu ni ramai hak cerdik SPM. Seorang?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Nanti nak cerita, ada lagi. Dia nak cerita ke rakyat benda gitulah. Hak benda dia orang pening. Hak cerita molek banyak lagi, ceritalah benda-benda seperti dana-
dana ataupun boleh juga cerita kepada rakyat: "Wahai rakyat Terengganu kita
kena faham hari ini bahawa ekonomi Kerajaan Negeri"

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Pohon laluan Pengkalan Berangan, yang sebut tadi nak cerita benda apa tu, dia nak cerita apa?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Ada lagi, ada lagi.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Tak, Paka tu dia nak cerita benda hak dok molek ke guana?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah sebab kita *compare* hak tahun 2014, 2015 berapa yang Yayasan hantar tapi bila tahun ini seorang itu yang mengejutkan.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Dalam keadaan kekangan ekonomi sedunia semua orang tahu dan sebagainya, kena jelas benda tu, kena faham. Walau bagaimanapun, secara *one-off* mana-mana pelajar yang berminat dan mendapat keputusan cemerlang tak kiralah lepasan Imtiaz ke, sekolah menengah harian ke, daripada matrikulasi ke, secara *one-off* mana-mana pelajar yang menepati syarat yang ditetapkan yang mendapat semua A selepas SPM, mereka akan diberi *one-off* secara tunai RM30,000 untuk belajar ke luar negara, ini kita buat dan perkara-perkara ini kena war-warkan, kena sebarikan. Ini jelas. Dan kita kena beritahu, tahun ini, setakat ini, kita tidak boleh lagi kerana apa? Kerana kekangan kewangan, ekonomi, ini dah jelas kita dah bentang bajet kita dan sebagainya. Ini kena cerita dan alhamdulillah, Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama UMT, kita akan hantar pelajar kita, kita buat *foundation* dengan UMT, diberi kursus dan sebagainya bermula dari tahun 2015, 2016, 2017. Pelajar 2015 mereka ini dihantar pada tahun 2017 mereka ini akan **buat kursus Aerospace di Jerman, akan ditaja pelajar ini, ia boleh hafaz 30 juzu' Quran.** Pada 2016 buat kursus lagi untuk Kejuruteraan, baru-baru ini saya sendiri hadir di UMT dengan kerjasama PSKT dan sebagainya, pelajar yang akan buat Doktor **akan dihantar pada tahun 2019, mereka ini juga boleh hafaz 30 juzu' Quran.** Dan pelajar ini akan ditaja dalam konsep bantuan biasiswa daripada Ijazah Pertama hingga ke PhD. Ini kita kena cerita dan dijangka perbelanjaan lebih kurang RM1.5 juta untuk seorang pelajar. Hah, ni kita kena kabor. Kalau ada pelajar-pelajar yang datang, kena dengar hak mana betul, hak mana salah, hak mana kita dok tahu, hak mana kita dengar selama ini yang boleh mengelirukan kita. Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta maaf Yang Berhormat Yang Dipertua, nak minta penjelasan sekali lagi. Berapakah tahun ini kita sediakan untuk pinjaman pelajar ke luar negara oleh Yayasan, ke seorang tu RM1 juta itu aje?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yayasan ya?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yayasan Terengganu sebab memang biasa Yayasan Terengganu aje yang bagi pinjaman ni.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Untuk tahun ini ke termasuk keseluruhan pelajar yang ada sekarang?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tahun ni. Kita dok tanya hak dulu, hak tu lepas dah tanggungjawab dah.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tahun ni saya beritahu dah tadi seorang yang dihantar. Dah jelas dok?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bawah Yayasan tu?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Seorang tu jer.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya. Jer-jer apa, memang saya dah jelas tadikan. Tapi *one-off* RM30,000 setiap orang yang memohon dengan kita, kita bagi.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *One-off* berapa nak bagi?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): RM30,000.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak, berapa orang?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tidak sampai 10 orang. Apabila kita *offer* tidak sampai 10 orang mungkin ada yang hantar sendiri kot? Sebab mungkin mak-ayah dia hantar sendiri, mereka ada duit banyak. Yang ini kita tak taja tetapi yang memohon dengan kita, kita bagi.

Setakat 2016 lebih kurang 10 orang. Tahun 2017 kita buka lagi. Tetapi walau macam mana dia ada syarat dia, mesti *Straight A's* dalam SPM. Kita tak hantarlah hak ikut-ikut suka gitu nanti *jammed* pulak.

Okey, saya ringkaskan yang lain yang berkaitan, yang berbangkit perkara ini sensitif juga ni, saya kena beritahu Program Syahdah yang mana Y.B. Ladang ada sebut. Program Syahdah diteruskan dan pengambilannya telah dibuat pada 22.03.2017 baru-baru ini seramai 60 orang, 30 lelaki dan 30 perempuan.

Perkara lain yang dibangkit dalam perbahasan kita oleh khususnya oleh pihak Penyokong dan juga pihak Pembangkang yang berbangkit iaitu berkaitan dengan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, saya nak mintak sedikit penjelasan tentang Syahdah tadi. Kalau *under* Syahdah dia tidak menjadi *feeder* kepada kolej. Sedangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan bahawa IQ akan menjadi *feeder* kepada kolej. Saya minta penjelasan adakah begitu hasrat Kerajaan ataupun ada pindaan lagi ataupun tak betul jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dulu?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Dia *feeder* ni, kita bukan setakat *feeder* kepada kolej sahaja, kita nak supaya pelajar kita tidak dianianya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Maksud saya daripada pelajar IQ akan menjadi *feeder* kepada kolej sebab dia sama daripada Quran pergi ke Quran. Syahdah tidak, dia tidak pergi kepada KQ tapi apa maksud *feeder* di situ?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, saya bagi penerangan sikit. Program Pengajian Syahdah ni beroperasi sejak daripada dah lama, empat tahun dulu selepas pelajar tamat PT3. Kemudian dia belajar empat tahun dengan sukatan pelajaran diiktiraf oleh beberapa buah universiti di Timur Tengah sebelum ini. Selain Syahdah Tahfiz ini, pelajar ini juga menduduki SPM dan juga STAM. Itu syarat dia. Isu berbangkit Program Pengajian Syahdah Tahfiz di IQT tidak mendapat pengiktirafan JAKIM dan JPA. Ini *problem* kita yang mutakhir. Sebelum ini tak ada masalah. Apabila JAKIM dan juga JPA

memberi prasyarat dia bahawa Program Syahdah Tahfiz ni di IQT tidak mendapat pengiktirafan maka kita kena kaji balik, kita kena tengok balik. Kemudian masalah timbul apabila pelajar lepasan IQT yang tamat menyambung pengajian di Timur Tengah dalam bidang Al-Quran contoh di Maahad Subra, Universiti Al-Azhar dan juga lain-lain tidak diiktiraf oleh JPA. Bila dia balik ke Malaysia dia nak kerja tidak ada, tidak boleh. Ini masalahnya, kesian ke dia. Jadi menyedari tentang ini maka kita perlu mendapat pengiktirafan daripada JAKIM, maka kurikulumnya kita perlu campur juga, mendapat pengiktirafan dari JAKIM, ini penting. Kalau tidak menjadi penganiayaan kepada pelajar-pelajar kita sebelum ini. Jadi tidak ada apa-apa perubahan besar di sini.

Satu lagi Program Syahdah ini juga ada keciciran, para pelajar kita yang kita hantar sebelum ini di IQ, setiap tahun antara 30% - 60% pelajar tidak meneruskan pengajian Syahdah Tahfiz dengan memohon pengajian ke peringkat tinggi berdasar keputusan SPM sebagaimana ini sebab ada yang dia gagal di tengah jalan. Ini juga kita kena betulkan. Dan insyaAllah, lepas ni kita nak jadikan pelajar-pelajar ini juga akan jadi *feeder* kepada KOT. Jadi kita gubal kurikulum dia semua sekali, hak yang ada dah kita teruskan, akhirnya dia akan jadi *feeder* kepada KOT suatu hari nanti. Ini penting untuk masa depan anak-anak pelajar yang belajar di situ.

Seterusnya, saya nak sentuh juga di sini yang berkaitan dengan Maisurah. Ini juga **kena beritahu**

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebelum tu Yang Berhormat. Yang Berhormat ada menyediakan jawapan penerangan tak pasal kes Top-IT semalam. Yang Berhormat ada rancangan untuk jawab berkenaan pasal ni?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya sedang memberi penjelasan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ada ke tidak sekarang? Akan jawab ke tidak?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat tak perlu tanya lagi. Saya tak siap lagi ni. Sila duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau begitu saya nak mencelah sekarang.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak boleh celah lagi, ada benda lagi yang saya nak beritahu ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab begini, itu yang menimbul pertikaian semalam, Yang Berhormat memberi jawapan yang bercanggah.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang **Berhormat Ladang tahu tak**

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bukan Ladang, Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Hah, Bandar, tahu tak apa yang saya nak cakap lepas ni?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tak tahu sebab itu saya tanya.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Kalau tak tahu duduklah dulu, dengarlah dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Itu yang saya nak tanya, ada ke tidak sebab kalau tidak ada saya nak mencelah sekarang sebab perkara itu dibangkit dalam ucapan semalam.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): **Okey, saya nak teruskan berkaitan**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, duduk dulu Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): dengan Mansurah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Mansurah.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Mansurah. Penghuni Asrama Mansurah di Mesir sekarang ada 16 orang, ini pada tahun 2016. Baru-baru ini mereka dah balik, tamat pengajian dan sekarang asrama ini kosong, tidak ada pelajar sekarang.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Adakah Kerajaan berhasrat nak jual ke macam mana bangunan tu?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Apa dia satning?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Adakah Kerajaan berhasrat untuk jual balik Asrama Mansurah?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Takdok, takdok lagi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pahtu kita nak biar macam tu aje?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Takdok lagi hak sebut-sebut kalau jual begini, kalau teruskan begini tu adalah. **Tapi kabor nak jual tu takdoklah. Kemudian yang berkaitan dengan**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak, saya nak dapat penjelasan, dah Kerajaan nak buat apa dengan bangunan tu sebab pelajar jurusan agama sudah tidak pergi ke Muhafazah semua berpusat di Kaherah. **Jadi Mansurah ini jauh pada Bandar Kaherah ini, jadi**

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, betulah tu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Apa cadangan Kerajaan sebenarnya, nak buat apa tu sebab pelajar baru takdok dah. Tinggal kosong gitu ke nak buat sarang burung sebab burung banyak dinung.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Setakat ni kita tidak bercadang lagi nak jual, setakat ini kita nak beritahu kita masih lagi nak kekalkan. Kita tahu dulu kita mengharapkan pelajar Perubatan tapi hari ini betul macam Yang Berhormat beritahu tadi, pelajar kita hari ini universiti dia jauh-jauh jadi mereka tidak berminat duduk di Mansurah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, benda penting ni, sekejap. Sekarang ni Mansurah kosong, pelajar tak ada, kalau kita jual kita beli di Kaherah, sekarang *student* kita ramai dari Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Betullah tu. Terima kasih atas cadangan tu. Bagus idea tu, kita akan bincanglah. Okey. Ini pelajar kita yang di sana ada 73 orang yang buat Perubatan dan Ahli-ahli Dewan kena tahu ni. Sekarang ini pelajar kita yang belajar Perubatan ni di Mansurah University seramai 50 orang, jumlah daripada 2012, semasa ada 4 orang. Alexandria - Pergigian - 1 orang, Tanta - 2 orang, Al-Azhar - 6 orang dan lain-lain berjumlah 73 orang yang berkaitan dengan Perubatan dan Pergigian yang kita hantar.

Kemudian, satu lagi yang nak saya nyatakan di sini berkaitan dengan Asrama **FELDA**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Satu lagi, maknanya tahun ini kita tidak hantar dan tahun-tahun akan datang pun kita tidak hantar dah untuk buat medik di Azhar, di Mesir?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tajaan kita takdolah. Saya dah beritahu tadi, seorang aje.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): 70 orang tu hak Yayasan ke, persendirian?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Hak persendirian tak campur, ni hak Yayasan, *bakpe* nak cara hak orangnya. Okey, yang berkaitan dengan Asrama FELDA, Yang Berhormat mana bangkit? Paka ya. Bagus ni, bagus, kadang-kadang kena beritahu juga. Asrama tersebut dibina oleh

pihak FELDA bukan di bawah Kementerian Pendidikan, bukan di bawah Kerajaan Negeri, asrama itu dibina oleh Syarikat FELDA Engineering. Pihak Kementerian Pendidikan dan juga Jabatan Pendidikan tidak terlibat dengan pembinaan asrama ini. Kemudian, untuk makluman kos pembinaan asrama ini RM4.3 juta. Okey, ini data, fakta. Bangunan asrama ini belum siap 100% lagi dan dimaklumkan masih ada lagi kerja-kerja teknikal akhir yang perlu diselesaikan untuk mendapat CF.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, maknanya masih ada *progress* untuk bangunan tu?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Masih lagi ada *progress* untuk pembangunan dia? Sebab ana tengok bangunan tu empat tingkat, hak yang di luar tu cat belaka dah tapi macam tak serah kepada pihak sekolah dan tak cukup peruntukan.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apa, kita akan rujuk, kita akan dapat maklumat.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah sekarang ni dah jadi macam hancur lebur dah wayar-wayar tu. RM4 juta tu duit rakyat juga.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apa, kita akan dapat maklumat daripada pihak FELDA.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Jawab *baham rambang gok*.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Kalau hak kita boleh jawab dah, ni hak FELDA. Ini kita kena rujuk kepada FELDA, tak boleh jawab sekarang.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah sebab masalah yang ana dimaklumkan, FELDA tak ada peruntukan dah, saya rasa **Kerajaan Negeri ataupun**

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ada cadangan?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kerajaan Negeri ataupun kementerian perlu ambil alihlah sebab bangunan ni hampir siap dah.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, terima kasih atas cadangan tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): RM4 juta ni pitih rakyat juga.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, terima kasih cadangan tu. Okey, yang seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Bandar tadi yang berkaitan dengan Top-IT. *Staff* Top-IT sekarang ada 52 orang masih lagi kekal tidak ada seorang pun digugurkan, dibuang dan sebagainya. Dan hala tuju ataupun rancangan perniagaan Top-IT jangka pendek dan jangka masa panjang adalah kepada tuju teras seperti; Digital, media dan kandungan memfokus kepada pembangunan aplikasi berasaskan teknologi virtual, realiti. Pembangunan Pusat Animasi yang menghasilkan video korporat dan lain-lain. Teknologi baru memfokuskan kepada memperkasakan teknologi gelombang alfa dan teta. Menyediakan perkhidmatan reka bentuk dan sistem kiosk. Meningkatkan dan mengintegrasikan aplikasi yang sedia ada. Kemudian, pembudayaan teknologi. Ini kursus-kursus dan sebagainya yang dibuat. Yang ketiga, penyediaan latihan memfokus kepada Pusat Penyediaan Latihan ICT Negeri Terengganu. Berfungsi, tak ada masalah, pegawai-pegawai bekerja. Kemudian yang sedang ni yang sudah lama dilancarkan, ada pelanggannya iaitu e-Dagang, Payang.my memfokus kepada peneraju pemasaran atas talian untuk produk IKS. Menyediakan perkakasan bagi peralatan komputer DIY dan juga hypermarket.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, sikit jer.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Kemudian, penyediaan dalam sistem, laman web ada dinyatakan dan dibuat.

Perkhidmatan dan penyelenggaraan, pembangunan kemudahan dan perkhidmatan
.....

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Setakat ini Kerajaan ada dok top-up duit untuk gaji dia orang?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ada.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dia orang tak boleh *dependent* ke dengan bisnes-bisnes dia orang?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Memang tak boleh. Dia anak syarikat, walau macam manapun dalam keadaan ekonomi sekarang ini terpaksa kena top-up jadi tanggungjawab Kerajaan. Kita Kerajaan yang bertanggungjawab.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ya, saya faham. Sebab dengan bisnes yang dia ada tu sepatutnya dia boleh berdikari.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terpaksa dibantu.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Hak tahun lepas berapa, tahun 2016?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tidak ada data di sini. Saya tak boleh nyatakan, nanti tersalah pula. Okey, itulah saya ingat beberapa perkara yang saya ambil peluang di sini untuk dibahaskan atau diperkatakan dalam penggulungan ini. Dan sebelum itu, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini nak ucap berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Sidang yang telah mengambil bahagian termasuk juga pihak Kerajaan dan juga pihak Pembangkang. Saya dengar, teliti, ada juga idea-idea yang bagus yang pihak Kerajaan seharusnya mengambil perhatian dan untuk ambil tindakan dan seterusnya untuk memperkasakan Kerajaan yang akhirnya boleh memberi kebajikan kepada rakyat.

Dan sebelum saya tutup, saya nak berpantun:

Memburu rusa dalam hutan
Rusa lari ke Kampung Jenang
Banyak sungguh jasamu Kerajaan
Negeri makmur rakyat pun senang.

Negeri makmur rakyat pun senang
Tempat bernaung rakyat jelata
Jasa Kerajaan rakyat kenang
Walau difitnah mereka berhati buta.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Berangan yang melibatkan diri dalam penggulungan. Pukul 1.00 tengah hari. Jadi saya nak ambil peluang untuk beli pantun tu:

Tanam pinang rapat-rapat
Agar puyuh dapat berlari
Tiba masa kita nak rehat
Sebab kita nak makan nasi. ...(Dewan gelak) ...

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tambah 'tengah hari' se lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kena berpantun semula *peseng*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betullah tu di belakangnya 'i', kita belajar pantun dia, harakat dia kena. Jadi masih ada lagi penggulungan saya rasa. Jadi untuk memberikan peluang sebab kita mengadakan Kempen Solat Jemaah, jadi saya mengajak kita sama-sama makan tengah hari dan kita lakukan Solat Jemaah sebab itu saya mengambil masa untuk berehat, makan tengah hari dan kita Solat Jemaah (Zuhur) dan kita masuk balik pukul 2.30 petang.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maka saya tangguhkan sementara Dewan yang mulia ini dan kita masuk balik, insyaAllah 2.30 petang. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.05 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Kita sambung dengan sesi penggulungan oleh Ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan. Saya mempersilakan sekiranya ada. Pihak Kerajaan sila. Y.B. Hulu Besut untuk menggulung.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta para Pemerhati yang dirahmati sekalian.

Portfolio saya cuma ada seorang sahaja, Wakil Teluk Pasu yang ingin tahu berkaitan dengan keusahawanan di Terengganu. Iaitu yang pertamanya, dia ingin tahu, dia nak kita kategorikan jenis perniagaan yang didaftarkan oleh usahawan 2016 dengan SSM. Bila saya bincang dengan Pengarah SSM dia kata sukar untuk kita nak kategorikan mengikut jenis perniagaan kerana setiap usahawan yang didaftar dengan SSM apakah jenis yang hendak diniagakan dia semua ditulis daripada kedai runcit sehinggalah kepada pengeluar barangan. Jadi untuk memudahkan kita melihat, saya fikir saya bentangkan mengikut bentuk perniagaan. Daripada yang didaftarkan dengan SSM 2016, bentuknya Pemilikan Tunggal, 15,481 peniaga telah didaftar dan bentuk perkongsiannya 1,519 perniagaan.

Seterusnya, Wakil Teluk Pasu juga ingin tahu status T-Shoppe, T-Media dan T-Café dan seterusnya T-Mart. Saya sebenarnya sebagaimana yang diberitahu oleh Wakil Teluk Pasu, dia juga bertanya; sejauh manakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan bagi mempasti pemasaran barangan atau produk yang dikeluarkan oleh usahawan Terengganu dibantu oleh Kerajaan untuk bantu usahawan. Melalui YPU, Kerajaan telah menubuhkan T-Shoppe, T-Shoppe ini juga untuk memasarkan barangan daripada usahawan kita. T-Media ni, kita tak sempat cuma kita ada cadangan. T-Media ini adalah untuk kita pasarkan, untuk kita iklankan barangan daripada pengusaha. Tapi apabila kita bincang dengan pengurusan kita dapati kita serahlah kepada usahawan, dia boleh guna ikut whatsapp dan lain-lain, mereka boleh guna media-media ni. Jadi kita tidak libatkan T-Media ni. Dan kita buat T-Café, T-Café ni kita ada dua, satu di Kemaman dan satu lagi di Mydin Kuala Terengganu.

Sekarang ini berjalan. T-Shoppe ni sebenarnya dibuat sendiri oleh YPU dan apabila boleh berjalan setahun-dua tahun, kita dapati kita ada pengusaha yang mampu maka kita serahkan kepada pengusaha. Setakat ini kita telah serahkan T-Shoppe kepada pengusaha, kita ada di Terengganu sebanyak empat buah premis ataupun empat buah kedai T-Shoppe di seluruh Negeri Terengganu. Manakala bagi memastikan produk Terengganu dapat kita pasarkan ke seluruh negara, YPU sekali lagi telah menubuh T-Mart. T-Mart ni kita tubuh di seluruh negara, kita ada di Kampung Baru. Sehingga ke hari ini, kita ada sebanyak 5 buah T-Mart di seluruh negara. Di Kemaman baru buka, kita ada juga di Paya Bunga Square, di Padang Hiliran, kesemuanya ada 5 buah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Minta sedikit penjelasan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nak tahu sikitlah antara T-Mart dan T-Shoppe, dia ada beza tak dua-dua tu?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dia ada beza. T-Shoppe ni kita beri kepada pengusaha yang mengendalikan, untung ke, rugi kita serah kepada dia, kita di peringkat Kerajaan melalui YPU memberikan khidmat bimbingan dan juga khidmat nasihat untuk pengurusan perniagaan pengusaha kita ni bukan kita lepas gitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Maksudnya jualan di dalam tu adakah benda yang sama antara T-Shoppe dan T-Mart, adakah ada beza-beza jualan barangan dalam tu?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dia lebih kurang sama jer, tujuan kita ialah untuk memasarkan produk Terengganu untuk menyelesaikan masalah peniaga kita, pengusaha kita di Terengganu untuk nak memasarkan barang. Jadi antara langkah yang dibuat oleh Kerajaan bagi mempasti dan juga membantu pengusaha kita memasarkan barangan mereka, kita tubuh T-Shoppe yang dikendalikan oleh pengusaha dan T-Mart dikendalikan oleh YPU itu sendiri. T-Mart tahun ini kita rancang nak buka ke seluruh negara, ke

bandar-bandar besar. InsyaAllah, saya sendiri baru-baru ini kita telah pergi tengok kedai

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf **Dato' Yang Dipertua, nak tanya prestasi dia bagaimana** sekarang, kalau T-Shoppe dulu kita tahu mula-mulanya banyak dibuka lepas tu kohor kurang-kurang dan sekarang nak habis dah. T-Mart tu pula macam mana prestasi dia sekarang?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): T-Shoppe kalau ikut rekod daripada empat kedai yang ada sekarang ni jualan dia sebulan antara RM150,000 hingga RM200,000.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Maksud saya dulu dia bukan empat, dia banyak lagi. Dia akhir-akhirnya dia mengecut jadi empat aje. T-Mart ni macam mana prestasi dia, akan itu ke atau macam mana agak-agaknya?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Berkembang maksudnya? T-Mart sekarang ni ada lima buah dan tahun ini kita merancang nak buka lima lagi. Pasal apa yang kita tengok di Kuala Lumpur, di Kampung Baru T-Mart ni berjaya memasarkan hasil produk Terengganu. T-Mart ni kita bekerjasama dengan Kedai Purnama (Tentera). Jadi kita boleh memasarkan barangan Terengganu ke seluruh kem tentera di Malaysia. Kita bekerjasama dengan Purnama, barangan dibekalkan oleh Purnama. Pengurusan T-Mart ni mengambil barangan Terengganu untuk kita letakkan di T-Mart. Kalau nak tengok di Kampung Baru lah sekarang. Di Kampung Baru, di Geliga Kemaman, di UTC Paya Bunga, di Padang Hiliran, boleh pergi tengok sendiri. Di situ lah adalah tempat kita membantu usahawan kita memasarkan barangan mereka.

Jadi saya rasa itulah antara yang saya boleh beri jawapan kepada Wakil Teluk Pasu. Dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Wakil Teluk Pasu kerana mengambil cakna kepada usahawan di Terengganu. Saya juga turut menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Tuanku.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Hulu Besut. Seterusnya saya mempersilakan Wakil Kemasik untuk turut sama dalam penggulungan. Silakan.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang saya hormati Dato' Yang Dipertua Dewan, yang saya hormati Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil media, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Jadi saya juga ingin merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan di atas Titah Ucapan Tuanku semasa Perasmian Dewan kita baru-baru ini.

Jadi saya tidak berniat untuk bercakap panjang. Saya cuma petik Titah Ucapan yang mana di dalamnya ada menggariskan di mana Tuanku ada menyebut di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang memberi fokus kepada tiga agenda utama iaitu antaranya: Pertama, memenuhi keperluan perumahan rakyat. Yang kedua, membantu meringankan beban rakyat ekoran peningkatan kos. Dan yang ketiga, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Jadi sememangnya, dan juga dalam ucapan ini ada disebut dua-tiga perkaralah dan antara saya nak sentuh seperti di muka surat 11, di dalam Titah Ucapan Tuanku ada menyentuh tentang penjanaan tenaga ataupun *renewable energy*, tenaga yang boleh diperbaharui. Yang mana seperti hari ini kita dah ada di Kenyir yang mengeluarkan sebanyak 400 megawatt dan Kenyir 2 juga menyumbang kepada 265 megawatt.

Wakil Ladang kalau tak salah saya ada bertanyakan tentang Winterbine. Jadi di dalam ucapan ini juga ada disebut pasal usaha Kerajaan Negeri untuk menyokong usaha untuk menjana sebanyak 1000 megawatt menggunakan kuasa angin yang sekarang ini dalam proses untuk mendapatkan kelulusan. Jadi untuk makluman Dewan, projek ini jika dilaksana dia terletak lebih kurang 20 kilometer *offshore* Pantai Terengganu dan kabel-kabel dia tu akan mendarat di sekitar kawasan Kertih. Jadi penglibatan Kerajaan Negeri dalam projek ini adalah memberi kelulusan kepada pengusaha ni iaitu untuk mereka membina sebuah janakuasa tapi bukan janakuasa sebenarnya, saya nak panggil apa ya, yang ada *switch gear*

semua sekali di situ untuk *tapping* naik ke *national grade*, jadi tanah seluas dua ekar lebih kurangnya dekat Mak Ekar. Dan seterusnya juga dalam Titah Ucapan Tuanku ada sebut pasal perumahan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sedikit Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya bagi satu soalan saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, dia bagi satu sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tentang Winterbine tadi tu. Pertamanya, nak tahu daripada syarikat mana yang memohon itu? Keduanya, teknologi dia tu daripada teknologi mana? Dan yang ketiga, di manakah ada projek seumpama itu yang boleh kita jadikan model buat Terengganu? Keempat

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Banyak tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, empat kecil. Berapakah kos yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan ini?

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi untuk makluman Yang Berhormat Ladang, teknologi Winterbine ini bukan benda baru, dia ada di seluruh dunia sudah ada cuma nak mari ke pesisir Pantai Malaysia ni, ini saya rasa

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Di seluruh negara tu kat mana yang boleh saya pergi tengok?

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi Yang Berhormat pun dia orang pandai, orang bijak boleh tengok dalam Google.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak bukan, kalau katakan di Belanda boleh saya pergi ke Belanda sekali tengok.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Sebagai contoh kita boleh tengok di Denmark, kita boleh tengok di Holland benda tu ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Di Holland, insyaAllah, saya akan pergi ke Holland tengok betul ke ada? Macam takdok rasanya.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat, jadi kita nak beri peluang kepada orang lain pula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, nanti

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Macam saya katakan tadi, saya bagi ke Yang Berhormat satu peluang sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dah ni sambungan peluang tadi bukan peluang baru, peluang tadi juga. Yang ada di Holland ialah Windmill bukan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang, saya rasa Kemasik tak bagi dah. Cukup dah. Terima kasih Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Okey, saya patuh.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan, ingin mengucapkan tahniah dan syabas tidak terkira kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sikit-sikit aje. Cuma antara di darat atau di laut di tempat lain?

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Ya?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Pasal Winterbine tadi kebanyakan yang buatnya di atas darat, kita barangkali yang pertama di tengah laut ke? Tengah laut, ya. *So*, kita negeri tempat yang pertama untuk bina Winterbine di tengah laut, begitu? Di Malaysia, di seluruh dunia pun kebanyakannya di atas darat.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Macam saya kata tadilah, kalau kita pergi naik kapal terbang dan kita lalu ikut Denmark, kita nampak dalam air. Kalau kita lalu ikut Holland, kita nampak dalam air. *So*, benda ni *is not something new*.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *So*, dia pakai teknologi Denmarklah.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya tak tahu benda tu, pasal benda ni peranan *State* untuk makluman Dewan cuma bagi kelulusan permohonan tanah dia sebanyak dua ekar, itu saja yang lain adalah *private*. Dan usaha daripada *private* ini untuk dapatkan kelulusan, keluarkan bajet dan sebagainya.

Seterusnya, saya sambung balik ucapan penggulungan saya, sekali saya ulang, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang memberikan fokus iaitu antaranya menyediakan, memenuhi keperluan perumahan rakyat. Jadi tujuan saya *royat* di sini untuk ambil peluang beritahu apa yang telah diusahakan oleh pihak Kerajaan untuk dalam keadaan, satu; kekangan ekonomi kita yang mana sangat sukar bagi kita sekarang untuk mengeluarkan peruntukan membina rumah tapi Kerajaan membuat satu usaha yang bijak dengan menjemput Syarikat Perumahan Negara Berhad mari buat rumah dan juga menyediakan Rumah Mampu Milik kepada masyarakat dalam kawasan-kawasanlah. Saya beri contoh dalam kawasan saya, Kawasan Kertih yang mana akan dibina 1,400 unit rumah yang pelbagai kategori dan daripada 1,400 itu 30% akan dibina Rumah Mampu Milik. Jadi itu satu idea yang sangat-sangat bagus yang *synergize* apa yang ada oleh Kerajaan demi memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Jadi seterusnya juga, tapi saya lupa siapa yang sentuh pasal *investment* daripada China. Oh, daripada Cukai rasanya semalam tentang satu projek perumahan di Meraga Beris yang dilancarkan secara rasminya baru-baru ini yang mana Projek Perumahan PR1MA tu telah dianugerahkan kepada Syarikat MYMP. Syarikat itu daripada Terengganu dan syarikat ini juga telah menjalankan usahasama dengan Sunny Group daripada China. Mereka akan bina sebanyak 800 buah rumah, pelbagai kategori dan juga yang specialnya tentang projek ini dia ada buat kilang IBS sendiri. Jadi mungkin juga kita boleh *tap* kemudahan yang ada tu untuk kita bina rumah-rumah lain di Negeri Terengganu kita. Dan seterusnya

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Pohon laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Terima kasih pihak Kerajaan menjelaskan pembinaan rumah-rumah tapi macam mana nasib Air Putih ni, SPNB takmboh mari, PR1MA takmboh mari, tanah tenggelam hak ada bukit, guane ni? Tahun depan masuk bajet untuk tambun tanah ke guane? Saya takdok masalah, saya pergi ke SPNB, saya pergi ke belaka dah tapi takdok orang nak layan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sokong PAS lah pulak.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Air Putih, doksoh bimbanglah, guane-guane pun kita akan usahakan, kita akan buat jugaklah. Kot-kot manapun Exco Perumahan akan jawab insyaAllah.

Seterusnya, saya nak sentuh dalam menjawab soalan, satunya, daripada Wakil Paka ada sentuh pasal bas Ekspres KL-Kenyir. Jadi malangnya di sini, saya beritahu bahawa khidmat bas tersebut telah dihentikan pada 15.12.2016. Ini ekoran daripada kurangnya pengguna yang guna servis bas ekspres tu. Itu tidak sekali-kali memberikan kesusahan kepada rakyat sebabnya selain daripada Ekspres KL-Kenyir ni, ada juga bas ekspres lain seperti Mega Jaya Sdn. Bhd. dan juga

Syarikat Adik-Beradik yang menyediakan perkhidmatan bas Ekspres KL-Kenyir. Dan inisiatif yang diambil oleh KETENGAH akan menyediakan *Shuttle Service* daripada Kuala Berang ke Kenyir untuk memberi kemudahan kepada mereka yang memerlukan servis tu yang mana bekerja dan sebagainya. Jadi benda tu akan bermula bulan Jun.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, jadi RTC di Muktafi Billah yang berjuta tu, terminal bas tu untuk syarikat apa di Ketengah Jaya sebab dulu bas ekspres Tasik Kenyir inilah yang guna.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Untuk makluman Yang Berhormat Paka, sekarang ni ada bas yang berjalan. Kita ada MARA Liner yang berjalan, yang memberi servis kepada AMBS di kawasan KETENGAH tu melalui kawasan dalaman Dungun tu sebanyak dua buah bas yang diservis oleh MARA Liner yang sekarang ini berjalan dengan lancar dan bas ini siap masuk ke UiTM Bukit Besi lagi. Jadi dari segi perkhidmatan tu tidak terganggu, memang ada dan insyaAllah akan diberi penambahbaikan. Jadi Yang Berhormat Paka ada juga sebut pasal hentian-hentian bas yang baru dibina itu, benda tu memang akan dipakai dan sekarang inipun sedang dipakai.

Seterusnya, soalan daripada Cukai berkenaan dengan tapak Pesama. Jadi saya nak ambil kesempatan untuk jawab sebab saya adalah Pengerusi Pesama. Berkenaan perpindahan Pesama ke tempat baru ke Mak Lagam tu di mana proses tu tengah berjalan sebabnya memang kita pun sedar akan nilai komersial yang ada di tapak Pesama sekarang, nilainya lebih banyak daripada apa yang ada sekarang. Dan dari segi kedudukan kilang tu tidak sesuai di tengah bandar. Jadi kita tengah memperhalusi cadangan-cadangan yang dihantar oleh syarikat-syarikat dan sebagainya untuk yang mana boleh memberi pulangan yang lebih baik kepada Pesama dan juga *parent company* kita, Golden Pharos Berhad.

Seterusnya, daripada Kuala Besut ada sebut pasal masalah yang dihadapi tentang kesesakan di Pasar Borong Kuala Besut, Sekolah Kebangsaan Nangka dan ada satu simpang lagi. Jadi benda tu dalam perhatian JKR. InsyaAllah, suatu masa nanti kita akan pohon peruntukan dan benda ini akan dijalankan.

Saya ingat itu sahaja daripada saya Dato' Yang Dipertua, dan saya sekali lagi pohon menyokong usul itu. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. **Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: **Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.** Terima kasih Kemasik dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencelah. Seterusnya, sila Y.B. Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): **Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan, hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, saya melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan hidayah-Nya diberi peluang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam penggulungan. Saya juga mengambil peluang ini untuk merafak sembah serta menjunjung kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku sempena dengan Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri pada dua-tiga hari yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin terus kepada apa yang dipersoalkan, ada dua-tiga soalan dari rakan-rakan saya iaitu daripada Penyokong Kerajaan. Yang Berhormat Kota Putera yang memohon supaya insentif diberi kepada atlet-atlet Terengganu yang mencipta nama lebih baik lagi umpamanya memberi tanah dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, atlet-atlet Terengganu memang kita tidak nafi bahawa sekarang ini atlet-atlet Terengganu telah mencipta dan juga telah mengharumkan nama negeri dan juga negara di berbagai peringkat. Dan sebagai sebuah Kerajaan Negeri, Kerajaan yang bertanggungjawab serta sangat prihatin kepada atlet-atlet ini di mana telah banyak insentif-insentif yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan, terutamanya insentif-insentif kemenangan yang mengikut peringkat masing-masing. Kalau saya nak bacapun terlalu banyak sangat insentif-insentif ini, jadi saya ambil Insentif Kemenangan sahaja. Insentif Hadiah Kemenangan ini Yang Berhormat bagi atlet-atlet negeri yang berjaya di peringkat kebangsaan, antarabangsa termasuk atlet-atlet negeri yang mewakili negara dan

mencapai kejayaan yang bagus di peringkat antarabangsa. Hadiah Kemenangan ini bergantung kepada sukan masing-masing, kalau peringkat SUKMA ada yang diberi sampai RM5,000, kalau di peringkat Olimpik ada sampai RM10,000 hingga RM15,000 bergantung kepada tahap kejohanan yang mereka sertai. Begitu juga dengan saranan Yang Berhormat untuk memberi tanah kepada atlet-atlet yang cemerlang. Sebenarnya, kita pernah memberi tanah ini kepada Pasukan Bola Sepak Negeri Terengganu dahulu dan juga kepada Azizul Hasni Awang yang meraih Pingat Gangsa di Olimpik bersama dengan Fatehah Mustapha, Muhamad Adiq Husainie iaitu pelumba basikal dan juga Siti Rahmah Nasir yang merupakan Juara Dunia dalam Silat baru-baru ini juga kita telah memberikan tanah. Pada akhir tahun lepas, Kerajaan Negeri Terengganu juga telah menganugerahkan tanah kepada pemain-pemain Hoki Negeri Terengganu yang telah membawa kejayaan begitu cemerlang kepada negeri yang telah menjuari tiga kali berturut-turut Piala Liga dan juga Piala TNB di Kejohanan Hoki Peringkat Kebangsaan.

Selain daripada itu, saya dimaklumkan oleh sahabat kita, Cikgu kita Wakil Rantau Abang. Terima kasihlah Yang Berhormat Rantau Abang. Saya pun faham, beliau setiap kali Sidang Dewan memang bangkit *sokmo* berkaitan hal Velodrom ini. Dan saya sangat memahami sebagai seorang Yang Berhormat, begitulah kita ni. Dan saya nak beritahu Yang Berhormat bahawa kita telah berusaha keras untuk memastikan Velodrom ini akan terjadi juga sebagaimana yang telah dijanjikan oleh pihak Kerajaan. Oleh kerana ianya merupakan peruntukan Kerajaan Pusat dan kita pula menghadapi masalah ekonomi baru-baru ini maka terenjat sikit. Walau bagaimanapun, atas usaha yang bekerja keras sesama kita maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah bertandang ke Kementerian Belia Dan Sukan, ini yang saya nak kabor bahawa kesungguhan Kerajaan. Saya pergi dua-tiga kali dah, Menteri Besar sendiri pun pergi juga berjumpa dan memaklumkan berkaitan perkara ini sebahagian daripadanya untuk makluman Menteri. Dan saya dimaklumkan terkini di mana bagi pihak Kerajaan Negeri kita beri kerjasama, tambun tanah itu peruntukan Kerajaan Negeri kita telah selesai. Kita juga akan beri ke Kementerian sekiranya nak buat dan dimaklumkan sejak akhir ini bahawa Kementerian pada tahun ini juga akan dibuat dan juga dilulus peruntukan permulaan dulu untuk peringkat tahun ini sebanyak RM1 juta lebih dahulu. Peruntukan awal sebanyak RM2 juta, saya angkat balik melalui perbincangan dengan Bahagian Teknikal JKR hampir RM10 juta dan diluluskan dan apabila mari kegawatan ekonomi maka ditangguh dulu sementara. Dan insyaAllah, kita akan *fight* dalam *Rolling Plan* pertengahan tahun nanti, insyaAllah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada satu lagi soalan iatu daripada Yang Berhormat Batu Rakit yang meminta saya supaya memberi perhatian lebih kepada Sekolah Sukan Negeri Terengganu ini. Insyallah Yang Berhormat, dan setakat ini pun Kerajaan Negeri Terengganu telah memberi perhatian yang sangat serius dan juga sangat prihatin kepada semua sekolah yang berkaitan dengan sekolah sukan kita. Pertamanya, Sekolah Sukan Bukit Nenas yang mana sekolah ini ditanggung dan dibiayai dalam bidang pembangunan sukannya oleh Kerajaan Negeri. Kita mengumpul atlet-atlet kita yang berpotensi untuk kita hantar ke situ, semua Kerajaan Negeri yang tanggung. Dari segi biasiswa sekolah, Kerajaan Negeri yang bayar kepada atlet-atlet yang berada di situ. Yuran Asrama Kerajaan Negeri yang bayar kepada atlet-atlet yang berada di situ. Begitu juga dengan Bantuan Tuisyen kepada pelajar-pelajar ini juga Kerajaan Negeri yang tanggung. Jadi ini saya nak maklum bahawa sekolah-sekolah ini, bukan sahaja sekolah ini bahkan Sekolah Sukan di Gong Badak juga kita telah panggil ianya sebagai Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sukan Negeri Terengganu untuk kita mengetahui dari masa ke semasa perkembangan para atlet kita di sekolah berkenaan.

Saya rasa setakat itu sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara-perkara yang dibangkit kepada saya, kalau ada apa-apa soalan kita boleh jumpa lagi selepas pada ini. Kalau ada rasa *sekok-wasakok* bila-bila pun boleh, insyaAllah. Dengan ini, sekianlah sahaja. **Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Saya juga menyokong dan menjunjung kasih usul tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Telemong. Sila seterusnya, Y.B. Permaisuri. Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan yang hadir, seterusnya para Pemerhati sekalian.**

Pertamanya, bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita dapat menghabiskan Persidangan Dewan yang merupakan hari terakhir pada hari ini dan saya merafak sembah dan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum

Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah di atas merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Dewan Yang Kelima, Dewan Undangan Negeri Terengganu Ketiga Belas.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio saya. Pertamanya, saya ingin menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alur Limbat iaitu mengenai panggung wayang. Suka saya maklum iaitu berkait dengan panggung wayang ini. Panggung wayang ini, lesennya di bawah Peraturan Enakmen Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan 2002 (Enakmen 12 Tahun 2002) Kaedah-kaedah Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan 203, itu lesen dia. Yang keduanya, operasi. Operasinya betul-betul sebagaimana dibangkitkan itu iaitu pada pukul 10.00 pagi hingga ke pukul 1.00 pagi. Kapasiti bilik panggung wayang ini ada lima buah. **Dato' Yang Dipertua**, ada lima panggung wayang, Panggung Wayang 1, Panggung Wayang 2, Panggung Wayang 3, Panggung Wayang 4 dengan muatan 110 orang. Cumanya Panggung Wayang 5 tu boleh muat 88 orang sahaja. Jadi setakat ini maklumat pemerhatian semua panggung penuh, maknanya baguslah sambutan. Filem Melayu ditayangkan lima *show* sehari manakala filem-filem lain 1 hingga 3 *show* satu hari. MBKT hanya mengeluarkan Lesen Hiburan iaitu yang dikenakan setahun sebanyak RM9,910 setahun. Dan Cukai Hiburan dikenakan 25% daripada setiap jualan tiket dan menjadi hasil Kerajaan Negeri (SUK). CCTV meliputi kawasan dalam dan luar ataupun lobi panggung dan kaunter beli tiket. Gelap dan cerah, nak tengok **wayang mesti dalam gelap(Dewan gelap) ... sebab lampu tu cerah** dah tetapi dalam gelap CCTV boleh merakam. Jadi tak ada masalahlah. Dan walaupun begitu ada lagi beberapa peraturan yang dikenakan syarat boleh tidak boleh tayang di dalam waktu-waktu tertentu termasuklah hari kebesaran Islam

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, CCTV ni

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu Alur Limbat, sabar dulu. Biar beri kebenaran dulu. Kalau Permaisuri benar, angguk, boleh bagi.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): CCTV kalau dah boleh nampak benda tu dia nak buat guana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Cara apa ke dia, biar boleh nampak gi lah, lagi senang sebab CCTV tu untuk nak tengok orang jer, takkan CCTV untuk tidak nampak orang, mana boleh gitu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Faham dah, **maksud dia kalau nampak sesuatu yang tidak menyenangkan**

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Kita pakat tengoklah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): apakah kita akan ambil tindakan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Nak cerita pun payah benda ni. Kalaulah, satunya, orang Islam. Yang kedua, orang bukan Islam. Yang ketiganya, suami-isteri. Yang keempatnya, adik-beradik. Jadi bukanlah senang. Cumanya kita akan melihat balik kalaulah boleh buat pengasingan maknanya sebagaimana yang telah dicadangkan, hak lelaki sebelah, hak perempuan sebelah tapi kalau kena hak bawa bini muda, dia *takmboh setabut* duduk balik *nun*. Dia nak duduk dekat *tok laki dia gok*, guana? Kalau bawa anak, dia takmboh berpisah dengan anak dia.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Dipertua, boleh dok? Wujud Ruang Keluarga, dia boleh buat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Nak Ruang Keluarga. *Nyaknye* ke taukeh panggung Ruang Keluarga lagi, berasing lagi dan banyak perkara. Okeylah, dalam penambahbaikan insyaAllah, kita Negeri Terengganu Darul Iman ini kita akan buat benda ni sebab ini melibatkan banyak perkara. Dan kalau Yang Berhormat nak tahu, silalah baca enakmen tersebut. Kalau nak nanti bolehlah saya bagi salinan, baca dan tengok. Hak tu hak bahagian panggung wayang. Ada panggung wayang pun susah.

Okey seterusnya, saya nak jawab perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Wakaf Mempelam. Pah mana pulak? Kalau Wakil Wakaf Mempelam takdok, saya pergi ke Wakil Rantau Abanglah.

Wakil Rantau Abang ada dok? Soal Kerja-kerja Pembersihan Longkang Daerah Dungun Dan Longkang-longkang Di Bawah Kelolaan JKR, JPS Dan Majlis Perbandaran Dungun adalah seperti berikut, maknanya dia buat *sokmo* ni tetapi mungkin juga waktu Yang Berhormat pergi tu waktu belum cuci lagi: -

- JKR » Kerja pembersihan longkang dan jalan dibersihkan sebanyak dua kali setahun.
- JPS » Kerja-kerja pembersihan parit dan longkang (monsoon drain) luar bandar dijalankan sekali setahun mengikut keperluan.
- MPD » Kerja-kerja pembersihan longkang terbuka dilakukan sekali pada tiap-tiap bulan.

Dan Kerajaan Negeri juga telah meningkatkan peruntukan untuk bina baru dan penyelenggaraan longkang pada tahun 2017. Berbanding tahun 2016 iaitu daripada RM2.8 juta kepada RM3 juta pada tahun 2017. Hak tu hak bahagian longkang.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Yang Dipertua, Wakaf Mempelam takdok, boleh saya tanya sikit?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Kalau nak ikutkan yang berbahas tajuk ini sahaja yang boleh tanya. Kalau tak bahas rasanya tak boleh tanya Speaker kan?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): *Ambe* rasa ada jugak *ambe* sebut hak tu kan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tapi oleh kerana kawan-kawan, silalah.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya rasa dalam ucapan saya, saya ada sebut hak longkang besar tu. Longkang besar tu dia panggil apa, monsoon drain ke apa? Hak tu di Kemaman tahun lepas *takdok* peruntukan langsung menyebabkan berlaku banjir kilat, setelah saya bincang dengan Majlis dia kata peruntukan, negeri potong. Jadi hak tu yang saya minta supaya tahun ini ada peruntukan dan biar dia bersih tahun ini, ada tiga-empat longkang besar tu. Tapi *satning* dia sebut macam ada peruntukan pula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Ni hak Dungun, tak apa duduklah, tak apa. Moleklah dah tu, sekurang-kurangnya semua Wakil Rakyat bertugas, pergi tengok longkang, pergi tengok rumah dok? Tak ada masalah, yang ini kita dah bincang, kita dah minta maklumat dan tengoklah tahun ini Wakil Cukai kalau ada apa-apa saya maklum sebabnya bukanlah Wakil Cukai seorang yang menghadapi masalah longkang tu, penduduk di situ, penyokong di situ terlibat, jadi kita takkan sia-sialah, kita akan laksanakan sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab. Jadi hak tu tak payah jawablah dok, sudah jawab dah.

Okey, Wakaf Mempelam tak ada lagi? Bukit Payonglah. Bukit Payong ni berkait dengan Pasar Tok Molor aje kan? Pasar Tok Molor ni beginilah Wakil Bukit Payong, projek ini telah diluluskan pada tahun 2013 iaitu 20 November 2013. Dan MMKN telah bersetuju cadangan pulangan sebanyak RM6.5 juta kepada Kerajaan Negeri. Okey.

Seterusnya, masalah tepi sungai tu kan? Jadi masalah tepi sungai ni yang 50 meter. Pemaju perlu mematuhi syarat-syarat menyediakan rezab Sungai Ibai 50 meter daripada tebing sungai menghala ke darat mengikut Warta Kerajaan No.1196. Walau bagaimanapun, sebahagian sahaja tanah belakang yang dibina bagi projek berkenaan dibenarkan termasuk dalam rezab 50 meter tersebut. Dan perkara ini akan dibuat pantauan oleh MBKT dan juga JPS setiap masa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penjelasan sikit. Disebut tadi RM6.5 juta? Maksudnya pemaju beri kepada Kerajaan ke macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Bayaran.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Projek diuruskan oleh syarikat tersebut dan akan diserahkan RM6.5 juta kepada Kerajaan. Syarikat yang urus ni Syarikat Dacing tadilah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Hor.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Kan senang tu. Seterusnya, Wakil Bandarlaha saya nak jawab. Yang pertamanya, macam ni lah Wakil Bandar, saya ucap terima kasih banyaklah kepada Wakil Bandar ni sebab telahpun menyentuh panjang lebar mengenai Perumahan. Yang kedua, cumanya Wakil Bandar ni dia suka statistik, yang itu jer. Jadi saya ambil ringkasnya, Negeri Terengganu berada di kedudukan ketiga tertinggi bagi isi rumah yang memiliki rumah dengan mencatatkan sebanyak 83.9%. Kalau nak dibandingkan dengan purata peratusan nasional iaitu 76.1% sahaja.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Pemilikan rumah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Ya. dan fokus Kerajaan kita memanglah setakat ni 10,000 dah pembinaan rumah yang telah kita serahkan kepada pemilikan dan masih ramai lagi terutamanya yang berumur 40 tahun masuk ni dan kita dah ada sekarang lebih kurang 10,000 lagi termasuklah rumah Kerajaan dan juga rumah swasta. Terbaru sekali ialah yang akan dilancarkan pada 15 April ialah rumah yang akan dilancarkan di Kuala Nerus oleh KPKT iaitu 500 unit, 6 bangunan 5 tingkat. Jadi ini yang terbaru yang akan dilancarkan nanti, kerja-kerja tanah sedang dibuat. Selain daripada itu, bukan sahaja rumah baru dibina, pihak Kerajaan Negeri juga rumah-rumah yang telah diberi ini atau rumah-rumah yang telah dibuat sebabnya rumah-rumah ni ada yang buat sendiri, ada Kerajaan yang bantu, ada juga yang mendapat kemudahan daripada agensi-agensi tertentu. Kerajaan Negeri setiap tahun melalui Wakil Rakyat masing-masing untuk membaiki pula rumah, sudahlah beri rumah, ini baiki pula. Kalau Kerajaan Negeri Terengganu dia beri RM11,000 untuk baiki. Kalau Kementerian ada yang beri RM13,000. LKIM bagi RM10,000. Ini yang baiki. Dan pada tahun ini ada satu lagi rumah daripada Federal yang dipanggil Rumah BN iaitu Rumah Bina Negara. Rumah ni bernilai RM65,000 mempunyai tiga buah bilik

dan sekarang ni borang sedang dikeluarkan. Borang boleh diambil daripada RISDA dan lain-lain agensi Kementerian Luar Bandar. Harga RM65,000 akan diberi diskaun RM20,000 oleh Pusat yang baki RM45,000 bolehlah dibuat pinjaman yang diatur oleh pihak Kerajaan Pusat. Jadi dok kiralah mana-mana Wakil Rakyat yang berminat nak membantu rakyat pergilah ambil borang tu beri kepada rakyat dan tanah adalah tanah sendiri.

Selain daripada itu, rumah asasnya adalah tanah, jadi sebahagian besar sekarang ini Kerajaan Negeri telahpun meluluskan RTB. Dulu kita lulus sahaja, sekarang ini kita lulus dan kita cuci bersih kawasan itu pula, lepas itu kita masuk pula jalan asas untuk membolehkan pemohon yang mendapat tanah tadi dimasukkan elektrik dan juga air. Jadi sebab itu syarat yang baru ini pihak Kerajaan yang nak bina rumah, dia nak, satunya - tanah, yang keduanya - kemudahan asas, ada infra semua sekali baru dia masuk. Sebab itu yang Air Putih punya kita akan lihat balik sebabnya kawasan tu kawasan yang kurang menarik. Walau bagaimanapun, Kerajaan telahpun berjumpa dengan pihak Kementerian bagi membantu mana-mana tanah yang kurang sesuai tetapi lokasinya baik. Umpamanya, Rumah Nelayan. Kita ada mendapat sumbangan Rumah Nelayan daripada LKIM. Harga dia lebih kurang RM55,000 tetapi kawasan yang kita beri ada berpaya dan mereka telah bersetuju rumah ni ada tiang, empat kaki ke, enam kaki ke. Jadi kita akan *check* tengok, tambak dengan tiang ni mana yang lebih murah sebab dia awal lagi ni. Jadi dengan sebab itu, insyaAllah, Perumahan Negeri Terengganu ini akan cukup sebabnya kalau kita ambil statistik terakhirpun sekarang ini kalau kita beri tanah dalam lingkungan 25 tahun ke atas dan yang dah kahwin tapi yang 40 tahun tu kebanyakan mereka dah dapat. Walau bagaimanapun, kalau rumah masih tak dapat yang 40 tahun ini kita beri keutamaan. Jadi usaha ke arah menjadikan setiap rakyat Terengganu mendapat satu rumah pertama, insyaAllah kita akan usahakan bersungguh-sungguh dengan apa keadaan pun.

Tuan Yang Dipertua, saya jawab jugaklah yang Wakaf Mempelam walaupun dia tak ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Wakaf Mempelam ni dia tanya pasal Pasar Cabang Tiga dan Pasar Borong sebab dia bangkitkan saya tak tahulah, dia kata ada yang berniaga atas longkang dan

sebagainya. Betul, saya pergi tengok. Dah tak bubuh atas longkang macam mananya dengan tong-tong ikanlah tapi telah dibersihkan oleh pihak Majlis Bandaraya, telah selesai. Kemudian jalan pun telah dibuat dan parking pun telah dibuat. Jadi dengan yang demikian, di Pasar Cabang Tiga tu kita ada peniaga Melayu seramai 239 orang dengan bayaran RM32 sebulan, maknanya RM1.05 jer sehari. RM32 jer, nak cari mana lagi Kerajaan yang macam ni. Kita nak beri *free* nampak sangat. Kita ambil RM1 lebih sehari. Manakala di Gong Pauh tu dia ada 333 peniaga dan semuanya Melayu. Jadi dulu ada usaha kata nak pindah ke Bukit Payong tapi buat masa ni rancangan tersebut masih lagi berjalan dan sebab itu di Gong Pauh ni merupakan pasar sementara.

Jadi dengan yang **demikian Dato' Yang Dipertua**, mana-mana yang saya tidak sempat menjawab bolehlah tulis kepada saya ataupun kalau nak minta statistik pun tulis ajelah, boleh, tak ada masalah, kita akan jawab. Dan elok juga semua Wakil Rakyat kalau nak mencadangkan rumah di kawasan masing-masing hantar surat kepada Perumahan Negeri atau terus kepada saya bagi membolehkan saya pergi **tengok**

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat, ringkas saja, mengenai Pasar Gong Pauh tu yang Yang Berhormat sebut pasar sementara tu rasanya kita kena perbetulkan sebab berpuluh tahun dah pasar tu, takkanlah sementara selama-lamanya. Yang Berhormat Speaker pun rajin pergi beli di situ. Jadi kita kena perbaiki tempat itu, berikan kemudahan asas kepada tempat itu sebab itu menjadi tumpuan kepada rakyat di kawasan Kuala Terengganu terutamanya tiap-tiap hari Jumaat dan sebagainya untuk mereka membeli bahan keperluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Okeylah, saya setuju cadangan Batu Burok tu tapi kalau kita buat molek-molek, Wakaf Mempelam pula menang, jadi **alah kita. Jadi susah juga. ...(Dewan gelak)** Tapi sekarang ini jalan yang dibangkitkan oleh Wakil Wakaf Mempelam tu kita dah buat dah. Parking kita dah buat, jalan masuk kita dah buat, cuci parit kita dah buat, parit tu pun boleh jadi tempat mengail. Cumanya yang bangunan sahaja yang masih belum kita baiki tetapi sekarang ini kita dah minta pitih untuk membaiki kedai-kedai tersebut.

Jadi dengan kata-kata tersebut, Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Permaisuri. Sila seterusnya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang yang dihormati sekalian.

Pertamanya, alhamdulillah, saya juga mengatur setinggi-tinggi syukur kehadiran **Allah Subhanahu Wata'ala**. Dan dalam ucapan penggulungan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan semua Ahli Yang Berhormat, 19 orang yang berucap, memberi pandangan, memberi cadangan, menegur dan sebagainya. Kita percaya kesemuanya itu akan menjadi rekod-rekod kerja dan juga insyaAllah kebaikan kepada negeri kita, Terengganu Darul Iman.

Dato' Yang Dipertua, mengulas ataupun mengambil kesimpulan daripada Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan, saya sangat bersetuju sesuai dengan kata Yang Berhormat Ladang, apa kaedah sekali pun adalah untuk memaju dan menuju kepada kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Terengganu. Begitu juga ucapan perbahasan yang kita buat. Maka saya melihat dalam strategi yang diberi nasihat oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan terutama sekali dalam bentuk jangka panjang dan semasa dan ingin memastikan insyaAllah, ruang dan tanggungjawab kita mentadbir dan mengurus enjin pembangunan Negeri Terengganu ini selaras dengan kehendak yang kita katakan itu.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengungkap Titah Tuanku Al-Sultan supaya saranan baginda sekiranya rakyat mengeratkan perpaduan dan memperkukuhkan solidariti Negeri Terengganu Darul Iman ini, akan mencatatkan lebih banyak cerita kejayaan dalam pelbagai bidang insyaAllah. Jadi inilah yang suka saya ambil secara pendek, insyaAllah dalam mengatur enjin pertumbuhan terutamanya dalam pertumbuhan ekonomi pada hari ini, saya rasa terpanggil bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat dan Kerajaan sebenar-benarnya cabaran kita hari ini sangat luas. Kalau kita lihat **Dato' Yang Dipertua**, unjuran pembangunan sosio ekonomi

negeri kita sejak merdeka, kita tengok 20 tahun pertama kita lihat kita kekurangan sumber, kekurangan tenaga dan kita berada jauh ke belakang. Negeri kita dilihat sebagai negeri yang tidak ada daya penarik, negeri yang jauh daripada poket keuntungan. Kemudian, tidak ada minat daripada pelabur-pelabur. 20 tahun yang **kedua, selepas tahun '78 kita melihat sumber kita bertambah** dan kita fokus **dengan hasil mahsul yang diberi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan alhamdulillah**, kita dapat bangun. Kita lihat 20 tahun fasa kedua ini, infrastruktur di bandar dan luar bandar dan kawasan pertanian, pendidikan, pusat latihan dan sebagainya kita bangun dengan sempurna dan kita lihat kita mula melangkah ke hadapan. Dan 20 tahun yang ketiga, kita mula bersaing.

Alhamdulillah, hari ini Terengganu telah dilihat sebagai pusat ataupun destinasi pelaburan yang baru yang boleh bersaing dengan kehadiran lebuh raya (LPT) yang memendekkan perjalanan kita ke pelabuhan. Dengan kemudahan-kemudahan yang kita dah bangun dua fasa terdahulu, alhamdulillah, saya nampak inilah yang **kita rancang pada hari ini tetapi Dato' Yang Dipertua, kita jangan lupa** bahawa dalam masa kita bergerak, negeri-negeri lain pun bergerak lebih laju daripada kita. Jadi inilah masanya saya nampak sesuai nasihat baginda Tuanku bahawa kita semua mesti menguatkan solidariti, mesti menguatkan perpaduan kerana dalam urusan kemajuan ekonomi, daya penarik sangat mustahak, keuntungan diambil kira dan kita tak nak gara-gara kita berpolitik, gara-gara kita tidak muafakat, gara-gara kita tidak comel maka negeri kita tidak menjadi daya penarik kepada pelaburan dan sebagainya. Maka inilah yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam halacara TTB, Transformasi Terengganu Baharu. **Dan Dato' Yang Dipertua, jelas yang kita susun melalui pembangunan ataupun Transformasi Ekonomi**, kita dapat melihat ini sasaran untuk 2020, melihat KDNK Negeri pertumbuhannya bergerak 8%, ini cabaran yang besar. Kemudian, nilai KDNK itu sendiri kita nak mencapai RM41.5 bilion menjelang 2020. Kemudian pendapatan isi rumah, kita nak pergi kepada RM8,000 sebulan pada tahun 2020. **Jadi Dato' Yang Dipertua**, inilah saya ingat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat cabaran kita sebenar dan dengan penubuhan Majlis Ekonomi Negeri untuk membantu Unit Perancang Ekonomi. Kemudian kita menubuhkan Unit Pelaksanaan U-TENT saya nampak kita dah berada di garisan atau landasan yang sangat betul.

Dato' Yang Dipertua, kita merumuskan matlamat untuk kita capai dengan usaha-usaha ini kita nak menambah pertamanya, perbelanjaan swasta, yang saya kata tadi, dah kita cantik, kita dah menarik, kita dah bersaing, kita dah mempunyai

segalanya, inilah kita nak bawa swasta, kemudian kita nak membangunkan secara lestari dan mampan supaya insyaAllah ia dapat manfaat yang berlebihan. Kemudian, nak menjana pendapatan dan peluang pekerjaan kepada rakyat supaya pendapatan setiap isi rumah itu bertambah. Kemudian juga untuk melengkapkan rantaian nilai kepada industri itu sendiri yang seterusnya untuk mesra alam.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin melaporkan sedikit bahawa kemajuan yang dicapai sejak dua tahun ini dalam keadaan susunan kita yang secara realiti ini alhamdulillah. Dengan sungguh-sungguh saya ingin menyatakan bagi pihak Kerajaan, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sebanyak 27 projek bernilai RM18.57 bilion ataupun dengan tambahan 15,573 peluang pekerjaan telah terbentuk dan ini baru dua tahun malah kita dah ada 72 projek. Kemudian, kita rasa kalau tidak ada gangguan, tidak ada kerencatan harga minyak dan sebagainya, kita menjangkakan pada sasaran kita 2020 ini insyaAllah, *track* ini ataupun rancangan ini akan tercapai. **Jadi Dato' Yang Dipertua, inilah yang kita** payah mendengar saya nampak soal ini kita mengantuk sedikit tetapi sebenarnya inilah realiti, inilah yang akan kita usaha dan kita perjuangkan.

Dato' Yang Dipertua, rakan-rakan mungkin kata impian ini terlalu besar tapi biarlah impian besar kerana sesuai dengan masa kini dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Air Putih yang melontarkan satu kesedaran kepada kita. Kalau dulu cakap, saya ingat beliau kata kalau Amazon tu kita bayangkan suasana hutan tropika, saya pun sebut Lembah Amazon di Sungai Kuala Berang tapi hari ini perkara lain dibayangkan oleh anak-anak muda pada hari ini dan beliau menyebut Digital Free Trade Zone yang perlu kita usahakan dengan infrastruktur, jalur lebar dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, inilah cabaran kita dan saya ingin mengambil kesempatan sedikit untuk perkara yang difokuskan untuk meninggikan pendapatan isi rumah ini di mana dalam fokus kita, satu; Polimer Park di Kertih yang hari ini telah habis dibangunkan dan kita akan buat tumpuan untuk membangunkan fasa yang ketiga oleh ECER dan keperluan sebenarnya melebihi dari fasa ketiga. Kedua, Lembah Silika yang rata-rata **Ahli Yang Berhormat menganggap Lembah Silika ini**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ana rasa ada soal berkait dengan Petai Belalang dengan Akasia?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Belum lagi Yang Berhormat. Sekejap lagi. Kita tumpukan kepada Lembah Silika ini, satu kawasan pertumbuhan yang baru yang mana kita ingin bangunkan kawasan seluas 3,500 hektar di Selatan Bandar Kuala Terengganu di kawasan Marang. Kemudian kita akan bangunkan di sini sebenarnya kita letakkan industri pertengahan (midstream) dan juga hiliran (downstream) yang berasaskan kepada quartz dan silika yang mana pada hari ini silika telah lihat ada pengusaha yang dibangunkan di kawasan Bari, Setiu dengan secara perlombongan yang telah membelanjakan hampir RM300 juta dibangunkan di situ. Kemudian dieksport hasil silika bermutu tinggi ini ke luar negara tetapi kita telah dapat mengesan bahawa jika kita bangunkan di hiliran dan juga midstream ini di negeri kita ia lebih menguntungkan kepada pelabur. Maka kita kenal pasti kawasan di Marang ini boleh kita bangunkan untuk Lembah Silika, yang perlu kita bangunkan di sini keperluan-keperluan yang diperlukan oleh pelabur-pelabur terutama sekali Bulk Terminal yang bukan lagi pelabuhan tetapi untuk membawa masuk dan keluar silika itu sendiri. Kemudian keperluan tenaga yang banyak. Kemudian keperluan gas yang kita perlu bawa daripada Kertih lebih kurang 60 – 70 kilometer daripada Kertih. Kemudian kita juga ucap terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah bersetuju untuk membawa Stesen ERL ke sini khusus untuk membawa kargo silika ini. Dan begitu juga keperluan air, keperluan jalur lebar dan sebagainya kerana bukan sahaja kita bangunkan industri, kita perlukan perumahan, kita perlukan komersial, kita perlukan sebagai-bagainya dan ia akan menjadi satu tumpuan dan satu pusat pertumbuhan yang akan digerakkan, kemudian peluang pekerjaan yang besar di sini. Kita jangka akan menjadi tumpuan kepada rakyat sebagaimana disebut oleh baginda Tuanku lebih kurang RM5 bilion pelabur akan datang dan akan membentuk pekerjaan 7,000 peluang pekerjaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, boleh saya mencelah sikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tanya Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Silika dulu. Ya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tentang silika tadi disebut bahawa pelabur akan bawa RM5 bilion begitu kan? RM5 bilion pelaburan ke Terengganu. Saya ingin bertanya di pihak Kerajaan pula, berapakah agaknya perbelanjaan yang akan dibelanjakan untuk mewujudkan satu Lembah Silika itu? Yang keduanya, telah buat kajian atau tidak deposit silika di Terengganu ini bertahan berapa tahun agaknya? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang. Sila Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang kedua tadi saya tak berapa dengar Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tentang deposit silika yang ada ini, apakah sudah dibuat kajian berapa lama agaknya boleh bertahan adanya silika di Terengganu ini, stok dia?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Ladang. Kita sedang menyusun peringkat akhir sekarang ini. Sebenarnya sebagaimana saya kata tadi pembangunan di kawasan ini kita pihak Kerajaan akan *facillitate* dan galakan pelaburan swasta dari segi penyertaannya. Kemudian

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Betullah tu kena buat gitu tapi saya nak tanya dari segi kewangan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk mewujudkan lembah ini

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Nanti saya jawab ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ini kewangan kita tidak tahu lagi. Kita dalam peringkat akhir, sekarang ini di peringkat Jawatankuasa Teknikal, peringkat pengukuran, peringkat

kerja-kerja tanah dan sebagainya. Jadi jumlah yang Yang Berhormat kata tadi tidak dapat kita nilaikan lagilah. Kemudian, soal deposit silika sebenarnya yang berada di Setiu sahaja dijangka dapat bertahan 100 tahun yang sedang diusahakan oleh pengusaha di Setiu sekarang di Bari, Setiu. Jadi sayang, pengusaha nak mari, kualiti kita tinggi, kita boleh buat downstream, midstream, banyak sampai kepada Kristal tu hak paling kecil, hujung sekali Yang Berhormat. Malah kita dapati mutu silika kita di Terengganu ini lebih baik daripada yang berada di tempat-tempat lain. Jadi insyaAllah, Yang Berhormat kita doakan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, saya tidak membantah hasrat Kerajaan itu cuma kita ada pengalaman tentang industri-industri nak masuk ke Terengganu ini dan kita pernah wujudkan berbagai tempat untuk mereka ataupun misalnya di Dungun kita buat untuk plastik, di Kertih kita buat macam-macam tapi akhirnya yang nak dapat *benefit* ini, faedah ialah rakyat. Jadi marilah kita belajar dari situ, ketika *planning* biarlah akhirnya manfaat dan faedah itu jatuh kepada rakyat akhirnya. Saya tidak ada masalah untuk nak wujudkan Lembah Silika itu tapi sedikit peringatan untuk itu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Itu yang panjang lebar saya kabor tadi, memang itulah yang kita rancang dengan pakar dalam Majlis Ekonomi dan Unit Transformasi Ekonomi malah Yang Amat Berhormat dia ada satu jawatankuasa khusus Fastrack setiap perkara yang kita nak bincang kita kumpulkan supaya yang saya kata tadilah rakyat akan dapat ini. Kalau kita duduk peluk tubuh saja tak jadi juga Yang Berhormat.

Jadi akhir sekali Yang Berhormat, Dato' Yang Dipertua, ingin saya perelaskan juga iaitu peringkat kedua CJ Bio di Bio Polimer Kertih, **sebenarnya**

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Boleh saya mencelah sedikit? Bukan silika yang saya tanya

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sekejap Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya nampak tak jawab lagi tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ada lagi ni nanti kejap Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Ada lagi. Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): CJ Bio akan melabur peringkat yang kedua lebih kurang RM750 juta dengan tambahan pelaburan, kemudian keperluan kepada asal kita katakan dulu Petai Belalang dan sebenar-benarnya Petai Belalang ini adalah untuk kita bekalkan sebagai cip kepada pembekalan stim kepada kilang di mana sekarang ini dia pakai gas. Jadi urusan dikenal pasti pulak pada hari ini tak semestinya Petai Belalang tapi Akasia pun boleh. Jadi komitmen kita Kerajaan Negeri kepada pembangunan di sini dan kita sediakan kawasan dan dibangunkan oleh pengusaha Akasia ini, kemudian dibekalkan kepada CJ Bio. Kita tak terlibat dari segi yang lain dan kita bersedialah dan apabila siap dia punya *boiler* barangkali ada keperluan itu, kita akan bekalkan.

Berbalik kepada soalan dibangkitkan oleh

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, dah setakat ni saya difahamkan di Pulau Kerangga rasanya ditanam dengan Akasia maknanya sekarang ini masih lagi belum dihantar, digunakan di Kilang CJ Bio tu, ke macam mana dah berapa tahun dah saya rasa tanam tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Paka. Sebenarnya lebih kurang 7,000 – 9,000 hektar di Mercang, inilah yang jadi tarikan mereka datang ke Kertih. Sebenarnya kita ada bekalan Akasia di situ kemudian kita tak boleh bekalkan lagi kerana pada hari ini mereka masih belum lagi menjalankan kilang stim mereka, jadi mereka menggunakan gas sekarang ni. Saya kata tadi kita punya komitmen kita akan bekalkan fasa 1 daripada kawasan Mercang ni, fasa 2 di Rasau Kertih, di kawasan

Sungai Nipah dan sebagainya untuk dibekalkan kepada *boiler* yang akan keluarkan stim bagi CJ Arkema di Bio Polimer Park ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta maaf, Arkema ke CJ Bio?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): CJ Bio dan Arkema jugaklah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab Arkema ni dia kilang lain walaupun dia duduk di sebelah tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dia berasaskan bio juga dua-dua tu. **Dato' Yang Dipertua,** mengakhiri apa yang rakan kita Yang Berhormat **Sura bangkitkan**

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, ada dua persoalan lagi yang belum diberi penjelasan. Satunya, yang melibatkan tenaga tempatan yang bekerja di situ. Yang kedua, melibatkan isu keselamatan bau apa dan sebagainya yang mengganggu penduduk setempat. Dan juga pelaburan Kerajaan Negeri adakah RM750 juta pelaburan baru CJ Bio itu maknanya 100% pelaburan asing Korea tanpa libat pelaburan daripada dalaman negara kita?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Paka. RM750 juta itu kita akan dapat unjuran 100 pekerja. Kemudian bau itu kita dah sebagaimana Yang Berhormat Paka, dia tahu tu kurang dah, kemudian kita pun dah tegur bila Paka sebut kita terus pergi, kita sama-sama pantau. Kemudian dari segi nilai pelaburan, saham tu kita tidak terlibat, kita tarik ni sebenarnya CJ Bio dan juga Arkema ni adalah pemain bioteknologi yang terbesar dan yang terkenal di dunia. Dan sekarang ini peta Negeri Terengganu ia sebenarnya menjadi tumpuan bahawa Negeri Terengganu mengeluarkan bahan-bahan yang dikeluarkan oleh syarikat ini. Jadi kita *facilitate* yang menyebabkan, yang membolehkan kita memajukan Polimer Park ini. Dan peluang-peluang pekerjaan yang kita dapat kepada rakyat Terengganu.

Apa yang saya sebut tadi Yang Berhormat Sura, berkait dengan Batu 7. Terima kasih laporan yang diberi oleh Yang Berhormat tapi sebenarnya daripada 124.59 hektar Kawasan Industri Batu 7 ini, sebanyak 118.4 hektar telah pun menjadi pemilik kepada syarikat-syarikat yang memohon untuk menjalankan perusahaan di kawasan sini. Dan daripada situ, 12 buah syarikat telah pun beroperasi dan menjalankan aktiviti mereka dengan pelbagai aktiviti. Kemudian daripada 12 syarikat itu, 56 unit bangunan ataupun perusahaan telahpun wujud. Kita akui yang lain-lain lagi tu sedang kita pantau kerana biasalah Yang Berhormat pada masa mereka mengangkat cadangan kepada Unit Perancang Ekonomi segalanya cantik, segala janjinya pun ada tapi kita ada syarat, insyaAllah, kalau mereka ini tidak memenuhi syarat-syarat kita, tanah-tanah ini akan diambil dan diberi peluang kepada pelabur-pelabur yang lain. Tapi kita sedar sebab Batu 7 ini kebanyakan kawasan yang kebelakang tu infrastrukturnya belum lagi terbangun. Jadi kita haraplah sama ada usaha kita sekarang sama ada Majlis Perbandaran Dungun ataupun bantuan infrastruktur daripada Kerajaan Pusat kita boleh bangunkan infrastruktur kemudahan yang membolehkan perusahaan berjalan di kawasan ini.

Balik kepada Rantau Abang

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, boleh dapat penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Apa lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Kuala Berang. Jadi saya ingin mendapat penjelasan sebab dalam sidang yang lalu pada Ogos dinyatakan bahawa lima yang beroperasi. Jadi adakah selepas daripada Ogos 2016 ada pertambahan sebanyak tujuh syarikat lagi? Jadi kalau boleh saya ingin mendapatkan penjelasanlah, tujuh syarikat lagi tu yang mana daripada 37 syarikat yang telah disenaraikan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kalau jawapan dulu 5, sekarang 12 tentulah ada tambahnya, nanti saya akan edarkan kepada Yang Berhormatlah. Kita akan beritahu melalui jawapan bertulislah ya, Yang Berhormat.

Kepada Yang Berhormat Rantau Abang, yang sebut perompak masuk kawasan, dia tak sebut kawasan mana. Dia kabor kata masuk kawasan perpindahan menghala ke Tugu Penyu, ada padang bola, belakang padang bola baru jumpa. Rupa-rupanya kawasan tu Yang Berhormat Bukit Senyamuk. Jadi kawasan ini seluas 130 ekar, Kerajaan telah anugerahkan kawasan ini kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu pada 2016 untuk kawasan Lombong Pasir Silika juga dan setakat ini belum lagi dapat AP dan kerja-kerja yang Yang Berhormat kata rompak tu sebenarnya adalah urusan yang betul PMINT dan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Jadi tak usah bimbanglah Yang Berhormat itu bukan perompak. Cuma kita nasihatlah untuk Yang Berhormat boleh pergi baca biar letak label, pagar molek dan sebagainya. Kita akan pantau insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sedikit penjelasanlah. Saya sebut ni sebab tidak ada apa-apa tanda. Jadi bila tidak ada tanda, pengusaha ada, pasir dikeluarkan lepas tu apa tanggapan masyarakat? Sudah tentulah bila tidak ada tanda, pengusaha ada mestilah nak bawa lari, itu tanggapan masyarakat. Jadi saya nak minta supaya benda ini sudah ada permohonan, sudah diluluskan dan apa nama syarikat bersama dengan team yang mengusahakan tempat ini supaya hasilnya nanti tidak keluar begitu sahaja dan ianya menjadi hasil negeri, itu harapan sayalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat. Atas laporan Yang Berhormat itu, saya dah beritahu tadi kita pun harap PMINT akan labelkan, letakkan tanda nama, pagar dan sebagainya. Kita pantau dan kita pastikan peraturan dan syarat pengurusan itu dipatuhi tetapi sebagaimana cakap-cakap kedai kopi, bawa ke Kemaman, proses di Perwaja tu tidak betul, Perwaja ni dia proses besi Yang Berhormat, dia bukan proses pasir. Jadi insyaAllah nasihat Yang Berhormat kita ambil kira.

Itulah perkara-perkara yang telah dibangkitkan di bawah portfolio saya, saya ucap **terima kasih. Assalamu'alaikum** warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: **Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.** Terima kasih Kuala Berang. Sila Yang Amat Berhormat, Ketua Kerajaan untuk membuat penggulungan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam Negaraku Malaysia. Salam TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan para Pemerhati, rakan media, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudara dan saudari-saudari yang dihormati serta dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Pertama sekali, saya nak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah memberi pandangan, membuat kritikan membina dan mengambil bahagian secara aktif dalam membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan.

Saya rasa bersyukur kerana Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini berjalan dalam suasana yang sangat baik, penuh muhibah, penuh aman dan tenteram. Ada seorang sahabat memaklumkan kepada saya yang 10 - 20 tahun dahulu Persidangan Dewan biasanya panas. Dan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri, di sebuah negeri rakan kita seorang Ahli Yang Berhormat dari parti yang sama dihalau keluar dari Dewan tetapi kita di sini alhamdulillah tenang, tenteram, **saya ucap syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mungkin sepertimana kata** sahabat saya Wakil Wakaf Mempelam walaupun dia tidak ada pada ketika ini, dia dikatakan disebabkan faktor usia, masing-masing dah berumur maka Persidangan Dewan kita aman dan tenteram. Atau mungkin juga sebab masing-masing ambil sikap tunggu dan lihat. Ini tahun yang kelima dan Penggal Persidangan kita pun dah nak tamat dan pilihan raya dah semakin dekat. Dan dalam suasana sekarang apa saja kemungkinan boleh berlaku. Yang sebelah sini mungkin ada masalah tapi kita juga tahu yang sebelah sanapun sebenarnya ada lagi banyak masalah. Kejap kahwin kemudian bercerai, lepas tu kahwin semula kemudian bercerai semula. Kahwin semula diceraikan pulak, nak rujuk semula. Dia dah jadi macam keluarga 69 masing-masing pening belaka. Ada orang lelaki jurus, *handsome* akhlak molek ajak kahwin dia pula buat jual mahal. Jadi ikutlah, buatlah apa saja asal bahagia. Kita pun tak ada masa nak tunggu lama-lama, perjuangan harus diteruskan kita perlu terus bergerak ke hadapan kerana rakyat mengharapkan yang terbaik daripada Kerajaan dan janji kita sebagai Kerajaan kita akan cuba buat sehabis baik untuk rakyat dan untuk Negeri Terengganu Darul Iman.

Apa-apa pun Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat, saya juga kalau boleh.... Ni bukan

nak *pong* Dato' Yang Dipertua tapi Alhamdulillah Dato' Yang Dipertua juga saya nampak sangat sabar dan tenang. Kesabaran dan ketenangan inilah juga yang sebenarnya banyak membantu menjadikan Persidangan Dewan berjalan dengan lancar(Tepukan)....

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya nak sentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan saya dari barisan Exco juga sudah banyak beri jawapan balas dan saya ucapkan terima kasih.

Pertama sekali, saya nak jawab soalan yang dikemukakan oleh Wakil Tepoh tentang isu kaedah bayaran untuk Pembangunan Pusat Pentadbiran Daerah Kuala Nerus. Dan ini juga adalah berkait dengan saya sendiri kerana saya adalah Wakil Rakyat di kawasan Kuala Nerus. Saya ingin perbetulkan yang kaedah bayaran untuk Pembangunan Pusat Pentadbiran ini bukanlah secara *deffered payment* seperti yang disebut tetapi secara bayaran berjadual dengan had. Ini adalah perbezaan yang besar kerana ada satu mesej yang diviralkan seolah-olah Kerajaan nak sangat *deffered payment* sehingga sanggup bayar *interest* dengan izin, sebanyak RM120 juta kepada kontraktor yang bila dicampur dengan kos Pembangunan Pusat Pentadbiran ini sebanyak RM600 juta, jumlahnya jadi RM720 juta. Dia kata satu syarikat untung RM120 juta dalam masa 5 tahun, fakta ini tidak betul. Saya sudah maklumkan yang kos Pembangunan Pusat Pentadbiran ini adalah sebanyak RM600 juta tanpa sebarang faedah. Saya juga sudah jelaskan yang bayaran akan dibuat dengan had sebanyak RM70 juta setahun sehinggalah selesai. Tempoh bayaran mengambil masa 8½ tahun. Pembayaran bermula tahun 2016 sehingga 2024. Projek ini dijangka siap pada tahun 2020.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Cadangan Penubuhan Daerah Baru Kuala Nerus bukanlah cadangan yang baharu ianya sudah wujud sebelum zaman PAS memerintah Terengganu lagi. Tetapi keperluannya semakin mendesak berikutan pertambahan penduduk yang mendadak dan perkembangan ekonomi yang pesat di daerah tersebut. Kedua, ialah dakwaan jumlah hutang yang dikatakan sebanyak RM3.8 bilion, fakta ini tidak betul. Semua negeri mempunyai hutang dengan Kerajaan Persekutuan, termasuklah negeri-negeri Pembangkang. Sekiranya diambil data untuk Disember 2015 sebagai contoh, Negeri Kelantan mempunyai hutang sebanyak RM1.3 bilion dan Selangor mempunyai hutang sebanyak RM1.03 bilion. Terengganu hanya RM909 juta. Jumlah hutang terkini

Terengganu bukanlah RM3.8 bilion seperti yang dinyatakan oleh Y.B. Tepoh. Jumlah hutang terkini Negeri Terengganu kepada Kerajaan Persekutuan yang tepat ialah sebanyak RM893 juta sahaja dan hutang yang wajib kita bayar hanyalah RM502 juta sahaja.

Wakil Tepoh juga membangkitkan isu projek kerja-kerja membaikpulih dan menaiktaraf loji rawatan air di Bukit Sah, Kemaman dan cadangan Skim Bekalan Air Kuala Terengganu Utara. Saya ingin jelaskan di sini, sekiranya kalau kita tidak selesaikan isu bekalan air ini yang mana bekalan air ini yang sedia ada ni dah 30 tahun tidak ditukar. Dan kalau kita tidak buat sesuatu kita akan terus menanggung kos penyelenggaraan yang semakin hari semakin besar. Tetapi kalau kita laksanakan sekarang ini dan setelah dua projek ini siap, ia akan memberi manfaat kepada lebih daripada 600,000 penduduk serta memenuhi keperluan air rakyat sehingga tahun 2030.

Memang projek ini melibatkan *deffered payment* dengan izin. Kos asal projek ini ialah RM499 juta dan jumlah kos keseluruhan *cost of fund* dengan izin, adalah sebanyak RM686.878266 dan bayaran ini dibuat secara tertanggung selama 6 tahun dan selepas projek siap. Maksudnya bayaran akan dijangka bermula tahun 2018 sehingga 2023. Begitu juga Projek Bekalan Air Kuala Terengganu Utara yang mana juga dibuat secara tertanggung selama 12 tahun selepas projek siap bermula 2019 sehingga 2031.

Jadi, pembayaran dua projek ini akan dibayar secara berperingkat sejeurus selepas projek ini siap. Jika kita lihat pada Bajet Pembangunan bagi tahun 2017 ialah sebanyak RM741 juta. Katakanlah pada tahun 2019, Bajet Pembangunan dianggarkan masih sama dengan tahun ini, komitmen bayaran tahunan untuk tiga projek ini pada tahun 2019 hanya berjumlah RM256.9 juta. Jadi bermakna, masih lagi di bawah 40% Bajet Pembangunan. Jadi strategi ini kita telah ambil kira, kita telah melihat dari segala sudut sebelum kita nak buat keputusan. Kerana kita jangka pada tahun 2019, komitmen yang akan kita beri masih lagi sama dengan apa yang telah kita belanjakan pada tahun ini.

Jadi kerana itulah maka Kerajaan telah bersetuju kerana yang paling penting sekali adalah untuk kita nak menyelesaikan isu rakyat dan kita nak buat persediaan kerana kita tahu kalau kita tak mulakan dari sekarang kosnya akan berlipat kali ganda untuk masa yang akan datang dan jangan bimbang kepada sahabat-sahabat

saya kerana dua projek bekalan ini kita akan pastikan tidak akan menaikkan tarif air dan insyaAllah, Negeri Terengganu masih lagi negeri yang kedua terendah tarif air bagi penggunaan domestik. Okey, sila.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Penjelasan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi yang menafikan hutang, saya tidak menyebut RM3.8, kita menyebut RM3.6. Sebelum diberikan penjelasan berhubung dengan Pembangunan Bandar Baru Kuala Nerus, kalau menolak RM100 juta ertinya RM3.5, bagaimana kita mendapat jumlah ini? Kita campur dengan hutang Federal, kita campur dengan hutang Pembangunan Kuala Nerus, kita campur dengan dua loji air yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat, jumlah keseluruhan RM3.5 bilion. RM3.5 bilion ini apa yang disebut 12 tahun ertinya sedang menanggung hutang. Ya, kita setuju tentang pembangunan. Tetapi kita juga bersetuju bahawa ini adalah hutang yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, untuk pengetahuan Wakil Tepoh, sebenarnya yang saya nak sebut hutang tadi ialah sepenuhnya adalah air. Hutang air kita adalah sebanyak RM744 juta tetapi kerana keputusan Kerajaan, dengan izin, kita tidak *migrate* ke PAAB, kalau kita *migrate* dengan izin, ke PAAB secara seterusnya, automatik bahawa hutang kita tidak ada. Tetapi kerana kita merasakan bahawa sekarang ini, ini adalah hasil air ini dan kita tidak mahu ada bebanan kepada rakyat pada masa yang akan datang sebab itulah kita sekarang ini mengambil keputusan untuk tidak memindahkan pengurusan air ini kepada PAAB ini pada ketika ini dan untuk masa akan datang kita akan tentukan pada masa yang akan datang. Jadi kalau akan datang kita pindah kepada PAAB secara automatik hutang-hutang ini akan langsi dan akan menjadi tanggungan kepada PAAB.

Jadi, ada apa-apa lagi Tepoh? Okey, Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Terima kasih. *Sporting* Menteri Besar hari ini. Sikit lagi saya nak bertanya,

dengan kaedah yang digunakan ini, adakah *facility management* akan diuruskan oleh BEWG Malaysia Sdn. Bhd. dan juga oleh Konsortium Amani setelah daripada siap untuk operasi.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tidak. Dia kedua-dua syarikat ini hanya melaksanakan projek dan setelah selesai maka akan diuruskan oleh pihak SATU. Dan satu lagi kelebihan daripada projek ini, sebahagian besar daripada projek-projek ini juga telah dipersetujui untuk dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor tempatan. Dan keseluruhan hasil atau keseluruhan apa yang dilaksanakan ini akan menjadi aset kepada Kerajaan Negeri. Jadi tak ada masalah dan sebenarnya bila-bila masa sahaja PAAB akan bersedia nak mengambil alih sebenarnya. Jadi sebab itulah kita rasa tidak ada apa-apa risiko kepada pihak Kerajaan Negeri kerana apabila kemungkinan ada sahaja masalah yang kita tidak boleh nak atasi maka mungkin kita akan perlu mengambil keputusan untuk menyerahkan. Jadi pada masa yang sama segala hutang akan ditanggung oleh PAAB. Tetapi sebab itulah kerana kita melihat kepada aset yang kita miliki sebenarnya adalah lebih daripada nilai yang kita belanjakan maka kerana itulah kita mengambil keputusan untuk kita buat secara peringkat Kerajaan Negeri. Kerana aset sedia ada di bawah Bekalan Air kita untuk segala asetnya kita ada dengan nilai semasa di bawah Kerajaan Negeri sekarang ini adalah sebanyak RM1.8 bilion. Jadi tak ada masalah dari segi apa yang telah kita laksanakan. Yang penting hari ini kita tidak mahu lagi dengar orang-orang Tepoh akan timbul aduan **kepada Kerajaan bahawa: "Macam mana nak ambil air sembahyang pun tak lepas air", dia kata.**

Jadi lebih-lebih lagi kita tengok dengan pembangunan yang sedang berlaku sekarang ini, Bandar Baru Kuala Nerus, kemudian industri di Kemaman jadi kalau kita tidak buat daripada sekarang mungkin dalam masa lima tahun lagi, kita akan mengalami masalah air yang amat kritikal. Jadi kerana itulah maka Kerajaan perlu mengambil keputusan yang segera kerana dengan apa cara yang kita buat hari ini sudah tentu akan menambahkan lagi pendapatan lebih-lebih lagi kita nak memastikan fasiliti di kawasan industri kita di kawasan Kemaman itu akan dipertingkatkan kerana ini adalah menjadi satu prasyarat kepada pelabur-pelabur untuk mereka membuat pelaburan di Negeri Terengganu.

Seterusnya ialah berkait dengan isu hubungan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Perkara ini telah ditimbulkan oleh Wakil Bukit Tinggi. Wakil Bukit

Tunggal misalnya telah membuat andaian sendiri bahawa Kerajaan Barisan Nasional Terengganu tidak mampu mendesak Kerajaan Persekutuan ekoran kononnya ada projek yang perlaksanaannya lambat dan rosak. Mengenai hubungan State-Federal dengan izin, kita cukup berterima kasih kepada Kerajaan **Persekutuan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak**, Perdana Menteri Malaysia kerana sangat banyak memberi bantuan dan kemudahan yang diterima semuanya adalah untuk meningkatkan tahap pembangunan sosio-ekonomi rakyat dan negeri. Kerajaan Negeri tidak nampak sebarang keperluan untuk mengubah pendekatan dengan Kerajaan Persekutuan kerana jelas sekali pendekatan secara berhemah dan hubungan yang sangat baik ini telah membawa sangat banyak manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu.

Jadi saya juga nak sentuh tentang Aquapolitan. Saya harap Yang Berhormat Bukit Tunggal jangan tersilap, jangan tersalah. Walaupun nama tempat itu adalah Bangunan Aquapolitan kerana apabila nak melaksanakan sebuah projek sudah pasti kena ada satu pejabat yang akan menguruskan. Dan sementara pelaksanaan Projek Aquapolitan ini, maka pejabat itu diisikan dulu dengan program dan aktiviti yang sedia ada yang telah dilaksanakan oleh ECER iaitu Program Empower yang diuruskan oleh UMT dan UniSZA. Dan bagi saya tak salah, kalaulah hari ini kulinari ke, jahitan ke, jadi kepada orang nelayan pun walaupun nampak bahawa aktiviti-aktiviti ini tak signifikan dengan kerja mereka tetapi bagi saya tak ada masalah. Apa salahnya kalau anak-anak nelayan, isteri-isteri nelayan kalau dilatih mereka hari ini, maka mereka boleh buat pelbagai aktiviti. Itu contoh yang saya beri tapi maksud yang saya beri ini bahawa Program Empower yang dibuat di Bangunan Aquapolitan di Kampung Batin, Seberang Takir tidak ada kena mengena dengan Program Aquapolitan. Itu maksud saya. Okey, sila, Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih **Yang Amat Berhormat Dato' Seri**. Apa yang saya maksudkan dia dah... itu yang orang kata saya kurang faham tu sebab dianjurkan oleh Pusat Latihan Aquapolitan tetapi kursus yang ditawarkan tidak ada kaitan

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dia dianjurkan oleh ECER.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tetapi dia **buat tajuk di situ di bawah**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cuma ditempatkan di Bangunan Aquapolitan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Cuma saya telah sebut dalam ucapan saya supaya Yang Amat Berhormat hari ini kalau ada masa jelaskan apa sebenarnya pengisian atau program-program dalam Program Aquapolitan. Jadi kita pun tak faham apa benda sebenarnya yang diisi di situ. Dikatakan melibatkan nelayan dalam 400 – 500 orang tetapi sebenarnya apa pengisiannya supaya kita dapat jelas sikit supaya tidak nampak percanggahan dengan apa yang dilakukan sekarang inilah. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal. Kerana selama ini kita selalu bercakap tentang kemiskinan dan kawasan Seberang Takir kebetulan adalah merupakan salah satu kawasan nelayan. Jadi kerana itulah maka saya sebagai Wakil Rakyat kawasan di situ memikirkan bahawa kita perlu buat satu transformasi kepada golongan nelayan ini kerana banyak dah perkara-perkara ataupun cara-cara yang telah Kerajaan buat dengan memberi bantuan, memberi subsidi dan bermacam-macam perkara. Jadi kerana itulah maka lahirnya satu cadangan dan satu idea dan ini memang daripada saya sendiri berasas kepada bagaimana pelaksanaan FELDA. Kalau FELDA berjaya mengeluarkan petani-petani melalui konsep koperasi, melalui konsep solidariti, pemuafakatan. Jadi saya rasa apa salahnya kalau nelayan ini juga menggunakan kaedah yang sama. Dan kerana projek ini adalah satu-satunya projek dan yang pertama di dunia memang tidak ada boleh diberi panduan atau dilihat di mana-mana tetapi saya telah menyatakan kepada ECER dan juga kepada UMT sebagai konsultan yang dilantik supaya mengambil apa yang telah dilaksanakan oleh FELDA **untuk melaksanakan projek ini. Maka sekarang ini**

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya nak mintak penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nanti saya perhabis dulu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tidak perlu panjang penjelasannya. Kita faham konsep FELDA tu. FELDA kita tahu dia tanam kelapa sawit, tanam getah. Yang Aquapolitan ini nak buat apa sebenarnya di situ?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah saya nak tanya Yang Berhormat Bukit Tunggal, dah agak-agaknya Aquapolitan tu nak buat benda Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bukan saya Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tu yang saya nak tanya balik, dah nelayan takkanlah nelayan nak tanam padi, nak tanam kelapa sawit?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Itulah yang saya

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya nak tanya Yang Berhormat Bukit Tunggal, nelayan ni agak-agaknya dia nak buat apa?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sekarang ini idea itu idea dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak, saya nak tanya sekarang nelayan ni nak buat apa Yang Berhormat Bukit Tunggal?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bukan idea saya, kalau idea saya, saya tahu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak, saya nak tanya bila disebut nelayan, dia nak buat apa?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya bukan nelayan, jadi Yang Amat Berhormat jawablah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah takkanlah

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Getel keropok, getel keropok.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dah idea Yang Amat Berhormat macam mana tanya saya?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: **Tu lah saya nak tanya** Yang Berhormat, kalau sebut hari ini nelayan, kalau suruh nelayan hari ini tanam kelapa sawit adalah suatu benda yang tidak munasabah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Betullah, **itulah saya kata contoh**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: **Jadi itulah yang saya** tanya balik Yang Berhormat Bukit Tunggal, sekarang ini saya nak tanya, nelayan ni agak-agaknya nak buat aktiviti apa?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Steady, steady.....* Pertama, saya kata FELDA jelas dia buat sawit. Aquapolitan ni sebab ini idea Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dan yang pertama di dunia, apa yang sebenarnya Yang Amat Berhormat nak buat di situ? Itu saja sebab apa nak tanya saya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: **Sebab itulah saya tanya** balik

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: **Okey, Wakil Bukit Tunggal, duduk** dulu Bukit Tunggal, penerangan akan diberikan. Duduk dulu. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: **Yang Berhormat Bukit** Tunggal sebab itulah maka idea secara global kita serah kepada UMT. UMT yang mempunyai kepakaran kerana dia ada bidang dalam maritim.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak, dalam kepala Yang Amat Berhormat itu apa benda sebenarnya, UMT tu hanya akan **melanjutkan**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak, bukan soal idea dalam kepala Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Jadi kalau kita buat sesuatu benda tidak ada apa dalam kepala kita. Ini

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bukan soal, bukan soal

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal, kejam Yang Berhormat Bukit Tunggal.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Bukit Tunggal, saya rasa dia tahu jawapannya. Kalau sudah pasti hari ini dia sebut nelayan, mesti tidak boleh lari daripada menangkap ikan dan juga menangkap apa-apa sahaja yang ada dalam laut, itu aktiviti nelayan. Jadi dalam konsep yang kita nak buat hari ini yang saya sebut tadi ialah kerana kita melihat hari ini bahawa apabila berjaya, apabila menggunakan teknologi dan juga menggunakan secara berskala yang besar, inilah yang kita nak laksanakan. Sebelum ini nelayan ini dia menjalankan kerja secara bersendirian, dia pergi dengan bot tanpa ada menggunakan satu koperasi, maka kita nak mewujudkan satu koperasi. Sebagai satu percubaan di sini maka dicadangkan oleh ECER untuk mengambil 500 keluarga nelayan yang miskin. Jadi 500 nelayan yang miskin ini akan disediakan tempat termasuk sepertimana yang dibuat oleh FELDA, disediakan perumahan dan mereka tidak memerlukan tanah yang luas sepertimana FELDA untuk pertanian kerana tanah yang ada untuk aktiviti mereka sudah terbentang luas di lautan hari ini. Maka apa yang perlu kita bantu mereka adalah menyediakan kemudahan dari segi untuk perumahan, kemudian menyediakan kelengkapan-kelengkapan untuk mereka menjalankan aktiviti nelayan itu sendiri dan hasilnya itu nanti akan diproses, akan diuruskan oleh satu organisasi yang akan menggunakan konsep FELDA yang saya sebut tadi. Dari konsep yang kita buat hari ini, mungkin dalam konsep, dengan izin, *downstream*. Ini yang kita nak, mungkin proses dan tidak akan ada lagi orang tengah, mereka boleh proses sendiri dan anak-anak mereka boleh dilatih dan bermacam-macam perkara. Jadi perkara ini kita serah kepada UMT kerana UMT dia ada kepakaran bagaimana nak menternak *lobster*, bagaimana nak menternak ketam nipah dan sebagainya.

Jadi teknologi-teknologi inilah yang kita gandingkan dan kita bersamakan dengan nelayan tadi dengan *academician* kita dengan izin, dan dengan Kerajaan yang membantu, insyaAllah, saya yakin dan percaya kalau projek ini berjaya kita akan dapat menyelesaikan satu lagi kumpulan supaya memastikan akhirnya nelayan kita juga akan berjaya untuk masa yang akan datang.

Jadi kerana itu jugalah saya nak balas baliklah sebab Wakil Bukit Tunggal dia berpantun, jadi saya pun nak berpantun jugaklah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebelum Yang Amat Berhormat Menteri Besar berpantun, saya nak mintak penjelasan sikit saja lagi, lanjutan daripada itu. Saya pun tengah fikir nak faham sebab kalau orang tanya, kita boleh terangkan.

Yang Amat Berhormat memberi penerangan tadi projek itu diuruskan oleh konsep ECER yang dilaksanakan di Negeri Terengganu untuk membantu nelayan di bawah Konsep Aquapolitan. Jadi apa yang saya nak pencerahan di sini, konsep ini dilaksanakan oleh ECER, jadi peranan Kerajaan Negeri adalah menamakan peserta dari segi pengurusan penajaan melaksanakannya itu, saya faham adalah datangnya daripada peruntukan ECER. Oleh kerana itu, apakah yang jadi kepada agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian dan Perikanan, apakah peranan agensi ini, adakah kita nak strukturkan semula untuk Negeri Terengganu dan saya bercadang benar atau tidak ini mewujudkan jawatan-jawatan baru untuk diisi dalam konsep kita membawa prinsip baru Aquapolitan ini, adakah itu sebenarnya matlamat dia?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Bandar dia tanya dia sudah tahu dah jawapan dia. Dan sudah pastilah agensi-agensi ini akan terlibat tetapi pengurusan, penyelarasan akan dibuat oleh pihak ECER. Sepertimana apa yang telah ECER buat hari ini, ECER ini dia banyak, dalam bidang pendidikan, dia buat bersama dengan Kementerian Pendidikan, dengan Jabatan Pendidikan. Berkait dengan *empower*, dia akan buat dengan YPU dan dia libatkan jugak agensi-agensi dan begitu jugalah dengan Aquapolitan. Cuma yang saya sebut tadi ialah dengan apa yang telah dilaksanakan oleh ECER, memandangkan kawasan kita ini ada universiti, ada *academician* kita yang mahir dalam bidang-

bidang begini maka dilantik UMT sebagai konsultan dan sekarang ini dalam peringkat kajian yang dibuat oleh UMT. Dan untuk tahun ini kita dah dapat bajet, bajetnya adalah dari segi kajian dan juga dari segi penyelenggaraan tempat tersebut untuk peringkat awal. Ini adalah kerana projek ini mungkin akan memakan masa sedikit untuk pelaksanaan dan sekarang ini dalam peringkat pemilihan dan setelah dibuat pemilihan maka peserta-peserta ini akan diberi dulu pendedahan, kursus dan sebagainya dan barulah akhirnya akan dilaksanakan. Memanglah, sebetulnya apa-apa sahaja perancangan Kerajaan ini kita tidak akan dapat melihat dengan serta merta. Apa yang kita nak buat hari ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk membantu dan juga untuk memastikan dari segi apa yang selalu dilaung-laungkan adalah kita nak basmi kemiskinan.

Kita sedia maklum dan kita tahu bahawa masih ramai lagi daripada golongan nelayan ini masih lagi di bawah paras kemiskinan. Jadi sebablah itu maka kita nak jadikan ini sebagai satu *pilot project* untuk kita laksanakan dan saya yakin dan percaya, kalau berjayanya projek ini dan saya yakin kita akan dapat FELDA yang kedua. Dan insyaAllah, projek ini akan dilaksanakan di seluruh Negeri Terengganu dan juga di seluruh negara kita. InsyaAllah.

Jadi dok ingat dah pantun hak nak beri ke Wakil Bukit Tunggal sebab gangguan daripada Bandar tadi. Tapi ada ni. Dengar molek Wakil Bukit Tunggal.

Biarlah orang bertanam buluh,
Marilah kita bertanam padi,
Biarlah orang bertanam musuh,
Marilah kita bertanam budi.

Payah kami menabur padi,
Nanas juga ditanam orang,
Ikhlas kami menabur budi,
InsyaAllah, Barisan juga dipandang orang.

...(Tepukan gemuruh dari Dewan)

InsyaAllah, Barisan akan menang lagi.

Yang **Berhormat Dato' Yang Dipertua**, berkaitan dengan isu status perkembangan Pusat Bebas Cukai Pulau Bayas dan juga Projek Pelancongan di Tasik Kenyir, insyaAllah kerana kita sekarang ini dalam perbincangan yang terakhir dan kalau tidak ada aral, kalau tidak ada apa-apa insyaAllah menjelang bulan Julai ini insyaAllah Kenyir kita akan mula dibuka sebagai Pusat Bebas Cukai.

Yang ini sudah diberi kerana kita cuma menunggu sedikit lagi dari segi teknikal dan kalau perkara ini kita dapat selesaikan awal, insyaAllah kita akan dapat selesaikan. Jadi berapa orang Ahli Yang Berhormat misalnya Wakil Batu Burok, Tepoh dan Bukit Payong ada menyentuh tentang Tasik Kenyir.

Kerajaan sebenarnya sedar tentang kelewatan pembangunan sebanyak 15%, dan saya dengar ada wakil daripada sebelah sana masuk ke Kenyir sebelum kita persidangan ini. Saya rasa tidak ada masalah, elok benar mereka dapat melihat dan cuti sekolah baru ni sepatutnya Yang Berhormat di sebelah sana bertanya dengan pengusaha-pengusaha bot-bot kita. Kerana saya sendiri bila pergi terkejut, bila mereka memberitahu bahawa tempahan bot mereka untuk tahun ini sudah hampir penuh.

Dan cuti sekolah baru ni tak ada yang boleh dengan izin *walk in* kerana tempahannya mereka dapati tempahannya sangat-sangat hebat dan mereka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri. Tetapi Kerajaan Negeri sedar tentang kelewatan pembangunan sebanyak 15%. Jadi kelewatan-kelewatan ini sebenarnya bukan disengajakan dan bukan kerana ada apa-apa isu tetapi sebenarnya adalah disebabkan antaranya ialah hujan lebat dan paras air yang naik secara melampau 2 kali dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini yang menyebabkan kerja-kerja pembangunan tergendala. Dan memang kalau kita tengok baru ni pun, dapati sampai ke Gawi kita pun air melimpah sampailah kepada tandas dan juga tempat kedai makan di kawasan Gawi kita air tu meningkat sampai di situ. Jadi ini antara punca-punca yang menyebabkan dan kebetulan projek-projek di Tasik Kenyir ini dia saling berkait. Kalau lambat di sini, akan menjejaskan kelewatan projek lain.

Jadi kerana itulah, maka antara perkara-perkara yang kita kenal pasti dan saya juga nak perbetulkan balik kerana katanya ada Taman Rambutan, ada taman macam-macam saya nak jelaskan di sini ialah taman di Tasik Kenyir buat masa ini terdapat lima taman yang beroperasi iaitu Taman Tropika, Taman Rama-Rama,

Taman Orkid, Taman Burung dan Taman Herba. Taman Orkid diuruskan sepenuhnya oleh Syarikat Rimba Flora Agriculture dan Taman Rama-Rama diuruskan oleh Syarikat Butterfly Island Sdn. Bhd. dan Taman Tropika diurus tadbir oleh Pihak MARDI bagi tujuan penyelidikan tumbuh-tumbuhan tropika. Cuma Taman Burung kita tutup kepada umum kerana kerja membaikpulih dan menaiktaraf.

Konsep lepas bebas bagi pembangunan pulau ini sedang dikaji kerana kita memandangkan bahawa haiwan-haiwan pemangsa seperti ular sawa, burung helang berada di sini yang mengakibatkan banyak binatang-binatang termasuk burung induk yang telah mati. Jadi kerana itu maka kita sedang memikirkan untuk mengubah konsep supaya kita mungkin akan melaksanakan konsep kepelbagaian haiwan jinak dan kurungan dengan mengambil kira haiwan-haiwan yang ada di sekitar kawasan tersebut.

Dan kita ada Taman Herba, dan memang kita akui Taman Herba kita mengalami kerosakan akibat fenomena banjir dan sekarang ini kita sedang dalam proses membaikpulih kerosakan.

Tetapi untuk makluman hadirin sekalian, pada tahun 2010 kedatangan di Kenyir adalah seramai 225,570 orang dan kini telah meningkat kepada 507,502 orang pada tahun 2016. Jadi peningkatan sebanyak RM281,732 orang pelancong ini menunjukkan pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan telah mampu menarik pelancong ke Tasik Kenyir dan insyaAllah kena beri masa kepada kita dan kita sedang memastikan bahawa agenda menjadikan Tasik Kenyir salah satu lagi hub-pelancongan negeri dan negara kita akan dapat kita laksanakan.

Berkait dengan soalan yang dikemukakan oleh wakil Sura

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Pohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya ada dua persoalan yang mohon penjelasan. Yang pertamanya tentang pelaburan yang dijanjikan di dalam Dewan ini pada Tahun 2014 lagi iaitu pelaburan berjumlah RM1.8 bilion, di mana akan ada Syarikat Angsana Plataniom Sdn. Bhd. daripada Itali dan Syarikat Huaxi Group daripada China dengan RM300 juta dan juga syarikat-syarikat tempatan yang

semua jumlah diumumkan dalam Dewan ini pada 2014 adalah lebih kurang RM1.8 bilion. Adakah ianya akan berterusan, mereka akan melabur? Itu yang pertama.

Yang kedua, tentang Kompleks Kastam yang dibina adalah untuk bebas cukai di Kenyir. Apakah ianya dengan izin *federal funded* ataupun menggunakan wang Kerajaan Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Wakil Batu Burok. Jadi sekarang ini seperti yang kita sedia maklum, memang perancangan awal kita ramai pelabur-pelabur yang nak melabur. Tapi kita sedia maklum sekarang ini dengan keadaan krisis ekonomi, dengan keadaan permasalahan ini jadi ada beberapa orang pelabur ini yang masih lagi berbincang dan kita belum dapat lagi satu kepastian yang sebenar dan lebih-lebih lagi kerana kita belum lagi bermulanya, kita laksanakan secara 100% operasi kepada Kenyir ini. Jadi insyaAllah ini tidak ada masalah kerana ini masih di bawah Unit Transformasi Ekonomi Negeri kita U-TENT dan MEN-T dan bukan itu sahaja, kita juga sedang mendapatkan daripada pihak-pihak yang lain untuk membuat pelaburan. Dan insyaAllah bila kita melihat bermulanya operasi di Tasik Kenyir ini kita jangan bimbang. Saya yakin dan percaya ia akan memberikan suatu kekuatan ekonomi yang baru kepada Negeri Terengganu.

Dan memang sebenarnya, kerana seperti mana yang sedia maklum bahawa kalau kita tidak mulakan seperti mana yang sebelum ini banyak antara projek-projek yang peringkat awal kita mulakan dulu sepertimana LPT2 sendiri dengan lapangan terbang kita sendiri. Dan memang untuk permulaan sekarang ini kita menggunakan duit daripada Kerajaan Negeri untuk membina kerana ini adalah merupakan antara prasyarat awal yang diberi untuk membolehkan kita operasi. Tapi insyaAllah saya rasa tak ada masalah kerana apabila berjalan dan apabila mula pelaksanaan Kenyir sebagai Pusat Bebas Cukai, saya yakin dan percaya bahawa kita akan berbincang balik dengan Kerajaan Pusat untuk kita menuntut semula sepertimana yang kita dapat tuntutan sebelum ini.

Dan seterusnya yang terakhir, ialah berkait dengan apa yang dikemukakan oleh Sura nak menjadikan kawasan pesisir Sungai Nibong sebagai kawasan Pelancongan Tuntun. Jadi insyaAllah dan sebenarnya untuk pengetahuan Wakil Sura,

sebenarnya di Daerah Dungun terdapat dua pusat *conservation* dengan izin, Pasir Tok Chu dan juga Pasir Kumpal. Jadi kita dah ambil kira dua kawasan ini untuk diwartakan dan insyaAllah kita akan pastikan dua kawasan ini boleh kita jadikan sebagai satu lagi hub-pelancongan terutama hub-pelancongan tuntun.

Jadi, saya sekali lagi nak merakamkan ucapan terima kasih kepada sidang hadirin sekalian terutama kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan kepada sekalian rakyat yakinlah dan percayalah bahawasanya saya dan rakan-rakan dalam Kerajaan akan tetap memberikan yang terbaik untuk rakyat Terengganu. Itu janji saya, amanah dan tanggungjawab yang dipikul akan saya pegang erat, biar remuk di genggam asalkan tak reput menyembah bumi. Kepada Allah jua saya berserah. **Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Alhamdulillah, penggulungan daripada pihak Kerajaan telah selesai. Maka tiba masanya saya buka kepada undian.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan dan perkara-perkara lain berkaitan dengan kehidupan keluarga, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGADAKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM MENGENAI PERKAHWINAN, PERCERAIAN, NAFKAH, PENJAGAAN DAN PERKARA-PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN KEHIDUPAN KELUARGA, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,** saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan dan perkara-perkara lain berkaitan dengan kehidupan keluarga, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan satu Undang-Undang Keluarga Islam mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan, dan perkara-perkara lain berhubungan dengan kehidupan keluarga bagi Negeri Terengganu yang telah dikemaskini dan dipinda sesuai dengan kehendak semasa.

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

2. *Fasal 2* membuat peruntukan mengenai tafsiran dengan tujuan menjelaskan maksud dan mengelakkan pertikaian penggunaan perkataan atau suatu terminologi serta rujukan kepada Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] setakat yang tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

3. *Fasal 3* memperuntukkan tentang kuasa prerogatif Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri Terengganu sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam fasal 4(1) Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu.

4. *Fasal 4* memperuntukkan bahawa Rang Undang-Undang ini hanya terpakai bagi orang Islam yang tinggal atau bermastautin di Negeri Terengganu, walaupun dia tinggal di luar Negeri Terengganu.

5. *Fasal 5* memperuntukkan kriteria atau tatacara bagi menentukan sama ada seseorang itu beragama Islam bagi maksud Rang Undang-Undang ini.

6. *Fasal 6* menyatakan kedudukan sesuatu perkahwinan yang telah diakadnikahkan sebelum berkuat kuasanya Rang Undang-Undang ini.

7. *Fasal 7* menentukan orang yang dibenarkan mengakadnikahkan perkahwinan pihak-pihak.

8. *Fasal 8* menentukan had umur minimum pihak-pihak kepada sesuatu perkahwinan itu.

9. *Fasal 9* dan *10* memperuntukkan alasan bagi larangan terhadap perkahwinan antara pihak-pihak tertentu.

10. *Fasal 11* memperuntukkan mengenai perkahwinan yang tidak sah.
11. *Fasal 12* memperuntukkan syarat yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu perkahwinan itu boleh diiktiraf dan didaftarkan.
12. *Fasal 13* memperuntukkan syarat-syarat yang perlu sebelum seseorang perempuan itu boleh berkahwin dengan seseorang lelaki lain.
13. *Fasal 14* ialah peruntukan mengenai pertunangan.
14. *Fasal 15* memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan itu hendaklah melalui permohonan yang dibuat oleh kedua-dua pihak kepada Pendaftar sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh yang dicadangkan bagi perkahwinan itu, kecuali Pendaftar membenarkan masa yang lebih singkat lagi.
15. *Fasal 16* dan *17* memperuntukkan tatacara bagi Pendaftar dan Hakim Syarie mengeluarkan kebenaran untuk berkahwin kepada pihak-pihak yang berkenaan.
16. *Fasal 18* dan *19* memperuntukkan bahawa kebenaran adalah perlu sebelum akad nikah dan menentukan tempat di mana sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan.
17. *Fasal 20* memperuntukkan mengenai mas kahwin dan pemberian.
18. *Fasal 21* memperuntukkan mengenai catatan dalam Borang Nikah.
19. *Fasal 22* berhubungan dengan perkahwinan poligami dan lelaki dikehendaki mendapat kebenaran secara bertulis dari Hakim Syarie.
20. *Fasal 23* mengenai perkahwinan di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul Malaysia di luar negeri dan tatacara pendaftaran.
21. *Fasal 24* mengenai dengan pendaftaran perkahwinan.
22. *Fasal 25* mengenai surat perakuan nikah.

23. *Fasal 26* menghendaki mana-mana orang yang mengetahui tentang adanya perkahwinan yang tidak sah atau perkahwinan yang tidak didaftarkan yang telah diakadnikahkan bertentangan dengan Rang Undang-Undang ini, supaya melaporkan perkara itu kepada Pendaftar.

24. *Fasal 27* ialah peruntukan mengenai kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantik pegawai awam sebagai Ketua Pendaftar, Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan *Rujul Orang Islam dan* mana-mana orang yang layak sebagai Jurunikah. Fasal ini juga memperuntukkan kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantik Mufti, Timbalan Mufti, Ketua Pendaftar dan Pendaftar atas sifat jawatan masing-masing sebagai Jurunikah dan membatalkan mana-mana pelantikan.

25. *Fasal 28* memperuntukkan bahawa tiap-tiap perkahwinan hendaklah didaftarkan dan Daftar Perkahwinan hendaklah disimpan.

26. *Fasal 29* mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran perkahwinan luar negeri seseorang yang bermastautin di Negeri Terengganu.

27. *Fasal 30* memperuntukkan mengenai daftar yang tidak diakui di sisi undang-undang.

28. *Fasal 31* memperuntukkan mengenai tatacara berhubung dengan pendaftaran secara sukarela oleh pihak-pihak yang perkahwinannya diakadnikahkan di bawah mana-mana undang-undang sebelum atau selepas tarikh yang ditetapkan bagi Rang Undang-Undang ini.

29. *Fasal 32* hingga *34* memperuntukkan kesalahan bagi mereka yang tidak hadir di hadapan Pendaftar dalam masa yang ditetapkan, kesalahan bagi pelanggaran terhadap seksyen 30 dan gangguan terhadap perkahwinan.

30. *Fasal 35* hingga *37* memperuntukkan mengenai penalti bagi kesalahan-kesalahan berhubung dengan akad nikah dan pendaftaran perkahwinan.

31. *Fasal 38* memperuntukkan bahawa kesalahan-kesalahan di bawah fasal 32 hingga 37 tidak boleh didakwa di Mahkamah kecuali dengan kebenaran bertulis dari Ketua Pendakwa Syarie.

32. *Fasal 39* dan *40* memperuntukkan mengenai tatacara membetulkan kesilapan dalam Daftar Perkahwinan dan terbuka untuk diperiksa oleh mana-mana orang setelah dibayar fi yang ditetapkan.

33. *Fasal 41* memperuntukkan bahawa Daftar Perkahwinan dan salinannya yang sah adalah menjadi keterangan *prima facie* dalam semua Mahkamah dan tribunal mengenai apa-apa jua yang dicatatkan dalam daftar dan salinan itu.

34. *Fasal 42* memperuntukkan mengenai takat kuasa Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah.

35. *Fasal 43* memperuntukkan mengenai dengan pertukaran agama tidak akan dengan sendirinya membubarkan suatu perkahwinan melainkan setelah disahkan oleh Mahkamah.

36. *Fasal 44* memperuntukkan mengenai tatacara berhubungan dengan perceraian melalui *talaq* atau perintah.

37. *Fasal 45* ialah peruntukan berhubungan dengan penimbangtaraan oleh Hakam.

38. *Fasal 46* memperuntukkan mengenai tatacara berhubungan dengan perceraian secara *khul' atau tebus talaq*.

39. *Fasal 47* memperuntukkan mengenai tatacara berhubungan dengan perceraian secara *ta'liq* atau janji.

40. *Fasal 48* memperuntukkan mengenai perceraian secara *li'an*.

41. *Fasal 49* memperuntukkan mengenai tatacara berhubungan dengan hidup semula sebagai suami isteri atau *ruju*.

42. *Fasal 50* memperuntukkan mengenai tatacara dan syarat-syarat untuk mendapat suatu perintah Mahkamah untuk membubarkan perkahwinan atau *fasakh*.

43. *Fasal 51* memperuntukkan mengenai bagi seorang perempuan atau lelaki untuk mendapatkan perakuan daripada Mahkamah yang menyatakan bahawa suaminya atau isterinya telah dianggap mati bagi maksud membolehkannya berkahwin semula dan perkara lain yang berkaitan dengannya.

44. *Fasal 52* memperuntukkan mengenai penyenggaraan Daftar Perceraian dan Pembatalan.

45. *Fasal 53* dan *54* memperuntukkan mengenai pendaftaran perceraian dan membetulkan kesilapan dalam Daftar Perceraian dan Pembatalan.

46. *Fasal 55* memperuntukkan mengenai pemeriksaan Daftar Perceraian dan Pembatalan.

47. *Fasal 56* memperuntukkan mengenai pendaftaran perceraian di luar Mahkamah.

48. *Fasal 57* ialah peruntukan berhubung dengan hak isteri yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya untuk memohon *mut'ah* atau pemberian saguhati.

49. *Fasal 58* memperuntukkan mengenai hak terhadap mas kahwin tidak akan tersentuh apabila perkahwinan dibubarkan.

50. *Fasal 59* memperuntukkan kuasa Mahkamah memerintahkan pembahagian harta sepencarian.

51. *Fasal 60* hingga *71* adalah peruntukan-peruntukan berhubung dengan nafkah kepada isteri.

52. *Fasal 72* ialah peruntukan mengenai tempat tinggal bagi isteri yang telah diceraikan.

53. *Fasal 73 hingga 81* adalah peruntukan-peruntukan berhubung dengan nafkah kepada anak.

54. *Fasal 82 dan 83* adalah peruntukan-peruntukan berhubung dengan kuasa Mahkamah memerintahkan pembayaran nafkah kepada kedua ibu bapa, dan Baitulmal atau institusi lain membayar nafkah jika tiada orang lain yang berkelayakan.

55. *Fasal 84 hingga 90* ialah peruntukan-peruntukan berhubung dengan Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak.

56. *Fasal 91 hingga 105* adalah peruntukan-peruntukan berhubung dengan penjagaan dan pentadbiran harta kanak-kanak.

57. *Fasal 106* memperuntukkan mengenai Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang nasihat pegawai-pegawai kebajikan, dsb.

58. *Fasal 107* memperuntukkan kuasa Mahkamah untuk menghalang anak dibawa keluar dari Malaysia.

59. *Fasal 108* memperuntukkan mengenai kuasa Mahkamah membatalkan dan menahan perpindahan-perpindahan yang dimaksudkan untuk mengecewakan tuntutan-tuntutan nafkah.

60. *Fasal 109* memperuntukkan mengenai tegahan terhadap gangguan kepada suami atau isteri.

61. *Fasal 110* memperuntukkan mengenai kuasa Mahkamah untuk memberi perintah tegahan melupuskan harta sepencarian.

62. *Fasal 111* memperuntukkan mengenai pengiktirafan perkahwinan orang Islam yang dilakukan di luar Negeri Terengganu.

63. *Fasal 112* memperuntukkan mengenai pengiktirafan perkahwinan yang dilakukan di Kedutaan-Kedutaan dsb., di Malaysia.

64. *Fasal 113 hingga 122* ialah peruntukan mengenai pengesahan taraf anak.

65. *Fasal 123* adalah peruntukan mengenai permohonan oleh isteri yang ditinggal langsung.

66. *Fasal 124* peruntukan membenarkan pihak-pihak yang terkilan dengan apa-apa keputusan di bawah Enakmen ini bolehlah membuat rayuan ke Mahkamah mengikut prosedur yang ditetapkan.

67. *Fasal 125* memperuntukkan mengenai kesalahan dan penalti bagi perkahwinan tanpa kebenaran Pendaftar atau Hakim Syarie.

68. *Fasal 126* memperuntukkan mengenai penalti bagi poligami yang diakadnikahkan tanpa kebenaran Mahkamah.

69. *Fasal 127* memperuntukkan mengenai kesalahan dan penalti bagi perceraian di luar Mahkamah tanpa mendapat kebenaran Mahkamah.

70. *Fasal 128* ialah mengenai kegagalan membuat laporan.

71. *Fasal 129 hingga 133* ialah peruntukan-peruntukan bagi kesalahan dan penalti berkenaan dengan perkahwinan, perceraian dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kehidupan sebagai suami dan isteri.

72. *Fasal 134* memperuntukkan kesalahan dan penalti bagi suami yang bersekedudukan semula dalam tempoh **'iddah raj'ie** tanpa **ruju yang sah dan** memperuntukkan kesalahan bersubahat bagi isteri yang melakukan kesalahan yang sama.

73. *Fasal 135* memperuntukkan kesalahan dan penalti bagi suami yang melafazkan **ruju tanpa persetujuan isteri.**

74. *Fasal 136* memperuntukkan kesalahan dan penalti bagi orang yang sengaja gagal mematuhi perintah nafkah.

75. *Fasal 137* memperuntukkan kesalahan dan penalti bagi orang yang melakukan atau bersubahat melakukan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

76. *Fasal 138* peruntukan berkaitan hukuman yang tidak ditentukan dengan nyata bagi kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini.

77. *Fasal 139* ialah peruntukan berkaitan dengan kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi maksud melaksanakan Rang Undang-Undang ini.

78. *Fasal 140* memperuntukkan jika terdapat *lakuna* atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah merujuk kepada Hukum Syarak.

79. *Fasal 141* memperuntukkan tentang pemansuhan Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 dan memperuntukkan perkara-perkara kecualian serta peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk Bacaan Kali Yang Kedua, sekarang saya buka untuk perbincangan sekiranya ada. Sila. Ada dua orang. Saya bagi kepada Bandar dululah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Dato' Yang Dipertua, adakah kita nak buat Usul untuk menambah masa Dewan hari ini dulu atau tak perlu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bercakap dulu tak apa, kita ada peraturan yang akan kita patuhi, insyaAllah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya mengambil peluang untuk menyatakan padangan selaku ADUN Bandar berkenaan cadangan Kerajaan untuk meminda dan mengusulkan Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Saya difahamkan ini adalah rang undang-undang baru untuk membentuk enakmen baru, Pentadbiran Keluarga Islam di dalam Negeri Terengganu.

Saya sangat suka hati dan gembira kerana Dewan ternyata telah memberi tumpuan pada isu yang pada kami dan sebahagian besar rakyat Terengganu yang berbangsa Melayu, beragama Islam motif untuk memartabatkan undang-undang yang dekat kena mengena dengan kehidupan orang Islam di Negeri Terengganu. Undang-undang Keluarga Islam ini adalah undang-undang yang pada saya telah ditunggu lama oleh masyarakat Melayu Islam di Negeri Terengganu kerana isi kandungan sebanyak 141 frasa itu agak menyeluruh dan menyentuh terhadap isu yang dekat dan perlu kepada penerangan serta kefahaman dan apatah lagi ianya menyentuh tentang isu berkeluarga, mengatur keluarga, mentadbir rumah tangga dan juga membentuk satu masyarakat Islam Melayu secara umumnya.

Sebelum itu Dato' Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan terima kasih kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang kerana telah membekalkan saya naskah Enakmen A54 yang telah diperkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan untuk diwartakan sebagai Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) (Pindaan) 2016 yang kita bincang dan luluskan pada sesi yang lalu. Cuma saya mengambil peluang untuk menyatakan terima kasih kerana membekalkan naskah ini. Namun Dato' Yang Dipertua, saya suka untuk menyatakan pindaan Seksyen 19 yang kita bincang pada hari itu, satu seksyen telah diterima dan kita buang daripada naskah warta ini untuk tujuan tidak mengelirukan perujuk-perujuk kepada enakmen ini. Maksud saya Tuan Yang Dipertua, dulu ada tiga frasa, sekarang oleh kerana frasa (b) itu telah dimansuhkan, digugurkan kerana frasa (b) itu adalah tujuan asal dia adalah untuk mengurangkan denda tetapi setelah kita berbincang dalam Dewan, akhirnya Dewan bersetuju denda tidak harus dikurangkan dan kita bercadang untuk menambah denda tetapi akhirnya kita bersetuju tentang isu denda ini tidak dibangkitkan maka digugurkan frasa (b) untuk tujuan menambah denda kepada kesalahan tidak mengerjakan Solat Jumaat di Negeri Terengganu. Maka frasa (b) itu digugur jadi (c) itu mengambil alih (b), kalau pandangan saya begitulah pada naskah yang terbaru. Saya bawa perkara ini untuk menyatakan rakan-rakan Ahli

Dewan termasuk rakan-rakan kita semua dan Pemerhati, sekiranya menerima naskah ini saya fahami itulah spirit ataupun maudud yang nak dibawa berkenaan dengan pindaan enakmen ini. Terima kasih lagi sekali kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri atas naskah itu.

141 frasa yang dibentangkan tadi merangkumi seluruh isu tentang kekeluargaan, **perkahwinan di Negeri Terengganu. Dato' Yang Dipertua, kita** ada undang-undang berkenaan dengan Tatacara Pengurusan Keluarga Islam di Negeri Terengganu yang kita bahaskan pada hari ini. Dan pada saya, saya nyatakan kita merasa gembira kerana kita membuat tumpuan kepada perkara ini. Apakah tidak kita merasa prihatin bukan sahaja di Negeri Terengganu malah di seluruh Malaysia sepatutnya undang-undang yang merujuk kepada Undang-Undang Pentadbiran Orang-orang Islam di negeri dan negara kita sepatutnya menjadi badan rujukan tertinggi yang boleh kita bergantung-harap untuk tujuan mengatur hidup rakyat beragama Islam Melayu. Kita tidak mahu perkara ini dijadikan bahan politik sehingga kita terkeliru apatah lagi menjadi interpretasi yang berbagai menyebabkan berlakunya pecah-belah dalam masyarakat umum, agama Islam dan masyarakat Melayu kita. Saya yakin persoalan ini menjadi pertimbangan utama sehingga kita boleh membawa cadangan rang undang-undang ini, memperkemas, **memperbetul. Maka Dato' Yang Dipertua, saya harap Dewan ini tidak dianggap** ucapan saya, ucapan sahabat-sahabat kita nanti tidak dianggap sebagai bahan untuk mempolitikkan kerana kita ada satu contoh yang jelas hari ini, semalam dan beberapa hari yang lalu yang dekat dengan kita. Pihak Kerajaan berjanji untuk membenarkan Rang Undang-Undang 355 yang hampir sama isi kandungan yang kena mengena dengan undang-undang yang telah diperbuat dalam negeri kita dan kita pinda sesi yang lepas. Tetapi kita mendapat berita semalam perkara ini tidak boleh *materialised* dengan izin, kerana ada jawapan, penerangan yang tidak *credible*, dengan izin. Seorang mengatakan mewakili Kerajaan, mewakili Parlimen mengatakan perlu ditangguh, semalam dan mengatakan Kerajaan tidak akan membentangkan perkara ini. Saya mengambil peluang ini untuk mengatakan, Tuan Yang Dipertua, kita tidak boleh mempermainkan isu yang menyentuh tentang hukum, undangan Islam, pentadbiran dan sebagainya untuk tujuan politik, tidak boleh. Saya rasa kita patut juga mempertimbangkan satu akta yang menyekat penggunaan undang-undang untuk tujuan politik. Kalau kita boleh formulasikan satu undang-undang

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap. Bandar duduk kejam. Nanti saya bagi sambung balik, insyaAllah. Sila Kuala Berang.

Usul Melanjut Tempoh Masa Persidangan
Menurut Di Bawah Perkara 7(1A)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memandangkan masa Persidangan akan tamat tempohnya pada pukul 5.00 petang, dengan ini saya mencadangkan supaya tempoh Persidangan ini dilanjutkan sehingga selesai semua Tertib Pekerjaan Dewan sebagaimana yang telah ditetapkan menurut di bawah Perkara 7(1A) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima satu cadangan yang tidak memerlukan notis supaya melanjutkan tempoh masa Persidangan pada hari ini. Oleh yang demikian, masa Persidangan ini dilanjutkan sehingga selesai semua Tertib Pekerjaan Dewan sebagaimana yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas. Maka Persidangan Dewan ini diteruskan. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Berang dan Permaisuri. Sila sambung Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua dan Yang Berhormat Wakil Kerajaan yang membuat Usul serta menerima Usul untuk menyelesaikan Tertib Pekerjaan hari ini tanpa had masa. Terima kasih.

Saya berfikir kemelut yang kita sedang lalui sekarang hampir setahun lebih tentang rang undang-undang yang hampir sama isi kandungannya, implikasi pelaksanaannya hampir sama. Tetapi pada pandangan saya, di peringkat tertinggi di dalam negara kita, di peringkat Parlimen seolah-olah nampaknya perkara ini telah dipermainkan oleh pihak Kerajaan yang mentadbir negara kita. Ini perkara yang menyedihkan semua orang, selama hari ini kebanyakan *stakeholders*, dengan izin, yang faham tentang isi kandungan ini apatah lagi pendokong agama yang mempunyai kelulusan setaraf dengannya memahami isi kandungan rang undang-undang tersebut. Mereka menunggu dengan sabar, berharap untuk tujuan memperkukuhkan, mempertingkatkan kedudukan agama Islam dalam negara kita. Mereka berharap perkara ini boleh diselesaikan dan menjadi bahan yang boleh dirujuk secara berhema apatah lagi intelektual kerana ia menjadi satu isi kandungan akta baru yang dipinda. Tetapi sampai sekarang saya merasa tidak ada siapa yang boleh memberi jawapan yang pasti kenapa pihak Kerajaan bermain tarik tali, *is a tug o war*, dengan izin.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat **Yang Dipertua**

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dengan izin.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Apa hubungkait dengan perbahasan kita ni, pasal pembentangan kita? Jauh dia tu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Nak tahu kaitan dia? Dengarlah dulu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **Pohon penjelasan sikit Dato' Yang Dipertua. Kita bincang pasal hal ehwal Agama Islam di Terengganu ni tapi cuma itulah saya tak faham Bandar duk sebut pasal RUU 355 di Parlimen, Kerajaan pun main. Ini kita cakap pasal Kerajaan di negeri kita, saya rasa fokus kepada yang inilah.**

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak apa, saya yakin nanti rakan-rakan kita ada lagi yang akan memberi penerangan yang lebih baik, jangan keluar, duduk supaya boleh dengar penjelasan dia, saya harap. Kaitan dia sangat mudah, di peringkat negeri kita terpaksa berbincang berkenaan dengan undang-undang

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, minta laluan sikit, boleh?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): kepada hal ehwal

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Peraturan Dewan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Peraturan Mesyuarat?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi minta ni.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Peraturan Mesyuarat Perkara 24 - Menepati atas masalah. Tiap-tiap ahli hendaklah menumpukan pandangannya kepada perkara yang sedang dirundingkan. Jadi minta Bandar tumpulah kepada apa yang kita sedang rundingkan iaitu Undang-Undang Keluarga Islam 2017.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Jabi, RUU 355 adalah berkenaan dengan Rang Undang-Undang Islam menyentuh syariah dan takzir iaitu berkenaan dengan hukuman. Dewan yang saya sebutkan tadi ini sama, tajuk pun sama berkenaan dengan perkara yang sama. Dan hari ini Rang Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Terengganu berkenaan dengan urusan

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua, apa yang kita bahaskan ini Yang Dipertua pasal Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang dibaca tadi, ini pergi jauh sampai ke Parlimen, sampai ke RUU ni apa hal. Itu saya kata *satning* lebih baik kita tuju, kita fokus kepada perbahasan kita sama ada setuju ke, tak setuju ke, apa ke, fokuslah. Ini jauh sangat tu Bandar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya rasa Yang Berhormat Exco tidak patut kita tanam benih tak suka, minta pencerahan, minta baik, setiap undang-undang ni 141 frasa ni tahu, kita akan laksanakan terhadap seluruh rakyat Terengganu. Kita bagi kefahaman.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, minta Bandar di landasan yang betul, yang khusus kerana orang lainpun nak bahas juga.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, Jabi duduk. Air Putih duduk. Bandar duduk. Kita ada peraturan, cuba lihat Peraturan Fasal 60 tu: Apabila telah dibaca dan bacaan untuk kali kedua, perbahasan hanya dibenarkan, dibangkitkan kepada dasar dan kelayakan RUU yang kita bincang sahaja sebenarnya. Jadi jelas di sini. Saya tidak mahu mencelah sebab saya tahu bahawa Bandar peringkat nasional. Jadi kalau kita merawang jauh, macam mana kita nak tegur apa yang sedang kita perbahaskan sekarang. Saya minta terus kepada isi kandungan dasar yang telah ada dalam buku tersebut. Sila.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Baik, terima kasih. Saya nak ringkaskan kerana pada saya 141 frasa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Exco yang membentangkan cadangan tadi telah dibaca satu persatu. Cuma saya sebut tadi kaitan dia, prioriti dia, dari segi keberkesanan dia, prioriti keberkesanan tumpuan kita. Itu saya sebut dalam

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya nak minta Bandar yang berpengalaman banyak terus kepada perbahasan kita RUU – Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Silakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Baik. Saya terus kepada **persoalan yang kepada saya mustahak. Satu frasa Dato' Yang Dipertua, menyebut** tentang pemastautin yang definisi dia sangat ringkas, dia kata mengikut kepada tafsiran orang itu dilihat duduk di situ. Saya melalui pengalaman di mana taraf pemastautin satu-satu undang-undang itu dipertikaikan banyak pihak termasuk jenis undang-undang itu sendiri. Kalau sesuatu akta lain dipertikaikan taraf pemastautin, pentafsiran dia berlainan. Sebagai contoh sekarang, taraf pemastautin untuk tujuan kita mengenakan denda dan menghukum pesalah dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Terengganu, kita perlu jelas tempoh masa duduk

di Negeri Terengganu, berapa lama? Sebagai contoh, mestilah tinggal di Negeri Terengganu selama 186 hari sekurang-kurangnya atau lebih, baru dia boleh dapat taraf pemastautin di Negeri Terengganu, maka dia dikenakan hukuman. Ini menyebabkan hukuman ataupun denda kita banyak *loophole* dengan izin, yang membolehkan menjadi pertikaian. Samalah juga Tuan Yang Dipertua, pelaksanaan hukuman kepada pesalah-pesalah ini. Saya tidak berniat untuk *confusekan Dewan, dengan izin, Dato' Yang Dipertua tapi saya nak tanya pandangan Dato' Yang Dipertua sendiri, pesalah-pesalah di bawah enakmen ini atau pesalah-pesalah syariah di Negeri Terengganu, di manakah tempat kita letakkan mereka ini? Adakah kita bergantung harap untuk meletakkan mereka ini di dalam lokap Polis yang sama yang tidak Syariah Compliance. Adakah kesalahan satu tahun atau dua tahun penjara yang kita kenakan terhadap mereka nak diletakkan dalam penjara-penjara Jabatan Penjara yang sudah tentu sekarang ini belum Syariah Compliance. Ini persoalan yang sepatutnya kita fikirkan dan kita rencanakan dengan betul. Kita menyediakan satu undang-undang dan kita tidak mahu dikritik oleh rakyat Terengganu menyediakan undang-undang yang tidak boleh dilaksanakan.*

Tiga hari yang lepas Yang Berhormat Batu Burok juga membangkitkan perkara yang sama dan beliau ada di dalam Dewan. Beliau mempersoalkan undang-undang yang tidak boleh dilaksanakan ini perkara yang mustahak dan tertentu **Dato' Yang Dipertua. Kenapa kita perlu dan kita tidak perlu, kita rasa perlu buat tetapi sebenarnya kita rasa tidak perlu memikirkan tempat menghukum ni seolah-olah kita nak tunjuk kita nak buat tetapi sebenarnya kita tidak bermaksud untuk buat.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Andaian tu sebenarnya. Saya rasa telahan tersebut satu perkara yang tidak betul

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Secara

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tapi saya rasa tak betul tu Yang Berhormat Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, pada pandangan saya begitu. Dewan boleh membuat

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan buat andaian, saya rasa kajian telah dibuat bagi Undang-Undang Keluarga Islam ini.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi jawapannya Dato' Yang Dipertua, di manakah pesalah-pesalah syariah ini nak diletakkan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Point of Order* mana, saya nak tanya Bandar boleh tanya Speaker?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya apabila bercakap, saya ikut peraturan saya. Sila teruskan. Sebab ini dasar. Apa yang dasar, mengapa, kelayakan apa sebagainya, itu lebih jelas. Sebab itu saya tak nak tegur banyak orang yang berpengalaman. Silakan. Sila teruskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, okey. Isu di manakah pesalah-pesalah ini nak diletakkan? Saya rasa tujuannya ialah untuk pesalah-pesalah syariah ini kita lebih kepada mendidik dan memulihkan mereka. Kalau kita letak mereka dalam lokap atau penjara yang tidak Syariah *Compliance*, mereka duduk dalam penjara nak sembahyang pun tak boleh, nak ambil wuduk pun tak boleh. Jadi isu tarbiyyah, isu mendakwah tu tidak wujud di situ, tidak wujud langsung. Saya tak pernah mendengar lagi orang yang duduk dalam lokap boleh mengambil wuduk dan bersembahyang dengan betul.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan Yang Berhormat Yang Dipertua. Boleh ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi minta laluan kepada Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau Jabi

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak, nak tanya, kita pada hari ini ada konsep dengan izin, *separation of power*. Kita punya Sidang Dewan pada petang ini bersidang untuk rang undang-undang ini, apa yang disebut oleh Wakil Bandar itu tadi ialah apa seterusnya yang akan berlaku selepas dikuatkuasakan rang undang-undang yang insyaAllah akan diluluskan yang untuk

hari ini kita hadkan perbincangan kita kepada ke arah meluluskan rang undang-undang yang dibentangkan ini, *that is legislative*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Kalau saya kata Jabi tak faham, Jabi marah. Jabi tak baca ke satu persatu perkara yang menyentuh tentang hukuman

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, Bandar saya mahu mencelah. Dato' Yang Dipertua, saya rasa Bandar juga membuat andaian di dalam tahanan tidak boleh Syariah *Compliance*, ini satu andaian. Saya percaya ini sangat tidak wajar Yang Berhormat membangkitkan perkara ini.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Yang Berhormat Exco sebenarnya dah tahu, kita semua dah tahu di Negeri Terengganu kita cuma ada satu jenis lokap sahaja yang ditadbir oleh PDRM. Jabatan Penjara kita ditadbir oleh Jabatan Penjara Malaysia, kita semua sudah tahu. Kenapa Yang Berhormat membangkitkan perkara Yang Berhormat sendiri tahu yang kita belum ada lokap-lokap, penjara yang mematuhi kehendak Syariah maksudnya Syariah *Compliance*, dengan izin, mana ada? Kan itu benda yang jelas, asas. Maka kalau kita nak laksanakan perkara ini dengan segera, kita isytiharkanlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Maksud Yang Berhormat nak suruh lokap tu sembahyang, ke nak suruh orang tu sembahyang?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Adakah penguatkuasa kita akan membantah dan akan tidak memberi peluang untuk orang beribadat. Saya percaya ini satu andaian Yang Berhormat sebab setakat saya tahu perkara ini tidak berlaku.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dan Yang Berhormat buat andaian macam ni nak menarik kita semua ke arah cerita-cerita Yang Berhormat, saya ingat ini tidak wajar

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tidak Yang Berhormat. Tidak Yang Berhormat. Sebab itu saya kata, saya kata isunya ialah sekarang Yang Berhormat mewakili Kerajaan, Kerajaan Negeri Terengganu sekarang yang mentadbir Negeri Terengganu, kalau kita nak melaksanakan benda ni, saya harap Yang Berhormat memainkan peranan mengatakan setelah undang-undang ini kita luluskan hari ini, nanti diwartakan dan diperkenan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku kita boleh mentadbir dengan betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Haa.... Terbalik tu Y.B. Bandar. Dia kena perkenan Tuanku dulu baru boleh diwartakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, terbalik. Okey. Tapi maksudnya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lain maksud tu, kalau Kebawah Duli Yang Maha Mulia tak perkenan, kita tidak boleh diwarta.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Maksudnya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, ini yang dikatakan oleh Yang Dipertua, oleh Jabi, tugas kita di sini dan tugas pentadbiran, Yang Berhormat jangan *melelok* bawa kita sampai ke tengah malam supaya isu yang Yang Berhormat sendiri dengan kepala yang tak adil kepada kita sebagai penggubal undang-undang.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tak nak

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Betul. Saya tak nak Yang Berhormat bersikap macam ni yang tidak adil kepada kita semua, kita nak *last* kepada ini dan kita

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat saya tak nak *engage* atas perasaan, prejudis

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tidak ada prejudis, Yang Berhormat yang lebih prejudis, Yang Berhormat lebih tidak adil.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, minta laluan sekali.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Perkataan tidak adil kita tidak boleh guna antara perkataan-perkataan yang dilarang

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tidak adil pada percakapan, pada perbahasan Yang Berhormat, kepada pentadbir yang tidak boleh bersuara dalam Dewan kita ini.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Apa salahnya sekarang Yang Berhormat sebagai Pentadbir mewakili Kerajaan kita boleh kata untuk melaksanakan undang-undang ini kita telah bersedia kalau lokap atau penjara belum wujud lagi yang betul-betul Syariah *Compliance*, kita umum saja, Wakil Kerajaan boleh bangkit dan kata kita akan berbincang dengan pihak PDRM dan juga Penjara untuk mengumumkan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, urusan sekarang urusan menggubal undang-undang

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya minta Yang Berhormat Bandar dapat klasifikasikan apa yang dikatakan lokap yang Syariah *Compliance* ini dengan izin? Dan saya minta ditarik balik kalau dikatakan dalam lokap tak boleh sembahyang. Ini adalah sebagai tuduhan. Jadi kalau boleh minta dijelaskan sebab yang saya tahu sendiri penjara ini lelaki dan perempuan diasingkan, tak bercampur. Ini dah Syariah *Compliance*.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh, saya terangkan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sila.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Sebagai Pentadbir Kerajaan perkara ini mudah kita laksanakan dia ada Audit Compliance Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat Exco dan

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Bandar tahu tak sekarang ni berapa peratus yang telah dibuat baru-baru ini? Kita dah ada dah Audit Syariah Compliance dan mereka telah beri pengiktirafan

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dalam penjara dan lokap?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yes, semua sekali dah diberi. Diberi pentarafan di peringkat Pusat dan insyaAllah lepas pada ini akan dibuat untuk Negeri Terengganu pula lepas pada ni. Kita dah minta Audit Syariah Compliance ini dilaksanakan di Terengganu untuk tahu berapa persen.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Lokap?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Termasuk semua sekalilah. Termasuk juga di pihak Yang Berhormat Kawasan DUN Bandar sendiri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar, saya nak tekankan lagi Fasal 60, Perkara 1 tu jelas. Perbincangan kita pada hari ini bukan soal pelaksanaan. Perbincangan kita hari ini, perbahasan kita ialah tentang dasar, kelayakan undang-undang ini sebab itu saya menolak antara Usul yang telah dibawa oleh Batu Burok sebab macam mana kita nak bahas kembali

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dasarnya ialah

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu, saya tak habis lagi. Kita kena patuhi apa dia perundangan dan sebagainya. Yalah saya bukan nak kata apa. Kita nak jelas tentang ini, sebab kita bukan pelaksana lagi, ini baru undang-undang yang nak kita luluskan di sini. Ini bacaan kali kedua, kali ketiga tidak lagi dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Faham. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu Yang Dipertua
.....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak intipati biarlah kepada perundangan yang ada, Undang-Undang Keluarga Islam ini.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Itu tanggungjawab kita kepada 141 frasa yang kita bentangkan pada hari ini tanggungjawab kita ialah meneliti sama ada munasabah atau tidak atau perlu kepada pertambahan di peringkat Jawatankuasa nanti perkara-perkara yang perlu kita fikir. Ini tugas Ahli Dewan, kita tak boleh buat undang-undang bawah pokok, tak boleh, dalam Dewan. Sebab itu saya kata tadi, saya merasakan kalau pelaksanaan hendak dibuat dengan seberapa segera yang boleh, saya sokong tetapi fikirkan keadilan kepada pelaksanaannya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul. Itu andaian yang dibuat oleh Bandar. Peraturan dia menjelaskan tentang dasar dan kelayakan undang-undang ini bukan soal pelaksanaan. Cuba tengok.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Undang-undang ini berkenaan pelaksanaan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Selepas diperkenan dan diluluskan. Dewan tak lulus lagi.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu tugas Ahli Dewan membincangkan perkara ini

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak nak panjang dah Bandar. Ia pasal dan kelayakan, jelas Perkara 60(1).

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, macam mana

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tadi pergi RUU 355, sekarang pergi pelaksanaan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, kita ada dua

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): RUU 355 tu PKR sendiri tak sokong di Parlimen, PKR di Terengganu ni nampak mati-matian, terbalik pulak nampak.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Dato' Yang Dipertua, saya dah fikir tadi, dia ni sokong mana saya dok tahu.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah PKR di Parlimen tak sokong RUU 355, PKR di Terengganu ni, kita nak tahu jugak pendirian Bandar ni, PKR ni. Hak di Parlimen dia tak sokong, hak di negeri nak bahas sampai pelaksanaan dah pulak ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau nak tahu pendirian saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, Jabi duduk, Kemasik duduk. Saya bagi masa dua minit lagi. Panjang dah, setengah jam dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Bandar): Saya pohon penjelasan daripada Bandar. Saya pohon izin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Bandar): Apa yang ADUN Bandar..... Dibenarkan tak ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dibenarkan. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Bandar): Apa yang ADUN Bandar cuba bawa ke dalam Dewan ini ialah sebagaimana yang saya bawa Usul yang saya beri kepada Yang Berhormat Speaker, Kanun Syariah, Hudud dan Qisas. Kita telah bentang, kita telahpun dapat perkenan Tuanku dan diwartakan tetapi kita tidak dapat melaksanakannya. Jadi apakah tanggungjawab kita dalam Dewan ini, bila kita tidak melaksanakannya selepas 15 tahun kita tak laksanakan lagi walaupun telahpun dikanunkan, telahpun diwartakan. Jadi siapa yang bertanggungjawab dalam hal ini. Jadi ini saya rasa yang mesej yang nak dibawa oleh ADUN Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Terima kasih Batu Burok. Saya nak jelas sikitlah tentang Usul sebab saya di *viral* antara Speaker yang sentiasa menolak Usul. Ini perlu saya jelaskan. Kalau mengikut peraturan dan sebagainya apabila telah diluluskan oleh Dewan, tugas Dewan adalah meluluskan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Apabila Speaker bercakap, ADUN kena duduklah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Bandar tolong duduk dululah. Tugas Dewan berbahas tentang Usul, tentang RUU apabila telah diluluskan kita bawa untuk perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Okey. Selepas itu, kalau Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku perkenan, kita akan wartakan. Jadi kalau kita nak bahas kembali tu sudah tidak betul, seolah-olahnya kita tidak percaya kepada Ahli Dewan pada masa itu tahun 2001 yang membahaskan dan yang telah meluluskan pada masa itu. Bermakna Ahli Dewan pada masa itu bagaimana mereka memikirkan untuk meluluskan tahun 2001

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): 2003, Yang Berhormat Speaker.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Warta 2003, minta maaf. Dewan lulus 2001.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Maafkan saya, saya silap.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Diwartakan 2003, saya ada data dia, saya *detail* dia. Sebab itu saya tak lulus sebab saya tak mahu mengata perkara-perkara yang boleh menyebabkan bahawa sesiapa yang berada yang telah mengusaha dan sebagainya sebab salah. Satu perkataan yang boleh saya kata bahawa adalah penghinaan. Minta maaf banyak. Sebab itu saya tidak mahu mengaitkan sesiapa.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya setuju.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu. Sabar tak habis lagi Speaker bercakap. Dan peraturan-peraturan yang ada dalam Dewan ini sebenarnya boleh saya boleh tidak benarkan bagaimana Parlimen tidak benarkan PC berlaku dibuat di sana dan menghentam Speaker dan sebagainya. Saya minta maaf sebab itu saya kata perkara-perkara ini kita bahas elok-elok di dalam Dewan, buat baik-baik, ikut peraturan, jelas. Jadi tidak ada andaian, tidak ada fitnah dan sebagainya menyebabkan kita rasa senang, hidup lenang, kita nak kerahmatan lil 'alamin. Itu jelas. Sila.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Tuan Speaker. Jadi

YANG BERTHORMAT DATO' AZHAR BIN ABDUL HAMID (Penasihat Undang-Undang Negeri): Dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk dulu. Sila Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri.

YANG BERTHORMAT DATO' AZHAR BIN ABDUL HAMID (Penasihat Undang-Undang Negeri): Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, saya rasa apa yang ingin diperkatakan oleh Yang Berhormat Kuala Berang tadi sebenarnya adalah satu *statement* yang dikeluarkan, mungkin tanpa disedari oleh Yang Berhormat Bandar bahawa dalam lokap ini tidak dibenarkan tahanan itu berwuduk dan solat. Jadi kenyataan itu sebenarnya tak benar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tidak bermaksud begitu, tidak.

YANG BERTHORMAT DATO' AZHAR BIN ABDUL HAMID (Penasihat Undang-Undang Negeri): Tapi itu yang dinyatakan sebentar tadi.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Maksudnya, saya ulang balik.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, duduk dulu Bandar. Sebab tu saya kata kita dengar satu-satu, Speaker hanya ada dua telinga

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): mengambil wuduk dengan sempurna.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, kejam Bandar. Duduk dulu Bandar. Sila Dato' LA untuk teruskan.

YANG BERTHORMAT DATO' AZHAR BIN ABDUL HAMID (Penasihat Undang-Undang Negeri): Kerana lokap itu sendiri membenarkan orang Islam mengamalkan ibadat mereka bermakna mereka boleh solat, begitu juga dalam penjara, puasa, surau dan program-program agama semuanya ada. Jadi fokusnya kalau di dalam lokap ini, memang dibenarkan mereka mengerjakan ibadah solat. Jadi kalau ada kenyataan yang mengatakan sebaliknya maka itu tidak tepat, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Dato' LA.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, terima kasih. Saya

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar tak tarik balik ke macam mana biar senang cerita?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya kata begini, apa salahnya untuk menyelesaikan isu ini Kerajaan Negeri umumkan selepas diaudit beberapa lokap dan penjara beri Sijil Syariah Compliance, habis cerita.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya tak faham Bandar ni. Saya ingat kita teruskanlah, kita tak boleh nak sampai pagi macam ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi dah lebih tadi. Minta maaf Bandar, kena habiskanlah sebab panjang dah ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, penghabisan dah.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya rasa **Dato' Yang Dipertua, kena hadkan masa.** Kalau tidak, saya tak nampak *purpose* dia nak habis, *purpose* dia nak tarik masa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, tak apa. Minta maaf.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu saya kata pihak Kerajaan hari ini nak balik awal sebab tu ramai-ramai kata nak tamatkan dan **sebagainya. Saya tetap**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, saya rasa satu kenyataan yang

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): kalau 100%

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semua Y.B. duduk, boleh tak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya membantah apa yang dibangkitkan oleh Bandar. Saya mencadangkan Usul tadi sampai selesai.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ini dah **beberapa kali buat tuduhan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.** Dia menuduh Ahli Sidang Dewan nak balik awal, sedangkan kita tak pernah kata nak balik awal.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dah duduk bahaslah. Bahslah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah, inikah orang yang berpengalaman macam ini ke cara?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa. Semua Yang Berhormat duduk. Itu yang saya kata, jangan buat andaian.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat buat tak apa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar, pandang saya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ini satu kenyataan yang prejudis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, duduk Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Paka, duduk molek-molek ada bukan nak balik awal, tengok Paka tu relaks jer.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kuala Besut, Jabi duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, saya nak tamatkanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu. Minta tarik balik tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Dipertua, saya minta tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Memang saya nak minta ditarik balik

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Nak mintak tarik balik berkenaan dengan apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Berkenaan perkataan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah sini Barisan Nasional nak balik awal.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Oh, okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tarik balik. Tolong sebab itu andaian dalam Dewan saya yang mulia ini.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey. Saya tarik balik kerana saya menyebut Yang Berhormat Barisan Nasional nak balik awal dan tidak mahu berbahas.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tarik balik tetapi dengan itu saya minta duduk dan bahaslah kalau tak nak balik.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah cepatlah, saya pun nak bahas ni. Jangan duk main *korna gi korna mari*.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): **Sebab itu**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kejap. Minta habiskan perkataan terakhir, panjang dah. Saya dah bagi masa lebih kurang 35 minit dah kepada Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ada satu perkara lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa panjang dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Syariah Compliance tu menyebabkan kita bergaduh tapi saya tetap mengatakan itu mustahak kerana tempat pelaksanaan hukuman mesti Syariah Compliance.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang kedua, berkenaan percanggahan. Ini kalau Dato' LA nak

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Berkenaan dengan apa?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Percanggahan antara perkara yang telah dibuat di peringkat Pusat

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah Bandar, saya rasa panjang dah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): kerana undang-undang ini adalah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Terengganu. Ini Undang-undang Islam Negeri bukan Pusat. Jadi kalau ada percanggahan hukuman kepada keduanya, kita nak *fallback* kepada yang mana satu?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Terima kasih banyak.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih kerana terlibat sama dalam perbahasan. Saya buka lagi. Sila Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi tak nak balik awal kan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak. Saya kalau sehari pun boleh lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila teruskan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wabihi nasta'in.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lepas ni saya bagi ke Bukit Payong, insyaAllah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya ringkas saja iaitu berkenaan dengan Warta berkait dengan rang undang-undang ini. Boleh

tak saya berdiri di sini untuk mencadangkan dalam perbahasan ini Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mencadang apa tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Iaitu pada perkara Bahagian I - Permulaan. Perkara Kedua - Tafsiran di dalam hal berkaitan dengan pengertian Janda. Boleh Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perbahasan ini sepatutnya ialah mengenai dasar dan kelayakan itu sahaja

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kalau boleh saya sebut sikit di sini. Janda ertinya perempuan yang telah bernikah dan diceraiakan setelah bersetubuh. Boleh saya teruskan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Macam saya kata tadi kita

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak dibenarkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak benar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pergi ke benda lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya sebenarnya ada sedikit kekeliruan di sini berkenaan dengan Warta ni, kalau boleh diberi kebenaran untuk saya meneruskan dalam perbahasan ini atau Dalam Jawatankuasa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah, saya bagi pendek aje, jangan panjang sangat, tak apa. Sepatutnya Dalam Jawatankuasa, jangan panjang sangat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kalau Dalam Jawatankuasa, kita buat Dalam Jawatankuasa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Jabi. Sila, saya bagi 10 minit paling lama, saya tak boleh bagi lama sebab nak kejar Maghrib apa dan sebagainya. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): **Assalamu'alaikum warahmatuallah ta'ala** wabarakatuh. Alhamdulillah wassalatu wassalamu'ala rasulillah. Wa'ala alihi wasahbihi waman walah. **Ammaba'.**

Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua. Saya sebut tiga perkara yang berkait dengan Undang-undang Kekeluargaan ini. Yang pertama, yang berkait dengan Pendaftaran Perceraian Di Luar Mahkamah. Khususnya dalam masalah seseorang suami yang menceraikan isterinya dengan tiga talak, sama ada dengan tiga kali lafaz ataupun dengan satu kali lafaz. Seorang suami yang menceraikan isterinya di luar mahkamah dengan tiga lafaz: **"Saya cerai awak. Saya cerai awak. Saya cerai awak."** Atau dengan satu lafaz: **"Saya ceraikan awak dengan tiga talak."** Tidak disebut secara jelas hukumannya di dalam enakmen ini kerana persoalan yang berkaitan dengan apa yang saya sebut tadi ada kekhilafannya di dalam Hukum Syarak kerana apabila kita melihat kepada Fasal 56 yang kedua; **"dikembalikan mengikut Hukum Syarak". Dan tafsiran Hukum Syarak ialah** ikut bab mazhab, Mazhab Hanafi, Mazhab Shafie, Mazhab Maliki, Mazhab Hambali, empat mazhab yang ada. Tetapi dalam empat mazhab ini juga ada kekhilafan tentang persoalan ini, oleh kerana itu saya mencadangkan agar diletakkan secara jelas sebagaimana undang-undang di Negara-negara Arab seperti Jordan, Mesir bagi mengelak daripada kekhilafan dan pertembungan di antara mereka yang melakukan kesalahan yang mendakwa mereka berpegang dengan satu-satu mazhab. Maka mudahnya diletakkan sahaja bahawa mana-mana lelaki yang menceraikan isterinya di luar mahkamah dengan tiga talak sama ada dengan satu lafaz ataupun dengan tiga lafaz sama ada telah menyetubuhi isterinya ataupun belum menyetubuhi isterinya terjatuh talak dengan satu talak. Saya rasa ini perlu

dinilai semula kerana dalam Mazhab Maliki sendiri sebagai contoh, Hatab Al-Maliki dalam kitabnya Mawahid Al Jalil menyatakan bahawa: **“Mana-mana orang yang menceraikan isterinya dengan tiga talak pada satu lafaz, jatuh tiga talak.”** Jadi kekhilafan dalam mazhab itu dibimbangi akan berlakunya pertikaian dan pertembungan dalam menyelesaikan masalah ini.

Yang kedua, berkaitan dengan kuasa

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Dipertua, saya nak tanya kalau Taklik pula macam mana, contohnya kalau PAS keluar parti jatuh talak tiga ke macam mana tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ini kena **perjelas panjang ni. ...(Dewan Gelak)** Nak penjelasan panjang ke? Kita selesai hak ni lah dok? Selesai hak ni lah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Berbalik kepada dasar dan kelayakan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kena balik ke dasar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Itu terpakai di Kelantan aje Ustaz dok?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang kedua, berkaitan dengan Harta Sepencarian. Dalam enakmen kita ini membicarakan tentang seseorang lelaki yang menceraikan isterinya dan memiliki Harta Sepencarian dalam dua bentuk sama ada usaha bersama ataupun usaha tunggal. Usaha bersama diletakkan secara jelas pembahagiannya sama banyak, satu-perdua (1/2) setiap orang. Tetapi dalam pembahagian kerja-kerja usaha tunggal ini yang saya bimbang takut berlaku ketidakadilan khususnya kepada wanita-wanita kerana seringkali bila orang bekerja, dia menganggap dia bekerja. Dia keluar rumah, dia buka kedai runcit, dia duduk kedai runcit seorang. Dia sebagai seorang suami pagi sampai malam dia bekerja di kedai runcit. Dia merasakan bahawa dia bekerja seorang sedangkan di waktu yang sama dia lupa bahawa isterinya juga bekerja walaupun bukan di kedai runcit, pagi-pagi hari

menyapu rumah, bersih rumah, jaga anak dan berbagai-bagai kerja. Oleh kerana itulah pengkaji-pengkaji yang menulis tentang Harta Sepencarian ini mereka meletakkan anggaran yang besar dalam pembahagian Harta Pusaka sehingga sebaik-baiknya dalam menyelesaikan masalah ini diletakkan sama ada dibahagikan satu-pertiga ataupun satu-perlima agar tidak berlakunya perbalahan di kalangan suami-isteri yang telah bercerai.

Yang ketiga, saya tidak menemui peruntukan di dalam mahkamah ataupun di dalam rang undang-undang ini tentang seseorang perempuan yang mahu agar Harta Sepencariannya dinilai ketika ia mendapati suaminya mahu berkahwin seorang lagi ataupun telah berkahwin lain. Maka mengikut sebahagian daripada undang-undang negeri lain, termasuk Wilayah Persekutuan memberi hak kepada seorang isteri kerana dibimbangi nanti lepas kahwin ada dua isteri, contohnya. Kemungkinan harta yang dimiliki secara sama yang dinamakan Harta Sepencarian sebelum dia berkahwin tu banyak, lepas berkahwin dengan isteri yang baru ni dia mati. Dibimbangi berlakunya pertembungan dalam membahagikan Harta Sepencarian. Maka saya memohon agar dinilai semula untuk diberi ruang kepada mana-mana suami-isteri ataupun isteri yang diceraikan oleh mana-mana suami yang mahu berkahwin seorang lagi, tambah isteri bukan cerai Hulu Besut, bukan **cerai neh, tambah lagi maka dia berhak untuk**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Guana Bukit Payong sebut Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Sayang.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bakpe Hulu Besutnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Sayang. Nampak nak tidur *satning*. **...(Sambil gelak) Maka dia berhak untuk mendapati** nilai Harta Sepencarian ia dahulu sebelum suaminya berkahwin. Jadi saya melihat tiga perkara ini dalam rang undang-undang ini yang juga mesti dinilai untuk menjaga kemasyahatan dan kepentingan khususnya wanita dan yang kedua, khususnya untuk mengelak daripada berlakunya pertikaian terutamanya di akhir zaman banyak manusia yang memegang pendapat-pendapat yang berbagai-

bagai agar tidak timbul kekeliruan-kekeliruan dalam masalah yang ada ini. Wallahu ta'ala.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Payong dalam melibatkan diri dalam perbahasan. Saya teruskan sekiranya ada. Sila Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala 'alihi wa ashahbihi ajmain. Ammaba'. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan semua hadirin-hadirat. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Rang Undang-undang yang berkait dengan Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang kita rasa perlu untuk masalah kepentingan umat Islam dan masyarakat kita. Saya ada beberapa perkara untuk memberi pandangan. Antaranya; Fasal Keempat, yang melibatkan pemakaian dan kita rasa enakmen ini jelas terpakai kepada orang Islam yang tinggal di dalam Negeri Terengganu. Jadi sama juga dengan RUU 355 dia hanya melibatkan Mahkamah Syariah yang melibatkan orang Islam sahaja yang sepatutnya orang bukan Islam dan sebagainya tidak perlu rasa bimbang rang enakmen seperti ini akan melibatkan diri mereka.

Yang kedua, suka saya menyentuh tentang Fasal 37, di mana saya mengharapkan supaya Fasal 37 ini yang membawa kepada kesalahan dan dihukum denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali diberi pengecualian kepada Wali. Sebab memang Wali ni berhak untuk mengahwinkan anak mereka dan sebagainya cuma melibatkan pentadbiran dan sebagainya. Maka jika sekiranya Wali itu sah merupakan Wali sebenarnya maka sepatutnya tidak diberi hukuman yang sedemikian kecuailah berlaku sindiket, apa dan sebagainya, itu munasabah kita hukum mereka ini dengan denda dan juga melibatkan penjara. Tapi kalau dia sendiri Wali mengahwinkan anak dia dan sebagainya dan telah dipersahkan demikian sepatutnya kita mengharapkan enakmen ini memberi pengecualian yang melibatkan kepada Wali.

Fasal 47, walaupun tidak disebut dengan jelas Lafaz Taklik tapi biasa Negeri Terengganu ini akan menyebut setelah dia mengangkat nikah dia akan menyebut Lafaz Taklik sama ada **'Saya meninggalkan akan isteri saya atau isteri saya**

meninggalkan akan saya selama tempoh empat bulan berturut-turut tanpa memberi nafkah zahir dan batin dan jika ia mengadu kepada Kadi dan bersabit **dengannya maka gugurlah dengan satu talak.**' Sebab di setengah-setengah negeri **yang lain, tidak meletakkan kepada 'isteri meninggalkan suami'.** Sebab ini melibatkan kes Nusyus dan jika sekiranya dia mengadu kepada Hakim dan boleh melibatkan timbulnya isu isteri melarikan diri daripada suaminya. Jadi fasal ini kita harap dapat diberi penjelasan ataupun *pendetailan*.

Fasal 85, di mana kelmarin saya juga menyebut atau menyentuh isu yang melibatkan enakmen baru yang dibentangkan oleh pihak Kerajaan di mana melibatkan Rang Undang-Undang 164. Jadi dalam isu ini dengan jelas bahawa kelayakan yang melibatkan Hardhonah dan sebagainya melibatkan orang itu adalah seorang Islam. Bagaimana kalau isu melibatkan rang enakmen baru ini yang diluluskan, kita rasa perkara-perkara ini akan menimbulkan konflik lagi, melibatkan penjagaan anak khususnya bagi mereka yang Mualaf yang memeluk agama Islam.

Saya juga ingin bertanya tentang Fasal 126. Di mana Fasal 126 ini melibatkan berpoligami dan jika sekiranya dia tidak mendapat kebenaran bertulis daripada mahkamah dan dianggap satu kesalahan dan dia boleh dihukum denda sehingga RM2,000 atau penjara dan tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali. Adakah ini menyebabkan kalau Y.B. tu poligami, berlaku kes ini, gugur Y.B. dia dan menyebabkan kena pilihan raya semulalah. Jadi susah, ramai ni kes seperti ini, minta penjelasan ataupun yang melibatkan jenayah sahaja.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. sahaja? Tak apa, teruskan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Termasuk Speakerlah. Dan juga Fasal 135, minta juga penjelasan. Di mana seorang suami yang **melafazkan Ruju' dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada isterinya.** Dalam isu ini kita tahu bab Ruju' ni kecuali bab Talak Bainlah tapi yang melibatkan talak yang **boleh diruju' ini macam mana kalau dia melakukan ruju' tanpa mendapat persetujuan isteri, dia dianggap melakukan kesalahan dan boleh dihukum sehingga RM1,000.** Sedangkan bini dia, lepas tu dia ruju', dia kena pula RM1,000. Jadi kita rasa benda ni perlu penjelasan dan *pendetailan*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rojok ke ruju'?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Samalah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Oh, sama.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil **Paka**): Hor... bahasa Terengganu, kalau bahasa Telemong berat lagi. Itu adalah antara beberapa perkara yang saya ingin sentuhlah. Cuma sebelum yang terakhir ini, Yang Amat Berhormat berpantun, saya pun nak berpantun jugaklah, enam kerat, ya:-

Gegak gempita heboh garuda
Tempiaran berlari ayam berlaga
Berlindung mencari tempat yang aman
Walau hensem, segar dan muda
Apa guna kalau ia buaya tembaga
Biarlah tak hensem yang penting istiqamah dan beriman.

Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Dia kalau hensem, istiqamah lagi bagus, ya. Hensem dan istiqamah. Terima kasih Paka. Silakan jika ada lagi perbincangan. Kalau tak ada kita minta pihak Kerajaan membuat pengumuman. Silakan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. **Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang** Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya para hadirin yang dihormati sekalian.

Sebenarnya, Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 ini adalah merupakan satu rang undang-undang yang berkaitan dengan ehwal sahsiah iaitu perkara yang menyentuh hal perkahwinan, penceraian, nafkah, penjagaan dan perkara lain yang berkaitan dengan kehidupan keluarga.

Dan hari ini ia hanya penambahbaikan daripada yang terdahulu dalam beberapa perkara kerana ada permasalahan-permasalahan baru misalnya MH370 yang jatuh melibatkan kematian dan berlaku antara yang paling penting ialah idah di situ.

Sebab itu ada pindaan yang kita buat dan begitu juga perkara-perkara utama yang saya nak tegaskan di sini, ada anak, ayah diabaikan menyebabkan ayah tidak ada sebarang sumber. Jadi dalam hal ini kita ada pindaan di mana ayah boleh tuntutan nafkah dengan anak untuk bayar, kalau *takdok* jugak maka Baitulmal akan main peranan. Maka itu saya lihat keseluruhannya adalah *under* penambahbaikan bukan enakmen ini kita buat menyusah, menyulit sebagaimana Bandar berucap. Saya rasa Bandar tak faham, kalau dia faham dia tak bercakap melalok, merata, melangit, pening kita dibuatnya. Kita bercakap hal ini, sepatutnya kita menambahbaik, kita cerita yang itu sahaja. Saya pun berputar kepala, apa benda ni. Tetapi walau macam manapun, sumbangan diberi itu kita hargai tapi kalau jauh sangat, saya ingat tidur di sini kita malam ni, *confirm*. Tapi alhamdulillah, Bandar pun faham *sensitivity* orang ramai bahawasanya tujuan kita buat pindaan ini tidak lain dan tidak bukan jauh sekali untuk memberi keburukan, penyeksaan dan kesengsaraan melainkan untuk memberi kesejahteraan. Antaranya yang kita tekan di sini iaitu untuk meminda Enakmen Pentadbiran Keluarga ini adalah selaras dengan Undang-Undang Keluarga Islam dengan negeri-negeri lain, negeri lain buat belaka dah, *up-to-date*. Jadi kita belakang sokmo, itu tujuan kita.

Yang kedua, kita nak maksimumkan bidang kuasa mahkamah dengan menaikkan hukuman-hukuman dan denda yang sedia ada kepada yang lebih tinggi bersesuaian dengan keadaan semasa. Kalau *bor* RM200, jadi RM1,000 kecil dah nilai dia. Jadi itu yang kita nak supaya biar dia rasa perit sikit macam dulu-dulu perit juga nak dapat duit RM100, RM200, RM300. Sekarang ini kalau *bor* setakat RM1,000 dia rasa tak perit dah. Itu di antara penyebab penambahbaikan di situ, **tidak ada niat lain Bandar, ikhlas saya kata, tidak ada prejudis ke, nak**

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Setuju, setuju.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): **buruk ke, tidak** sebenarnya. Ini bukan kita buat nak suka-suka, tidak sama sekali. Dan penjara pun, dulu pun, kalau kita tak tambah pun, yang masuk penjara, penjara juga tapi ada pengasingan pesalah syariah, pesalah sivil biasa, tidak kumpul *setongkol gitu, tidak. Hah.... itu insyaAllah.*

Selain dari maksimum tadi, hukuman yang sedia ada sesuai dengan keadaan semasa dan juga untuk menepati kaedah. Jadi metodologinya, kaedah sebenarnya bila masa dia ada perubahan, kena berubah, kita kena terima hakikat. Dan kita

telah berubah dari masa ke semasa. Dulu, siapa kata, kalau tertinggal bini susah hati, lening tertinggal bini tak susah hati, tertinggal telefon susah hati. Maknanya perubahan itu berlaku di situ. Jadi sebenarnya enakmen ini, pindaan ini berubah untuk kebaikan supaya ada wujud kesejahteraan kepada kehidupan kita. Jadi prosedur undang-undang sama ada kaedah Hukum Syarak ini adalah perlu dikemaskini dari masa ke semasa bukan dia statik begitu sebab dia ada *sokmo* penemuan baru, kes baru, masalah baru. Maka sebab itulah kita tidak boleh terhenti di situ. Jadi itu di antara perkara-perkara yang menjadi asas kepada pindaan ini. Tapi kalau kita kaji keseluruhan daripada 141 fasal bukan semua terutama hak orang laki berahi, poligami, kita tak buat pinda sembarangan takut payah *kekgi* kita nak bernikah seorang lagi. Ada jugak hak untung ke kita sebenarnya bukan *takdok*, *cer* tengok hak orang ngaji, dia kata betul, bahagian ni memang *dok* usik. *Dok* usik hak tu. Hah, tu *save* tu sebab ramai jugak naluri semulajadi orang lelaki, *cer* tanya nak ke dok? Nak. Berani ke dok? Hak tu *nengung* **sikit bukan tak berani berbini, hai.... bini baru.**

Jadi pada keseluruhannya saya nampak ada kebaikan, penambahan jadi sebab itu saya mencadangkan agar kita dapat menerima dengan hati yang terbuka tanpa prejudis, tanpa berprasangka sebab kita buat untuk kebaikan. Jika sekiranya setelah 10 tahun, 5 tahun, kita nampak perlu ada penambahbaikan ini kita pinda lagi, insyaAllah dari masa ke semasa. **Terima kasih Dato' Yang Dipertua.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil yang menggulung bagi pihak Kerajaan. Ada lagi? Tak ada. Alhamdulillah kita telah selesai membahaskan Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Sekarang saya buka kepada undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGADAKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM MENGENAI PERKAHWINAN, PERCERAIAN, NAFKAH, PENJAGAAN DAN PERKARA-PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN KEHIDUPAN KELUARGA, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGADAKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM MENGENAI PERKAHWINAN, PERCERAIAN, NAFKAH, PENJAGAAN DAN PERKARA-PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN KEHIDUPAN KELUARGA, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DAN DILULUSKAN TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini** telah dipertimbangkan Dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil. Sila penyokong.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.** Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih. Maka Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGADAKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM MENGENAI PERKAHWINAN, PERCERAIAN, NAFKAH, PENJAGAAN DAN PERKARA-PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN KEHIDUPAN KELUARGA, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alhamdulillah Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.**

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar selaku Ketua Kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan Dewan yang mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas kerjasama, di atas penglibatan dalam perbincangan, di atas pematuan Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu, di atas faham dan sefaham, di atas pemuafakatan, di atas tolong ansur, di atas hormat menghormati, di atas pembentukan budaya kasih dan sayang di antara semua Ahli Yang Berhormat. Jazakallahu khairan kathira. Semoga budaya begini dapat kita kekalkan setiap Persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu hingga ke akhir hayat bagi sesiapa yang menjadi Ahli Yang Berhormat. Teruskanlah ahsanul amalan ini kerana amalan ini amat dituntut oleh **Allah Subhanahu Wata'ala.**

Marilah kita semua melaksanakan amanah kita sebagai Khalifah Allah dan juga khadam Allah di muka bumi Allah ini, muka bumi yang bertuah ini, bumi Darul Iman sehingga wujudnya baladun tayyibatun wa rabbun ghafur.

Maka sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Dan marilah sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr. **Aqulu qauli haza wa astaghfirullahal'azim** li walakum. Wabillahi taufik wal hidayah. **Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 6.00 PETANG.

LAMPIRAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27, 28, 29 DAN 30 MAC 2017**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.1.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT
WAKIL PAKA

SOALAN 1 : Berapa kes tangkapan minum arak, khalwat dan zina di Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah sepanjang tahun 2015 dan 2016.

JAWAPAN : Kes tangkapan minum arak, khalwat dan zina di Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah sepanjang tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut:-

KES	2015	2016
MINUM ARAK	1	1
KHALWAT	315	355
PERSEDIAAN UNTUK MELAKUKAN PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	42	67
JUMLAH	358	423

Jumlah keseluruhan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah sebanyak 781 kes tangkapan. Namun begitu, kesalahan zina tidak dinyatakan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 tetapi dinyatakan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah dibawah seksyen 29.

Maklumat terperinci adalah sebagaimana di Lampiran A dan B dilampirkan.

SOALAN 2 : Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan sepanjang tahun kepada NGO? Apa syarat yang melayakkan NGO mendapat peruntukan tersebut?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah pajak gadai ar-Rahn yang beroperasi di Negeri Terengganu sejak diperkenalkan hingga sekarang? Sila senaraikan mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN : (i) Jumlah Pajak Gadai ar-Rahn yang beroperasi di Negeri Terengganu sejak diperkenalkan hingga sekarang adalah Sembilan (9) buah.

(ii) Pecahan Pajak Gadai ar-Rahn mengikut daerah adalah seperti berikut: -

Bil.	Daerah	Jumlah
1.	Kuala Terengganu	1
2.	Kuala Nerus	1
3.	Besut	1
4.	Kemaman	1
5.	Dungun	2
6.	Setiu	1
7.	Marang	1
8.	Hulu Terengganu	1
JUMLAH KESELURUHAN		9

SOALAN 4 : Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk pemuliharaan tapak sejarah di seluruh negeri Terengganu? Sila senarai tapak sejarah mengikut pecahan daerah serta jumlah peruntukan yang telah diberi?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**STATISTIK TANGKAPAN DI BAWAH ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (TAKZIR)
TERENGGANU 2001 DARIPADA JANUARI HINGGA DISEMBER 2015
(MENGIKUT SEKSYEN)**

SEK	KESALAHAN	BESUT	DUNGUN	H.TRG.	KEMAMAN	K.TRG.	MARANG	SETIU	JUMLAH
23	Minuman yang memabukkan				1				1
					3				3
29	Perbuatan sebagai persediaan utk melakukan persetubuhan luar nikah	2	2	1	8	27	2		42
		4	4	2	20	56	4		90
31	Khalwat	31	40	19	81	112	16	16	315
		78	86	41	182	260	36	32	715
JUMLAH KES		33	42	20	90	139	18	16	358 KES
JUMLAH ORANG		82	90	43	205	316	40	32	808 ORG

**STATISTIK TANGKAPAN DI BAWAH ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (TAKZIR)
TERENGGANU 2001 DARIPADA JANUARI HINGGA DISEMBER 2016
(MENGIKUT SEKSYEN)**

SEK	KESALAHAN	BESUT	DUNGUN	H.TRG.	KEMAMAN	K.TRG.	MARANG	SETIU	JUMLAH
23	Minuman yang memabukkan					1			1
						3			3
29	Perbuatan sebagai persediaan utk melakukan persetubuhan luar nikah	5	1		10	48	3		67
		10	2		20	90	6		128
31	Khalwat	38	29	8	99	121	50	10	355
		88	72	16	213	252	111	22	774
JUMLAH KES		43	30	8	109	170	53	10	423 KES
JUMLAH ORANG		98	74	16	233	345	117	22	905 ORG

(MENGIKUT SEKSYEN)

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.2

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah Pegawai Kerajaan, Imam, Bilal dan Pengerusi JKKK yang telah terpilih mengerjakan Haji di bawah tajaan kerajaan pada tahun 2016/1437H mengikut pecahan daerah dan sila nyatakan berapakah jumlah kos yang dibelanjakan dan apakah kriteria-kriteria yang digunapakai dalam pemilihan tersebut?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

SOALAN 2 : Berapakah jumlah peruntukan geran tahunan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Terengganu dari tahun 2013 hingga 2016?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 MAC HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.3

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Berapakah jumlah peruntukan tahun 2017 yang dikhaskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu kepada aktiviti belia dan anak muda di seluruh Negeri Terengganu dan senaraikan jenis aktiviti?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi tahun 2017 melaksanakan aktiviti belia dan anak muda di Negeri Terengganu. Program ini tidak termasuk program Dana Bakti Remaja. Kerajaan telah menetapkan beberapa teras berikut :-

1. PENGIKTIRAFAN
 - Hari Belia Negara, Peringkat Negeri
 - Anugerah Belia
 - Majlis Perundingan Belia peringkat Daerah dan Negeri
 - Bantuan Pentadbiran Pertubuhan Belia

2. PROGRAM BERFOKUS
 - Keagamaan
 - Ekonomi dan Kemahiran
 - Program Kepimpinan dan Sahsiah
 - Program Ilmuan dan Motivasi
 - Program Riadah Santai
 - Program Kemasyarakatan

SOALAN 2 : Apakah perkembangan stesen radio Manis FM yang dibeli oleh Kerajaan Terengganu dan berapakah kos operasi tahunan radio tersebut setakat ini?

JAWAPAN : Stesen radio Manis FM telah mendapat penerimaan dan sambutan yang cukup baik daripada pendengar setelah melakukan transformasi perniagaan bermula Jun 2016. Di samping beroperasi sebagai sebuah stesen radio komersil, Manis FM juga membantu Kerajaan Negeri untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan terkini kepada rakyat melalui pelbagai platform media dengan menyediakan berita-berita semasa dan hebahan bagi program-program Kerajaan Negeri.

Kos operasi terkumpul Manis FM setakat 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM7,600,703. Berikut adalah pecahan kos operasi mengikut tahun semenjak tahun 2012.

Tahun	Kos Operasi
2012 (beraudit)	RM1,530,945
2013 (beraudit)	RM1,471,870
2014 (beraudit)	RM1,806,118
2015 (beraudit)	RM1,217,645
2016 (draf)	RM1,574,125
Jumlah	RM7,600,703

SOALAN 3 : Berapakah jumlah peruntukan tahunan yang dikhaskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu kepada aktiviti bolasepak di bawah Persatuan Bolasepak Negeri Terengganu (PBSNT) dan juga T-Team untuk musim 2017?

JAWAPAN : Peruntukan tahunan yang diperuntukkan kepada pasukan Bolasepak Terengganu berjumlah RM3 juta setahun dan begitu juga jumlah kepada pasukan T-Team berjumlah RM3 juta pada tahun 2017.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 MAC HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan dalam usaha untuk menaiktarafkan kemudahan infrastruktur di Pasar Borong Gong Pauh, Kuala Terengganu?

JAWAPAN : Pihak Kerajaan telah menyediakan kemudahan asas seperti pembinaan gera-gerai jualan, tandas, parkir dan juga melapis jalan di Pasar Borong Gong Pauh, Kuala Terengganu manakala kemudahan-kemudahan lain akan diusahakan secara berperingkat selepas ini.

SOALAN 2 : Apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI – Key Performance Indicators) yang digunapakai untuk mengukur prestasi Exco-Exco Kerajaan Negeri Terengganu masa kini dan adakah ianya telah pun dicapai oleh semua Exco sepanjang tahun 2016?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Sejauhmanakah perkembangan terkini hasil siasatan pihak SPRM yang melibatkan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu berkaitan dengan isu salah laku berkaitan pembelian karpas untuk Masjid di negeri ini?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(k) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Sila nyatakan apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membuat semakan semula perjanjian konsensi dengan pihak yang berkaitan agar kenaikan bayaran TOL tidak membebankan rakyat?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.5

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Sila nyatakan keluasan tanah yang telah dianugerahkan kepada Koperasi Polis hingga kini serta pecahan mengikut daerah?

JAWAPAN :

<u>DAERAH</u>	<u>JUMLAH KELUASAN</u> (HEKTAR)
1. KUALA TERENGGANU	TIADA
2. KEMAMAN	863.0782
3. DUNGUN	TIADA
4. BESUT	TIADA
5. HULU TERENGGANU	TIADA
6. MARANG	TIADA
7. SETIU	TIADA
8. KUALA NERUS	TIADA

Untuk Tanah Pertanian

Kelulusan tanah adalah seluas 50 Hektar bersamaan dengan 123.55 ekar bagi kawasan melombong. Maklumat pecahan adalah seperti berikut:

Nama Pemohon	Mukim/No.PajakanLot/ Kawasan	Keluasan	Jenis Biji	Tarikh Kelulusan
Koperasi Polis Terengganu Bhd	Tebak. ML 1/2008/Lot 4486 Kg Machang Setahun / Dearah Kemaman	40 Hektar (98.842 Ekar)	Besi	MMKN Bil.863/2007 25 April 2007
	Tebak PML 1/2007/ Lot 1067/ Machang Setahun / Daerah Kemaman	10 Hektar (24.7105 Ekar)	Besi	MMKN Bil.222/2007 19 Sept 2007

Tanah Galian

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah lot tanah yang telah dianugerahkan kepada individu dari tahun 2013 hingga 2016 mengikut pecahan kategori tanah (tapak rumah/pertanian) dan daerah?

JAWAPAN : Jumlah lot tanah yang telah dianugerahkan kepada individu dari tahun 2013 hingga 2016 mengikut pecahan kategori tanah (tapak rumah/pertanian) dan daerah adalah sebagaimana berikut:-

TAPAK RUMAH

DAERAH

JUMLAH LOT

1. KUALA TERENGGANU	674
2. KEMAMAN	956
3. DUNGUN	2956
4. BESUT	2132
5. HULU TERENGGANU	3047
6. MARANG	3414
7. SETIU	9629
8. KUALA NERUS	637

PERTANIAN

<u>DAERAH</u>	<u>JUMLAH LOT</u>
1. KUALA TERENGGANU	36
2. KEMAMAN	160
3. DUNGUN	898
4. BESUT	2038
5. HULU TERENGGANU	4018
6. MARANG	1167
7. SETIU	9560
8. KUALA NERUS	235

Maklumat Tambahan: -

1. Permohonan Tanah Haram (Pertanian) hanya dibuka mulai 01 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 MAC HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.6

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. AZAN BIN ISMAIL
WAKIL BANDAR

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pengagihan BRIM 2017 mengikut daerah dan mengikut pecahan bangsa-bangsa di seluruh Negeri Terengganu?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah penduduk seluruh Negeri Terengganu setakat ini serta pecahannya mengikut daerah dan kaum serta jantina?

JAWAPAN : Bilangan penduduk Negeri Terengganu anggaran tahun 2016 ialah 1,183,900 orang yang terdiri daripada 603,700 lelaki dan 580,200 perempuan. Jadual di bawah menunjukkan perincian pecahan penduduk Negeri Terengganu.

DAERAH	JUMLAH	LELAKI	PEREM-PUAN	WARGANEGARA					BUKAN WARGA NEGARA
				BUMIPUTRA		CINA	INDIA	LAIN-LAIN	
				MELAYU	B/PUTRA				
BESUT	167,600	84,200	83,400	160,700	300	2,600	200	500	3,300
DUNGUN	178,300	89,400	88,900	169,600	100	3,600	300	600	4,100
H.TRG	84,800	43,700	41,100	79,900	600	400	100	100	3,700
KEMAMAN	215,500	111,300	104,200	198,300	1,300	7,500	700	400	7,300
K.TRG	189,500	96,300	93,200	176,500	700	6,000	500	200	5,600
K.NERUS	178,100	90,100	88,000	166,000	500	5,900	400	200	5,100
MARANG	105,100	55,500	49,600	99,400	100	2,100	100	300	3,100

SETIU	65,000	33,200	31,800	62,800	100	200	100	100	1,700
JUMLAH	1,183,900	603,700	580,200	1,113,200	3,700	28,300	2,400	2,400	33,900

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.7

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYONG

SOALAN 1 : Adakah kerajaan sedar akan aktiviti menambun tanah di sekitar tebing Sungai Tok Molor? Adakah ia berkaitan dengan projek Kuala Terengganu Bypass?

JAWAPAN : Kerajaan sedar akan aktiviti tambun tanah di sekitar tebing Sungai Tok Molor. Ianya tidak berkaitan dengan projek Kuala Terengganu By Pass. Aktiviti tambun tanah ini adalah bagi projek perumahan secara penswastaaan yang dimajukan oleh Dacing Sempurna Sdn.Bhd.

SOALAN 2 : Berapakah anggaran kos yang dinilai oleh Kerajaan Negeri bagi meletakkan lampu isyarat di persimpangan Pasar Kedai Buloh dan juga Titian Baru dan bilakah ia akan dioperasikan?

JAWAPAN : Anggaran kos yang dinilai oleh Kerajaan Negeri bagi meletakkan lampu isyarat di persimpangan Pasar Kedai Buluh dan juga Titian Baru dianggarkan sebanyak RM200 ribu tidak termasuk kos pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti. Pihak JKR perlu mengkaji kesesuaian dari segi ruang tanah dan utiliti yang sedia ada.

SOALAN 3 : Nyatakan status dan kos yang peruntukan oleh Kerajaan Negeri bagi Projek Nira di Kelulut, Marang?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Apakah perkembangan Program Trenglish yang dirancang dahulu bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dikalangan pelajar-pelajar di Terengganu dan berapakah kos yang telah dibelanjakan bagi tujuan itu, termasuk kos mengambil guru-guru dari luar Negara (jika ada)?

JAWAPAN : Program Trenglish telah dilaksanakan di semua lapan (8) Parlimen di seluruh Negeri Terengganu melibatkan 32 buah sekolah menengah pada tahun 2014. Sehingga tahun 2016 sebanyak 37 buah sekolah menengah terlibat dengan Program Trenglish. Pada tahun 2017 jumlah sekolah yang terlibat telah ditambah kepada 50 buah sekolah.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan PETRONAS.

Program ini didapati sangat membantu pelajar menguasai Bahasa Inggeris dan mendapat sambutan yang baik dikalangan pelajar.

Perbelanjaan bagi menjalankan program tersebut adalah sebanyak RM312,666.67 bagi tahun 2014, RM770,222.59 bagi tahun 2015 dan RM732,328.80 bagi tahun 2016. Jumlah perbelanjaan keseluruhan bermula tahun 2014 hingga 2016 adalah sebanyak RM1,815,217.80.

Jumlah guru/pelajar (T-HELP) yang terlibat dalam program ini sehingga Mac 2017 adalah seramai 42 orang. Semua pelajar (T-HELP) dilantik dari kalangan graduan anak Negeri Terengganu yang berkemahiran dalam bidang Bahasa Inggeris. Tidak ada guru-guru luar Negara diambil bagi Program Trenglish.

SOALAN 5 : Berapa ramaikah bilangan pelancong yang melawat Pulau Burung di Tasik Kenyir yang direkodkan semenjak Januari 2015 sehingga Disember 2016?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan

dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.8

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR
WAKIL LADANG

SOALAN 1 : Apakah ukuran kadar kemiskinan yang diguna pakai untuk rakyat di Negeri ini. Apakah takrif orang/keluarga miskin yang digunakan oleh kerajaan untuk memberi bantuan melalui senarai e-kasih sama dengan takrif yang digunakan oleh MAIDAM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

JAWAPAN : i. Kadar kemiskinan negeri adalah diukur berdasarkan Paras Garis Kemiskinan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Perbelanjaan yang dijalankan setiap dua (2) tahun dan yang terkini adalah pada tahun 2014. PGK 2014 yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut :

	MISKIN (RM)				MISKIN TEGAR (RM)			
	ISI RUMAH		PER KAPITA		ISI RUMAH		PER KAPITA	
	2012	2014	2012	2014	2012	2014	2012	2014
SEM. MALAYSIA	830	930	210	230	520	580	130	140
BANDAR	840	940	220	240	510	580	130	140
LUAR BANDAR	790	870	190	200	530	580	120	130

PGK adalah pendapatan minimum yang diperlukan oleh seseorang isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan setiap ahlinya untuk membolehkan mereka hidup dalam keadaan sihat dan selesa.

Kadar Kemiskinan (KK) Negeri diukur berdasarkan formula seperti di bawah:

$$KK = ((\text{Bilangan Isi Rumah berpendapatan di bawah PGK} / \text{Jumlah Isi Rumah}) * 100)$$

ii. Takrif Miskin dan Miskin Tegar yang diguna pakai bagi peserta ekasah adalah seperti berikut:

a) Miskin Tegar

"Sesebuah Isi Rumah (IR) adalah dianggap sebagai MISKIN TEGAR sekiranya pendapatan bulanan Isi Rumah Tersebut adalah kurang daripada **PGK makanan**, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan Isi Rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan yang minimum yang membolehkan setiap ahlinya mempunyai badan yang sihat.

b) Miskin

"Sesebuah Isi Rumah (IR) adalah dianggap sebagai MISKIN sekiranya pendapatan bulanan Isi Rumah Tersebut adalah kurang daripada **PGK makanan** iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan Isi Rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan yang minimum yang membolehkan setiap ahlinya mempunyai badan yang sihat dan **PGK bukan makanan** iaitu keperluan minimum yang diperlukan oleh seseorang merangkumi pakaian, perumahan, pengangkutan dan keperluan lain.

Bagi agensi seperti MAIDAM, takrif miskin yang digunakan adalah sedikit berlainan iaitu merujuk kepada **"seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang memenuhi sebahagian keperluan asasi (daruriat) tetapi tidak mencukupi untuk dirinya dan orang di bawah tanggungannya"**

Contoh:

Seseorang yang memerlukan kepada RM300 sebulan tetapi hanya memperolehi sebahagian (50%) atau lebih tetapi tidak sampai memenuhi keperluan asasi sebenar bagi diri dan tanggungannya.

Manakala bagi JKM takrif yang digunakan adalah sama seperti takrif ekasih.

- SOALAN 2 : Sila nyatakan siapakah pemilik asal bangunan kedai yang dibina diatas tanah yang diambil balik di Kg Ladang. Apakah bangunan ini akan dijual atau disewa. Berapakah kos jualan dan kos sewa untuk setiap unit?
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 3 : Sila nyatakan jumlah wang dari hasil petroleum yang dicarumkan ke dalam Tabung Warisan Negeri pada 2016?
- JAWAPAN : Tiada.
- SOALAN 4 : Berapakah jumlah pelancong dari Negeri China yang telah datang ke Terengganu pada awal tahun 2017 ini. Dari bahagian (province) Negeri China manakah yang ramai datang berkunjung ke sini.
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 5 : Apakah status pembinaan projek Pasar Kedai Payang sekarang. Sila nyatakan komponen projek ini. Berapakah kos keseluruhan projek ini. Apakah sudah dikeluarkan tawaran pembinaan dan diberikan kepada syarikat mana?
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.9.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ARIFFIN BIN DERAMAN
WAKIL ALUR LIMBAT

SOALAN 1 : Senaraikan anak yang tidak sah taraf di Negeri Terengganu mengikut daerah dari tahun 2010 hingga 2016?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah keanggotaan terkini Rela dan Relawati di Terengganu mengikut daerah?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Senaraikan tempat yang telah mendapat liputan Unify TM di Negeri Terengganu mengikut daerah?

JAWAPAN : Antara kawasan-kawasan yang telah diliputi oleh talian jalur lebar Unifi di Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut:

BIL	DAERAH	LOKASI
1.	Kemaman	Bandar Cukai Telok Kalong Pekan Kemasik Pekan Kerteh
2.	Dungun	Pusat Niaga Paka
3.	Kuala Terengganu	Bandar Kuala Terengganu Chendering
4.	Hulu Terengganu	Pekan Kuala Berang
5.	Besut	Pekan Kg. Raja.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.10.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HANAFIAH BIN MAT
WAKIL CHUKAI

SOALAN 1 : Berapakah jumlah Lesen Pusat Hiburan Keluarga dan Pusat Refleksologi yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan bermula tahun Januari 2016 hingga Februari 2017?

JAWAPAN : Jumlah Lesen Pusat Hiburan Keluarga Dan Refleksologi yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan bermula Januari 2016 hingga Februari 2017 adalah sebanyak 32 buah.

SOALAN 2 : Apakah tindakan Kerajaan untuk menangani isu pengangguran akibat pembuangan pekerja dan pengangguran pelajar-pelajar lepasan universiti yang telah lama menamatkan pengajian mereka khususnya yang berlaku di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Bilakah kilang besi Eastern Steel yang berada di Kemaman akan mula beroperasi semula?

JAWAPAN : Kilang besi Eastern Steel yang berada di Kemaman dijangka akan beroperasi semula pada suku tahun ketiga pada tahun ini.

SOALAN 4 : Bilakah tempat pembakaran sampah di Bukit Takal Ibok akan dipindahkan ke tempat lebih selamat yang jauh daripada penempatan penduduk?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Akhir-akhir ini kita dapati banyak gerai-gerai kotak (kios) yang dibina di atas rizab jalan terutama di jalan-jalan utama. Adakah ini mendapat kelulusan PBT? Bagaimana dengan undang-undang yang terpakai semasa. Adakah ini boleh dibenarkan sedangkan ianya boleh mengundang risiko kepada pengguna jalan raya?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.11

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RIDZUAN BIN HASHIM
WAKIL TELUK PASU

SOALAN 1 : Apakah punca kerosakan gelanggang futsal Tanjung Bunut. Bilakah kerajaan akan membaik pulihnya kembali dan berapakah anggaran kos yang diperlukan bagi tujuan tersebut?

JAWAPAN : Punca kerosakan Gelanggang Futsal di Kg. Tanjung Bunut adalah disebabkan oleh kerosakan pada rumput sintetik dan jaring berpunca dari kejadian pecah masuk oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Gelanggang tersebut akan diperbaiki pada tahun ini (2017) di bawah seliaan Pejabat Daerah Kuala Terengganu dengan anggaran kos sebanyak RM150,000.00.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.12

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM
WAKIL TEPOH

SOALAN 1 : Berapakah jumlah hutang pihak Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan sehingga Disember 2016?

JAWAPAN : Jumlah hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan sehingga Disember 2016 ialah RM918,490,051.32 sebagaimana perincian berikut:

Pokok (RM)	Faedah (RM)	Jumlah (RM)
893,479,754.88	25,010,296.44	918,490,051.32

SOALAN 2 : Melalui beberapa projek pembangunan di bawah kerajaan negeri melalui konsep 'bayaran berjadual dengan had' dan kaedah 'pembayaran secara tertangguh (deferred payment)' yang diperkenalkan semenjak 2016 dan 2017. Berapakah nilai jumlah keseluruhan projek-projek seperti ini?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

SOALAN 3 : Pohon dinyatakan kontraktor yang berjaya memperolehi projek pembangunan loji rawatan air di Pulau Bahagia, Kuala Terengganu, Bukit Berapit, Kuala Nerus dan Bukit Sah, Kemaman. Berapakah nilai bayaran yang dikenakan melalui kaedah pembayaran secara tertangguh?

JAWAPAN : i. Terdapat dua (2) projek yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri yang menggunakan kaedah bayaran secara tertangguh (deffered payment) iaitu:

- a. Kerja-kerja Membaikpulih Dan Menaiktaraf Loji Rawatan Air Bukit Sah, Pembinaan Muka Sauk, Sistem Paip dan Tangki Air Serta Penyaluran Air Daripada Loji Rawatan Air Petronas Ke Sistem Agihan Kemaman Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Daerah Kemaman, Terengganu Darul Iman

Nama Kontraktor : BEWG (M) Sdn.Bhd.
Level 29-01, Tower B
The Vertical Business Suite
No.8, Jalan Kerinchi
Bangsar South
59200, Kuala Lumpur

Kos Projek : RM499,000.000.00

Kaedah Projek : Runding Terus

Konsep Projek : Bayaran Tertangguh
(Defered Payment)

Tempoh Bayaran : 9 Tahun

Jumlah Bayaran Keseluruhan : RM686,878,266.00

- b. Cadangan Merkabentuk Dan Membina Loji Air 120 MLD dan 28 MLD Membrane, Muka Sauk, Tangki Servis, Pemasangan Paip Air Mentah dan Paip Air Bersih Serta Retrofitting Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Bagi Cadangan Skim Bekalan Air Kuala Terengganu Utara.

Nama Kontraktor : Konsortium Amanie JV
Sdn.Bhd.
Suite B, C & D,Level
8,Tower 2
EtigaTwins,11 Jalan
Pinang
50450 KualaLumpur

Kos Projek : RM797,112,925.16

Kaedah Projek : Runding Terus

Konsep Projek : Bayaran Tertanggung
(Defered Payment)

Tempoh Bayaran : 12 Tahun

Jumlah Bayaran Keseluruhan : RM1,305,891,515.07

SOALAN 4 : Pohon dinyatakan prestasi Chicken Cottage bagi tahun 2016 berbanding 2015 dari sudut keuntungan yang dihasilkan serta pembukaan cawangan baru di dalam negara?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

SOALAN 5 : Bajet 2016 memperkenalkan pinjaman untuk perniagaan secara online sebanyak RM2.5 juta. Berapakah jumlah penerima sepanjang 2016 dan bagaimana konsep bayaran balik yang diperkenalkan?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.13.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Bilakah tarikh pewartaan caj tempat letak kereta bagi bangunan kedai di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi semua daerah di Negeri Terengganu dan berapakah caj yang dikenakan bagi setiap lot yang tidak mampu disediakan oleh pihak pemilik bangunan tersebut?

JAWAPAN : Tarikh pewartaan caj tempat letak kereta bagi bangunan kedai di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi semua daerah di Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut: -

Bil	PBT	Tahun Diwartakan
1.	MBKT	19 Julai 2012
2.	MPK	9 Julai 2008
3.	MPD	19 Julai 2012
4.	MBD	19 Julai 2012
5.	MDHT	19 Julai 2012
6.	MDM	19 Julai 2012
7.	MDS	19 Julai 2012

Manakala caj yang dikenakan bagi setiap lot yang tidak mampu disediakan oleh pihak pemilik bangunan tersebut adalah sebagaimana berikut: -

Bil	PBT	Caj		
1.	MBKT	Bandaraya	Perbandaran	Daerah
		RM20,000.00	RM15,000.00	RM10,000.00
2.	MPK	RM10,000.00		
3.	MPD	Bandaraya	Perbandaran	Daerah
4.	MDB	RM3,000.00		

5.	MDHT	Pemilik Perlu Membayar Suatu Kadar Yang Dinamakan Kadar Sumbangan Tempat Letak Kereta Sebagaimana Diperuntukan Dalam Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am)(Terengganu 2012).	
6.	MDM	RM2,000.00	
7.	MDS	<u>Pusat Bandar</u> 25% [(nilai asas tanah semasa + kos binaan semasa di Pusat Bandar) x 20] x jumlah petak letak kereta yang diperlukan.	<u>Luar Pusat Bandar</u> [(nilai asas tanah semasa + kos binaan semasa di Luar Pusat Bandar) x 20] x jumlah petak letak kereta yang diperlukan. (Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Terengganu) 2012 sebagaimana Lampiran A berkembar).
		Caj yang dikenakan adalah minima sekurang-kurangnya RM1,000.00	

SOALAN 2 : Apakah usaha dan tindakan pihak kerajaan bagi memperbaiki dan menaik taraf dua buah jambatan di Dungun iaitu jambatan Sungai Dungun dan jambatan pendek di Kampung Nyior memandangkan isu ini telah lama dibangkitkan.

JAWAPAN : Usaha dan tindakan pihak kerajaan bagi memperbaiki dan menaik taraf dua buah jambatan di Dungun iaitu Jambatan Sungai Dungun dan jambatan pendek di Kampung Nyior, Dungun adalah:

- (i) Projek Menaiktaraf Jambatan Sungai Dungun telah disenaraikan dan dimohon dalam program Rancangan Malaysia Kesebelas, Kementerian Kerja Raya Malaysia tetapi sehingga kini masih belum mendapat kelulusan.

- (ii) Manakala Projek Menaiktaraf Jambatan Kampung Nyior masih dalam peringkat perolehan dan sedang menunggu kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, berkenaan kenaikan kos siling sebelum surat setuju terima dikeluarkan.

SOALAN 3 : Bilakah tarikh bagi pihak kerajaan menyediakan kemudahan/infrastruktur untuk peniaga di pasar borong Dungun memandangkan ianya telah dua kali dilanda rebut?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Berapakah jarak (km) bagi pembinaan jalan empat lorong daerah Kemaman ke Dungun dan berapakah anggaran kos bagi pembinaan tersebut?

JAWAPAN : Jarak pembinaan jalan empat lorong di Daerah Kemaman ke Dungun adalah 20.4 km dengan anggaran kos RM110 juta.

SOALAN 5 : Pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi setiap Dun bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah kediaman. Sejauh manakah program ini berjalan dan di Dun manakah telah dilaksanakan?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.14

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HILMI BIN HARUN
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Memohon kerajaan menjelaskan kos dan jangka siap Jambatan Pulau Sekati?

JAWAPAN : Projek ini dijangka siap pada 26 April 2017 dengan kos kontrak berjumlah RM242,000,000.00

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 27 HINGGA 30 MAC 2017

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.15.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI ALIAS BIN HARUN
WAKIL RANTAU ABANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah hasil yang diperolehi dari Loji Rawatan Air Kumpal setelah diambil alih oleh Kerajaan Negeri di bawah Syarikat Air Terengganu (SATU) dari Syarikat Bekalan Air KIPC SDN BHD dari Jun 2015 sehingga Disember 2016?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Apakah usaha kerajaan negeri dalam menangani masalah pembuangan tenaga kerja anak tempatan dalam industri minyak dan gas dan apakah peluang-peluang pekerjaan lain untuk masa depan mereka?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Sejauh manakah kejayaan Kerajaan Negeri menganjur pertandingan berbasikal sukan lasak di Dungun. Berapa ramai anak Terengganu yang berjaya ke peringkat Antarabangsa?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.